
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ringkasan Eksekutif

KAJIAN BPPDP




2016-2020

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN

Ringkasan Eksekutif

KAJIAN BPPDP 2016-2020

Diterbitkan oleh:
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2021

Ringkasan Eksekutif Kajian BPPDP 2016-2020
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

CETAKAN PERTAMA 2021

ISBN 978-983-9522-41-9

Educational-Research-Malaysia
BPPDP 370.78 09595

Diterbitkan oleh:
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras SB-4, Blok E8, Presint 1
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia

Tel. : +603-88846291
Faks : +603-88895718

Semua hak cipta terpelihara. Hak cipta Kementerian Pendidikan Malaysia 2021. Semua artikel daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dan disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Atur huruf dan dicetak oleh:

AM SOLUTIONS MASTER
No. 17-2, Dataran Dwitasik 1
Bandar Sri Permaisuri, Cheras
56000 Kuala Lumpur

Tel. : +60102252441
E-mail : amsprint@gmail.com

SIDANG EDITOR
RINGKASAN EKSEKUTIF KAJIAN BPPDP 2016-2020

Penaung:
Dr. Hajah Roziah binti Abdullah
Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penasihat:
Pn. Rohayati binti Abd Hamed
Timbalan Pengarah Kanan (Dasar dan Perancangan)

Dr. Nor Saidatul Rajeah Binti Zamzam Amin
Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Penilaian)

Ketua Editor:
Dr. Ura Pin @ Chum
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar

Penolong Ketua Editor:
Dr. Hj. Al-Azharri Siddiq bin Hj. Kamunri

Sidang Editor:
Dr. Shamsudin Bin Mohamad
Dr. Dewani binti Goloi
Pn. Suzana binti Ahmad
Encik M Selvarajah a/l Manikam
Pn. Zaliza binti Md Yasin
Cik Nurhafizah binti Abdul Musid
Pn. Mastura Binti Abdul Razak
Dr. Enah binti Ali
Pn. Reywathi A/P Arumal
Dr. Hani Meryleina binti Ahmad Mustafa
En. Te Tie Seng
Dr. Norazlilah binti Md. Nordin
Dr. Morni Hanim Binti Salleh
Pn. Nasithah binti Abd Hamid
Pn. Najah binti Che Ismail
Dr. Khairulhasni Binti Abdul Kadir @ Mat Isa

Urus Setia:
Encik M Selvarajah a/l Manikam
Dr. Hj. Al-Azharri Siddiq bin Hj. Kamunri
Puan Zaliza binti Md Yasin
Cik Nurhafizah binti Abdul Musid

ISI KANDUNGAN

1.	KAJIAN PENGUKURAN TAHAP PERPADUAN	3
2.	KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN TIMSS GRED 4	9
3.	KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)	19
4.	KAJIAN FAKTOR PENCAPAIAN MURID DALAM UPSR	27
5.	LAPORAN KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN KELAS BERCANTUM DAN PENGAJARAN PELBAGAI GRED DI SEKOLAH BERENROLMEN 50 KE BAWAH	35
6.	KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM *ENGLISH TEACHING ASSISTANT* (ETA)	41
7.	KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENGGANTIAN SUSU BANCUHAN *(RECONSTITUED) ULTRA HIGH TEMPERATURE* (UHT) KEPADA SUSU SEGAR DALAM PROGRAM 1 SUSU MALAYSIA (PS1M) DI SEKOLAH RENDAH	51
8.	KAJIAN PENTAKSIRAN PENDIDIKAN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH: ISU DAN PENAMBAHBAIKAN	59
9.	KAJIAN GERAN PER KAPITA (PCG) MATA PELAJARAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)	69
10.	KAJIAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP) DAN *HIGHLY IMMERSIVE PROGRAMME* (HIP)	81
11.	IMPAK URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) DI KPM	93
12.	KAJIAN KESEDARAN *SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS* (STEM) DALAM KALANGAN MURID, GURU, PENTADBIR SEKOLAH DAN IBU BAPA	107
13.	KAJIAN PEMBANGUNAN INSTRUMEN INDEKS STEM MURID	123
14.	KAJIAN FAKTOR KANAK-KANAK YANG BERUMUR 4+ DAN 5+ TIDAK MENGIKUTI PENDIDIKAN PRASEKOLAH	127
15.	KAJIAN MURID LEMAH DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK DI SEKOLAH	151

16.	KAJIAN PENILAIAN *MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE* (MYPIB) TAHUN 2018	159
17.	KAJIAN PENILAIAN PROGRAM INTERVENSI SALAH LAKU DISIPLIN MURID DI SEKOLAH	165
18.	KAJIAN KESEDIAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS	175
19.	KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP): SATU PENILAIAN AWAL TERHADAP KOHORT 1	183
20.	KAJIAN KESAN PENGGUNAAN PERANTI DIGITAL TERHADAP KESIHATAN DAN PSIKOLOGI MURID	201
21.	KAJIAN PENGUKURAN TAHAP PERPADUAN 2018	207
22.	KAJIAN JEJAKAN MURID SEKOLAH SUKAN MALAYSIA DAN SEKOLAH SENI MALAYSIA	213
23.	KAJIAN PENILAIAN SEMULA KESESUAIAN JENIS DAN SYARAT KELAYAKAN BANTUAN PERSEKOLAHAN KHUSUS KPM	221
24.	KAJIAN PELAKSANAAN SEMULA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS	233
25.	KAJIAN KESEDIAAN PELIBATAN MURID DALAM PILIHAN RAYA DI PERINGKAT SEKOLAH	243
26.	KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT PRASEKOLAH	253
27.	KAJIAN PENILAIAN AMALAN HARIAN KE ARAH PERPADUAN DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	267
28.	KAJIAN PENILAIAN KELAS PERALIHAN	275
29.	KAJIAN PENILAIAN PROGRAM SEKOLAH ANGKAT DALAM MENYOKONG PENDIDIKAN KEWANGAN	283
30.	KAJIAN FAKTOR YANG MEMBERI IMPLIKASI KEWANGAN TERHADAP PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH	289
31.	KAJIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN HOME-BASED LEARNING SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	297

Prakata

PENAUNG SIDANG EDITOR
RINGKASAN EKSEKUTIF KAJIAN BPPDP 2016-2020



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNYA, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia yang merupakan agensi utama di KPM dalam penggubalan dasar, perancangan, penyelidikan penilaian dan pengurusan maklumat telah berjaya menghasilkan dapatan penyelidikan dan penilaian program kepada seluruh warga pendidik dan masyarakat amnya.

Pendidikan merupakan wadah yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara apatah lagi negara kita berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa yang memerlukan komitmen jitu dari segenap lapisan masyarakat untuk menanganinya dengan bijak khususnya oleh para pendidik. Oleh itu, demi memastikan kelangsungan pembangunan negara, KPM sentiasa peka dalam memastikan harapan negara dan rakyat dapat direalisasikan dengan jaya.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat digunakan sebaiknya oleh seluruh lapisan masyarakat dalam memperbaiki dan mempertingkatkan pelaksanaan program-program sedia ada khususnya dalam usaha menyelesaikan masalah pendidikan pada peringkat sekolah dan masyarakat dengan lebih berkesan. Diharapkan juga para pendidik dan penyelidik akan meneruskan usaha menghasilkan penyelidikan yang lebih baik sesuai dengan tuntutan semasa demi kemajuan pendidikan di negara kita pada masa hadapan.

Kesimpulan, saya berharap buku Ringkasan Eksekutif Kajian BPPDP 2016-2020 ini dapat menjadi panduan yang berguna serta memberi manfaat kepada warga pendidik di seluruh negara.

DR. HAJAH ROZIAH BINTI ABDULLAH
Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kata Aluan
EDITOR



Salam Sejahtera,

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan rasa syukur di atas penerbitan buku Ringkasan Eksekutif Kajian BPPDP 2016-2020 ini yang dibangunkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

BPPDP di KPM adalah nadi utama dalam aktiviti perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan negara. Penyelidikan yang dijalankan oleh BPPDP ini merupakan suatu kajian yang dijalankan secara saintifik dengan skala sampel yang menyeluruh di mana ia menjadi teras kepada kredibiliti penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh BPPDP.

Hasil penyelidikan yang telah berjaya dijalankan dan dibukukan ini dalam bentuk kajian penyelidikan program, kajian kebolehlaksanaan program, kajian penyelidikan kos pendidikan serta kajian perbandingan sistem pendidikan antarabangsa semuanya dijadikan *input* dalam membuat penilaian, perancangan, penggubalan, penambahbaikan serta pengukuhan dasar pendidikan negara khususnya ketika menetapkan hala tuju dan matlamat program pendidikan di KPM.

Oleh yang demikian, penerbitan buku ini sangat penting kerana penyelidikan yang dijalankan secara saintifik ini boleh menjadi panduan dan rujukan yang sangat berguna ketika merancang dasar-dasar baharu program pendidikan di negara kita.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga pendidik di KPM khususnya kepada Sektor Penyelidikan dan Penilaian, BPPDP yang telah bertanggungjawab menyelia penerbitan buku ini. Semoga penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada komuniti pendidikan di pelbagai peringkat di seluruh negara.

DR. URA PIN @ CHUM
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Penyelidikan dan Penilaian Dasar
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

KAJIAN PENGUKURAN TAHAP PERPADUAN

1. PENGENALAN

Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan adalah salah satu aliran kerja di bawah Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah iaitu inisiatif no. 6 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Keberhasilan yang dijangkakan daripada Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah ialah meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan murid dengan meningkatnya keupayaan murid dan guru menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa sama ada ketika di dalam darjah mahupun ketika berada di luar bilik darjah. Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan adalah salah satu aliran kerja di bawah Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah iaitu inisiatif no. 6 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Keberhasilan yang dijangkakan daripada Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah ialah meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan murid dengan meningkatnya keupayaan murid dan guru menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa sama ada ketika di dalam darjah mahupun ketika berada di luar bilik darjah. Untuk tahun 2016, aktiviti utama yang akan/sedang dilaksanakan berkaitan Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah ialah Pembangunan Pelan Hala Tuju Perpaduan Pendidikan Roadmap 5 tahun oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Pembangunan Modul Latihan Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar yang memberi tumpuan kepada elemen perpaduan oleh Institut Aminuddin Baki, Kajian Penerapan Nilai Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru oleh Institut Perguruan Guru Malaysia, Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan bagi menghasilkan Indeks Perpaduan 2016 oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, dan Pemeriksaan Sekolah 2016 oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.

BPPDP diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kajian Pengukuran Tahap Perpaduan untuk menghasilkan indeks perpaduan setiap dua tahun sekali (PADU 2015). Elemen perpaduan yang dirujuk atau dijadikan asas untuk setiap aktiviti oleh bahagian yang terlibat adalah elemen yang sama seperti yang terkandung dalam Model Perpaduan dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah 2014, iaitu model yang dibangunkan oleh BPPDP ketika instrumen untuk mengukur perpaduan dibangunkan oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh BPPDP. Model ini yang telah dibuktikan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan proses analisis menggunakan perisian statistik AMOS *(Analysis Moment Structure)*, turut dirujuk oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BKK) dalam penyediaan Buku Penerangan Memperkukuh

Perpaduan Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Kurikulum (2015) serta oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dalam penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Kaum Di Sekolah (2015). PADU telah memuat naik Model Perpaduan Dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah ke dalam talian melalui Laporan Tahunan PPPM 2014 dan 2015.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah dengan membentangkannya dalam bentuk indeks perpaduan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah secara keseluruhan (indeks kebangsaan).
ii. Mengenal pasti tahap perpaduan guru sekolah rendah.
iii. Mengenal pasti tahap perpaduan guru sekolah menengah.
iv. Mengenal pasti tahap perpaduan murid sekolah rendah.
v. Mengenal pasti tahap perpaduan murid sekolah menengah.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian adalah kajian tinjauan yang mengutip data kuantitatif bagi mengukur perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah.

5. SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata iaitu berdasarkan negeri, daerah, lokasi serta jenis sekolah. Pada awalnya jumlah sampel kajian juga adalah berdasarkan populasi sekolah di setiap negeri. Ini bermakna nisbah taburan sekolah di setiap negeri diambil kira dalam menentukan jumlah sekolah yang terlibat. Lebih banyak sekolah di negeri berkenaan, maka lebih ramai guru dan murid yang akan diambil sebagai responden kajian. Bagaimanapun, bilangan sampel atau responden guru dan murid di setiap sekolah adalah sama iaitu 12 orang guru dan 12 orang murid dipilih untuk melengkapkan instrumen. Kriteria lain yang diambil kira ialah tahap pendidikan murid, iaitu mereka yang telah hampir tamat mengikuti sistem pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah. Di sekolah rendah, pemilihan sampel diutamakan kepada murid Tahun 6 manakala di sekolah menengah, murid Tingkatan 5 diutamakan. Di sekolah yang terdiri daripada guru dan murid pelbagai kaum, pemilihan sampel sekali lagi dibuat secara rawak berstrata, iaitu semua kaum yang ada,

dengan bilangan yang seimbang atau hampir seimbang dilibatkan. Di sekolah yang terhad dari segi kepelbagaian kaum atau hanya terdiri daripada satu kaum, maka sampel guru dan murid dipilih secara rawak. Dengan mengambil kira semua faktor-faktor tersebut, akhirnya kajian ini telah melibatkan sebanyak 253 sekolah rendah dan 303 sekolah menengah. Jumlah responden pula terdiri daripada 2949 guru sekolah rendah, 3542 guru sekolah menengah, 2981 murid sekolah rendah dan 3584 murid sekolah menengah. Jumlah keseluruhan responden kajian ialah 13,056 orang.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibangunkan dalam masa lebih kurang dua tahun (Jan 2013 hingga November 2014). Instrumen berkenaan dinamakan sebagai Soal Selidik Guru Sekolah Rendah (untuk dilengkapkan oleh guru sekolah rendah), Soal Selidik Guru Sekolah Menengah (untuk dilengkapkan oleh guru sekolah menengah), Soal Selidik Murid Sekolah Rendah (untuk dilengkapkan oleh murid sekolah rendah) dan Soal Selidik Murid Sekolah Menengah (untuk dilengkapkan oleh murid sekolah menengah). Responden memberi respons terhadap item dalam soal selidik dengan membulatkan skor, sama ada 1 (Tidak akan sama sekali), 2 (Sekali sekala), 3 (Kerap kali), atau 4 (Sentiasa). Skor 1-4 digunakan setelah analisis menunjukkan skala Likert 4 aras adalah paling sesuai digunakan untuk mengukur tahap perpaduan berdasarkan konstruk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta untuk mengukur perpaduan berdasarkan nilai sikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, menghargai, hemah tinggi, prihatin, adil, amanah, dan rasional.

7. PENGUMPULAN DATA

Untuk tujuan mengumpul data, pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah ke sekolah yang terpilih di negeri/daerah masing-masing untuk mentadbir soal selidik kepada guru dan murid. Beberapa pegawai BPPDP turun ke lapangan sebagai pemantau dengan membuat lawatan ke sekolah semasa pentadbiran soal selidik sedang dilaksanakan. Tujuan pemantauan juga adalah bagi memastikan pentadbiran kajian adalah mematuhi prosedur (SOP) yang telah ditetapkan. Surat pemakluman kajian yang dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri turut dipanjangkan ke Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi memastikan semua pihak menyedari dan bersedia dengan kajian yang dilaksanakan. Selain itu, pihak JPN dan PPD membuat panggilan telefon ke sekolah yang terlibat dalam tempoh seminggu sebelum pentadbiran instrumen bagi memastikan kebersediaan pihak sekolah.

8. ANALISIS DATA

Proses *key-in* dan pembersihan data dilakukan sendiri oleh pasukan penyelidik yang terdiri daripada pegawai BPPDP, JPN, dan PPD menggunakan program SPSS versi 20.0 dan versi 22.0. Tindakan ini adalah bagi memastikan kerahsiaan terpelihara selain meminimakan kesilapan

ketika proses memasukkan data. Data yang telah bersih diserahkan kepada penganalisis yang membuat analisis data bagi menghasilkan indeks dengan menggunakan perisian Winsteps versi 3.80.1. Penganalisis, iaitu pakar pengukuran dan penilaian dari UTM memulakan langkah analisis dengan mentransformasikan data ordinal (skala Likert 4 aras) kepada data interval (skala 0 -10). Transformasi berkenaan adalah perlu bagi memastikan julat yang sama antara setiap unit ukuran dan memastikan kedua-dua parameter iaitu responden dan item melalui proses penentukuran (calibration) yang membolehkan kedua–duanya diletakkan di atas kayu ukur yang sama.

9. RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini merumuskan bahawa berdasarkan definisi operasi perpaduan yang dikategorikan kepada empat, iaitu tahap rendah (sangat longgar), sederhana rendah (longgar), sederhana tinggi (erat), perpaduan telah wujud dalam kalangan guru dan murid sekolah sama ada rendah atau menengah, iaitu pada tahap sederhana tinggi atau erat, tetapi keupayaan guru dan murid secara keseluruhannya masih rendah berbanding dengan keupayaan untuk menghormati dan mengurus perbezaan.

10. CADANGAN KAJIAN

Berikut adalah cadangan berdasarkan dapatan kajian ini:

i. Program perpaduan yang dilaksanakan perlu berfokus kepada meningkatkan keupayaan untuk menerima perbezaan. Nilai yang paling yang perlu dipupuk ialah bersikap terbuka, bertoleransi, bekerjasama serta percaya kepada kaum lain.

ii. Murid dan guru di sekolah atau negeri yang bersifat *homogeneous* perlu diberi pendedahan terhadap kaum lain sama ada melalui program perpaduan yang dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah atau peringkat kebangsaan.

iii. Program yang bersifat perpaduan perlu dilaksanakan lebih kerap dan secara berkala bukan hanya sekali atau dua kali setahun. Penglibatan murid dan guru bukan hanya melalui program RIMUP tetapi konsep program perpaduan perlu lebih luas dan melalui pelbagai wacana.

iv. Program perpaduan yang dilaksanakan bukan hanya berfokus kepada persembahan atau pertandingan kebudayaan. Guru dan murid di sekolah beraliran agama berkemungkinan akan menghadkan penglibatan dalam program sedemikian justeru program yang bersifat lebih global perlu dilaksanakan. Program juga perlu memberi peluang kepada lebih ramai murid untuk terlibat.

v. Guru dan murid Melayu di SMKA dan SABK perlu dilibatkan dalam semua program berkaitan perpaduan yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan atau daerah bagi memberi peluang mereka bertemu dan terdedah dengan kaum yang berbeza.

Pertemuan dan interaksi yang lebih kerap boleh meningkatkan keupayaan mereka menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian budaya, amalan agama, serta bahasa.

vi. Program mentor-mentee yang melibatkan guru dan murid daripada pelbagai kaum dilaksanakan untuk menyediakan peluang interaksi dan meningkatkan keupayaan menerima antara guru dan murid berlainan kaum. Selain mengeratkan perpaduan nasional, program sedemikian akan membantu meningkatkan kecemerlangan akademik murid.

vii. Program perpaduan perlu memanfaatkan penggunaan ICT dengan optimum sama ada untuk memberi pendedahan terhadap kepelbagaian kaum, budaya, bahasa atau amalan agama serta untuk memberi peluang murid pelbagai kaum berinteraksi melalui laman web sekolah atau e-mel.

viii. Pelaksanaan kurikulum khususnya PdP, aktiviti kokurikulum dan aktiviti sukan di sekolah menitikberatkan pengetahuan dan amalan perpaduan. Konstruk perpaduan (menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian) serta subkonstruk perpaduan (bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, menghargai, prihatin, adil, amanah, dan rasional) bukan sahaja ditekankan dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral tetapi diserapkan dalam semua mata pelajaran yang lain. Dalam semua aktiviti di sekolah yang ada pelbagai kaum, guru hendaklah menyusun atur aktiviti yang memerlukan interaksi pelbagai kaum. Di sekolah yang *homogeneous*, pengetahuan dan pendedahan terhadap kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan amalan agama hendaklah dititikberatkan. Aspek kenegaraan perlu ditekankan dalam aktiviti kurikulum (PdP) supaya murid dapat mengamalkan prinsip rukun negara, rasa cintakan negara dan mengamalkan semangat perpaduan antara kaum. Latihan kepada guru perlu dilaksanakan dari masa ke semasa.

ix. Selain mewujudkan peluang interaksi melalui "pertemuan", KPM perlu mengkaji dan menggunakan alternatif lain seperti promosi perpaduan melalui media massa atau kemudahan dalam talian untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan guru dan murid. Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang memerlukan penglibatan dan jalinan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kementerian yang lain seperti Kementerian Komunikasi dan Multi Media, serta agensi yang lain seperti JPNIN, NGO, PIBG dan komuniti luar perlu diwujudkan khususnya dalam perancangan dan pelaksanaan dan promosi program peningkatan perpaduan.

x. Kajian susulan dilaksanakan di sekolah yang tinggi tahap perpaduan dan rendah tahap perpaduan bagi mengenal pasti gap dalam amalan untuk meningkatkan perpaduan serta bagi mencadangkan amalan terbaik untuk meningkatkan perpaduan.

11. PENUTUP

Perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini adalah disebabkan keupayaan guru dan murid untuk menerima perbezaan kaum, budaya, agama, dan bahasa masih pada tahap yang sederhana tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama agensi yang lain perlu mengambil tindakan yang bersesuaian untuk meningkatkan perpaduan termasuk dengan melaksanakan program yang menyediakan peluang untuk guru dan murid pelbagai kaum di negeri, lokasi, serta jenis sekolah berbeza berinteraksi dan mengenali antara satu sama lain. Perpaduan perlu dipromosikan dengan kerjasama kementerian atau agensi yang lain manakala kajian susulan perlu dilaksanakan bagi mengkaji faktor yang menyebabkan tahap perpaduan yang tinggi atau rendah.

KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN TIMSS 2019 GRED 4

1. PENGENALAN

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2015 ialah kajian perbandingan antarabangsa anjuran *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA). Pentaksiran TIMSS yang memberikan tumpuan khusus terhadap pengetahuan kurikulum Sains dan Matematik murid, turut menghasilkan maklumat tentang input, proses dan *output* pendidikan yang boleh digunakan untuk penambahbaikan dasar, kurikulum dan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik dan Sains dalam kalangan negara peserta.

IEA menawarkan kajian TIMSS Gred 4, TIMSS Gred 8 dan TIMSS *Advanced* yang diadakan mengikut kitaran setiap empat tahun. Walau bagaimanapun, penyertaan Malaysia hanya dalam TIMSS Gred 8 bermula pada kitaran yang kedua iaitu TIMSS 1999. Malaysia seterusnya telah menyertai TIMSS untuk setiap kitaran sehinggalah kitaran yang terkini iaitu TIMSS 2015. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang 2 (2016-2020) tercatat "Mulai 2019, Kementerian akan mengambil bahagian dalam pentaksiran TIMSS bagi Gred 4 (bersamaan Tahun 4 dalam kurikulum persekolahan Malaysia)", khususnya berkaitan kesediaan murid, guru, kurikulum dan prasarana.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehlaksanaan penyertaan Malaysia dalam TIMSS 2019 Gred 4.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk menilai tahap kesediaan:

i. murid Tahun 4 Malaysia untuk menyertai TIMSS 2019 Gred 4;
ii. guru Sains dan Matematik terhadap pelibatan Malaysia dalam TIMSS 2019 Gred 4;
iii. aspek kurikulum Sains dan Matematik Tahun 4 untuk TIMSS 2019 Gred 4;
iv. prasarana untuk menyertai TIMSS 2019 Gred 4.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian dijalankan melalui kaedah pentaksiran ujian, kaedah tinjauan dan semakan dokumen. Kaedah pentaksiran melibatkan pentadbiran set soalan Matematik dan Sains yang merupakan *released item* TIMSS Gred 4 iaitu item yang pernah digunakan dalam pentaksiran TIMSS Gred 4 sebenar pada peringkat antarabangsa. Set soalan yang dibentuk telah diterjemahkan kepada tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, Cina dan Tamil, untuk ditadbir kepada tiga jenis sekolah rendah (SK, SJKC dan SJKT) di bawah KPM. Guru Matematik dan guru Sains yang mengajar murid Tahun 4 turut menjawab set soalan ujian Matematik dan Sains yang sama seperti yang dijawab oleh murid untuk melihat tahap penguasaan guru. Kajian secara tinjauan dibuat melalui pentadbiran soal selidik kepada guru panitia Matematik dan Sains untuk melihat kesediaan guru untuk PdP, penerimaan latihan profesionalisme dan tahap kesediaan prasarana di sekolah. Pentadbiran soal selidik untuk murid dibuat untuk menilai kesediaan menggunakan peranti komputer dan tablet. Perbandingan soalan *released item* TIMSS Gred 4 dengan kurikulum Matematik dan Sains sekolah rendah, serta perbandingan ciri item KBAT dibuat menggunakan senarai semak.

5. SAMPEL KAJIAN

Persampelan dalam kajian ini dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*). Kajian ini melibatkan 3000 orang murid Tahun Lima daripada 50 buah sekolah seluruh negara kecuali Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap sekolah terdiri daripada tiga kategori iaitu Cemerlang (20 orang), Baik (20 orang) dan Harapan Lulus (Halus) (20 orang), yang dipilih berdasarkan skor Matemaik Tahun Empat mereka pada tahun 2014. Seramai 400 orang guru Matematik dan 400 orang guru Sains turut dipilih sebagai sampel.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Terdapat sepuluh jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini:

i. Set soalan Ujian Kebolehlaksanaan TIMSS 2019 Gred 4 untuk murid dalam bahasa Malaysia (SK), B. Cina (SJKC) dan B. Tamil (SJKT).
ii. Set soalan Ujian Kebolehlaksanaan TIMSS 2019 Gred 4 untuk Guru Matematik dalam bahasa Malaysia (SK), B. Cina (SJKC) dan B. Tamil (SJKT).
iii. Set soalan Ujian Kebolehlaksanaan TIMSS 2019 Gred 4 untuk Guru Sains (*released item* Sains) dalam bahasa Malaysia (SK), B. Cina (SJKC) dan B. Tamil (SJKT).
iv. Set Soal Selidik Guru Matematik.
v. Set Soal Selidik Guru Sains.
vi. Set Soal Selidik Pengalaman Menggunakan Gajet oleh Murid.
vii. Senarai Semak Perbandingan KSSR matematik dengan Set Soalan *Released Item* TIMSS Grade 4.

viii. Senarai Semak Perbandingan KSSR Sains dengan Set Soalan *Released Item* TIMSS Grade 4.
ix. Senarai Semak ciri item KBAT soalan Matematik TIMSS Grade 4.
x. Senarai Semak ciri item KBAT soalan Sains TIMSS Grade 4.

7. PENGUMPULAN DATA

Kajian ini melibatkan pentadbiran set soalan Matematik dan Sains yang merupakan *released item* TIMSS Gred 4 iaitu item yang pernah digunakan dalam pentaksiran TIMSS Gred 4 sebenar pada peringkat antarabangsa. Set soalan yang dibentuk telah diterjemahkan kepada tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, Cina dan Tamil, untuk ditadbir kepada tiga jenis sekolah rendah (SK, SJKC dan SJKT) di bawah KPM. Pentadbiran ujian melibatkan 3000 orang murid Tahun 5 yang telah mempelajari kesemua silibus Tahun 4 pada tahun 2015. Murid dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Cemerlang, Baik dan Harapan Lulus (Halus), berdasarkan skor Matematik Tahun 4 mereka pada tahun 2014. Seramai 150 orang guru Matematik dan 150 orang guru Sains yang mengajar murid Tahun 4 turut dipilih sebagai sampel untuk menjawab set soalan ujian Matematik dan Sains yang sama seperti yang dijawab oleh murid. Skema pemarkahan bagi soalan *released item* yang digunakan adalah mengikut yang telah disediakan oleh pihak IEA.

Soal selidik untuk guru dan murid diberi selepas mereka menjawab set soalan ujian kebolehlaksanaan TIMSS 2015 Gred 4. Selain tiga orang guru yang dipilih mengikut kategori kelas yang diajar iaitu Cemerlang, Baik dan Halus itu menjawab soal selidik, soal selidik turut diedarkan kepada lima orang guru matemaik dan guru sains lain yang berada dalam panitia masing-masing.

Perbandingan soalan *released item* TIMSS Gred 4 dengan kurikulum Matematik dan Sains sekolah rendah dibuat menggunakan senarai semak dan penilaian terperinci oleh pegawai dari Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), manakala perbandingan ciri item KBAT oleh Lembaga Peperiksaan (LP).

8. ANALISIS DATA

Data skor ujian dan soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif bertujuan untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min bagi pencapaian murid dan guru dalam ujian Sains dan Matematik TIMSS Gred 4, tahap kesediaan guru, kurikulum, dan prasarana. Analisis inferensi yang digunakan ialah ujian –t bagi menentukan perbezaan pencapaian murid dan guru mengikut jantina dan lokasi. Analisis Anova juga digunakan bagi mencari perbezaan pencapaian antara jenis sekolah SK, SJKC, dan SJKT serta kumpulan murid Cemerlang, Baik dan Halus.

9. DAPATAN KAJIAN

Rumusan kajian akan melaporkan pencapaian murid dalam ujian Matematik dan Sains dari aspek domain kognitif dan domain kandungan dan diikuti dengan persepsi guru Matematik dan Sains tentang kesediaan murid untuk menjawab soalan TIMSS Gred 4. Seterusnya adalah pencapaian guru dalam ujian Matematik dan Sains serta tahap kesediaan guru Matematik dan guru Sains dalam aspek PdP dan penyertaan mereka dalam latihan/kursus profesional untuk mengajar Matematik dan Sains. Kesediaan kurikulum pula dilihat melalui perbandingan kandungan soalan TIMSS Gred 4 dengan kurikulum Matematik dan Sains kajian KSSR tahun 1-4 dan juga perbandingan ciri soalan ujian kajian Matematik dan Sains TIMSS Gred 4 dengan ciri item KBAT yang digariskan oleh LP.

9.1 Kesediaan Murid

Pencapaian murid diukur melalui peratus skor yang diperoleh oleh murid melalui set soalan ujian TIMSS Gred 4 yang telah digunakan dalam kajian TIMSS Gred 4 antarabangsa. Penguasaan kumpulan murid tertentu ke atas jenis soalan tertentu turut dilihat daripada persepsi guru.

9.1.1 Pencapaian Murid dalam Matematik TIMSS Gred 4

Secara keseluruhan, skor yang diperoleh oleh murid dalam Matematik sama ada dalam domain kognitif mahupun domain kandungan, adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, jika dilihat dengan lebih terperinci skor purata murid dalam domain kognitif penaakulan berada pada tahap rendah. Perbandingan dengan kurikulum Matematik juga menunjukkan murid masih tidak dapat menjawab soalan-soalan dalam aspek tersebut walaupun ada di dalam kurikulum. Kesempurnaan dari sudut kurikulum dilihat tidak menjamin penguasaan murid sepenuhnya dalam Matematik.

Perbandingan antara jenis sekolah menunjukkan hampir kesemua aspek yang dikaji iaitu sama ada dalam domain kognitif mahupun domain kandungan, penguasaan murid SJKC adalah pada tahap paling tinggi berbanding SK dan SJKT. Pencapaian SJKT pula paling rendah dalam kebanyakan aspek.

9.1.2 Pencapaian Murid dalam Sains TIMSS Gred 4

Secara keseluruhan, skor yang diperoleh oleh murid dalam Sains sama ada dalam domain kognitif mahupun domain kandungan, adalah pada tahap sederhana. Bagaimanapun jika dilihat dengan lebih terperinci, skor murid dalam domain kognitif aplikasi Sains adalah pada tahap rendah. Bagi memastikan penguasaan dalam domain aplikasi, penguasaan konsep-konsep Sains perlu diberi perhatian serius melalui aktiviti amali bagi memastikan murid boleh memahami dan menjawab pelbagai bentuk soalan domain Sains Hayat yang di luar konteks kehidupan seharian mereka.

Perbandingan dengan kurikulum Sains menunjukkan item ujian tidak dicakupi dalam kurikulum Sains sekolah rendah. Item-item tersebut tidak terdapat dalam kurikulum sedia ada dan tidak mengandungi banyak ciri item KBAT. Sebaliknya dalam domain yang sama, terdapat peratus tertinggi murid dapat menjawab dengan betul apabila melibatkan tajuk yang telah ada dalam kurikulum. Walaupun terdapat beberapa item menunjukkan keputusan sebaliknya, namun secara keseluruhan pencapaian skor yang lebih baik dan konsisten dapat dilihat bagi item-item yang sudah terdapat dalam kurikulum. Justeru itu, kesediaan murid dalam Sains TIMSS Gred 4 dilihat berkait rapat dengan cakupan kurikulum Sains sekolah rendah.

Hampir kesemua aspek yang dikaji iaitu sama ada dalam domain kognitif mahupun domain kandungan, penguasaan murid SJKC adalah pada tahap paling tinggi berbanding SK dan SJKT. Pencapaian SK pula lebih baik berbanding SJKT. Perbezaan signifikan juga dikenal pasti dari aspek lokasi iaitu pencapaian murid di bandar lebih baik berbanding di luar bandar.

9.2 Kesediaan Guru

9.2.1 Penguasaan Guru dalam Matematik TIMSS Gred 4

Secara keseluruhan, penguasaan guru Matematik dalam Matematik TIMSS Gred 4 adalah pada tahap tinggi iaitu pada purata 91.68 peratus. Malah terdapat juga guru-guru yang menguasai sepenuhnya Matematik TIMSS Gred 4 dengan memperoleh markah penuh 100 peratus. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan terdapat masalah yang serius berkaitan penguasaan konsep dan kemahiran Matematik dalam kalangan guru yang mengajar Matematik di sekolah rendah dengan penguasaan yang rendah dalam domain kognitif Penaakulan (83.87%) dan domain kandungan Geometri (86.93%). Penguasaan guru yang rendah terutamanya dalam aspek Penaakulan Matematik, turut memberi impak yang besar terhadap penguasaan murid dalam aspek yang sama khususnya dan penguasaan Matematik murid keseluruhannya.

Perbezaan penguasaan Matematik dalam kalangan guru di SK, SJKC dan SJKT turut dikenal pasti dalam kajian ini. Dari aspek pengetahuan dalam domain kognitif, guru SK menunjukkan penguasaan yang lebih baik berbanding guru SJKC dan SJKT. Bagaimanapun dari aspek aplikasi dan penaakulan Matematik, guru SJKC dilihat lebih menguasai berbanding guru SK dan SJKT.

9.2.2 Penguasaan Guru dalam Sains TIMSS Gred 4

Secara keseluruhan, penguasaan guru Sains dalam Sains TIMSS Gred 4 adalah pada tahap tinggi pada skor 90.99 peratus. Walau bagaimanapun, pencapaian paling rendah guru Sains iaitu dengan peratus skor sebanyak 60.00 peratus adalah amat rendah. Dapatan menunjukkan penguasaan paling rendah guru dalam domain kognitif Aplikasi (87.80%) membuktikan terdapat masalah berkaitan penguasaan domain Aplikasi dalam kalangan guru yang mengajar Sains di

sekolah rendah. Penguasaan yang rendah turut memberi impak yang besar terhadap penguasaan murid dalam aspek yang sama khususnya dan penguasaan Sains murid keseluruhannya.

Perbezaan penguasaan Sains dalam kalangan guru-guru di SK, SJKC dan SJKT turut dikenal pasti dalam kajian ini. Dari aspek pengetahuan dan aplikasi dalam domain kognitif, guru SK menunjukkan penguasaan yang lebih baik berbanding guru SJKC dan SJKT. Walau bagaimanapun, dari aspek penaakulan, guru SJKC dilihat lebih menguasai berbanding guru SK dan SJKT. Perbezaan tahap penguasaan ini perlu diambil tindakan segera dengan menganjurkan latihan peningkatan profesionalisme yang lebih memberi penekanan terhadap aspek kritikal tersebut. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penguasaan Sains TIMSS Gred 4 guru di bandar dan guru di luar bandar.

9.2.3 Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Kesediaan guru Matematik dan Sains dalam PdP dilihat dari tiga aspek iaitu strategi PdP guru, kesediaan mengajar dan pemantauan hasil PdP. Secara keseluruhannya, min skor untuk ketiga-tiga aspek bagi kedua-dua kumpulan guru Sains dan Matematik adalah pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, strategi PdP yang melibatkan aktiviti meningkatkan KBAT seperti meminta murid melengkapkan latihan mencabar dan menentukan prosedur penyelesaian masalah, serta kesediaan guru untuk menyediakan tugas yang mencabar, masih lagi pada tahap sederhana.

Dapatan analisis untuk menentukan perbezaan kesediaan guru dalam aspek PdP menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara strategi PdP guru dan kesediaan guru untuk mengajar ketiga-tiga kumpulan murid Cemerlang, Baik dan Halus. Tahap strategi dan kesediaan yang lebih baik dilakukan ke atas kumpulan Cemerlang, diikuti oleh kumpulan Baik dan Halus. Walaupun pada dasarnya adalah baik untuk guru membezakan strategi pengajaran di antara ketiga-tiga kumpulan tersebut, namun usaha menerapkan aktiviti yang boleh meningkatkan KBAT masih perlu dilakukan dan ditambah baik untuk ketiga-tiga kumpulan murid.

9.2.4 Penyertaan dalam Latihan/Kursus Peningkatan Profesional

Bagi tujuan kajian, senarai jenis latihan/kursus yang diterima oleh guru Matematik/Sains yang diselidik ialah kursus berkaitan isi kandungan matapelajaran, KSSR, i-Think, KBAT, Pentaksiran KBAT, dan Pengintegrasian Teknologi Maklumat dalam PdP. Secara keseluruhan, peratus guru yang telah menyertainya adalah lebih 80 peratus bagi kursus berkaitan kandungan atau kurikulum, dan sekitar 70-80 peratus bagi latihan/kursus berkaitan KBAT. Namun begitu, bagi latihan/kursus berkaitan Pentaksiran KBAT, pendedahan adalah masih rendah iaitu sekitar 50 peratus bagi kedua-dua kumpulan guru Matematik dan Sains.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada jenis sekolah, secara keseluruhan peratus penyertaan guru Matematik/Sains dari SJKC adalah lebih tinggi berbanding SK dan SJKT bagi kedua-dua

kumpulan guru Matematik dan Sains. Dapatan ini adalah selari dengan prestasi pencapaian murid di SJKC yang lebih baik dari SK dan SJKT, juga penguasaan guru terutama dalam aspek penaakulan yang menunjukkan guru SJKC lebih baik dari SK dan SJKT.

9.3 Kesediaan Kurikulum

9.3.1 Kesediaan Kurikulum Matematik

Perbandingan 24 item Matematik yang digunakan dalam set ujian TIMSS Gred 4 dengan kurikulum Tahun 1 hingga Tahun 4 sedia ada, didapati 23 daripada 24 item (95.83%) yang digunakan sudah tercakup dalam KSSR. Hanya satu item iaitu di bawah domain kandungan Geometri tidak tercakup dalam kurikulum KSSR, sebaliknya buat masa ini ia berada dalam kurikulum sekolah menengah. Walau bagaimanapun, tahap pencapaian murid membuktikan terdapat jurang yang besar berbanding tahap kesediaan kurikulum sedia ada.

Merujuk kepada hasil analisis terhadap ciri-ciri item KBAT dalam 24 item Matematik TIMSS Gred 4 yang digunakan, 83.33 peratus daripada item tersebut mempunyai ciri KBAT 'Stimulus' iaitu item menggunakan stimulus untuk menjana kemahiran inferens dan penaakulan kritis. Selain itu, 50.00 peratus item yang digunakan juga mempunyai ciri KBAT 'Item tidak berulang' iaitu item yang digunakan melangkaui bahan buku teks, buku kerja, buku latihan dan sebagainya. Manakala 33.33 peratus mengandungi ciri KBAT 'Konteks bukan lazim' iaitu item menggunakan situasi baharu di luar bilik darjah, menggalakkan murid berfikir dengan lebih dalam dan bukan sekadar mengingat semula apa yang dipelajari dalam bilik darjah.

Dapatan tersebut menunjukkan walaupun tahap kesediaan kurikulum bagi Matematik sudah berada pada tahap yang hampir sempurna, namun murid masih belum bersedia untuk menjawab soalan-soalan Matematik yang mempunyai ciri item KBAT.

9.3.2 Kesediaan Kurikulum Sains

Perbandingan 22 item Sains yang digunakan dalam set ujian TIMSS Gred 4 dengan kurikulum Tahun 1 hingga Tahun 4 sedia ada, didapati hanya sebanyak 8 item (36%) daripada item tersebut terdapat dalam kurikulum tersebut. Walau bagaimanapun, 10 daripada 22 item memang terdapat dalam kurikulum tetapi hanya tercakup dalam kurikulum sains untuk Tahun 5 dan 6, manakala baki 4 item terdapat dalam kurikulum pada peringkat sekolah menengah. Kesimpulannya, kesediaan kurikulum Sains sedia ada masih belum berada pada tahap yang memuaskan.

Aspek kesediaan kurikulum sains dilihat sebagai faktor penting bagi memastikan pencapaian murid yang lebih baik. Dapatan analisis terhadap peratus bilangan murid yang dapat menjawab dengan betul ke atas item yang tercakup dalam kurikulum menunjukkan pencapaian yang

sederhana dan tinggi. Tiada item yang menunjukkan peratus rendah atau sangat rendah bagi item-item tersebut.

Merujuk kepada hasil analisis terhadap ciri-ciri item KBAT dalam 22 item Sains TIMSS Gred 4 yang digunakan, didapati peratus jumlah ciri item KBAT yang terdapat dalam item yang digunakan dalam ujian adalah hampir sekata dan tidak menunjukkan hubungan yang ketara dengan dengan pencapaian murid. Misalnya bagi item KBAT iaitu item yang mempunyai kesemua ciri item KBAT, skor purata murid adalah pada tahap sederhana iaitu lebih daripada 50.00 peratus. Sebaliknya, item yang menunjukkan skor paling rendah (29.00%) hanya mempunyai satu ciri item KBAT.

Dapatan tersebut menunjukkan bagi mata pelajaran Sains, tahap kesediaan kurikulum merupakan faktor penting kepada pencapaian murid yang lebih baik dalam TIMSS Gred 4.

9.4 Kesediaan Prasarana

9.4.1 Kesediaan Prasarana Berkaitan PdP Matematik di Sekolah

Secara keseluruhan, tahap kesediaan prasarana dari aspek kewujudan Bilik Darjah, BBM, Sokongan Teknologi, dan Bahan Konkrit Untuk Penguasaan Konsep Matematik berada pada tahap sangat memuaskan. Akan tetapi peratus kewujudan Bilik Matematik adalah pada tahap tidak memuaskan. Perbandingan prasarana antara jenis sekolah menunjukkan SJKC tetap mendahului SK dan SJKT dengan jurang yang agak besar bagi semua item dan indikatornya iaitu tahap kesesuaian, kecukupan, kefungsian dan tahap penggunaan di sekolah. Dalam sebelas kategori penilaian, ia mencatatkan penilaian sebulat suara iaitu seratus peratus. Misalnya bagi BBM, Sumber Teknologi, dan Bilik Matematik, kesemua guru SJKC bersetuju bahawa mereka telah menggunakannya secara optimum iaitu dengan penilaian seratus peratus digunakan.

9.4.2 Kesediaan Prasarana Berkaitan PdP Sains di Sekolah

Secara keseluruhan, tahap kesediaan prasarana dari aspek kewujudan Bilik Darjah, BBM, Sokongan Teknologi, Bilik Sains dan Bahan Konkrit untuk Penguasaan Konsep Sains berada pada tahap sangat memuaskan. Namun begitu, mereka berpendapat Bahan Konkrit Untuk Penguasaan Konsep Sains yang sedia ada di sekolah masih belum mencukupi.

Secara keseluruhannya, SJKC tetap mendahului SK dan SJKT dengan jurang yang agak besar bagi item Sumber Teknologi dan Perisian untuk PdP serta indikatornya iaitu tahap kesesuaian, kecukupan, kefungsian dan tahap penggunaan di sekolah. Bagi item Sokongan Teknologi, Sumber Teknologi dan Perisian untuk PdP, nilai peratus yang diperoleh dari guru SJKT adalah lebih tinggi dari SK.

9.4.3 Tahap Penggunaan Peralatan Teknologi oleh Murid

Tahap penggunaan gajet dalam kalangan murid sampel adalah rendah berdasarkan dapatan analisis bahawa gajet yang paling biasa dilihat oleh murid ialah komputer riba (47.5%). Namun dari segi penggunaan, ia adalah sangat rendah iaitu hanya sekitar 15 peratus.

10. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, cadangan berikut telah dikemukakan.

10.1 Dapatan kajian menunjukkan pencapaian SJKC paling baik berbanding SK dan SJKT dalam semua aspek kesediaan guru dan murid. Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan penglibatan dalam TIMSS 2019 Gred 4, amalan terbaik di SJKC perlu dikenal pasti untuk dijadikan penanda aras seperti kaedah PdP serta program sokongan yang dilakukan di SJKC.

10.2 Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat 37 peratus guru Sains dan 33 peratus guru Matematik yang memperolehi purata skor kurang daripada 90 peratus. Hal ini menunjukkan guru masih kurang menguasai aspek kandungan dan KBAT.

Sehubungan dengan itu, tindakan segera perlu dilaksanakan dengan melibatkan SISC+ dan Mentor TIMSS dalam membantu meningkatkan kemahiran pedagogi guru khususnya dalam menerapkan elemen KBAT dan penguasaan kandungan mata pelajaran.

10.3 Dapatan kajian menunjukkan purata pencapaian SJKT adalah sangat rendah bagi kedua-dua mata pelajaran, Matematik (42.93%) dan Sains (38.50%). Oleh itu, SISC+ dan Mentor TIMSS perlu memberi bimbingan khusus dan intensif kepada guru di SJKT.

10.4 Dapatan kajian menunjukkan prasarana tidak dioptimumkan penggunaannya di SK dan SJKT bagi meningkatkan keberkesanan PdP guru seperti di SJKC. Penggunaan prasarana secara optimum dalam PdP terbukti dapat meningkatkan prestasi murid. Sehubungan itu, dicadangkan pemantauan dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan prasarana yang dibekalkan dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru dan murid di sekolah.

10.5 Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan pencapaian murid adalah pada tahap sederhana dan kurikulum Sains hanya mencakupi 36 peratus daripada soalan ujian, sedangkan skor murid dalam Sains menunjukkan hubungan yang positif dengan kesediaan kurikulum Sains. Kurikulum baharu yang mencakupi kerangka TIMSS akan mula dilaksanakan pada 2017 untuk murid Tahun 1. Sehubungan dengan itu, dapatan ini menggambarkan kohort murid tahun semasa belum bersedia untuk menyertai TIMSS 2019 Gred 4.

Implikasinya, **penglibatan Malaysia dalam TIMSS 2019 Gred 4 perlu ditangguhkan** bagi memastikan PdP, kurikulum dan prasarana mampu menyediakan murid untuk menyertai kajian TIMSS Gred 4 pada kitaran seterusnya.

11. PENUTUP

Penyertaan Malaysia dalam TIMSS 2019 Gred 4 wajar ditangguhkan kerana dapatan kajian ini menunjukkan kesediaan guru dan kurikulum masih perlu ditambah baik dalam aspek-aspek yang penting terutamanya PdP, penguasaan kurikulum dan KBAT. Cadangan kajian boleh digunakan untuk proses membuat keputusan ke atas masa yang sesuai bagi penyertaan dalam TIMSS Gred 4.

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)

1. PENGENALAN

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 terdapat beberapa perkara yang telah disyorkan perlu ditambah baik dengan segera bagi memastikan keberkesanan Program RMT berada pada tahap yang terbaik. Antaranya ialah menilai pencapaian Program RMT setiap tahun, maklumat tinggi, berat dan pencapaian akademik yang dikumpul dianalisis, mengkaji semula menu yang ditetapkan, membuat penambahan menu mengikut kesesuaian, perubahan menu perlu mendapat kelulusan dan kandungan nutrien perlu dinilai serta pemantauan dan penyeliaan pengurusan Program RMT perlu ditingkatkan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat *Exit Conference* ke atas Laporan Audit Terhadap Pengurusan Program RMT KPM telah diadakan pada 29 Februari 2016 di mana pelaksanaan kajian berhubung penilaian *outcome* Program RMT dibuat oleh BPPDP.

Program RMT bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pemakanan murid daripada golongan ibu bapa atau penjaga yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional (PGK) agar dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam usaha pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Syarat kelayakan bagi permohonan bantuan Program RMT ialah pendapatan bulanan keluarga di antara RM460 hingga RM630 atau RM110 hingga RM130 per kapita bagi tahun 2013. Bagi tahun 2014 dan 2015, pendapatan bulanan keluarga di antara RM520 hingga RM660 atau RM130 hingga RM140 per kapita. Program ini dilaksanakan sepanjang 190 hari persekolahan dalam setahun.

Objektif umum Program RMT ialah untuk memberi makanan tambahan yang berzat dan seimbang kepada murid berkenaan bagi membantu mereka mengatasi pelbagai masalah dari segi pertumbuhan badan dan kekurangan tenaga; menyelenggarakan amalan kesihatan dan pemakanan langsung dan tidak langsung; serta memupuk budaya sopan santun, berdisiplin, timbang rasa serta amalan-amalan yang diingini berkaitan dengan kebersihan diri, kebersihan makanan dan kebersihan alam sekitar.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) terhadap murid sekolah rendah.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk menilai pencapaian objektif Program RMT; menilai proses pelaksanaan Program RMT; dan menilai kesan Program RMT ke atas kumpulan sasar.

4. KAEDAH KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah tinjauan *(survey)* yang dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif diperolehi daripada soal selidik yang dijawab oleh Guru Besar (GB), GPK HEM, Guru RMT, Murid RMT dan Ibu bapa/ Penjaga Murid RMT. Data kualitatif pula diperolehi menerusi analisis dokumen-dokumen berkaitan RMT, temu bual bersama-sama GB, GPK HEM, Murid RMT, Ibu Bapa/ Penjaga Murid RMT, Pembekal, JPN dan PPD. Selain itu, pemerhatian berdasarkan senarai semak serta pemerhatian oleh Pegawai Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pegawai Kualiti dan Keselamatan Makanan dari KKM turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat secara lebih mendalam tentang aspek-aspek yang tidak boleh diperoleh melalui penggunaan soal selidik bagi melengkapkan kajian ini. Reka bentuk ini sesuai digunakan kerana maklumat yang diperolehi secara kualitatif dapat mengukuhkan dan mengesahkan data kuantitatif seterusnya memberikan maklumat yang lengkap dan menyeluruh tentang pelaksanaan Program RMT di sekolah-sekolah.

Pengumpulan data dibuat melalui dua cara iaitu melalui kajian rintis dan kajian lapangan. Pentadbiran soal selidik di sekolah-sekolah adalah mengikut jenis sekolah dan lokasi serta dibantu oleh Pegawai JPN dan PPD. Soal selidik telah diedarkan kepada pegawai-pegawai JPN dan PPD oleh Pegawai BPPDP sendiri semasa turun ke setiap negeri untuk menjalankan sesi temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen. Sesi dialog turut diadakan bersama-sama Pegawai JPN dan PPD bagi mendapatkan pandangan pelbagai isu dalam pelaksanaan dan pengurusan Program RMT. Maklumat yang dikumpul melalui soal selidik direkodkan dan dianalisis menggunakan perisian *The Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS)* versi 18.0. Analisis data adalah berdasarkan Jadual 3.4 di bawah. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Persoalan dalam kajian ini melibatkan maklumat dan data yang besifat nominal dan ordinal. Oleh itu, data dalam bentuk taburan iaitu kekerapan, peratusan dan min bagi penyataan-penyataan yang disenaraikan sudah memadai untuk menganalisis dan menghuraikan hasil-hasil penemuan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

Data soalan terbuka dianalisis dengan menggunakan tema yang berulang. Kekerapan respon digunakan untuk menentukan tahap kepentingan sesuatu tema. Petikan sebenar daripada maklumat temu bual dilaporkan secara asli bagi meningkatkan kesahan maklumat.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Kesan Program Ke Atas Murid RMT

Secara keseluruhannya, Program RMT telah berjaya menerapkan pendidikan kesihatan dan pemakanan yang sihat serta memupuk amalan kesihatan dan nilai-nilai murni kepada Murid RMT. Selain itu, Program RMT juga telah berjaya meningkatkan tahap kesihatan Murid RMT dan secara tidak langsung memperbaiki status murid dari segi kehadiran. Murid RMT didapati lebih aktif dan berupaya memberi tumpuan sewaktu sesi pdp dalam kelas.



Hidangan Program RMT ditutup kemas sebelum dinikmati oleh Murid RMT



Nilai murni yang diterapkan dalam Program RMT.

Namun begitu, masih terdapat juga Murid RMT yang kurang mengamalkan nilai-nilai murni yang diharapkan seperti tidak membasuh tangan sebelum makan, tidak mengucapkan terima kasih setelah menerima makanan, tidak membaca doa sebelum dan selepas makan dan tidak makan di tempat yang dikhaskan. Masih ada juga didapati makanan dan minuman dihidangkan dalam plastik kepada Murid RMT. Perkara ini berlaku kerana sekolah tersebut tidak mempunyai tempat makan yang sesuai, sinki untuk membasuh tangan dan pembekal tidak menggunakan pinggan mangkuk untuk menghidangkan makanan serta tiada diberi sudu dan garfu untuk makan makanan RMT.



5.2 Kualiti dan Kuantiti Makanan

Secara keseluruhannya didapati bahawa kualiti dan kuantiti makanan yang disediakan adalah berzat dan seimbang. Namun tidak dinafikan, terdapat juga kes di mana kualiti dan kuantiti makanan tidak setimpal dengan peruntukan yang diberikan untuk Program RMT. Kadar yang diperuntukan untuk seorang murid di Semenanjung (RM2.50). Sabah, Sarawak dan Labuan (RM3.00) adalah tidak begitu mencukupi bagi menjamin kualiti, kuatiti dan kalori makanan yang disediaan. Terdapat juga beberapa sekolah, menghidangkan makanan yang tidak seimbang dan kurang berzat seperti tanpa sayur-sayuran, air minuman yang tidak berkhasiat seperti teh O, kopi, air berwarna berperisa dan buah-buahan tidak diberikan. Saiz sajian juga dikecilkan. Ini menyebabkan Murid RMT tidak mendapat nutrien dan kalori yang mencukupi untuk tumbesaran.



Menu Program RMT yang dihidangkan dalam pelbagai cara

Dapatan ini adalah selari dengan analisis Indeks Jisim Badan (BMI) Murid RMT bagi tahun 2015, iaitu masih terdapat Murid RMT (lelaki dan perempuan) dalam kategori susut, susut teruk dan obes. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya Murid RMT tahun 1 hingga tahun 6 (lelaki dan perempuan) adalah dalam **kategori normal.**

5.3 Kriteria Pemilihan Murid

Secara keseluruhannya pemilihan Murid RMT mematuhi Garis Panduan Program RMT yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, dengan nilai kos kehidupan sekarang, per kapita yang telah ditetapkan menjadi persoalan.

Borang permohonan RMT juga perlu ditambah baik supaya pemilihan Murid RMT boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

5.4 Pendedahan dan Ilmu Pengetahuan Program RMT

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 72.6 peratus Guru RMT tidak pernah menghadiri bengkel Program RMT dan 75.9 peratus Guru RMT tidak pernah menghadiri kursus Program RMT.

Kurangnya pendedahan dan ilmu pengetahuan tentang Program RMT boleh menyebabkan pelaksanaan program ini kurang berjaya. Tambahan pula, kebanyakan mereka (68.7%) mempunyai kurang 5 tahun pengalaman menjadi Guru RMT.

5.5 Pengurusan Kewangan Program RMT di Sekolah

Pengurusan kewangan Program RMT di sekolah adalah menepati tatacara kewangan agennsi awam. Semua sekolah mengamalkan pengurusan kewangan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sekolah yang tidak menepati tatacara pengurusan kewangan iaitu dari segi kecuaian pihak pentadbir sekolah yang membuat pembayaran RMT pada hari di mana makanan RMT tidak disediakan dan berlaku juga pembayaran dibuat untuk murid yang telah disahkan bercuti sakit. Melalui semakan dokumen, hampir keseluruhan sekolah membuat pembayaran tanpa dokumen kewangan yang lengkap dan tidak menggunakan Lampiran 1, Borang Pesanan yang disertakan dalam Dokumen Perjanjian RMT.

5.6 Masalah Lain Dalam Pelaksanaan Program RMT

Masalah lain yang ditimbulkan dalam pelaksanaan Program RMT, antaranya ialah prasarana, peruntukan, beban tugas guru dan pemantauan. Prasarana yang tidak mencukupi menjejaskan kelancaran pelaksanaan. Ini adalah kerana peruntukan RMT tidak termasuk persediaan prasarana, kerusi, meja, peralatan makan dan tempat makan yang sesuai menyukarkan pihak sekolah. Beban tugas guru sedia ada juga menyebabkan guru terkejar-kejar untuk mengendalikan Program RMT. Pemantauan oleh pihak KPM, JPN, dan PPD tidak berkesan kerana kekangan dari segi sumber tenaga dan peruntukan. Ini menyebabkan pihak sekolah tidak mendapat bimbingan dan nasihat yang diperlukan. Selain itu, pihak sekolah tidak jelas tentang penyediaan Laporan Kewangan Sukuan, isu ketidakpatuhan menu, kualiti dan kuantiti makanan, isu tarikh penurunan waran yang lewat sampai ke sekolah, isu tiada Buku Garis Panduan RMT yang baharu yang boleh dijadikan sumber rujukan, SPK Bil. 1/2013 yang tidak jelas dan lengkap, Dokumen Perjanjian yang tidak lengkap dan tidak mengikut format, masalah mendapatkan data pencapaian akademik, tinggi dan berat Murid RMT, isu kebersihan dan keselamatan makanan serta premis seperti kantin.

6. CADANGAN KAJIAN

6.1 Kesan Program Ke Atas Murid RMT

Kajian mendapati bahawa masih terdapat Murid RMT yang kurang mengamalkan nilai-nilai murni. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan supaya **pemantauan yang kerap oleh GPK HEM dan Guru RMT** daripada aspek penerapan nilai-nilai murni; **amalan kebersihan perlu dipertingkatkan** oleh pihak sekolah kepada semua warga sekolah terutamanya kepada Pembekal dan Pekerja Program RMT; dan **memberi lebih pendedahan** kepada tatacara makan yang betul dengan menggunakan pinggan mangkuk, sudu dan garfu kepada Murid RMT.

6.2 Kualiti dan Kuantiti Makanan

Berdasarkan dapatan kajian kadar yang diperuntukkan untuk seorang murid bagi Program RMT masih tidak mencukupi bagi menjamin kualiti, kuantiti dan kalori makanan yang disediakan. Walaupun secara keseluruhannya, Murid RMT Tahun 1 hingga Tahun 6 ialah dalam **kategori normal**, tetapi masih terdapat Murid RMT lelaki dan perempuan yang dalam kategori susut, susut teruk dan obes. Nutrien dan kalori yang mencukupi amat penting untuk tumbesaran. Oleh yang demikian, dicadangkan:

a) **Menu Program RMT perlu dikaji semula termasuk untuk Murid PPKI** supaya dapat memberi makanan berzat dan seimbang kepada Murid RMT.
b) **Kos peruntukan penyediaan makanan untuk Murid RMT dikaji semula** supaya makanan yang disediakan lebih berzat dan berkualiti.

Bagi menjamin Murid RMT mendapat nilai nutrien dan kalori yang mencukupi, KPM bersetuju dengan cadangan Bahagian Pemakanan, KKM supaya memantau kepatuhan menu dan saiz sajian; memantau kualiti makanan dan kaedah hidangan; menerapkan Konsep Pinggan Sihat Malaysia – suku suku separuh (¼ karbohidrat, ¼ protein dan ½ buah-buahan dan sayur-sayuran); dan pengendali dan pengusaha menghadiri Kursus Latihan Katering Sihat untuk memantapkan ilmu dalam kaedah penyediaan menu secara sihat.

6.3 Kriteria Pemilihan Murid

Kajian mendapati bahawa kebanyakan sekolah mematuhi prosedur permohonan dan kriteria pemilihan murid untuk Program RMT khususnya dan kriteria pendapatan ibu bapa menjadi syarat utama pemilihan. Murid RMT dipilih berdasarkan pendapatan ibu bapa kurang daripada RM520.00 hingga RM660.00 sebulan atau per kapita RM130.00 hingga RM140.00. Namun begitu, syarat tersebut perlu mengambil kira dengan keadaan semasa di mana kos hidup sekarang sudah meningkat terutamanya sekolah-sekolah yang terletak di kawasan bandar. Maka dicadangkan **pendapatan ibu bapa atau per kapita dinaikkan** supaya Program RMT benar-benar sampai ke sasaran iaitu murid daripada keluarga miskin.

6.4 Pendedahan dan Ilmu Pengetahuan Program RMT

Kajian mendapati sebahagian besar Guru RMT tidak pernah menghadiri bengkel atau kursus berkaitan Program RMT. Maka, dicadangkan supaya **Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan tentang pelaksanaan Program RMT** kepada sekolah dan guru-guru terutamanya Guru Besar, GPK HEM dan Guru RMT.

6.5 Pengurusan Kewangan Program RMT di Sekolah

Kajian mendapati masih terdapat sekolah yang cuai dari segi tatacara pengurusan kewangan, maka dicadangkan:

a) Pemantauan secara berkala oleh JPN dan PPD perlu lebih teliti dan mengambil kira aspek pengurusan tatacara kewangan supaya menepati keperluan prosedur kewangan.
b) KPM juga harus menyediakan satu mekanisme pemantauan dan pasukan *task force* bagi memastikan kelicinan pelaksanaan Program RMT secara keseluruhan.
c) Menyediakan peruntukan untuk pemantauan kerana kecuaian dalam perbelanjaan Program RMT boleh mendatangkan kerugian yang amat besar kepada Kerajaan. Melalui pemantauan, JPN dan PPD boleh memberi bimbingan dan nasihat kepada pihak sekolah.

6.6 Masalah Lain Dalam Pelaksanaan Program RMT

Kajian mendapati masih terdapat terlalu banyak isu dan masalah lain dalam melaksanakan Program RMT. Sehubungan dengan itu, dicadangkan:

a) Menambah baik SPK Bil. 1/2013 dengan mengambil kira antaranya penyediaan Laporan Kewangan Sukuan dari segi format, dan pengurusan baki peruntukan RMT di sekolah.
b) Menyediakan Buku Garis Panduan RMT yang baharu dan memastikan setiap sekolah mempunyai buku edisi terbaharu.
c) BPM, BKK, BKew dan BPSH bekerjasama untuk memperkasakan SEGAK dan APDM bagi memantapkan data untuk pelaksanaan Program RMT.
d) KPM bekerjasama dengan KKM untuk aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan Program RMT.

7. PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi gambaran secara menyeluruh mengenai keberkesanan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) terhadap murid sekolah rendah di negara ini. Di dapati **Program RMT berkesan** dalam membantu memberi makanan tambahan yang berzat dan seimbang. Ini dapat dilihat dengan pertumbuhan badan (BMI) yang **normal** bagi kumpulan sasar. Input ini boleh dijadikan panduan kepada pihak pemutus dasar dalam membuat penambahbaikan dan menentukan hala tuju Program RMT. Pelaksanaan dan pemantauan yang lebih tersusun boleh dilakukan dan perancangan yang lebih rapi dan mantap dapat dilaksanakan oleh pihak pemutus dasar. Ini penting supaya Program RMT lebih efisien dan dapat memberi pulangan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

KAJIAN FAKTOR PENCAPAIAN MURID DALAM UPSR

1. PENGENALAN

Matlamat pendidikan sekolah rendah adalah untuk memastikan perkembangan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Perkembangan ini meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia seperti yang dihasratkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelbagai inisiatif dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan ilmu pendidikan dan kemahiran berjaya disalurkan dengan berkesan. Peranan pelbagai pihak juga merupakan penyokong kepada lonjakan kecemerlangan dalam pendidikan.

UPSR merupakan penilaian sumatif yang bertujuan mengukur tahap pencapaian dan penguasaan murid Tahun Enam dalam kemahiran literasi dan numerasi atau 3M (menulis, membaca dan mengira) melalui mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Pencapaian calon di seluruh negara ditunjukkan dalam bentuk indeks GPN manakala pencapaian calon bagi setiap mata pelajaran yang terlibat dalam penilaian ditunjukkan dalam bentuk indeks GPMP. Didapati pencapaian UPSR tahun 2015 menunjukkan satu lonjakan kecemerlangan yang memberangsangkan berbanding pencapaian tahun sebelumnya. Sehubungan itu, satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang telah mendorong kepada lonjakan pencapaian murid dalam UPSR ini. Maklumat hasil kajian adalah penting kerana ia berupaya membantu pihak-pihak yang terlibat dalam merancang program dan aktiviti kecemerlangan agar apa yang dijalankan benar-benar memberi faedah kepada murid.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti faktor pencapaian murid dalam UPSR 2015.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti faktor dalam pencapaian murid dalam UPSR 2015.

4. SOALAN KAJIAN

Apakah faktor dalam pencapaian murid dalam UPSR 2015?

5. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kaedah temu bual sepenuhnya berpandu kepada protokol temu bual semi struktur yang dibina oleh penyelidik. Pemilihan sampel secara *purposive* melibatkan 13 buah sekolah yang menunjukkan lonjakan GPS dalam UPSR 2015. Sekolah yang terpilih mestilah menunjukkan perbezaan GPS UPSR 2015 berbanding UPSR 2014 sekurang-kurangnya 0.3 dengan bilangan murid melebihi 100 orang calon. Maklumat berkaitan pencapaian bagi setiap mata pelajaran sekolah tersebut juga diambilkira. Kriteria ini adalah bertujuan untuk memastikan sekolah yang terpilih benar-benar terlibat dalam lonjakan keputusan UPSR tahun 2015. Kajian melibatkan temu bual bersama-sama pihak pentadbir yang terdiri daripada Guru Besar atau Guru Penolong Kanan (Akademik), guru-guru mata pelajaran teras yang mengajar murid tahun 6 dan ibu bapa kepada murid tahun 6 yang mengambil UPSR 2015. Proses mengumpul data mengambil masa lebih kurang 4 minggu melibatkan 13 buah sekolah di Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah. Hasil temu bual dianalisis secara manual dan disusun mengikut tema yang bersesuaian.

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Faktor-faktor dalam pencapaian murid

(a) Faktor guru

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa guru merupakan faktor utama dalam meningkatkan pencapaian murid. Komitmen guru yang tinggi adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan objektif yang disasarkan. Guru yang mempunyai komitmen yang tinggi merupakan seorang guru yang proaktif dan fokus dalam melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan bidangnya dan berupaya mengujudkan budaya positif dalam kalangan guru. Budaya positif dalam kalangan guru ini melahirkan kerjasama yang utuh dan membantu dalam melancarkan semua perancangan yang telah disusun. Dengan kerjasama yang baik, segala tugas boleh diagihkan bersama-sama tanpa membebankan satu pihak sahaja. Selain dari sikap yang positif itu, tahap pengetahuan dan tahap pengalaman guru adalah penting bagi memastikan guru berkemahiran mengendalikan PdPnya dan berupaya menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid-murid dengan teknik PdP yang berkualiti dan bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Tanggungjawab guru bukan hanya terbatas kepada mengajar sahaja. Personaliti positif guru juga perlu ditampilkan memandangkan mereka adalah ikon yang sering berdampingan dengan

murid-murid semasa di sekolah. Guru adalah idola bagi sesetengah murid, maka personaliti positif guru ini menjadi teladan mereka. Sikap guru yang penyayang dan prihatin kepada murid-murid berupaya menaikkan minat murid-murid ke sekolah di samping memotivasikan murid-murid untuk terus berusaha mendapatkan kejayaaan. Secara keseluruhannya, majoriti daripada sekolah yang dilawati menunjukkan populasi guru yang sangat komited dalam memastikan pencapaian UPSR di tahap yang terbaik.

(b) Faktor murid

Kesungguhan guru tanpa kerjasama yang baik dari murid-murid pasti mengagalkan segala usaha kecemerlangan. Sehubungan itu, faktor murid juga adalah penting dalam menghasilkan impak yang baik dalam pendidikan. Murid-murid yang bersungguh-sungguh menimba ilmu, memberi sepenuh perhatian dalam PdP dan sering bertanya kepada guru dalam permasalahan pembelajaran lebih mudah dibimbing oleh guru berbanding dari murid-murid yang pasif.

(c) Faktor ibu bapa

Sokongan ibu bapa dalam memotivasikan anak-anak agar terus bersemangat meningkatkan kecemerlangan juga penting di samping kesungguhan guru dan murid-murid. Ibu bapa yang merupakan pemantau dan pemangkin adalah perlu mengikuti perkembangan program dan aktiviti kecemerlangan yang dilaksanakan oleh guru-guru atau pihak sekolah. Kefahaman dan kesedaran ini memudahkan ibu bapa memantau pergerakan dan memastikan penglibatan anak-anak mereka di sekolah. Pemantauan daripada pihak ibu bapa juga penting dalam membanteras gejala ponteng dalam kalangan murid-murid. Penglibatan ibu bapa dan PIBG dalam aktiviti dan program juga baik sama ada dalam perkongsian ilmu, sumbangan tenaga dan sumbangan dana.

Satu dapatan utama daripada kajian ini ialah bagaimana pihak pentadbir sekolah berjaya melibatkan ibu bapa dalam semua program dan aktiviti kecemerlang UPSR. Ibu bapa yang diberi pendedahan tentang peranan mereka dan sanggup terlibat aktif dalam program dan aktviti merupakan satu faktor yang membantu dalam kejayaan anak-anak mereka.

(d) Faktor SIP+ dan SISC+

SIP+ dan SISC+ berperanan dalam membantu meningkatkan kualiti pengurusan pentadbir dan PdP guru. Menurut responden, SIP+ dan SISC+ banyak membantu dalam peningkatan kecemerlangan murid dalam UPSR. SIP+ dan SISC+ sangat membantu dalam memberi idea, kerjasama, bimbingan dalam memantapkan program dan aktiviti sedia ada serta memberi pencerahan tentang perkembangan dan perubahan pendidikan terkini. Penglibatan mereka juga memberi semangat kepada guru-guru.

Satu penemuan penting daripada kajian ini di dapati penglibatan SIP+ dan SISC+ di sekolah *ban*d rendah (4, 5 atau 6) sangat membantu dalam melonjakan kecemerlangan sekolah. Penglibatan kumpulan ini telah dapat membimbing sekolah dari segi hala tuju dan matlamat yang perlu dicapai serta memberi motivasi kepada sekolah untuk terus mencapai matlamat mereka.

(e) Faktor pihak pentadbir

Hubungan yang baik antara pihak pentadbir dan guru-guru mengujudkan persekitaran harmoni di sekolah. Pihak pentadbir mengamalkan budaya terbuka terhadap usaha dan idea yang dilaksanakan oleh guru-guru demi kecemerlangan murid-murid. Pihak pentadbir juga memantau perkembangan program dan aktiviti yang dilaksanakan sebagai tanda memberi sokongan padu kepada guru-guru. Perkembangan positif ini mengujudkan iklim sihat yang berupaya memotivasikan lagi usaha guru-guru dan murid-murid.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti barisan pentadbir sekolah merupakan kumpulan mantap dan menggunakan asas *"teamwork"* bagi memastikan hasrat sekolah difahami oleh semua warga sekolah termasuk ibu bapa.

(f) Faktor program dan aktiviti UPSR

Pelaksanaan program dan aktiviti merupakan antara faktor dalam pencapaian murid. Berdasarkan dapatan kajian didapati program sekolah berfokus kepada kumpulan ibu bapa dan kumpulan murid. Program untuk kumpulan ibu bapa bertujuan untuk pendedahan bagi peningkatan kefahaman dan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan penglibatan anak-anak mereka dalam program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan penglibatan atau main peranan ibu bapa di samping memotivasikan ibu bapa agar terus menyokong usaha anak-anak mereka. Antara program yang melibatkan ibu bapa ialah 'Sesi perjumpaan bersama-sama ibu bapa', 'Program motivasi dan kaunseling' dan 'Sinar Pagi'.

Program 'Juara/*Champion*' turut melibatkan kerjasama ibu bapa dalam memantau pergerakan murid semasa kelas tambahan dijalankan.

Manakala program dan aktiviti untuk kumpulan murid dirancang oleh pihak sekolah bertujuan untuk membantu murid-murid untuk meningkatkan pencapaian. Program dan aktiviti dilaksanakan sama ada untuk semua murid, murid-murid berpotensi dan murid-murid lemah. Antara program yang berfokus kepada kumpulan tertentu ialah 'Program mentor mentee' dan 'Program Nyah DE'. Kelas tambahan dan 'Program imbas' merupakan program dan aktiviti memantapkan pengetahuan sedia ada. Bagi memotivasikan semangat kendiri murid, 'Program motivasi dan kaunseling' dilaksanakan untuk semua murid. Berdasarkan dapatan

kajian program dan aktiviti yang berfokus kepada kumpulan kecil dengan mengambil kira tahap pencapaian akademik murid-murid adalah lebih memberi kesan positif. Di samping itu, antara program dan aktiviti yang turut membina ialah *'Post Mortem'* yang merupakan sesi perbincangan untuk peningkatan akademik antara pihak pentadbir dan guru.

'Rotation Batch' juga satu kaedah yang memberikan kesan yang positif. Melalui kaedah ini, guru dan murid lebih saling mengenali antara satu sama lain. Hubungan yang baik antara guru dan murid berupaya meningkatkan tahap interaksi dalam PdP.

6.2 Program LINUS

Program LINUS merupakan satu program bertujuan untuk membantu penguasaan literasi dan numerasi dalam kalangan murid yang bermasalah dalam menguasai kemahiran 3M. Berdasarkan dapatan kajian di dapati majoriti murid intervensi program LINuS berjaya melepasi ujian saringan LINUS dengan menguasai aspek-aspek numerasi dan literasi yang sepatutnya mereka kuasai pada peringkat tersebut walaupun masih terdapat sebilangan kecil murid yang bermasalah dalam membaca dan mengira di tahap dua. Didapati masih terdapat beberapa kes permasalahan dalam literasi dan numerasi dalam kalangan murid intervensi program LINUS setelah berada di tahap 2. Permasalahan ujud disebabkan ketidaktelusan saringan. Penilaian LINUS di tahap satu juga terlalu rendah berbanding aras yang perlu mereka kuasai di tahap dua. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa program LINUS telah berjaya meningkatkan peratus kelulusan murid dan mengurangkan bilangan gred D dan E dalam UPSR. Masalah literasi dan numerasi dalam kalangan murid LINUS semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, program LINUS bukanlah faktor utama kepada peningkatan pencapaian murid atau lonjakan pencapaian UPSR. Namun tidak dapat disangkal, program LINUS ini sangat membantu dalam usaha ini.

6.3 Cabaran Peningkatan Pencapaian

Antara cabaran yang dihadapi dalam usaha meningkatkan pencapaian murid dalam UPSR ialah dari segi peranan ibu bapa. Terdapat sebilangan kecil ibu bapa yang kurang memberi penekanan dalam pendidikan anak-anak mereka di samping tidak melibatkan diri dengan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Sebahagian permasalahan ini disebabkan kekurangan pendedahan dan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan. Segelintir situasi ini berlaku dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan yang rendah. Situasi ini juga menambahkan cabaran pihak sekolah untuk mengumpulkan dana bagi pelaksanaan program dan aktiviti kecemerlangan.

Usaha peningkatan pencapaian juga berhadapan dengan cabaran dengan kumpulan murid bermasalah pembelajaran iaitu murid-murid lemah *(slow learner).* Situasi ini memerlukan pemerhatian, kaedah PdP dan bimbingan tambahan dari pihak guru-guru. Murid-murid daftar

sekolah lewat juga merupakan cabaran guru bagi memastikan tahap pencapaian selari dengan murid-murid yang lain. Di samping itu, kekurangan guru terutama guru opsyen, kekurangan guru dan kekurangan kemudahan infrastruktur juga sebahagian dari permasalahan yang menjadi cabaran pihak sekolah untuk menanganinya.

7. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan dan rumusan dapatan kajian, beberapa cadangan diberikan seperti berikut;

(a) Pemerkasaan Program Sarana Ibu Bapa

Pemantapan dan pemerkasaan program sarana ibu bapa dilihat sebagai satu platform yang membolehkan keadaan ini berlaku. Sekolah dan ibu bapa perlu duduk dan berbincang tentang peranan masing-masing yang perlu dimainkan secara berkesan. Penggunaan buku sarana ibu bapa juga dapat membantu ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab mereka terhadap pembelajaran anak-anak terutamanya semasa di rumah.

(b) Kolabarasi antara SIP+ dan SISC+ dengan sekolah

Pengalaman dan kepakaran SIP+ dan SISC+ dalam 'mendiagnos' isu dan masalah sekolah perlu diberi ruang dan kepercayaan oleh pihak sekolah. Penglibatan SIP+ dan SISC+ pula bukanlah setakat untuk menjalankan tugas rutin tetapi perlulah juga berupaya mengenalpasti masalah sebenar sekolah dan bersama-sama terlibat dalam perancangan strategi secara 'berfokus' untuk membantu sekolah mencapai matlamat dan KPI yang telah dirancang. Inisiatif program dan aktiviti yang berfokus sama ada mengikut pencapaian atau mata pelajaran adalah sangat memberi kesan yang positif dalam meningkatkan keberkesanannya.

(c) 'Rotation Batch'

Amalan '*Rotation Batch*' di beberapa sekolah menunjukkan hasil yang positif terhadap kecemerlangan akademik murid. '*Rotatation Batch*' ialah kaedah di mana kebiasaannya guru mata pelajaran teras akan mengajar murid-murid bermula dari tahun 4 hingga ke tahun 6. Dengan amalan ini, guru dan murid lebih saling mengenali dan guru lebih mudah untuk merancang program dan akitiviti membina dalam jangka masa yang lebih panjang.

(d) 'Post Mortem'

Perbincangan bersama-sama guru, pihak pentadbir sekolah, dan pihak PPD/JPN bagi membincangkan permasalahan dan strategi peningkatan selepas setiap peperiksaan dalaman turut membantu dalam melonjakkan pencapaian murid. Amalan ini yang dinamakan

'*Post Mortem*' telah dipraktikkan di SK Dato' Hashim (2) dan SJKC Pei Hwa. '*Post Mortem*' menunjukkan kerjasama yang baik antara pihak pengurusan PPD/JPN, pihak pentadbir sekolah dan guru-guru dalam menerajui organisasi. Justeru, amalan ini wajar dicadangkan agar diimplimen di sekolah lain.

8.0 PENUTUP

Diharap dapatan kajian ini dapat membantu pihak pentadbir KPM dalam merancangkan program dan aktiviti yang membantu meningkat kecemerlangan UPSR di masa akan datang.

KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN KELAS BERCANTUM DAN PENGAJARAN PELBAGAI GRED DI SEKOLAH BERENROLMEN 50 KE BAWAH

1. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kebolehlaksanaan kelas bercantum dan pengajaran pelbagai gred di sekolah berenrolmen 50 ke bawah.

2. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kebolehlaksanaan yang bertujuan mengenal pasti secara rasional dan objektif, kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kelas bercantum dan pengajaran pelbagai gred yang dijalankan secara rintis di enam buah sekolah rendah. Sekolah-sekolah ini terletak di Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hilir Perak dan terdiri daripada dua buah Sekolah Kebangsaan (SK), dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) serta dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pendekatan utama yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan adalah berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah pemantauan di dalam bilik darjah, temu bual secara individu *(face-to-face individual interviews)* dengan guru mata pelajaran, pentadbir sekolah, dan ibubapa dan murid serta analisis dokumen yang berkaitan.

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Kesediaan untuk Melaksanakan Kelas Bercantum dan Pengajaran Pelbagai Gred

Kesediaan guru untuk melaksanakan kelas bercantum dan pdp pelbagai gred dinilai dari segi pengetahuan; sikap dan kebolehan guru untuk mewujudkan suasana dan amalan di dalam kelas yang membolehkan proses pdp dilaksanakan dengan berkesan.

Walaupun sekolah dapat menyediakan jadual waktu kelas bercantum dan membuat agihan tugas guru, namun sekolah tidak dapat menyediakan mekanisma sokongan bagi guru melaksanakan pdp kelas bercantum. Modul Kelas Bercantum yang dibekalkan juga tidak membantu guru membuat persediaan untuk melaksanakan pdp di dalam kelas bercantum.

3.2 Keberhasilan Kelas Bercantum dan pdp Pelbagai Gred

Perubahan kepada pdp pelbagai gred dan kelas bercantum ini merupakan satu 'kejutan' kepada guru dan juga murid kerana pelaksanaannya dibuat sebaik sahaja bermulanya sesi persekolahan penggal kedua pada bulan Jun 2016. Guru-guru daripada sekolah-sekolah yang terlibat hanya diberikan taklimat ringkas tentang pelaksanaan projek rintis ini dan mereka tidak diberikan masa untuk menyesuaikan diri dan membuat adaptasi kepada proses pdp yang baharu ini.

Dapatan kajian ini menunujukkan bahawa murid dapat menyesuaikan diri lebih cepat dan lebih baik dengan kelas bercantum, malah kebanyakan mereka berasa gembira kerana bilangan murid dalam kelas mereka telah bertambah dan mereka mempunyai lebih ramai rakan yang belajar bersama-sama mereka di dalam kelas yang sama.

Guru dan pentadbir sekolah rintis berpendapat bahawa suasana pembelajaran yang seronok di dalam kelas bercantum tidak menjamin bahawa proses pdp dilaksanakan dengan berkesan. Disebaliknya, mereka khuatir bahawa kelas bercantum tidak dapat menyediakan suasana pembelajaran yang berkesan bagi murid-murid. Mereka berpandangan bahawa pdp mereka tidak berkesan kerana:

- kekangan masa;
- kawalan kelas bercantum yang sukar;
- fokus guru dan murid terganggu;
- tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran;
- objektif pembelajaran tidak tercapai; dan
- tidak dapat membuat pentaksiran

3.3 Cabaran yang Dihadapi oleh Guru

Antara cabaran guru yang diperhatikan adalah:

- kesukaran mengaitkan tema/topik bagi gred yang berbeza;
- kesukaran menyediakan RPH bagi kelas bercantum;
- kurang kemahiran menghasilkan alat bantu mengajar yang sesuai;
- masih menjalankan pdp secara konvensional tanpa mengambil kira kepelbagaian murid di dalam kelas;
- kurang kemahiran menguruskan kelas;
- kekurangan aktiviti yang mencabar murid; dan
- kurang kemahiran menguruskan masa

3.4 Kebolehlaksanaan Model Kelas Bercantum dan PDP Pelbagai Gred

Dua Model kelas bercantum telah digunakan dalam kajian rintis ini. Model I menggabungkan dua gred yang berbeza iaitu Tahun Dua bagi dan Tahun Tiga bagi Tahap 1 serta Tahun Empat dan Tahun Lima bagi Tahap 2. Model II yang dilaksanakan adalah gabungan Tahun Satu, Dua dan Tiga di dalam satu kelas.

Pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan pasukan pemantau sebulat suara bersetuju bahawa Model II tidak sesuai untuk dilaksanakan kerana ia melibatkan Tahun Satu yang baru memulakan alam persekolahan mereka. Murid Tahun Satu ini memerlukan perhatian yang lebih menyeluruh daripada guru kerana sebahagian besar murid ini tidak memperolehi pendidikan prasekolah sebelum memulakan persekolahan mereka di Tahun Satu. Model I boleh dilaksanakan sekiranya beberapa penambahbaikan dilakukan kepada pelaksanaannya.

3.5 Cadangan kajian

Penambahbaikan berikut telah dicadangkan untuk penambahbaikan pelaksanaan kelas bercantum dan pdp pelbagai gred:

a. Kesediaan guru

Kursus peningkatan profesionalisme guru yang mengandungi elemen-elemen berikut:

i. strategi pdp yang sesuai bagi murid pelbagai gred di dalam kelas bercantum;
ii. kaedah menyesuaikan kurikulum sedia ada untuk memenuhi keperluan murid pelbagai gred di dalam kelas bercantum;
iii pendekatan pentaksiran yang sesuai bagi murid pelbagai gred di dalam kelas bercantum; dan
iv pengurusan dan pengelolaan kelas bercantum.

b. Kesediaan sekolah

i. Memberi pendedahan kepada Guru Besar dan pentadbir sekolah tentang: konsep kelas bercantum dan pdp pelbagai gred; dan kaedah pemantauan dan penilaian pdp pelbagai gred.
ii. Memastikan tempoh masa yang sesuai untuk sekolah membuat persediaan seperti menyediakan jadual waktu mengajar dan pengagihan tugas guru secara optimum.
iii. Memberi ruang kepada sekolah untuk menyediakan peralatan dan kemudahan di dalam kelas bercantum untuk memastikan organisasi kelas dapat mewujudkan suasana pdp pelbagai gred yang kondusif.

iv. Memberi masa dan ruang kepada guru untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini.
v. Memberi motivasi dan sokongan berterusan kepada guru untuk melaksanakan kelas bercantum dan pengajaran pelbagai gred.

c. Kesediaan ibu bapa

i. Mengenal pasti kaedah terbaik untuk menyampaikan maklumat berkaitan konsep kelas bercantum dan pdp pelbagai gred kepada ibu bapa.
ii. Memberi masa kepada ibu bapa untuk membuat persediaan menghadapi perubahan dalam proses pembelajaran anak-anak mereka.

d. Pelaksanaan

i. Penyediaan garis panduan atau Modul Kelas Bercantum yang lebih komprehensif termasuk contoh penulisan RPH bagi pdp pelbagai gred.
ii. Penyesuaian kurikulum sedia ada kepada pdp pelbagai gred dengan membuat pemetaan topik/tema yang sesuai merentas gred-gred yang diajar.
iii. Pemantauan secara berkala dan bimbingan berterusan oleh pensyarah IPG, SIPartner+ dan SISC perlu diteruskan untuk memantapkan kemahiran dan keyakinan guru.
iv. Pemurnian kurikulum IPG sedia ada dengan memberi penekanan kepada komponen pdp pelbagai gred secara teori dan praktikal.
v. Pelaksanaan kelas bercantum dan pdp pelbagai gred dijalankan pada awal tahun iaitu penggal pertama persekolahan untuk memudahkan penempatan semula guru serta penyediaan jadual waktu guru dan agihan tugas guru oleh sekolah yang terlibat.

4. IMPLIKASI DASAR

Pelaksanaan kelas bercantum dan pdp akan memberikan beberapa implikasi dari segi dasar pendidikan yang sedia ada kerana setakat ini, belum ada satu dasar yang khusus tentang pelaksanaan kelas bercantum bagi sekolah-sekolah KPM.

Pelaksanaan kelas bercantum sebelum ini dilaksanakan hanya berdasarkan Garis Panduan Kelas Bercantum semakan tahun 1982. Surat pekeliling ikhtisas tentang pelaksanaan kelas bercantum dan pdp pelbagai gred perlu disediakan untuk memastikan semua pihak yang terlibat, khususnya Bahagian Kurikulum, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Buku Teks, Pendidikan Guru dan Lembaga Peperiksaan dapat menyediakan input untuk memastikan pelaksanaannya dibuat secara teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

5.0. PENUTUP

Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa aspek yang perlu diberi keutamaan dalam merancang pelaksanaan kelas bercantum dan pdp pelbagai gred adalah kesediaan guru dan sekolah. Di samping itu, pengetahuan dan pemahaman guru terhadap konsep pdp pelbagai gred di dalam kelas bercantum dan kemahiran mereka untuk melaksanakannya adalah faktor-faktor penting yang perlu diteliti dan diambil tindakan.

Guru memerlukan latihan dan bimbingan untuk memastikan mereka berusaha untuk menjalankan pdp pelbagai gred dengan berkesan. Mereka juga perlu diberikan motivasi tambahan kerana tidak dapat dinafikan bahawa pengelolaan, pengurusan kelas bercantum memerlukan tenaga dan daya kreativiti yang tinggi. Disamping itu, perancangan dan penyediaan untuk kelas bercantum juga lebih intensif dari segi daya pemikiran dan masa guru.

Kelas bercantum dan pdp pelbagai gred boleh dilaksanakan dengan berkesan dan berpotensi untuk menyediakan suasana dan pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi murid-murid di SKM, terutama sekali yang berenrolmen 50 ke bawah. Pemantauan pdp guru di dalam kelas bercantum menunjukkan bahawa guru berupaya melaksanakan pdp dengan berjaya sekiranya disediakan sistem sokongan yang padu oleh sekolah serta bimbingan yang berterusan sehingga mereka mahir melaksanakan pdp pelbagai gred di dalam kelas bercantum. Kelas bercantum dan pengajaran pelbagai gred boleh dilaksanakan sekiranya cadangan penambahbaikan yang dikemukakan hasil daripada kajian rintis ini diambil tindakan terlebih dahulu.

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM *ENGLISH TEACHING ASSISTANT* (ETA)

1. PENGENALAN

Program Fulbright ETA mula dilaksanakan di Malaysia bermula tahun 2012. Ia melibatkan 50 buah sekolah rendah dan menengah di tiga buah negeri iaitu Terengganu, Pahang dan Johor. Pada tahun 2013, program ini diperluaskan kepada 25 buah sekolah lagi di negeri Perak. Seterusnya, 25 buah sekolah di negeri Sabah dan Sarawak telah dilibatkan dalam peluasan program ini pada tahun 2014.

ETA daripada kohort seterusnya pula mula ditempatkan di sekolah bermula tahun 2015 dan program tersebut di bawah kohort ini akan dilaksanakan sehingga 2017. 100 orang ETA ditempatkan di 100 buah sekolah menengah di lapan buah negeri: Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak dalam tempoh 2015 hingga 2017.

Tujuan ETA yang rata-ratanya terdiri daripada graduan cemerlang Fulbright Foundation, Amerika Syarikat daripada pelbagai latar belakang pendidikan ditempatkan di sekolah adalah untuk:

i. Meningkatkan minat murid terhadap bahasa Inggeris;
ii. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid dalam bahasa Inggeris;
iii. Membina keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris secara aktif; dan
iv. Meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ETA termasuklah pelaksanaan *co-teaching* bersama guru bahasa Inggeris di dalam kelas, *Speaking Workshop* bagi mewujudkan persekitaran positif bagi murid bertutur dalam bahasa Inggeris dan kem bahasa Inggeris pada peringkat sekolah.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan program ETA terhadap murid.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti minat murid terhadap bahasa Inggeris
ii. Mengenal pasti keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris
iii. Mengenal pasti pelibatan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris
iv. Mengenal pasti kemahiran komunikasi bahasa Inggeris murid
v. Mengenal pasti pertukaran budaya dalam kalangan murid dan ETA
vi. Mengenal pasti peranan pihak PPD dalam pelaksanaan program ETA
vii. Meninjau masalah dalam pelaksanaan program ETA
viii. Mendapatkan cadangan penambahbaikan terhadap program ETA

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan untuk menilai keberkesanan sesuatu program dengan merujuk kepada objektif program tersebut dilaksanakan daripada satu set populasi yang mana data diperoleh melalui soal selidik dan temu bual. Kajian ini menggabungkan dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Penggabungan dua pendekatan ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang dibina agar tujuan kajian dapat dicapai. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan soal selidik manakala pendekatan kualitatif pula melibatkan pengumpulan data melalui protokol temu bual.

5. SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian dalam kajian ini terdiri daripada semua murid dan guru bahasa Inggeris di 100 buah sekolah yang terlibat dengan ETA. Pemilihan sampel seramai 731 orang murid dan 237 orang guru Bahasa Inggeris bagi komponen soal selidik adalah dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Bagi komponen temu bual, pemilihan sampel adalah dibuat dalam kalangan lima orang murid dan dua orang guru yang terlibat menjawab soal selidik.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah instrumen yang dibina berdasarkan kajian-kajian lepas tentang sikap dan minat murid terhadap pembelajaran bahasa. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan protokol temu bual.

7. PENGUMPULAN DATA

Soal selidik ditadbir di semua sekolah yang terlibat di dalam kajian ini. Soal selidik ditadbir secara bersemuka agar responden lebih memahami apa yang dimaksudkan didalam soal selidik. Perhatian penuh diambil kira agar penyelidik tidak mendorong responden untuk memilih sesuatu jawapan. Responden juga diminta supaya menjawab dengan jujur. Soal selidik yang telah lengkap dikutip oleh pihak penyelidik bagi tujuan pengekodan dan kemasukan data sebelum proses penganalisisan data dapat dilaksanakan.

8. ANALISIS DATA

Data kuantitatif daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS versi 18.0. Dua jenis kaedah analisis statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi mendapatkan maklumat secara menyeluruh tentang profil responden kajian seperti jantina dan tingkatan. Bagi menjawab persoalan kajian, statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Bagi analisis inferens, ujian-t *(paired-sample t-test)* telah digunakan untuk menguji kewujudan peningkatan antara min satu pemboleh ubah bagi dua kumpulan sampel yang sama bagi tempoh dua kali ujian. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada skor min ULBS Bahasa Inggeris Tingkatan 4.

Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif pula dianalisis dan disusun mengikut tema yang berulang. Tema-tema ini dikelompokkan kepada kategori tertentu untuk tujuan pengurusan data.

9. DAPATAN KAJIAN

9.1 Minat murid terhadap bahasa Inggeris

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa, berdasarkan penilaian murid, dengan bantuan ETA, tahap minat mereka terhadap bahasa Inggeris berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan selepas dua tahun ETA berada di sekolah mereka (program ETA mula dilaksanakan di sekolah tersebut pada tahun 2015), wujudnya minat murid terhadap bahasa Inggeris yang mana mereka berasa seronok, sentiasa bersemangat dan semakin bersungguh-sungguh belajar bahasa Inggeris serta menumpukan perhatian di dalam kelas tersebut. Di samping itu, murid semakin sedar tentang faedah bahasa Inggeris dalam kehidupan mereka. Penilaian murid ini turut dipersetujui oleh guru berdasarkan penilaian mereka bahawa tahap minat murid terhadap bahasa Inggeris dengan bantuan ETA adalah berada pada tahap tinggi**.**

9.2 Keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris

Dapatan kajian berdasarkan penilaian murid juga menunjukkan secara umumnya, tahap keyakinan mereka dalam menggunakan bahasa Inggeris dengan bantuan ETA adalah tinggi. Murid menyatakan mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa tersebut tanpa rasa malu, kekok dan risau serta bersedia menerima sebarang reaksi daripada orang lain apabila mereka bertutur dalam bahasa tersebut dan juga tahu bahawa membuat kesilapan semasa bertutur adalah sebahagian daripada proses pembelajaran bahasa Inggeris mereka.

Walau bagaimanapun, penilaian oleh guru menunjukkan tahap keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan bantuan ETA adalah pada tahap sederhana. Namun demikian, daripada segi aspek murid bersedia menerima sebarang reaksi daripada orang lain apabila mereka bertutur dalam bahasa tersebut dan tahu bahawa membuat kesilapan semasa bertutur dalam bahasa Inggeris adalah sebahagian daripada proses pembelajaran, guru bersetuju dengan murid bahawa aspek tentang keyakinan murid itu berada pada tahap tinggi.

9.3 Penglibatan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris

Sebagaimana minat terhadap bahasa Inggeris dan keyakinan untuk menggunakan bahasa tersebut, murid turut menyatakan tahap pelibatan mereka dalam aktiviti bahasa Inggeris juga adalah tinggi. Murid menyatakan bahawa ETA membuatkan mereka berminat kepada setiap aktiviti yang dijalankan dan mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Murid juga menyatakan, dengan bantuan ETA, mereka berinteraksi dengan guru dalam kelas Bahasa Inggeris dan memberi pendapat/idea mereka tentang topik yang diajar guru serta menawarkan diri untuk menjawab soalan yang dikemukakan guru dalam kelas bahasa Inggeris. Namun, guru menerusi penilaian mereka menyatakan tahap penyertaan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris dengan bantuan ETA adalah sederhana.

9.4 Kemahiran komunikasi bahasa Inggeris murid

Berdasarkan penilaian murid, kemahiran komunikasi bahasa Inggeris mereka juga berada pada tahap tinggi. Bagi mereka, dengan adanya ETA di sekolah, mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dalam apa juga situasi, di dalam dan luar kelas serta boleh memberi respons apabila orang lain bertutur dalam bahasa Inggeris dengan mereka. Mereka juga menyatakan mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan semua orang dan lebih banyak menggunakan bahasa tersebut berbanding dahulu. Di samping itu juga, peningkatan markah ULBS mereka juga adalah signifikan.

Namun yang demikian, sebagaimana guru menilai keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris dan penyertaan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris, kemahiran komunikasi bahasa Inggeris murid juga dinilai oleh guru sebagai berada pada tahap sederhana.

10. CADANGAN KAJIAN

10.1 KPM bersama MACEE perlu memastikan pemilihan ETA adalah dalam kalangan yang mempunyai sikap dan personaliti yang bersesuaian

Di sesetengah sekolah, guru menyatakan, terdapat ETA yang kurang aktif, pasif, suka meminggirkan diri, pendiam dan kurang mahu menerima nasihat. Sehubungan dengan itu, KPM bersama MACEE perlu memastikan pemilihan ETA adalah dalam kalangan yang mempunyai sikap dan personaliti yang bersesuaian. Antara ciri-ciri yang perlu diberi perhatian adalah ETA yang menyesuaikan diri dengan budaya Malaysia, berminat untuk berinteraksi dan mampu menginspirasi murid. Di samping itu, pemilihan ETA perlulah dalam kalangan yang peramah, aktif dan bersikap positif.

10.2 Perbincangan dalam kalangan pentadbir sekolah, panitia Bahasa Inggeris, pihak PPD bersama ETA pada awal tahun dan secara berkala

ETA di sesetengah sekolah menyatakan bahawa mereka kurang jelas tentang keperluan sebenar sekolah berkaitan jurang dalam pembelajaran bahasa Inggeris murid. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan untuk memasukkan aktiviti perbincangan dalam kalangan pentadbir sekolah, panitia Bahasa Inggeris, pihak PPD bersama ETA pada awal tahun dan secara berkala sebagai aktiviti mandatori dalam Garis Panduan pelaksanaan program ETA di sekolah.

10.3 KPM menyediakan garis panduan yang terperinci agar tiada ruang untuk kesalahfahaman atau kesalahtafsiran berkaitan bidang tugas ETA

ETA dan guru Bahasa Inggeris di sesetengah sekolah menimbulkan isu tentang bidang tugas ETA. Ini ditambah lagi dengan pemahaman dan interpretasi yang berbeza terhadap bidang tugas itu dalam kalangan pentadbir sekolah, panitia Bahasa Inggeris, ETA dan MACEE. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan menyediakan garis panduan yang terperinci agar tiada ruang untuk kesalahfahaman atau kesalahtafsiran berkaitan bidang tugas ETA. Di samping itu, kaedah pengendalian dan intipati *co-teaching* dan *Speaking Workshop* perlu diperincikan dengan lebih jelas. Contoh aktiviti yang telah berjaya dijalankan oleh ETA tahun sebelum-sebelum ini boleh dijadikan sebagai panduan pelaksanaan.

10.4 KPM melaksanakan program orientasi yang lebih panjang dan terperinci

Orientasi yang dijalankan bersama ETA pada awal tahun adalah kurang terperinci dan dilaksanakan dalam tempoh yang singkat. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan untuk melaksanakan program orientasi yang lebih panjang dan terperinci. Pendedahan yang sepatutnya tentang sistem pendidikan negara, kurikulum dan silibus Bahasa Inggeris serta hala tuju pembelajaran Bahasa Inggeris perlu menjadi antara agenda utama dalam program orientasi tersebut. Maklumat umum tentang pembelajaran dan hasil pembelajaran Bahasa Inggeris pada setiap peringkat persekolahan menengah perlu turut dikongsi semasa program orientasi tersebut. Ini agar ETA mendapat gambaran yang lebih spesifik tentang apa yang telah murid perolehi daripada pembelajaran Bahasa Inggeris mereka. Manakala maklumat yang lebih terperinci perlu dimaklumkan kepada ETA semasa aktiviti perbincangan dengan pihak sekolah apabila mereka telah berada di sekolah.

10.5 KPM membawa ke program orientasi tersebut, beberapa orang guru Bahasa Inggeris bagi berkongsi teknik pengajaran

Semasa program orientasi, ETA menyatakan bahawa mereka didedahkan dengan teknik pengajaran oleh pihak yang kurang mempunyai kredibiliti. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan untuk membawa ke program orientasi tersebut, beberapa orang guru Bahasa Inggeris daripada sekolah yang mempunyai pencapaian Bahasa Inggeris yang hampir sama dengan pencapaian Bahasa Inggeris sekolah yang mana ETA akan ditempatkan. Ini agar teknik pengajaran yang ETA perolehi daripada guru ini akan membantu mereka untuk merancang tindakan yang realistik dan *feasible* (munasabah) berdasarkan cabaran sebenar di sekolah tersebut.

10.6 Wujudnya percanggahan antara apa yang diperlukan dengan kehadiran ETA dengan realiti di sekolah

ETA di sesetengah sekolah menyatakan wujudnya percanggahan antara apa yang diperlukan dengan kehadiran ETA dengan realiti di sekolah. Aktiviti yang ingin dilaksanakan oleh ETA terpaksa dibatalkan kerana bertembung dengan kelas tambahan yang ingin diadakan guru ataupun kerana murid mempunyai masalah daripada segi komitmen untuk berada di sekolah selepas waktu persekolahan untuk aktiviti bersama ETA. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan untuk memanjangkan waktu persekolahan bagi sekolah yang terlibat dengan program ETA bagi memberi peluang kepada ETA untuk melaksanakan program mereka secara rasmi dalam waktu persekolahan.

10.7 Masalah disiplin murid dan kemahuan mencuba murid yang rendah berhubung pembelajaran Bahasa Inggeris

ETA di sesetengah sekolah juga menyatakan mereka berhadapan dengan masalah disipilin murid dan kemahuan mencuba murid yang rendah berhubung pembelajaran Bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, KPM dicadangkan untuk berkongsi tentang *success stories* daripada ETA tahun-tahun sebelumnya bagi mencetuskan idea dan memberikan motivasi kepada ETA dalam mereka melaksanakan peranan mereka di sekolah.

10.8 KPM memperkasakan peranan pihak PPD dalam pelaksanaan program ETA

Memandangkan PPD adalah organisasi yang paling dekat dengan pihak sekolah dan merupakan pihak yang paling tahu tentang keperluan sekolah di dalam daerahnya berhubung pembelajaran Bahasa Inggeris, KPM dicadangkan untuk memperkasakan peranan pihak PPD ini. Peranan ini antara lainnya meliputi penyediaan pelan tindakan spesifik bagi setiap sekolah yang terlibat dengan program ETA dalam daerah masing-masing. Pelan tindakan ini perlulah berlandaskan cara terbaik mengoptimumkan kehadiran ETA di sekolah yang terlibat. Ini termasuklah bagaimana PPD dapat memastikan ETA menyesuaikan pendekatan mereka kepada keperluan khusus sekolah berkaitan pembelajaran bahasa Inggeris murid.

11. CADANGAN DASAR

11.1 Peluasan program ETA ke sekolah lain yang mempunyai keperluan yang sama

Memandangkan wujud keberkesanan dalam pelaksanaan program ETA di sekolah yang berkeperluan tinggi (daripada segi pencapaian Bahasa Inggeris murid) yang mana ETA didapati telah mewujudkan dalam kalangan murid, minat terhadap bahasa Inggeris, keyakinan untuk menggunakan bahasa Inggeris, penyertaan dalam aktiviti bahasa Inggeris dan kemahiran komunikasi bahasa Inggeris yang tinggi selari dengan objektif program, KPM dicadangkan untuk mempertimbangkan perluasan program ini ke sekolah lain yang mempunyai keperluan yang sama namun tidak berpeluang untuk dilibatkan dengan program ini dalam kohort sebelum-sebelum ini.

Daripada pelaksanaan program ETA di sekolah dan keberkesanan program tersebut yang telah dinilai dalam kajian ini, beberapa cadangan dasar seperti dibawah perlu dipertimbangkan bagi memberi manfaat kepada sekolah lain di seluruh negara.

11.2 Guru dalam perkhidmatan dan bakal guru dilengkapkan dengan kemahiran sosio-afektif bagi menimbulkan minat murid terhadap bahasa Inggeris

ETA telah membantu murid menyedari kepentingan bahasa Inggeris dalam hidup mereka yang merupakan satu daripada aspek minat. Sehubungan dengan itu, kemahiran ini perlu juga dimiliki oleh guru Bahasa Inggeris bagi memastikan minat murid terhadap bahasa tersebut adalah tinggi yang akan seterusnya menyumbang kepada penguasaan mereka dalam bahasa tersebut. Justeru, KPM perlu memastikan guru dan bakal guru dilengkapi dengan kemahiran menerapkan sikap positif dalam kalangan murid terhadap bahasa Inggeris.

11.3 Guru dalam perkhidmatan dan bakal guru dilengkapkan dengan kemahiran meningkatkan keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Inggeris

ETA, murid boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris tanpa rasa malu, risau dan kekok. Di samping itu, ETA juga telah membantu murid mempunyai keterbukaan dalam berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Kedua-dua aspek ini membantu murid merasa yakin dalam menggunakan bahasa Inggeris. Justeru, KPM juga perlu memastikan guru dan bakal guru diberi pendedahan tentang kemahiran meningkatkan keyakinan murid untuk menggunakan bahasa tersebut.

11.4 Guru dalam perkhidmatan dan bakal guru diberi pendedahan terhadap aktiviti yang dapat meningkatkan keseronokan murid mempelajari bahasa Inggeris

Daripada kajian ini juga, dapatan menunjukkan ETA telah meningkatkan penyertaan murid dalam aktiviti bahasa Inggeris menerusi pengajaran mereka yang membantu murid untuk merasa seronok belajar bahasa Inggeris, seronok mengikuti aktiviti dalam kelas Bahasa Inggeris dan sentiasa bersemangat untuk belajar lebih lagi tentang bahasa Inggeris.

Sehubungan dengan itu, KPM seterusnya perlu turut memastikan guru dan bakal guru diberi pendedahan tentang cara terbaik untuk murid merasai keseronokan menerusi aktiviti bahasa Inggeris yang dilaksanakan. Ini seterusnya akan mewujudkan semangat dalam kalangan murid untuk terus mempelajari bahasa tersebut.

Secara kesimpulannya, KPM perlu mempertimbangkan untuk memperlengkap bakal guru Bahasa Inggeris dan guru Bahasa Inggeris yang sedang berkhidmat dengan kemahiran sosio-afektif khusus bagi tujuan menangani punca kepada penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah di sekolah yang berpencapaian bahasa Inggeris yang lemah yang telah cuba diatasi dengan pelaksanaan program ETA di sekolah.

12. PENUTUP

Langkah Kementerian Pendidikan memperkenalkan program ETA di sekolah berkeperluan tinggi daripada segi pencapaian Bahasa Inggeris murid adalah bertepatan dengan usaha untuk meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris di sekolah tersebut. Usaha ini juga adalah selaras dengan salah satu ciri dalam Aspirasi Murid iaitu "....setiap murid akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi pada peringkat antarabangsa...". Usaha ini juga adalah bagi mempersiapkan negara dengan modal insan yang dilengkapi dengan kemahiran bahasa Inggeris yang mencukupi yang mempunyai kemampuan untuk bersaing pada peringkat antara bangsa selari dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENGGANTIAN SUSU BANCUHAN *(RECONSTITUTED) ULTRA HIGH TEMPERATURE (UHT)* KEPADA SUSU SEGAR DALAM PROGRAM SUSU 1MALAYSIA (PS1M) DI SEKOLAH RENDAH

1. PENGENALAN

Program yang membekalkan susu kepada murid sekolah telah lama dilaksanakan di pelbagai negara di dunia terutamanya bagi negara-negara yang mempunyai Industri Tenusu. Susu adalah sejenis makanan yang amat kaya dengan nutrien yang penting untuk perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak. Pemberian susu untuk diminum oleh murid-murid di sekolah-sekolah rendah di Malaysia adalah sebagai makanan tambahan dilaksanakan secara umumnya bertujuan untuk membekalkan nutrisi yang mencukupi dan pemakanan yang seimbang serta memupuk tabiat pemakanan yang baik supaya murid kekal sihat dan sentiasa segar.

Program Susu Sekolah (PSS) di Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1983 dan merupakan program sokongan kepada Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sebagai usaha kerajaan untuk memupuk amalan meminum susu serta memperbaiki lagi taraf pemakanan dan kesihatan dalam kalangan murid sekolah rendah. Program ini telah diperluaskan di seluruh negara mulai tahun 1985 kecuali Sabah yang mempunyai program susu yang tersendiri. PSS adalah satu rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama-sama syarikat-syarikat pengeluar susu selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia. PSS yang telah dilaksanakan sekian lama adalah satu daripada usaha berterusan KPM untuk membantu murid-murid sekolah rendah mendapat pelbagai zat yang diperlukan bagi pemakanan seimbang.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehlaksanaan penggantian susu bancuhan (reconstituted) Ultra High Temperature (UHT) kepada susu segar dalam Program Susu 1Malaysia (PS1M) di sekolah rendah.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenal pasti kesediaan sekolah dalam kebolehlaksanaan penggantian susu bancuhan UHT kepada susu segar dalam PS1M.
- Mengenal pasti keupayaan pembekal dalam kebolehlaksanaan penggantian susu bancuhan UHT kepada susu segar dalam PS1M.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah pengumpulan data di mana data diperoleh melalui temu bual oleh pembekal, pegawai JPN/ PPD, pentadbir sekolah dan maklum balas secara bertulis daripada Guru Penyelaras PS1M. Proses temu bual telah dimulai dengan Pembekal PS1M sedia ada dan dilaksanakan pada pertengahan bulan September 2017. Senarai pembekal sedia ada tersebut ialah:

- Syarikat Hybrid Allied Sdn. Bhd.
- Syarikat Holstein Milk Company
- Syarikat Konsuma Sdn. Bhd.
- Syarikat Dutch Lady Milk Industries Berhad
- Syarikat Sabah International Dairies Sdn. Bhd.

Temu bual dilaksanakan dengan menggunakan protokol temu bual yang telah disediakan yang berbentuk *semi-structured* untuk memberi ruang kepada penyelidik mengubah suai soalan, urutan soalan, jenis serta bilangan soalan yang dikemukakan kepada responden,

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Keupayaan Pembekal

Bagi melihat keupayaan pembekal untuk membekal susu segar, tiga kriteria telah dikenal pasti, iaitu ladang, kilang dan susu segar (200 ml). Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya Syarikat Holstein Milk Company sahaja yang memenuhi ketiga-tiga kriteria tersebut. Manakala, Syarikat Hybrid Allied Sdn. Bhd hanya mempunyai kilang dan susu segar (200 ml). Syarikat Dutch Lady dan Sabah International Dairies (SID) hanya mempunyai kilang sahaja. Sementara Syarikat Konsuma Sdn. Bhd. tidak memenuhi mana-mana kriteria tersebut.

5.2 Kriteria Tambahan untuk Pembekal

Dapatan kajian menunjukkan bahawa untuk membekalkan susu segar, pembekal hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut, iaitu penyimpanan *(chiller),* kelengkapan kawalan suhu (data logger atau thermometer) dan pengangkutan *(chiller truck)*.

5.3 Ketahanan Susu Segar

Kajian mendapati susu segar boleh rosak jika rangkaian sejuk *(cold chain)* terjejas. Susu segar perlu kekal pada suhu 4ºC untuk keseluruhan rangkaian sejuk. Susu segar akan rosak apabila bekalan elektrik terputus melebihi 2 jam. Jangka hayat susu segar hanya bertahan empat belas (14) hari sahaja di dalam *chiller.*

5.4 Perbezaan Harga Susu Segar dengan Susu Bancuhan *(Reconstitued) Ultra High Temperature (UHT)*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembekal mencadangkan harga yang berbeza-beza bagi susu segar (200 ml), iaitu antara RM1.60 hingga RM2.40. Oleh yang demikian, peratus (%) peningkatan harga susu segar per murid bagi 200 ml berbanding harga semasa ialah 18.52% - 77.78%.

5.5 Perjanjian Kontrak Susu Segar

Kajian juga mendapati, pembekal mencadangkan tempoh untuk perjanjian kontrak susu segar adalah antara dua hingga lima tahun kerana pembekal perlu mengeluarkan modal yang tinggi untuk projek susu segar seperti pembelian *chiller* dan *chiller truck*.

5.6 Harga dan Saiz C*hiller*

Dapatan kajian juga menunjukkan harga kos untuk *chiller* bagi 1 pintu ialah RM1,450.00 dan boleh memuatkan 240 kotak susu, 2 pintu (RM2,800.00 bagi 600 kotak susu) dan 3 pintu (RM4,500.00 untuk 1,320 kotak susu). Bilangan murid PS1M di sekolah berdasarkan data tahun 2017 ialah antara 1 hingga 970 orang. Bagi sekolah yang tidak ramai murid atau luar bandar, kaedah alternatif seperti kotak ais digunakan seperti yang dicadangkan oleh Syarikat Holstein Milk Company.

5.7 Kesediaan Sekolah

Dari segi **kesediaan sekolah**, dapatan kajian menunjukkan bahawa pentadbir sekolah dan guru-guru menyambut baik usaha kerajaan dan bersedia untuk melaksanakan susu segar di sekolah masing-masing. Demikian juga dengan JPN/ PPD. Pihak sekolah juga akan membantu memberi penerangan kepada murid-murid tentang kebaikan dan kelebihan minum susu segar untuk kesihatan. Sungguhpun begitu, mungkin akan ada cabaran dari segi penerimaan murid pada peringkat awal kerana belum pernah minum susu segar setiap hari. Ini termasuklah murid-murid asli.

5.8 Susu Segar (1 Liter)

mendapati **sekolah menolak susu segar** yang dibekalkan dalam kuantiti 1Liter dari Syarikat Sabah International Dairies (SID) dan Dutch Lady Industries yang **perlu dituang ke dalam cawan** kerana akan menyebabkan beban tugas guru bertambah, mengambil banyak masa, tidak selamat dan boleh menyebabkan keracunan.

5.9 Perkara-perkara Lain

Dapatan kajian juga menunjukkan pihak sekolah mohon dipertimbangkan beberapa perkara sebelum pelaksanaan susu segar, iaitu pembekal membekalkan chiller dan thermometer terlebih dahulu, sekolah lama yang mempunyai masalah pendawaian elektrik dibantu dari segi pendawaian supaya sekolah mendapat bekalan elektrik yang berterusan. Selain itu, terdapat juga bil elektrik yang meningkat sedikit kerana pemasangan chiller, dan bil dibayar oleh kerajaan serta pemantauan dan bimbingan yang berkala daripada JPN/ PPD.

5.10 Lokasi Projek Rintis

Bagi **lokasi Projek Rintis Susu Segar**, dapatan kajian menunjukkan bahawa lokasi yang terpilih telah dicadangkan oleh pembekal PS1M sedia ada, iaitu yang membekalkan susu bancuhan UHT bagi tahun 2017 dan pembekal baharu. Pembekal PS1M sedia ada dan pembekal baharu yang bersetuju untuk membekalkan susu segar bagi projek rintis yang akan datang ialah Syarikat Hybrid Allied Sdn. Bhd., Syarikat Holstein Milk Company, Syarikat Yun Fook Resources Sdn. Bhd. dan Syarikat Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. Peratus bilangan sekolah rintis ialah 23.78%.

5.11 Melantik Pembekal Baharu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semasa kajian lapangan dijalankan, pasukan penyelidik mendapati terdapat pembekal baharu yang berupaya untuk membekalkan susu segar dalam projek rintis PS1M susu segar yang ingin dilaksanakan oleh KPM. Pembekal baharu tersebut ialah Syarikat Yun Fook Resources Sdn. Bhd. dan Syarikat Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. Kedua-dua pembekal ini mempunyai ladang, kilang dan berupaya membekalkan susu segar dalam bentuk kotak 200 ml.

6. CADANGAN KAJIAN

6.1 Keupayaan Pembekal

Kajian mendapati bahawa tidak semua pembekal sedia ada memenuhi ketiga-tiga kriteria yang telah ditetapkan untuk membekal susu segar. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan pembekal susu segar untuk projek rintis hendaklah memenuhi kesemua kriteria tersebut bagi menjamin kualiti susu segar. Selain itu, tempat penyimpanan *(chiller),* kelengkapan kawalan suhu (data logger atau thermometer) dan pengangkutan *(chiller truck)* turut diambil kira.

6.2 Mengenal Pasti Pihak yang akan Menanggung Kos Kerosakan Susu Segar

Berdasarkan dapatan kajian, susu segar boleh rosak jika rangkaian sejuk *(cold chain)* terjejas tertutamanya bagi sekolah-sekolah lama yang memerlukan pendawaian semula dan bekalan elektrik yang berterusan. Oleh itu, dicadangkan perlu mengenal pasti pihak yang akan menanggung kerosakan susu segar tersebut sama ada kerajaan atau pembekal.

6.3 Perbezaan harga Susu Segar

Dapatan kajian menunjukkan pembekal mencadangkan harga yang berbeza-beza bagi susu segar (200 ml) dan berlaku peningkatan harga berbanding harga semasa. Ini adalah kerana pembekal perlu mengeluarkan modal yang tinggi. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya dapat ditetapkan harga yang standard bagi susu segar 200 ml bagi mengelakkan implikasi kos yang tinggi kepada KPM.

6.4 Perjanjian Kontrak Susu Segar

Dapatan menunjukkan pembekal mencadangkan tempoh untuk perjanjian kontrak susu segar adalah antara dua hingga lima tahun. Ini adalah kerana pembekal harus mengeluarkan modal yang tinggi untuk projek ini. Oleh itu, dicadangkan supaya tempoh masa bagi kontrak perjanjian dilanjutkan.

6.5 Saiz *chiller*

Dapatan menunjukkan kos *chiller* bergantung kepada saiz samada 1 pintu, 2 pintu atau 3 pintu. Oleh yang demikian, kajian mencadangkan pembekal mengenal pasti enrolmen murid yang terkini sebelum *chiller* dihantar ke sekolah rintis.

6.6 Kesediaan Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan mungkin akan ada cabaran dari segi penerimaan murid pada peringkat awal kerana belum pernah minum susu segar. Justeru itu, dicadangkan supaya pihak sekolah dan JPN/ PPD memberi pengetahuan serta pendidikan terlebih dahulu kepada murid-murid tentang khasiat susu segar.

6.7 Pembekalan Susu Segar 200 l dalam Bentuk Botol atau Kotak

Kajian mendapati sekolah menolak susu segar yang dibekalkan dalam kuantiti 1 liter yang perlu dituang ke dalam cawan kerana akan menyebabkan beban tugas guru bertambah, mengambil banyak masa, tidak selamat dan boleh menyebabkan keracunan. Oleh yang demikian, kajian mencadangkan supaya KPM menolak susu segar 1liter atas faktor keselamatan dan membekalkan susu segar dalam kuantiti 200 ml dalam bentuk botol atau kotak.

6.8 Perkara-perkara Lain

Dapatan kajian juga menunjukkan pihak sekolah mohon dipertimbangkan beberapa perkara sebelum pelaksanaan susu segar, iaitu pembekal membekalkan chiller dan thermometer terlebih dahulu, sekolah lama yang mempunyai masalah pendawaian elektrik dibantu dari segi pendawaian supaya sekolah mendapat bekalan elektrik yang berterusan. Oleh itu, kajian mencadangkan supaya isu ini diselesaikan terlebih dahulu di sekolah rintis sebelum pelaksanaan projek rintis.

6.9 Melantik Pembekal Baharu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pembekal baharu yang berupaya untuk membekalkan susu segar dalam Projek Rintis PS1M yang ingin dilaksanakan oleh KPM. Sehubungan dengan itu, tidak semestinya pembekal sedia ada sahaja boleh membekalkan susu segar, dicadangkan pembekal baharu juga boleh dilantik untuk membekalkan susu segar.

6.10 Pemantauan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa JPN dan PPD bersedia untuk melaksanakan pemantauan bagi menjayakan projek rintis susu segar. Sehubungan dengan itu, dicadangkan JPN dan PPD melaksanakan pemantauan yang sistematik dan berkala bagi menjayakan projek rintis susu segar dalam PS1M. Oleh itu, satu garis panduan dan instrumen pemantauan untuk Projek Rintis Susu Segar dalam PS1M perlu dibentuk oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH).

7. PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi gambaran secara menyeluruh mengenai kebolehlaksanaan penggantian susu bancuhan (reconstituted) Ultra High Temperature (UHT) kepada susu segar dalam Program Susu 1Malaysia (PS1M) di Sekolah Rendah dan lokasi untuk melaksanakan Projek Rintis Susu Segar. Penggantian susu bancuhan (reconstituted) Ultra High Temperature (UHT) kepada susu segar dalam Program Susu 1Malaysia (PS1M) boleh dilaksanakan tetapi tertakluk kepada pendawaian elektrik, kos mengurus, penyimpanan dan pemantauan. Pembekal pula dari aspek penyimpanan, kelengkapan kawalan suhu dan pengangkutan serta pembekalan susu segar dalam bentuk botol atau kotak dalam kuantiti 200 ml per murid.

KAJIAN PENTAKSIRAN PENDIDIKAN PERINGKAT RENDAH: ISU DAN PENAMBAHBAIKAN

1. PENGENALAN

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK)


Lembaga Peperiksaan (2009) telah membuat penambahbaikan terhadap sistem peperiksaan sekolah di Malaysia dengan memperkenalkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Sistem ini bertujuan menaksir pencapaian murid secara keseluruhan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjuruskan kepada perkembangan murid secara holistik iaitu Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI).

SPPK ialah suatu sistem pentaksiran yang holistik, fleksibel, seimbang dan merujuk standard yang mampu mengumpul maklumat bukan sahaja tentang sejauh mana murid telah menguasai apa yang dipelajari malahan bagaimana maklumat itu dapat membantu murid memperbaiki pembelajaran. Jika dalam sistem peperiksaan sedia ada perkara yang diukur, dinilai dan dilaporkan adalah lebih bertumpu kepada pencapaian akademik; dalam SPPK, empat perkara iaitu profil *(profile)*, pencapaian *(achievement)*, perkembangan *(development)* dan penglibatan *(involvement)* murid dibina, ditaksir dan dinilai.

Matlamat SPPK adalah bertujuan:

- Mengurangkan tekanan kepada peperiksaan awam;
- Pentaksiran yang berterusan;
- Memperbaiki pembelajaran murid;
- Pentaksiran yang lebih holistik; dan
- Membina modal insan dengan lebih berkesan.

SPPK terdiri daripada 5 jenis pentaksiran dengan menggabungkan pentaksiran yang dikendalikan secara bersama oleh Lembaga Peperiksaan (LP) iaitu Peperiksaan Pusat (PpP) dan pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).



Rajah 1: Komponen-komponen Dalam Pentaksiran SPPK

2. PERNYATAAN MASALAH

Keputusan peperiksaan UPSR tahun 2016 menunjukkan kejatuhan ketara bilangan murid yang mendapat semua A dalam kesemua mata pelajaran iaitu 4,896 orang (1.11%) berbanding 38,344 orang calon pada tahun 2015 (8.65%).

Akibatnya banyak pihak meluahkan rasa tidak puas hati dengan pelaksanaan format baharu UPSR ini melalui media massa. Mereka mencadangkan agar pelaksanaan UPSR ini dikaji semula. Malah terdapat kesatuan guru bersetuju dengan cadangan bahawa UPSR dimansuhkan dan digantikan sepenuhnya dengan PBS. Sebaliknya ada pula pihak misalnya (PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri) menekankan agar UPSR diteruskan.

Susulan isu-isu yang timbul akibat pelaksanaan format baharu UPSR tahun 2016, maka YB Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa pelaksanaan (UPSR) akan diputuskan selepas KPM membuat kajian menyeluruh terhadap kebolehlaksanaan PBS menggantikan UPSR dalam tempoh lima tahun lagi. Kajian ini mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan melibatkan guru, ibu bapa, pakar pentaksiran pendidikan rendah serta kesatuan dan persatuan guru yang berkaitan.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu-isu pentaksiran bagi melaksanakan penambahbaikan dalam sistem pentaksiran pendidikan peringkat rendah.

4. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan guru dalam pelaksanaan PS di sekolah rendah.
ii. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan PS.
iii. Menilai pencapaian murid dalam PS 2016 berbanding dengan pencapaian PpP (UPSR 2016).
iv. Mengenal pasti isu-isu berkaitan UPSR 2016.
v. Mengenal pasti kaedah pelaksanaan pentaksiran pendidikan peringkat rendah dalam tempoh lima tahun akan datang.

5. SOALAN KAJIAN

Berikut adalah soalan kajian bagi mencapai objektif kajian ini:

i. Apakah tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PS di sekolah rendah?
ii. Apakah tahap amalan guru dalam pelaksanaan PS di sekolah rendah?
iii. Apakah persepsi guru tentang pelaksanaan PS?
iv. Apakah hubungan antara pencapaian murid dalam PS 2016 dengan pencapaian PpP (UPSR 2016)?
v. Apakah isu dalam pelaksanaan peperiksaan UPSR 2016?
vi. Apakah pandangan pihak berkepentingan terhadap pelaksanaan:
    a) Peperiksaan Pusat sepenuhnya;
    b) Pentaksiran Pusat sepenuhnya; dan
    c) Peperiksaan Pusat dan Pentaksiran Pusat.

6. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan dan penganalisisan data melibatkan guru mata pelajaran teras tahap 2, data Pelaporan Pentaksiran Sekolah Tahun 6 dan Keputusan UPSR bagi murid Tahun 2016, ketua panitia mata pelajaran teras dan pentadbir sekolah rendah. Responden terdiri daripada guru SK, SJKC, SJKT dan SABK melibatkan enam zon iaitu zon utara (Kedah), zon tengah (WP K.Lumpur dan Selangor), zon selatan (Johor), zon timur (Kelantan) serta Sabah dan

Sarawak. Lokasi sekolah terdiri daripada sekolah di bandar dan luar bandar. Di samping itu, wacana meja bulat telah diadakan bagi mendapatkan pandangan pakar pentaksiran / penilaian pendidikan rendah, Kesatuan / Persatuan Guru dan Yang Dipertua PIBG.

7. SAMPEL KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada 1274 guru mata pelajaran teras tahap 2 sekolah yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Di samping itu, kajian ini juga melibatkan 16 guru panitia mata pelajaran teras serta 7 orang pentadbir sekolah pentadbir untuk mendapatkan maklumat melalui sesi temu bual. Perbandingan pencapaian murid antara Pelaporan Pentaksiran Sekolah Tahun 6 (PST6) dan Keputusan UPSR 2016 melibatkan data murid sebanyak 3653 orang. Seterusnya wacana meja bulat pula melibatkan 12 pakar pentaksiran / penilaian, 13 wakil kesatuan / persatuan guru serta 7 wakil PIBG.

8. DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah rumusan dapatan kajian ini:

8.1 Pengetahuan dan Amalan Guru Tentang Pentaksiran Sekolah

Keseluruhannya pengetahuan dan amalan guru tentang pelaksanaan PS berada pada tahap yang tinggi sama ada di bandar atau luar bandar. Amalan PS guru di sekolah bandar adalah lebih tinggi berbanding di luar bandar.

8.2 Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah

Berdasarkan min yang sederhana bagi strategi pengajaran dan strategi pentaksiran dapat dirumuskan bahawa guru mempunyai masalah dalam kedua-dua aspek tersebut. Walau bagaimanapun guru tidak menghadapi masalah dalam strategi memahami pembelajaran murid.

8.3 Isu – isu Pelaksanaan PS

Berdasarkan data kualitatif yang dikutip daripada guru mata pelajaran teras, ketua panitia mata pelajaran teras dan pentadbir sekolah dapat dirumuskan bahawa isu dalam pelaksanaan PS adalah seperti berikut:

i. Kekangan masa dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah.
ii. Tugas pembuktian / evidens untuk mengesahkan penguasaan murid menambah tugas sedia ada guru.

iii. Sebahagian guru masih kurang mahir dengan Pentaksiran Sekolah.
iv. Tapak/templat *offline* pengisian data pentaksiran kurang mesra pelanggan *(user friendly)* dan agak mengelirukan.
v. Fokus berlebihan kepada Peperiksaan Pusat.
vi. Ketidakyakinan terhadap ketulenan hasil kerja murid.
vii. Pentaksiran guru kurang tepat kerana bilangan murid yang ramai.

8.4 Pencapaian Murid dalam PS 2016 dan PdP (UPSR 2016)

Dapatan kajian yang menunjukkan lebih ramai murid mendapat gred yang lebih tinggi iaitu gred A dan B berbanding gred yang lebih rendah, iaitu gred C, D dan E dalam kedua-dua pentaksiran (PS dan UPSR 2016) menunjukkan kemampuan guru membuat pentaksiran yang hampir tepat terhadap pencapaian murid. Namun, analisis yang menunjukkan sejumlah murid yang mendapat gred A dalam PS tidak mendapat gred yang sama dalam UPSR 2016 menunjukkan perubahan format UPSR 2016 memberi kesan terhadap pencapaian murid.

8.5 Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Peperiksaan Pusat

Secara umumnya guru tidak memberi persepsi positif terhadap UPSR 2016. Namun terdapat beberapa kekuatan UPSR 2016 telah diutarakan seperti berikut:

i. Pengenalan elemen KBAT membolehkan murid berfikir dalam pembelajaran dan tidak mampu menghafal jawapan.
ii. Menilai tahap pencapaian domain kognitif sebenar murid.
iii. Soalan pelbagai jenis / aras serta berkualiti.
iv. Sistem pemarkahan baik dan teratur.
v. Pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah lebih berfokus kepada KBAT.

Kelemahan yang diutarakan oleh guru berkenaan UPSR 2016 adalah seperti berikut:

i. Perubahan format dimaklumkan lewat.
ii. Aras soalan (KBAT) tinggi dan banyak.
iii. Peruntukan masa menjawab soalan tidak mencukupi.
iv. Pemarkahan: skema dan agihan markah tidak sesuai.
v. Kompetensi pentaksiran guru masih lemah.
vi. Kaedah pemeriksaan dan penskoran tidak tekal.
vii. UPSR lebih menggalakkan konsep pengajaran dan pembelajaran untuk peperiksaan.

Di samping itu, beberapa isu tambahan berkaitan pelaksanaan peperiksaan pusat dikemukakan seperti berikut:

i. Kaedah penilaian UPSR berdasarkan gred A,B,C,D dan E tidak menggambarkan keupayaan murid secara bersepadu.
ii. PdP hanya menjurus kepada kaedah menjawab UPSR.
iii. Subjek-subjek yang tidak tersenarai dalam UPSR diabaikan.
iv. Meningkatkan kos sara hidup dan tekanan kepada ibu bapa untuk menyediakan keperluan hiliran bagi mencapai keputusan cemerlang.
v. Tekanan emosi kepada murid serta kanak-kanak hilang zamannya akibat terlalu fokus untuk mengejar kecerlangan dalam UPSR.

8.6 Pandangan Pihak Berkepentingan Terhadap Pelaksanaan:

a) Peperiksaan Pusat sepenuhnya;

b) Pentaksiran Pusat sepenuhnya; dan

c) Gabungan Peperiksaan Pusat dan Pentaksiran Pusat.

Pandangan pihak yang terlibat dalam kajian ini dapat menunjukkan bahawa Peperiksaan Pusat (UPSR) sepenuhnya masih menjadi pilihan guru dan ibu bapa. Sementara Pakar Pentaksiran / Penilaian Pendidikan Rendah serta Kesatuan / Persatuan Guru mahukan PP (PBS) dilaksanakan. Hanya segelintir guru yang mencadangkan agar Gabungan Peperiksaan Pusat dan Pentaksiran Pusat dilaksanakan.

9. CADANGAN KAJIAN

Cadangan berdasarkan dapatan kajian adalah seperti berikut:

9.1 Penambahbaikan Pentaksiran Sekolah (PS)

Sama ada melaksanakan PBS sepenuhnya atau peperiksaan pusat sepenuhnya, penambahbaikan berikut perlu dibuat untuk pelaksanaan PS:

i. Meningkatkan Kemahiran Pentaksiran Sekolah Guru

Bahagian di KPM khususnya IPGM, BPG, IAB perlu melaksanakan kursus, bengkel dan latihan kemahiran berkaitan pelaksanaan Pentaksiran Sekolah kepada guru sepanjang masa *(Continuing Professional Development - **CPD**)*. Ini memberikan ruang kepada para guru untuk menambah kemahiran Pentaksiran Sekolah di samping berpeluang merujuk masalah yang dihadapi dengan pakar rujuk Pentaksiran Sekolah. **CPD** juga penting supaya guru yakin dengan Pentaksiran Sekolah yang dilaksanakannya.

ii. Tugas Pembuktian Dikurangkan

Guru terbeban dengan tugas pembuktian untuk menaksir murid terutamanya bagi guru yang mengajar kelas peperiksaan (tahun 6). Oleh itu, tugas sedemikian perlu dikurangkan agar guru lebih berfokus kepada PdP dan pelaksanaan PS di bilik darjah.

iii. Elemen DSKP yang Ditaksir Lebih Berfokus Kepada Konstruk Utama

Elemen DSKP yang perlu ditaksir oleh guru untuk sesuatu mata pelajaran adalah terlalu banyak. Dicadangkan elemen DSKP yang perlu ditaksir oleh guru lebih berfokus kepada konstruk – konstruk utama sahaja.

iv. Bahan Pentaksiran dan Sumber Rujukan Pentaksiran Sekolah Perlu Mencukupi

Didapati bahawa sumber rujukan guru untuk melaksanakan Pentaksiran Sekolah masih terhad dan masih tidak mencukupi. Oleh yang demikian, satu mekanisme penyaluran maklumat dan sumber rujukan Pentaksiran Sekolah yang mencukupi hendaklah disediakan.

v. Tapak / Templat *Offline* Pengisian Data Pentaksiran Mesra Pelanggan

Tapak / templat *offline* pengisian data pentaksiran kurang mesra pelanggan *(user friendly)*. Oleh yang demikian, templat pengisian data sedia ada hendaklah dikaji dan ditambah baik.

vi. Pentadbir Peka Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah di Sekolah

Kekurangan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah di sekolah mengganggu kelancaran Pentaksiran Sekolah di sekolah. Oleh yang demikian, pihak pentadbir sekolah hendaklah peka kepada aspek kecukupan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah yang berkesan.

vii. Bilangan Murid Dalam Bilik Darjah Tidak Melebihi 30 Orang Murid

Data saiz kelas sekolah rendah pada 30 September 2017 menunjukkan secara keseluruhannya terdapat 22,121 kelas (21.12%) kelas mengandungi bilangan murid melebihi 34 orang murid. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar bilangan murid di dalam sesuatu kelas tidak melebihi 35 orang murid bagi memastikan guru dapat melaksanakan Pentaksiran Sekolah dengan lebih berfokus dan berkesan.

viii. Bilangan Mata Pelajaran di Sekolah Rendah Dikaji Semula

KSSR (Semakan Semula) menyenaraikan 8 hingga 10 mata pelajaran yang perlu diajarkan kepada murid sekolah rendah (SPI Bil.8/2016). Bilangan mata pelajaran ini dianggap banyak untuk diikuti oleh murid dan perlu ditaksir oleh guru. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bilangan mata pelajaran sekolah rendah dikaji semula.

9.2 Penambahbaikan Pelaksanaan Pentaksiran Peringkat Rendah

Kajian telah mengenal pasti dua mod yang utama untuk pentaksiran peringkat rendah. Namun, setiap mod tersebut perlu ada penambahbaikan seperti berikut:

a) Peperiksaan Pusat

Sekiranya peperiksaan pusat menjadi pilihan, penambahbaikan berikut perlu dilaksanakan:

i. Kaedah Pentaksiran Baharu Dimaklumkan Lebih Awal

Semua pemegang taruh menghadapi masalah untuk bersedia dengan perubahan format baharu UPSR 2016. Oleh yang demikian, sebarang perubahan hendaklah dimulakan sejak kohort murid tersebut berada di tahun 1 lagi agar tempoh persediaan menghadapi pentaksiran mencukupi.

ii. Kursus dan Latihan Berkaitan Perubahan Kaedah Pentaksiran Baharu

Sebarang perubahan kaedah pentaksiran, guru perlu diberikan pendedahan (kursus / latihan / bengkel / taklimat format baharu) dengan lebih terancang dan sistematik.

iii. Kaedah Pentaksiran Difahami Guru

Maklumat yang disampaikan berkaitan perubahan kaedah pentaksiran baharu didapati berbeza – beza dan tidak tekal. Oleh yang demikian, satu mekanisme perlu disediakan agar maklumat tersebut dapat disampaikan lebih tepat, tekal dan seragam kepada guru.

iv. Soalan KBAT Selari Dengan Kemampuan Kognitif Murid

Banyak soalan KBAT dalam UPSR 2016 beraras tinggi dan tidak adil bagi murid berpencapaian lemah terutamanya murid di sekolah luar bandar dan murid di SK Asli. Oleh yang demikian, dicadangkan agar keseimbangan antara soalan objektif (aneka pilihan) dengan subjektif dilihat semula. Di samping itu, aras kesukaran soalan KBAT serta masa diperuntukkan untuk murid menjawab soalan juga dikaji semula.

b) Pentaksiran Pusat (PBS)

Pertimbangan berikut perlu diambil kira jika kaedah pentaksiran peringkat rendah sedia ada diubah kepada Pentaksiran Pusat (PBS).

i. Perubahan Secara Berperingkat Mengikut Kohort

Perubahan mod pentaksiran daripada Peperiksaan Pusat kepada Pentaksiran Pusat (PBS) hendaklah dibuat secara berperingkat mengikut kohort supaya pihak sekolah khususnya guru dan murid serta ibu bapa lebih bersedia menghadapi perubahan ini. Ini penting bagi memastikan perubahan pentaksiran pendidikan rendah daripada Peperiksaan Pusat kepada Pentaksiran Pusat (PBS) berjaya tanpa sebarang masalah.

ii. Meningkatkan Pemahaman Tentang Pelaksanaan PP (PBS)

Guru dan ibu bapa murid sekolah rendah tidak bersedia berhadapan dengan cadangan pelaksanaan UPSR sebagai PP (PBS). Oleh yang demikian, adalah disarankan agar guru dan ibu bapa didedahkan secara mendalam tentang kebaikan pelaksanaan PP(PBS) yang boleh menaksir pencapaian murid dengan lebih holistik.

iii. Tingkatkan Keyakinan Jaminan Kualiti Keputusan Pentaksiran Pusat (PBS)

Guru dan ibu bapa tidak begitu yakin dengan kaedah pemberian markah melalui Pentaksiran Pusat. Oleh itu, satu mekanisme perlu diwujudkan bagi menambah keyakinan guru dan ibu bapa terhadap keputusan Pentaksiran Pusat.

iv. Mengelakkan Tekanan Guru Daripada Pentadbir, Murid, Ibu Bapa, PPD dan JPN

Guru berpandangan sistem pentaksiran sedia ada masih berorientasikan peperiksaan. Keputusan dan ranking pencapaian murid serta sekolah menjadi keutamaan pentadbir, murid, ibu bapa, PPD dan JPN. Keadaan ini menyebabkan guru menerima tekanan jika penilaian telus guru tidak diterima oleh pihak berkaitan khususnya jika pencapaian murid rendah. Oleh yang demikian adalah dicadangkan guru diberi autoriti penuh untuk menilai dan menentukan pencapaian murid berdasarkan garis panduan LP tanpa sebarang tekanan.

10. IMPLIKASI DASAR

Peperiksaan Pusat (UPSR) masih perlu diteruskan. Pelaksanaan Peperiksaan Pusat (UPSR) kepada Pentaksiran Pusat (PBS) boleh dilaksanakan dalam tempoh lima tahun lagi dengan mengambil kira cadangan penambahbaikan.

11. PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat keperluan penambahbaikan dalam pelaksanaan pentaksiran peringkat rendah. Oleh yang demikian, pelaksanaan pentaksiran yang baharu perlu mengambil kira kesediaan semua pihak seperti pentadbir, guru, murid dan ibu bapa agar berjaya mencapai objektif pentaksiran pendidikan peringkat rendah.

KAJIAN GERAN PER KAPITA (PCG) MATA PELAJARAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

1. PENGENALAN

Cadangan kadar baharu PCG mata pelajaran Sains, teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) disediakan kerana PCG sedia ada dibuat berasaskan kajian pada tahun 1990an. PCG ini diperlukan bersesuaian dengan perubahan dasar, perubahan kurikulum, perubahan indeks harga pengguna dan kenaikan kadar inflasi.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencadangkan kadar bantuan per kapita (PCG) bagi mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di institusi pendidikan di bawah KPM.

3. OBJEKTIF KAJIAN

i. Mendapatkan maklumat berkaitan peruntukan dan perbelanjaan PCG mata pelajaran STEM dalam membantu melancarkan PdP di institusi pendidikan di bawah KPM.
ii. Mengenal pasti keperluan PCG mata pelajaran STEM di institusi pendidikan di bawah KPM.
iii. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pentadbir sekolah dalam pengurusan peruntukan PCG STEM di institusi pendidikan di bawah KPM.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan yang bertujuan untuk mengumpul data daripada satu set populasi. Data untuk kajian ini diperoleh melalui soal selidik, borang maklumat dan protokol temu bual.

5. SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian terdiri daripada Pengarah Kolej Vokasional dan Kolej Matrikulasi, Pengetua dan Guru Besar, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan guru pakar. Jumlah sekolah yang dilawati

adalah sebanyak 33 buah sekolah iaitu 19 buah sekolah menengah, 13 sekolah rendah dan 1 kolej matrikulasi.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Data dan maklumat kajian diperoleh daripada soal selidik, borang maklumat dan protokol temu bual. Protokol temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada Pengarah, Pengetua dan Guru Besar.

7. PENGUMPULAN DATA

Beberapa bengkel kerja telah diadakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan PdP, Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) dan amali di sekolah. Di samping itu, kajian lapangan turut dijalankan di 33 buah institusi pendidikan terdiri daripada dua sekolah menengah teknik, satu kolej vokasional, tujuh sekolah menengah kebangsaan, tiga sekolah berasrama penuh, satu kolej tingkatan enam, empat sekolah kebangsaan pendidikan khas, dua sekolah menengah pendidikan khas vokasional, sembilan sekolah rendah, satu sekolah menengah agama, satu Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, satu sekolah sukan dan satu kolej matrikulasi. Lawatan ke institusi tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat melalui instrumen borang maklumat dan protokol temu bual.

8. PENGIRAAN KADAR BARU PCG

Pengiraan cadangan kadar PCG dibuat dengan menggunakan kaedah ingredien iaitu mengambil kira semua bahan keperluan bagi melaksanakan PdP secara berkesan. Keperluan bahan-bahan yang disenaraikan untuk PdP adalah berdasarkan Standard Pembelajaran yang terdapat di dalam Dokumen Standard yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum. Bagi mendapatkan per kapita asas mata pelajaran, kaedah ingredien digunakan bagi mengira kos purata bahan dibahagikan dengan bilangan murid yang menggunakan bahan tersebut bagi sesebuah kelas.

9. CADANGAN KADAR BARU PCG MATA PELAJARAN STEM

Cadangan kadar baru PCG Mata Pelajaran STEM tertumpu kepada PCG mata pelajaran sahaja. Sebanyak 383 PCG mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) telah dicadangkan kadar baru. Implikasi kewangan bagi cadangan kadar baru adalah seperti berikut:

IMPLIKASI KEWANGAN MENGIKUT PERINGKAT PERSEKOLAHAN

Jadual 1

Kumpulan Dan Kadar Bantuan PCG Prasekolah (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016)

PERKARA	PCG (RM)
Prasekolah	33,500,325.60
Prasekolah (Pendidikan Khas)	883,330.51
JUMLAH	**34,382,626.11**

Kadar baru PCG pada peringkat sekolah melibatkan PLBD dan PdP. Jumlah peruntukan PCG baharu yang diperlukan adalah sebanyak **RM34,382,626.11**

Jadual 2

Kumpulan Dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Rendah (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016)

PERKARA	PCG (RM)
Mata Pelajaran Teras	124,201,139.00
Mata Pelajaran Wajib	588,359,304.90
JUMLAH	**712,560,443.90**

Jumlah kadar PCG baru pada peringkat sekolah rendah untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib adalah sebanyak RM124,201,139.00 dan RM588,359,304.90. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM712,560,443.90**

Jadual 3

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Menengah Harian/Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan(SABK)/Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional/Sekolah Sukan Malaysia/Sekolah Seni Malaysia (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH RENDAH (KELAS PERALIHAN DAN T1T3)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	63,933,016.20
Mata Pelajaran Wajib	427,094,937.20
Mata Pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV)	64,264,000.00
JUMLAH	**555,291,953.40**

Jumlah kadar PCG baru pada peringkat sekolah menengah rendah untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras , mata pelajaran wajib dan mata pelajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) adalah sebanyak RM 63,933,016.20, RM427,094,937.20 dan RM64,264,000.00. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM555,291,953.40**

Jadual 4

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Menengah Harian/Sekolah Berasrama Penuh(SBP)/ Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan(SABK)/Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional/ Sekolah Sukan Malaysia/Sekolah Seni Malaysia (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (T4-T5)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	103,305,368.60
Mata Pelajaran Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA)	68,040,000.00
Mata Pelajaran Elektif Sekolah Menengah Harian/Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/Sekolah Sukan Malaysia/Sekolah Seni Malaysia/ Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	3,141,312,387.00
Mata Pelajaran Vokasional Sekolah Menengah Harian	396,487,646.00
Mata Pelajaran Elektif Sekolah Menengah Teknik (SMT)/Kolej Vokasional (KV)	9,118,223,116.00
JUMLAH	**12,827,368,517.60**

Jumlah kadar PCG baru pada peringkat sekolah menengah atas untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras, mata pelajaran Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA), mata pelajaran elektif (sekolah menengah harian, Sekolah Berasrama Penuh(SBP), Sekolah Sukan Malaysia dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan) , matapelajaran vokasional dan mata pelajaran elektif (sekolah menengah teknik dan Kolej Vokasional) adalah sebanyak RM 103,305,368.60, RM68,040,000.00, RM3,141,312,387.00, RM396,487,646.00 dan RM9,118,223,116.00. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM12,827,368,517.60**

Jadual 5

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Menengah Harian/Sekolah Berasrama Penuh (SBP)/Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan(SABK)/Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional/Sekolah Sukan Malaysia/Sekolah Seni Malaysia (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016 dan APDM 31 Oktober , BPKhas 2017)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH ATAS (TINGKATAN 6)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Sains Tulen	9,202,571.00
Mata Pelajaran Teknologi	7,941,888.90
Mata Pelajaran Sains Sukan	844,294.20
Mata Pelajaran Sains Tulen (Kurang Upaya Penglihatan)	31,565.31
Mata Pelajaran Sains Tulen (Kurang Upaya Pendengaran)	15,031.10
Mata Pelajaran Sains Tulen (Masalah Pembelajaran)	16,318.72
Mata Pelajaran Teknologi (Kurang Upaya Penglihatan)	60,574,29
Mata Pelajaran Teknologi (Kurang Upaya Pendengaran)	29,787.10
Mata Pelajaran Teknologi (Masalah Pembelajaran)	32,648.84
Mata Pelajaran Sains Sukan (Kurang Upaya Penglihatan)	0,215.85
Mata Pelajaran Sains Sukan (Kurang Upaya Pendengaran)	14,388.50
Mata Pelajaran Sains Sukan (Masalah Pembelajaran)	15,621.80
JUMLAH	**18,234,905.61**

Jumlah kadar PCG baru pada peringkat sekolah menengah atas bagi Tingkatan 6 untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran sains tulen, mata pelajaran teknologi dan mata pelajaran sains sukan, mata pelajaran sains tulen (kurang upaya penglihatan), mata pelajaran sains tulen (kurang upaya pendengaran), mata pelajaran sains tulen (masalah pembelajaran), mata pelajaran teknologi (kurang upaya penglihatan), mata pelajaran teknologi (kurang upaya pendengaran), mata pelajaran teknologi (masalah pembelajaran), mata pelajaran sains sukan (kurang upaya penglihatan), mata pelajaran sains sukan (kurang upaya pendengaran) dan mata pelajaran sains sukan (masalah pembelajaran) adalah sebanyak RM9,202,571.00, RM58,869,380.00 dan RM844,294.20, RM31,565.31, RM15,031.10, RM16,318.72, RM60,574,29, RM29,787.10, RM32,648.84, RM30,215.85, RM14,388.50 dan RM15,621.80. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM17,988,754.10**

Jadual 6

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) Bagi Masalah Penglihatan (Sumber: APDM 31 Oktober , BPKhas 2017)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PENGLIHATAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	2,711,060.98
Mata Pelajaran Wajib	769,732.18
JUMLAH	**3,480,793.16**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah penglihatan pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib adalah sebanyak RM2,711,060.98dan RM769,732.18. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM3,480,793.16**

Jadual 7

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) Bagi Masalah Pendengaran (Sumber: APDM 31 Oktober , BPKhas 2017)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PENDEGARAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	1,311,751.26
Mata Pelajaran Wajib	903,135.36
JUMLAH	**2,214,885.62**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah pendengaran pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) / Program Pendidikan Inklusif (Rendah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib adalah sebanyak RM1,311,751.26 dan RM903,135.36. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM2,214,885.62.**

Jadual 8

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) Bagi Masalah Pembelajaran (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PEMBELAJARAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	642,808.80
Mata Pelajaran Wajib	965,729.72
JUMLAH	**1,608,538.52**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah pembelajaran pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Rendah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras dan mata pelajaran wajib adalah sebanyak RM642,808.80 dan RM965,729.72. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM1,608,538.52**

Jadual 9

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) Bagi Masalah Penglihatan (Sumber: APDM 31 Oktober , BPKhas 2017)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PENGLIHATAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	3,703,205.52
Mata Pelajaran Wajib	959,386.14
JUMLAH	**1,383,765.66**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah penglihatan pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib dan mata pelajaran elektif adalah sebanyak RM3,703,205.52, RM959,386.14 dan RM1,383,174.00. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM6,045,765.66**

Jadual 10

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) Bagi Masalah Pendengaran (Sumber: APDM 31 Oktober , BPKhas 2017)

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PENDENGARAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	3,130,621.25
Mata Pelajaran Wajib	1,347,870.25
Mata Pelajaran Elektif	1,509,950.00
PVMA	28,842,241.75
SKM	189,514,733.50
JUMLAH	**224,345,416.75**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah pendengaran pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib, mata pelajaran elektif, PVMA dan SKM adalah sebanyak RM3,130,621.25, RM1,347,870.25, RM1,509,950.00, RM28,842,241.75 dan RM189,514,733.50. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM224,345,416.75**

Jadual 11

Kumpulan dan Kadar Bantuan PCG Sekolah Pendidikan Khas/Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) Bagi Masalah Pembelajaran (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016

PCG MATA PELAJARAN MENENGAH (MASALAH PENDENGARAN)	
PERKARA	**PCG (RM)**
Mata Pelajaran Teras	1,243,737.50
Mata Pelajaran Wajib	1,020,777.96
Mata Pelajaran Elektif	203,603,767.82
JUMLAH	**205,868,283.28**

Jumlah kadar PCG baru bagi mata pelajaran masalah pembelajaran pada peringkat Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Menengah) untuk proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib dan mata pelajaran elektif adalah sebanyak RM1,243,737.50, RM1,020,777.96 danRM203,603,767.82. Jumlah yang dicadangkan adalah sebanyak **RM205,868,283.28**

Jadual 12

Kumpulan Dan Kadar Bantuan PCG Kolej Matrikulasi (Sumber : Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016

PERKARA	PCG (RM)
Kolej Matrikulasi	18,531,217.00
JUMLAH	**18,531,217.00**

Kadar baru PCG pada peringkat Kolej Matrikulasi tertumpu kepada peruntukan bagi proses pembelajaran dan pengajaran, pembelajaran luar bilik darjah dan amali. Jumlah peruntukan PCG yang diperlukan adalah sebanyak **RM18,531,217.00**

Jadual 13

Implikasi Kewangan Keseluruhan PCG Mata Pelajaran STEM

PERKARA	PCG (RM)
Prasekolah	34,382,626.11
Sekolah Rendah	712,560,443.90
Sekolah Menengah (Menengah Rendah)	555,291,953.40
Sekolah Menengah (Menengah Atas)	12,827,368,517.60
Khas Rendah	7,304,217.30
Khas Menengah	436,259,465.69
Pusat Tingkatan Enam	18,234,905.61
Kolej Matrikulasi	18,531,217.00
JUMLAH	**14,609,933,346.50**

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan implikasi kewangan bagi cadangan kadar baru PCG mata pelajaran STEM bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran adalah berjumlah **RM14,609,933,346.50**. Oleh itu, implikasi kewangan keseluruhannya ialah **RM14,609,933,346.50**

10. CADANGAN KAJIAN

i. Cadangan kadar baru PCG melibatkan pertambahan kos yang tinggi kerana semakan terakhir dibuat pada tahun 1990an. Kadar baru PCG perlu mengambil kira *value of money* berdasarkan tempoh jangka masa kadar PCG tersebut. Sebagai contoh, nilai RM2 yang diperuntukkan dalam pekeliling yang dibuat pada tahun 1990an adalah tidak sama dengan nilai RM2 pada masa kini. Oleh itu, dicadangkan agar Surat Pekeliling Kewangan (SPK) dikaji

semula dan diubah berdasarkan keperluan semasa. Semakan semula kadar PCG harus dibuat dalam tempoh lima tahun sekali bagi memastikan peruntukan yang disalurkan ke sekolah dan institusi di bawah KPM yang lain dapat menampung keperluan sebenar PdP. Ini adalah kerana terdapat banyak transformasi baharu berlaku dewasa ini terutamanya di Kolej Vokasional dan institusi pendidikan di bawah KPM yang lain. Kesan daripada masalah kekurangan PCG menyebabkan murid di sekolah turut hilang minat untuk belajar terutama bagi mata pelajaran STEM terutamanya sains kerana pembelajaran tidak lagi interaktif dan menarik serta hanya berpusatkan guru akibat kekurangan BBM. Lembaga Peperiksaan sedang dalam proses melaksanakan Pentaksiran Kemahiran Saintifik dan pihak sekolah perlu menyediakan murid secara individu untuk menghadapi peperiksaan amali berpusat agar murid lebih kompeten. Murid perlu secara berterusan melaksanakan latihan amali/ eksperimen agar mencapai tahap kompetensi yang diperlukan dalam menghadapi peperiksaan amali yang akan diperkenalkan semula. Oleh itu, pertambahan kadar PCG amat diperlukan bagi memastikan usaha ke arah pentaksiran kemahiran saintifik dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berjalan lancar tanpa sebarang halangan.

ii. Dapatan menunjukkan terdapat pihak sekolah yang berhadapan dengan kekeliruan terhadap maksud perbelanjaan PCG. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar Bahagian Kewangan menyediakan garis panduan dan prosedur yang jelas berkaitan pengurusan kewangan di sekolah. Pengurusan kewangan termasuk maksud perbelanjaan, kaedah perbelanjaan, tatacara pengurusan kewangan dan perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam pengurusan PCG.

iii. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat program yang ditawarkan di Kolej Vokasional tanpa mempunyai kadar PCGnya. Ini menyebabkan program tersebut berjalan tanpa PCG dan mendapatkan ihsan daripada mata pelajaran lain di kolej tersebut. Antara kesan serius daripada ketidakcukupan PCG ialah pelajar Kolej Vokasional tidak patuh kepada keperluan penilaian secara kompentensi *base* adalah pelajar-pelajarnya tidak dapat dipersijilkan dengan Persijilan JPK dan program Diploma tidak diakreditasi oleh MQA untuk pengiktirafan disebabkan kekurangan alatan dan bahan pembelajaran. Oleh itu, dicadangkan pembahagian PCG perlu diberi mengikut keutamaan mata pelajaran yang masih belum mempunyai kadar PCG nya.

iv. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan antara Tingkatan Enam dan Kolej Matrikulasi iaitu dari segi tempoh pengajian dan kedalaman tajuk bagi silibus yang ditawarkan di keduadua institusi pendidikan. Oleh itu, dicadangkan kadar yang berbeza di berikan kepada kedua-dua institusi pendidikan tersebut bagi memastikan pelajar dapat belajar secara kondusif.

v. Dapatan juga menunjukkan bahawa pihak sekolah tidak dapat membuat penjimatan dalam perbelanjaan kerana perlu membeli bahan dan peralatan daripada pembekal yang

telah dikenal pasti oleh KPM. Bahan yang dibekalkan ada kalanya kurang berkualiti dan harganya lebih tinggi. Sehubungan itu, dicadangkan agar pihak sekolah diberi ruang untuk membeli bahan PdP daripada mana-mana pembekal yang dapat memenuhi keperluan pihak sekolah.

vi. Dapatan kajian menunjukkan PCG yang diterima oleh pihak sekolah pada akhir bulan Februari atau pada awal bulan Mac terutama di sekolah pedalaman. Sehubungan itu, dicadangkan agar bantuan PCG diturunkan ke sekolah pada bulan Januari tanpa mengira faktor lokasi bagi memudahkan pihak sekolah merancang dan menyediakan keperluan PdP lebih awal supaya proses PdP dapat berjalan lancar.

vii. Dapatan menunjukkan tiada peruntukan PCG yang diberikan kepada Kolej Matrikulasi. Peruntukan bantuan PCG bagi mata pelajaran STEM amat diperlukan untuk memastikan pelajar dapat meneruskan pengajian dalam bidang ini dengan lancar dan berkesan serta berpeluang untuk menggunakan teknologi terkini bidang STEM bagi memenuhi keperluan aspirasi pelajar abad ke 21 dan lebih bersedia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada di dalam dan luar negara. Bebanan kewangan terpaksa ditanggung oleh ibu bapa pelajar yang berpendapatan rendah kerana tiada peruntukan PCG di peruntukkan kepada pelajar di kolej Matrikulasi. Pelajar terpaksa mengeluarkan wang mereka sendiri dan menggunakan elaun sara diri yang diperuntukkan bagi membayar yuran pelajar yang dikenakan ke atas mereka disebabkan pelajar ini tergolong dalam kategori pelajar miskin.

viii. Dapatan kajian menunjukkan kadar PCG yang diperuntukkan di SBJK tidak mencukupi. Kadar tambahan amat diperlukan bagi murid di SBJK memandangkan terdapat subjek pendidikan vokasional asas turut ditawarkan di sekolah tersebut. Kekurangan PCG menyebabkan kerosakan bengkel tidak dapat di baiki dan pelajar terpaksa berkongsi bahan dan alatan di dalam bengkel.

ix. Dapatan menunjukkan MBK yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM secara inklusif di sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam, Kolej Vokasional dan Matrikulasi menerima kadar peruntukan PCG yang sama dengan murid arus perdana. Hal ini menyebabkan keperluan peralatan khas seperti kit pembelajaran masalah pendengaran, set optik yang terdiri daripada *stand magnifiers, hand held magnifiers, bar magnifier, binocular magnifier, audio book* yang diperlukan untuk menyokong PdP MBK yang terdiri daripada pelbagai kategori tidak dapat disediakan kerana kadar PCG yang tidak mencukupi. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan agar MBK di Program Pendidikan Inklusif menerima kadar PCG yang sama dengan MBK di SPK dan PPKI.

x. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PAV dan PVMA yang mengguna pakai peruntukan PCG MPV adalah tidak mencukupi. Selaras dengan Anjakan Pertama dalam PPPM

untuk menyediakan latihan vokasional sebagai persediaan pekerjaan yang mensasarkan peningkatan enrolmen murid, kadar PCG baharu yang dicadangkan telah mengambil kira keperluan semasa untuk menjayakan Persediaan, Pengajaran, Pembelajaran dan Penilaian berdasarkan setiap kursus kemahiran bagi memastikan kompetensi individu dicapai seperti yang ditetapkan bagi pensijilan kemahiran oleh JPK, KSM. Impak dari peningkatan kadar PCG baharu, PdP dapat dilaksanakan dengan lebih efektif serta pelbagai aktiviti pembelajaran dapat dijalankan seterusnya memberi peluang dan pendedahan kepada lebih ramai murid untuk memilih laluan latihan vokasional sebagai pilihan utama.

xi. Dapatan kajian mendapati bahawa PCG MPV yang sedang berkuatkuasa tidak dapat menampung kos pelaksanaan PdP bagi 22 MPV secara efektif. Kadar baharu yang dicadangkan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid melalui persediaan dan pelaksanaan proses PdP yang pelbagai dan menepati kehendak kurikulum MPV.

xii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PCG bagi Mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) yang ditawarkan dikalangan murid Sek. Rendah dan Sek. Menengah adalah tidak mencukupi. Cadangan kadar baharu dilaksanakan selaras dengan keperluan kurikulum dan pentaksiran RBT yang berlandaskan hasrat kerajaan bagi menghadapi Revolusi Industri ke-4 yang berfokus kepada pembangunan teknologi digital dan automasi.

11. PENUTUP

Cadangan kadar baru PCG yang dikemukakan diharap dapat membantu pihak sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM khususnya untuk menyediakan pendidikan yang terbaik kepada murid. Kewangan yang mencukupi membolehkan pihak sekolah merangka program yang bersesuaian dengan keperluan PdP, menyediakan BBM yang bertepatan dengan keperluan, kurikulum serta membantu menyediakan pendidikan yang berkualiti dan sempurna selaras dengan keperluan kurikulum yang digariskan. Selain cadangan PCG untuk memenuhi keperluan PdP, cadangan kadar baru juga turut mengambil kira Program Luar Bilik Darjah (PLBD) dan juga amali sains yang selama ini tidak dapat dilaksanakan kerana ketiadaan peruntukan yang khusus. Sehubungan itu, cadangan yang dibuat turut mengambil kira keperluan PLBD bagi mendedahkan murid kepada dunia luar dan di luar bilik darjah sebagai proses pembelajaran melalui pemerhatian dan pengalaman. Selain itu, amali sains dalam mata pelajaran sains merupakan kaedah pengajaran yang memberi peluang kepada pelajar menjalankan penyiasatan melalui perancangan, pelaksanaan dan perbincangan. Penyediaan PCG secara keseluruhannya memberi fokus kepada aspek keperluan PdP yang berkualiti dan berkesan selaras dengan keperluan kurikulum serta dasar pendidikan yang terkini.

KAJIAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP) DAN *HIGHLY IMMESIVE PROGRAMME* (HIP)

1. PENGENALAN

Pada 8 Julai 2009 Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan pemansuhan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dan menggantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Tujuan utama memperkukuh Bahasa Inggeris (BI) adalah bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu dan meningkatkan persaingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Maka, menerusi pembentangan Bajet 2016 yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 23 Oktober 2015, kerajaan telah memperkenalkan dua inisiatif, iaitu *Highly Immersive Programme* (HIP) dan Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) di bawah Dasar MBMMBI bagi memastikan kejayaan dasar peningkatan penguasaan BI. DLP telah mendapat kelulusan Mesyuarat Majlis Ekonomi Negara Bil. 21/2015 bertarikh 13 Oktober 2015.

Susulan daripada itu, Mesyuarat Profesional KPM Bil. 35/2016 mencadangkan agar satu kajian dijalankan bagi melihat pelaksanaan dan mengenal pasti isu serta keberkesanan program DLP yang telah dimulakan sejak tahun 2016. DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan BI sepenuhnya dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pelaksanaan DLP dan HIP di sekolah. Kajian juga dilaksanakan untuk mendapatkan cadangan penambahbaikan program DLP dan HIP daripada pihak berkepentingan seperti pentadbir, guru dan ibu bapa.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

i. Menilai kesediaan pelaksanaan DLP.

ii. Menilai proses pelaksanaan DLP.
iii. Menilai pencapaian objektif pelaksanaan DLP dalam aspek berikut:
    a. kemahiran berbahasa Inggeris murid
    b. kemahiran murid mengakses bahan
    c. aspirasi murid dalam subjek STEM ke peringkat tertiari
iv. Mengenal pasti cabaran pelaksanaan DLP
v. Mengenalpasti cadangan penambahbaikan DLP
vi. Menilai kesediaan pelaksanaan HIP.
vii. Menilai proses pelaksanaan HIP.
viii. Menilai keberkesanan pelaksanaan HIP dari aspek:
    a. penglibatan murid
    b. tahap *immersive* sekolah
ix. Mengenal pasti cabaran pelaksanaan HIP.
x. Mengenalpasti cadangan penambahbaikan HIP.

4. PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah kesediaan pelaksanaan DLP berdasarkan kriteria berikut:
    a) kesediaan sekolah?
    b) kesediaan sumber?
    c) sokongan ibu bapa? dan
    d) pencapaian BM sekolah?

2. Sejauh manakah proses pelaksanaan DLP dijalankan sebagaimana yang ditetapkan dalam aspek berikut:
    a) penataran?
    b) pengajaran guru?
    c) pembelajaran murid
    d) pentaksiran sekolah? dan
    e) pemantauan?

3. Sejauh manakah DLP mencapai objektif pelaksanaan dalam aspek berikut:
    a) kemahiran berbahasa Inggeris murid?
    b) kemahiran murid mengakses bahan? dan
    c) aspirasi murid dalam subjek STEM ke peringkat tertiari?

4. Apakah cabaran dalam pelaksanaan DLP?

5. Apakah cadangan penambahbaikan bagi DLP?

6. Sejauh manakah pelaksanaan HIP disokong oleh perkara (input) berikut:
   a) peranan pentadbir?
   b) HIP Toolkit dan HIP Guidebook?

7. Sejauh manakah proses pelaksanaan HIP dijalankan sebagaimana yang dirancangkan berdasarkan aspek berikut;
   a) penataran?
   b) aktiviti dalam kelas?
   c) aktiviti luar kelas?
   d) program *outreach*? dan
   e) pemantauan.

8. Sejauh manakah HIP mencapai keberkesanan pelaksanaan dalam aspek berikut:
   a) penglibatan murid?
   b) tahap *immersive* sekolah?

9. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan HIP?

10. Apakah cadangan penambah baikan HIP?

5. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah satu kajian tinjauan ke atas penilaian pelaksanaan DLP dan HIP di sekolah dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada pentadbir, guru, murid dan ibu bapa. Responden ini dipilih daripada 62 buah sekolah DLP dan 50 buah sekolah HIP di seluruh Malaysia. Pengumpulan data dilakukan melalui pasukan penyelidik dan dibantu oleh pegawai JPN, PPD dan SISC+. Kemudian data diproses menggunakan program SPSS. Jenis statistik yang digunakan adalah statistik deskriptif. Temu bual juga dijalankan ke atas pentadbir bagi menyokong dapatan kuantitatif. Dua senarai semak digunakan dalam analisis dokumen dan pemerhatian juga untuk menyokong dapatan kajian kuantitatif.

6. SAMPEL KAJIAN

Sebanyak 30 buah sekolah rendah dan 32 buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian pelaksanaan DLP. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 buah sekolah rendah dan menengah masing-masing adalah kohort 1 (2016). Manakala 10 buah sekolah rendah dan 12 buah sekolah menengah kohort 2 (2017) turut terlibat dalam kajian ini. Bagi sekolah rendah pula, sebanyak 28 buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada SK. Manakala terdapat 2 SJKT yang terlibat sama. Bagi sekolah menengah pula, 22 buah sekolah adalah dari jenis SMK, 6 buah SBP dan 4 buah SMKA. Seramai 245 orang guru DLP dan 1307

orang murid terlibat dalam menjawab soal selidik. Manakala seramai 528 ibu bapa yang mempunyai anak di kelas DLP turut terlibat sama menjawab soal selidik. Pasukan penyelidik telah mengedarkan soal selidik serta melakukan analisis dokumen dan sesi temubual di 31 buah sekolah sahaja. Manakala 31 buah sekolah lagi telah dibantu oleh pegawai JPN/ PPD/SISC+ untuk mengedarkan soal selidik sahaja.

Bagi sekolah kajian HIP pula, sebanyak 24 buah sekolah rendah dan 26 buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 buah sekolah rendah dan menengah terletak di bandar. Manakala 27 buah sekolah rendah terletak di luar bandar. 20 buah sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada SK. Manakala terdapat sebuah sekolah SJKT 3 buah sekolah SJKC yang terlibat sama. Bagi sekolah menengah pula, 25 buah sekolah adalah dari jenis SMK dan sebuah sekolah adalah SMKA.

7. DAPATAN KAJIAN

7.1 Menilai kesediaan sekolah dalam melaksanakan DLP

Secara keseluruhannya, sebahagian sekolah telah menyediakan guru dan murid yang cukup dalam melaksanakan DLP tetapi tidak dapat menyediakan guru yang benar-benar bersedia untuk mengajar DLP. Kesediaan bahan sokongan telah disediakan dengan baik namun begitu bahan utama dalam PdP iaitu buku teks belum dapat disediakan dengan baik. Sokongan ibu bapa dalam pelaksanaan DLP sangat baik dan mereka merasakan DLP memberi kebaikan untuk anak mereka. Walaupun begitu, terdapat segelintir daripada mereka belum bersetuju disebabkan kelemahan BI anak mereka. Pencapaian BM bagi sekolah DLP terutama sekolah rendah, masih tidak memuaskan apabila terdapat sekolah yang tidak melepasi tahap yang telah ditetapkan.

7.2 Menilai proses pelaksanaan DLP

Secara keseluruhan berdasarkan data yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa guru dan ibu bapa telah diberi penataran oleh pihak sekolah semasa mesyuarat dan program DLP yang diadakan di sekolah. Bagi aspek PdP pula, dapat dirumuskan bahawa amalan utama guru adalah menyediakan RPH dan RPT dalam BI tetapi kurang menggunakan bahan pengajaran yang disediakan di laman sesawang KPM (BTP). Penggunaan BI guru di dalam kelas DLP masih belum menyeluruh. Kelas intervensi ada dibuat untuk murid yang belum menguasai isi kandungan yang diajar. Bagi pembelajaran murid pula, penggunaan BI agak rendah terutama dari segi komunikasi antara murid dengan rakan dan guru mereka. Pengunaan BI hanya digunakan untuk bertanya dan menjawab soalan guru. Bagi aspek pentaksiran pula, penyediaan soalan dan penerimaan jawapan murid masih belum selaras. Guru menggunakan kerap menggunakan dwi bahasa dalam soalan pentaksiran dan menerima jawapan pentaksiran dalam BI. Manakala murid lebih suka sekiranya soalan dan jawapan pentaksiran diterima

dalam dwibahasa. Bagi aspek pemantauan pula, pentadbir sekolah telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik apabila ada membuat pemantauan kepada guru DLP. Kekerapan pemantauan telah dapat meningkatkan pengetahuan guru tentang pelaksanaan DLP serta dapat mengenalpasti kelemahan mereka dalam melaksanakan DLP di sekolah.

7.3 Menilai pencapaian objektif pelaksanaan DLP dalam aspek berikut:

i. Kemahiran berbahasa Inggeris murid

Berdasarkan persepsi guru, kebanyakan antara mereka agak bersetuju dengan peningkatan kemahiran berbahasa Inggeris murid selepas mengikuti kelas DLP. Bagi guru, murid agak mahir dalam bercakap BI dan boleh menerangkan konsep sains/matematik dalam BI. Bagi murid pula, mereka merasakan mereka semakin mahir menulis dan bercakap dalam BI. Ibu bapa juga merasakan sedemikian apabila mendapati prestasi anak mereka dalam subjek DLP semakin meningkat dan anak mereka semakin meminati subjek tersebut.

ii. Kemahiran murid mengakses bahan

Sebahagian murid kerap menggunakan buku rujukan yang dibeli di kedai dan di perpustakaaan dalam mengakses bahan DLP. Dapatan mendapati hanya segelintir murid menggunakan internet dalam mengakses bahan DLP. Sebahagian murid dan ibu bapa anak mereka didapati mengakses bahan berkaitan sains dan matematik. Bahan-bahan lain diakses adalah berkaitan keagamaan, ICT dan reka cipta. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid ada mengakses bahan untuk mendapatkan bahan DLP tetapi bahan yang diakses belum menyeluruh.

iii. **Aspirasi murid dalam subjek STEM ke peringkat tertiari**

Kebanyakan murid lebih cenderung memilih aliran STEM apabila di Tingkatan 4 dan diperingkat tertiari.

Ini menunjukkan kecenderungan murid untuk memilih aliran STEM di peringkat tertiari sangat tinggi.

Secara keseluruhannya, didapati murid dan ibu bapa bersetuju bahawa anak mereka semakin mahir berbahasa Inggeris. Namun begitu, guru hanya agak bersetuju dengan kemahiran murid berbahasa Inggeris. Oleh kerana minat murid terhadap Sains dan Matematik sangat tinggi mereka rela membeli bahan rujukan di kedai dan mengakses maklumat di internet disebabkan bahan rujukan di pusat sumber sekolah adalah terhad. Murid lebih cenderung memilih aliran Sains dan ICT (komputer) apabila di Tingkatan Empat dan meneruskan pengajian dalam bidang STEM di peringkat tertiari.

7.4 Mengenal pasti cabaran dalam melaksanakan DLP

Cabaran utama guru dalam melaksanakan DLP adalah berhadapan dengan murid yang lemah BI. Mereka juga kurang mahir dan bersedia untuk mengajar DLP. Guru juga bimbang tentang penggunaan bahasa dalam pentaksiran pusat. Kekurangan bahan rujukan menambah lagi kerumitan mereka dalam melaksanakan DLP. Oleh kerana silibus KSSR yang banyak dan mencabar, guru perlu mengambil masa yang lebih untuk memberi pemahaman kepada murid. Bagi ibu bapa pula, segelintir daripada mereka mempunyai anak yang lemah dalam BI dan mengakibatkan pencapaian anak mereka dalam subjek DLP merosot. Mereka telah mengambil inisiatif untuk membeli buku rujukan tetapi buku rujukan sangat kurang di pasaran.

7.5 Mengenalpasti cadangan penambah baikan DLP

Guru mencadangkan supaya memperbanyakkan bahan rujukan/modul/BBM untuk kegunaan mereka dalam kelas DLP. Murid DLP yang dipilih perlu mempunyai asas BI yang kukuh dan bilangan murid di dalam kelas tidak melebihi 25 orang. Kursus dan latihan perlu diberi kepada guru dari masa ke semasa.

Elaun/intensif perlu juga disediakan untuk guru DLP sebagai motivasi dan memantapkan BI mereka.

7.6 Menilai kesediaan pelaksanaan HIP

Secara keseluruhan, kesediaan sekolah dalam melaksanakan HIP, didapati pentadbir sekolah telah memainkan peranan dengan baik apabila ada membuat Pelan Strategik Pelaksanaan HIP. Pentadbir juga memastikan adanya AJK yang akan memainkan peranan dalam melakukan aktiviti HIP di sekolah. Namun begitu, pentadbir sekolah kurang berkongsi amalan terbaik HIP yang dilaksanakan di sekolah dengan sekolah-sekolah yang lain. Guru juga mengakui bahawa pentadbir telah memberi sokongan penuh dari segi mental dan fizikal. Sokongan pentadbir juga jelas apabila mereka berusaha untuk mencari peruntukan bagi menjayakan aktiviti HIP di sekolah. Walau bagaimanapun HIP Toolkit dan HIP Guidebook ada dibekalkan di kebanyakan sekolah, namun ia tidak menjadi rujukan utama sekolah dalam melaksanakan aktiviti BI.

7.7. Menilai proses pelaksanaan HIP.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan berkaitan proses pelaksanaan HIP, dapat dirumuskan bahawa sebahagian sahaja guru BI menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai dan kurang menggunakan BBM semasa melaksanakan PdP di dalam kelas. Namun begitu guru bukan BI sering memberikan sokongan dan dorongan kepada murid-murid mereka dalam melaksanakan program HIP. Kelas bimbingan turut diadakan tetapi cenderung kepada murid

di kelas peperiksaan sahaja. Dari sudut sokongan dalam pelaksanaan program *outreach* di sekolah, sokongan daripada guru bukan BI, ibu bapa, agensi luar dan murid yang sepatutnya terlibat dengan pelaksanaan HIP ini kurang memberi sokongan.

7.8 Menilai keberkesanan pelaksanaan HIP dari aspek:

i. **Pelibatan murid**

Secara keseluruhannya pelibatan murid dalam aktiviti HIP di sekolah telah meningkat dari tahun sebelum (2016). Sambutan terhadap aktiviti HIP yang dijalankan sangat menggalakan bagi murid di sekolah bandar. Bagi murid luar bandar mereka kurang memberi sambutan dalam aktiviti HIP. Walaubagaimana pun pelibatan dalam aktiviti HIP telah memberi kesan yang baik kepada murid. Murid bertambah yakin bercakap BI di depan orang ramai dan menggunakan BI untuk bercakap dengan warga sekolah. Guru juga dapat merasakan kesan pelibatan murid dengan aktiviti HIP apabila murid mula menunjukkan sikap positif terhadap BI dan saling membantu rakan mereka yang lemah BI. Walaupun guru merasakan pencapaian BI murid semakin meningkat, namun bagi murid ia belum memberi kesan dalam pencapaian BI mereka. Dapatan kajian juga mendapati bahawa murid lebih menggemari pembelajaran BI dalam nyanyian apabila kebanyakan murid meningkatkan kemahiran BI mereka dengan menyanyi.

ii. **Tahap *immersive* sekolah**

Secara keseluruhannya, didapati tahap *immersive* sekolah telah meningkat dari tahun sebelum (2016). Peningkatan sebanyak 20 peratus di tahap *immersive* 4 apabila bilangan sekolah telah meningkat dari 4 buah sekolah kepada 14 buah sekolah. Peningkatan juga dapat dilihat apabila tiada lagi sekoalah berada ditahap *immersive* 1 pada tahun 2017. Berdasarkan temu bual dengan pentadbir, mereka mengakui bahawa agak sukar mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa terutama ibu bapa di luar bandar yang hanya mengharapkan pihak sekolah dalam memberi ilmu pengetahuan kepada anak mereka.

7.9 Mengenal pasti cabaran pelaksanaan HIP.

Sebahagian murid dan guru bukan BI kurang mahir berbahasa Inggeris. Mereka berasa malu dan tidak yakin bercakap dengan orang lain. Terdapat sebilangan murid yang tidak mahir BI mengganggap BI hanyalah untuk murid yang mahir sahaja. Guru juga terbeban dengan tugas sedia ada bagi merancang dan melaksana aktiviti HIP. Peruntukan kewangan yang kurang membuatkan pihak sekolah sukar untuk melaksanakan program yang melibatkan komuniti. Ibu bapa atau komuniti pula terlalu mengharapkan pihak sekolah yang menganjurkan aktiviti BI di sekolah.

7.10 Mengenalpasti cadangan penambahbaikan HIP.

Sekolah perlu memperbanyak dan mempelbagaikan aktiviti HIP yang menarik bagi minat murid. Kursus BI perlu untuk membantu guru bukan BI meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris mereka. Pemantauan pihak JPN/PPD secara berkala perlu bagi memastikan aktiviti HIP dijalankan dengan terancang. Peruntukan kewangan perlu diberi kepada sekolah untuk mereka menjalankan program bersama komuniti. Kempen kesedaran perlu bagi memberi kesedaran kepada pihak luar bahawa program HIP adalah program pengayaan BI di sekolah.

8. CADANGAN KAJIAN

Cadangan dikemuka secara berasingan antara DLP dan HIP.

8.1 DLP

i. Pematuhan Garis Panduan

Berdasarkan dapatan kajian, cabaran utama guru adalah murid lemah BI dan guru belum bersedia untuk mengajar DLP. Maka dicadangkan bahawa penawaran sekolah DLP adalah berdasarkan prestasi BI murid serta kompetensi guru untuk mengajar DLP dan bukan hanya berdasarkan bilangan guru dan murid yang mencukupi. Pemilihan sekolah DLP juga harus mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam garis panduan terutama kriteria pencapaian GPMP BM.

ii. Peningkatan Profesionalisme Guru

Guru merupakan pelaksana yang utama untuk menentukan kejayaan atau kegagalan DLP ini. Berdasarkan dapatan kajian, antara cabaran guru dalam melaksanakan DLP adalah kebolehan mereka berbahasa inggeris. Mereka tidak bersedia untuk mengajar DLP disebabkan tidak mahir berbahasa inggeris. Dicadangkan agar guru yang mengajar kelas DLP diberi latihan berterusan dari segi pedagogi dan isi kandungan. Program Mentor-Mentee dari kumpulan pembimbing iaitu Guru Cemerlang, SISC+ (BI, Sains dan Matematik) dan Jurulatih Negeri perlu dilaksanakan untuk memastikan guru mengajar subjek DLP dalam BI dengan lebih yakin dan betul. Berdasarkan dapatan, guru yang tidak mengikuti kursus online kerana pengisian kursus tersebut menjurus kepada kemahiran berbahasa inggeris. Melalui respons terbuka, guru mahukan pengisian kursus perlu lebih menjurus kepada pengajaran DLP. Maka, dicadangkan juga kursus *online* sedia ada perlu diteruskan dan isi kandungan kursus tersebut perlulah menjurus kepada pengajaran DLP supaya guru

boleh membuat rujukan pada bila-bila masa. Juga dicadangkan agar pihak IPG dan KPT dapat melahirkan guru baru yang mahir dengan isi kandungan dan pedagogi Matematik dan Sains dalam BI.

iii. Penyediaan Bahan Rujukan Modul dan BBM

Berdasarkan dapatan kajian, guru DLP menghadapi masalah yang besar dari aspek bahan rujukan, modul dan BBM. Mereka sukar mendapatkan bahan rujukan dan bahan-bahan sokongan lain. Bekalan buku teks tidak cukup untuk semua guru dan murid DLP. Semasa pembentangan dapatan rintis Kajian Pelaksanaan DLP di Mesyuarat Profesional Bil 25/2017, BTP memohon supaya mewarkan-warkan bahan PdP dilaman sesawang yang telah lama mereka usahakan. Maka dicadangkan supaya BTP memaklumkan kepada pihak sekolah melalui JPN/PPD tentang wujudnya laman sesawang yang boleh membantu guru dalam PdPc mereka. BTP juga perlu sentiasa mengemas kini bahan pengajaran supaya guru boleh menggunakannya dari masa ke semasa. Laman sesawang ini juga perlu dimaklumkan kepada murid dan ibu bapa untuk dijadikan bahan rujukan tambahan mereka. Bahagian Buku Teks (BBT) juga perlu memastikan bekalan mencukupi di setiap sekolah dengan membuat unjuran yang tepat pada tahun sebelum.

iv. Pemilihan murid DLP

Cabaran utama guru dalam melaksanakan DLP adalah berhadapan dengan murid yang lemah BI. Maka, pemilihan murid DLP perlu diperketatkan supaya guru tidak menghadapi masalah yang berulang setiap tahun. Ujian diagnostik bukan saja dibuat secara bertulis, perlu juga dibuat secara lisan supaya murid yang benar-benar layak sahaja berada di kelas DLP. Kelas DLP perlu dimulakan dengan murid tahun 1 supaya mereka boleh memahirkan diri dengan BI hingga ke tahun seterusnya. Pencapaian murid DLP juga perlu dipantau oleh pihak JPN/PPD dari masa ke semasa supaya objektif DLP bagi memperkukuhkan BI murid tercapai. Pihak sekolah tidak perlu menetapkan kelas pertama sebagai kelas DLP kerana melalui temubual dengan pentadbir, terdapat murid yang pandai tetapi mereka tidak mahir dalam BI. Apabila pencapaian mereka dalam subjek DLP merosot, mereka memonon untuk tukar ke kelas bukan DLP. Oleh itu, bagi memastikan murid kekal berada di kelas DLP, prestasi mereka dalam mata pelajaran sains dan matematik perlu dipantau secara berterusan selain daripada memberi penekanan kepada pencapaian mereka dalam BI.

8.2 HIP

i. Proses Penataran

Dapatan dalam program ini mendapati bahawa warga sekolah dan ibu bapa kurang memberi sokongan terhadap aktiviti HIP. Adalah menjadi keperluan supaya pegawai daripada ELTC memberi penataran yang berkesan supaya mereka lebih maklum tentang HIP. KPM juga perlu mewar-warkan program ini di media massa dan elektronik untuk memberi pendedahan bukan sahaja warga sekolah tetapi kepada komuniti. Komuniti perlu maklum perkara ini kerana program ini memerlukan kerjasama mereka dari segi menganjurkan program BI di sekolah. Pengetahuan tentang HIP akan membuka laluan kepada mereka untuk turut serta mengadakan aktiviti HIP di sekolah.

ii. Sekolah Gemilang HIP

Dapatan kajian telah menunjukkan kebanyakan sekolah ada membuat aktiviti HIP. Guru BI bersetuju bahawa aktiviti HIP telah memberi kesan kepada pencapaian anak murid mereka. Kesungguhan sekolah dalam merancang dan melaksanakan aktiviti HIP perlu dihargai sebagai motivasi kepada mereka dan sekolah lain. Maka dicadangkan KPM mengiktiraf sekolah HIP yang berjaya melaksanakan aktiviti HIP sehingga memberi impak yang tinggi kepada warga sekolah. Pencapaian yang dicapai bukan sahaja dinilai dari aspek tahap *immersive* dan peratus pelibatan murid semata-mata tetapi ia juga perlu dilihat dari aspek lonjakan pencapaian BI di sekolah tersebut.

iii. Merit Pelajar Universiti

Berdasarkan dapatan kajian, pihak komuniti kurang memberi sokongan dengan sekolah dalam melaksanakan aktiviti HIP. Dapatan juga mendapati antara komuniti yang ada memberi kerjasama adalah universiti. Maka bagi menggalakkan program *outreach* di sekolah, dicadangkan agar KPT mewajibkan pihak universiti memberi merit kepada pelajar universiti supaya mereka melibatkan diri dengan sekolah HIP. Mereka boleh bersama guru sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti HIP sebagai markah merit dalam pembelajaran mereka. Secara tidak langsung, dapat mengurangkan beban guru untuk membuat kertas kerja dan sebagainya. Peruntukan kewangan juga perlu disalurkan kepada pihak sekolah untuk memastikan kelancaran program.

9. IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan rumusan, kajian ini mencadangkan agar KPM memperhalusi garis panduan dalam melaksanakan DLP terutama kriteria untuk melaksanakan DLP. Bagi program HIP, KPM perlu membuat penambahbaikan seperti yang dicadangkan.

10. PENUTUP

Secara keseluruhannya, program DLP dan HIP telah dilaksanakan dengan baik di sekolah. Walau bagaimanapun, beberapa aspek masih perlu diberi penekanan supaya objektif program tercapai sepenuhnya. Program ini berpotensi untuk diteruskan dengan syarat perlu melaksanakan beberapa penambahbaikan.

KAJIAN IMPAK URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERDASARKAN KECEMERLANGAN (TBKK) PPP DG52 DAN DG54 DI KPM

1. PENGENALAN

Kerajaan Malaysia pada 1 Julai 2009 telah memutuskan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Urusan kenaikan pangkat secara KUP ini telah dilaksanakan melalui Surat Edaran JPA(S)NP.134/1Klt.19/s. k2(11) bertarikh 14 Mei 2009. Penambahbaikan pelaksanaan peraturan tersebut telah dimaklumkan melalui Surat Edaran JPA(S)NP.134/1Klt.19/s.k2(17) bertarikh 3 Julai 2009. Kemudiannya, urusan kenaikan pangkat secara TBBK berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012, dilaksanakan tanpa kekosongan jawatan setelah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) memenuhi tempoh perkhidmatan dan tahap kecemerlangan yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran berserta syarat-syarat umum dan khusus. PPP yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat perlulah mencapai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) melebihi 80 peratus serta memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan iaitu mengikut tempoh lapan tahun bagi gred 41 ke 44, lapan tahun bagi gred 44 ke 48, enam tahun bagi gred 48 ke 52 dan tiga tahun bagi gred 52 ke 54. Walaubagaimanapun, bagi pelaksanaan tahap kecemerlangan dalam tempoh peralihan mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012, urusan kenaikan pangkat time-based hanya mengambil kira markah LNPT sahaja (Surat JPA bil.JPA.BK(S)255/4/5 Jld.5(56) bertarikh 13 April 2012).

Pada 27 Februari 2017, Kertas Pemantapan Kriteria Kecemerlangan (KC) bagi kenaikan pangkat secara TBBK telah dibentangkan dalam mesyuarat bersama-sama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Mesyuarat dan memutuskan pihak KPM perlu melihat semula kesemua polisi berkaitan dengan kenaikan pangkat secara TBBK bagi tujuan kajian semula kertas dasar ini.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan impak urusan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan (TBBK) PPP gred DG52 dan gred DG54 di KPM.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Secara umumnya kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan bagi mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan impak kenaikan pangkat secara TBBK daripada segi pelaksanaan, skop kerja, motivasi dan prestasi. Penyelidik juga telah mendapatkan markah LNPT tiga tahun berturut-turut (2015-2017) daripada setiap responden untuk mengenal pasti hubungan antara prestasi dan penilaian LNPT yang diberi.

Kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah di Putrajaya dan tiga buah sekolah di Selangor. Seramai 30 orang sampel guru TBBK DG52 dan 60 orang sampel rakan sejawat guru DG52 telah dilibatkan dalam kajian rintis ini. Hasil daripada kajian rintis menunjukkan item-item yang diukur mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Responden kajian sebenar terdiri daripada PPP DG52 dan DG54 serta rakan sejawat di sekolah dan PPD di negeri Terengganu dan Sarawak sahaja. Terdapat 12 set instrumen yang telah diedarkan kepada responden iaitu 46 orang guru TBBK DG52, 80 orang rakan sejawat guru TBBK DG52, 18 orang guru TBBK DG54, 38 orang rakan sejawat guru TBBK DG54, lapan orang pentadbir sekolah DG52, 17 orang rakan sejawat pentadbir sekolah DG52, 10 orang pentadbir sekolah DG54, 24 rakan sejawat pentadbir sekolah DG54, sembilan orang pemimpin organisasi DG52, 12 orang selidik rakan sejawat pemimpin organisasi DG52, lima orang pemimpin organisasi DG54 dan 13 orang rakan sejawat pemimpin organisasi DG54.

Instrumen kajian ini telah dibentuk sendiri oleh pasukan penyelidik hasil daripada tinjauan literatur selaras dengan Kerangka Latihan dan Pembangunan Berasaskan Pertumbuhan (Khair, 2007), Standard Guru Malaysia (SGM), Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia, Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), dan Penilaian Bersepadu PPP (PBPPP). yang telah diguna pakai dalam membangunkan kompetensi profesional dan potensi PPP serta kajian *baseline* yang telah dijalankan di sekolah dan PPD. Profil responden diletakkan pada bahagian A. Item-item pada setiap bahagian subkonstuk telah dikumpul mengikut bahagian B, C, D dan E. Pada bahagian B jenis item berbentuk dikotomi. Pada bahagian C, D dan E. Jenis skala yang digunakan pada item yang diukur ialah skala Likert satu hingga enam.

Secara umumnya kajian ini melibatkan analisis data kuantitatif bagi menilai tahap pada setiap subkonstruk. Perisian IBM *Statistical Pakage For Social Science* (SPSS) versi 21.0 telah digunakan. Data kuantitatif dalam kajian ini melibatkan analisis statistik deskriptif yang menunjukkan huraian menyeluruh profil responden. Analisis deskriptif yang digunakan untuk menjawab soalan kajian ini ialah frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai (SP).

Fokus utama kajian ialah untuk mengenal pasti proses pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara TBKK dan impak urusan kenaikan pangkat secara TBKK terhadap skop kerja, motivasi dan prestasi PPP DG52 dan DG54 di sekolah dan di PPD.

4. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua soalan kajian yang besar dan subsoalan kajian yang perlu dijawab

4.1 Soalan Kajian Satu

4.1.1. Bagaimanakah pelaksanaan proses kenaikan pangkat secara TBBK Gred DG52 dan DG54 di sekolah dan di PPD?

a) Cara penyebaran berkaitan urusan kenaikan pangkat secara TBBK.

Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu guru TBBK (92%), pentadbir sekolah (89%), pemimpin organisasi (79%) dan rakan sejawat (90%) menyatakan maklumat berkaitan urusan kenaikan pangkat secara TBBK disebarkan melalui taklimat khas melalui mesyuarat guru/ organisasi. Selain itu, guru TBBK (81%), pentadbir sekolah (72%), pemimpin organisasi (57%) dan rakan sejawat (66%) menyatakan maklumat ini didapati melalui portal KPM. Maklumat urusan kenaikan pangkat melalui edaran dalaman guru TBBK (73%), pentadbir sekolah (67%), pemimpin organisasi (57%) dan rakan sejawat (90%). Guru TBBK (68%), pentadbir sekolah (78%), pemimpin organisasi (71%) dan rakan sejawat (60%) menyatakan maklumat berkaitan urusan kenaikan pangkat secara TBBK disebarkan melalui taklimat khas pegawai pengurusan sekolah/organisasi. Akhir sekali, guru TBBK (55%), pentadbir sekolah (50%), pemimpin organisasi (64%) dan rakan sejawat (76%) menyatakan maklumat berkaitan urusan kenaikan pangkat secara TBBK disebarkan melalui lain-lain maklumat seperti taklimat daripada PPD, Dialog prestasi, kerani, akhbar atau buletin, media sosial seperti *website*, blog, *facebook*, *WhatsApp* atau *telegram* dan mesyuarat pengurusan pentadbiran dan rakan setugas.

b) Kesesuaian Wajaran Kriteria Kecemerlangan Yang Digunakan Di Sekolah dan PPD

Dapatan menunjukkan 86 peratus guru TBBK bersetuju tentang wajaran kecemerlangan yang sedia ada digunapakai untuk penilaian seterusnya dan hanya 14 peratus menyatakan

perlu ditambahbaik pada masa akan datang. Begitu juga untuk pentadbir sekolah (83%) dan pemimpin organisasi (71%) menyatakan kesesuaian wajaran kriteria kecemerlangan boleh digunakapakai dan yang selebihnya daripada pentadbir sekolah (17%) dan pemimpin organisasi (29%) menyatakan perlu kepada penambahbaikan. Manakala penilaian daripada rakan sejawat, 61% bersetuju menyatakan kesesuaian wajaran kriteria kecemerlangan digunapakai hanya 39% menyatakan perlu kepada penambahbaikan.

c) Kesesuaian Borang Penilaian Kenaikan Pangkat Secara TBBK

Majoriti guru TBBK, pentadbir sekolah, pemimpin organisasi dan rakan sejawat (86 peratus dan ke atas) bersetuju menyatakan borang penilaian kenaikan pangkat secara TBBK mengikut setiap gred DG dari DG41 ke DG44, DG44 ke DG48, DG48 ke DG52 dan dari DG52 ke DG54 adalah bersesuaian. Namun begitu, terdapat juga cadangan daripada responden menyatakan perlu kepada penambahbaikan borang ini pada masa akan datang mengikut setiap gred DG yang berasingan, menggunakan borang yang lebih terperinci dan borang yang mempamerkan usaha dalam peningkatan prestasi organisasi/murid.

d) Kesesuaian Syarat Dalam Kenaikan Pangkat Secara TBBK Yang Digunapakai

Majoriti responden (84 peratus dan ke atas) sama ada guru TBBK, pentadbir sekolah, pemimpin organisasi dan rakan sejawat menyatakan syarat umum dan syarat khusus yang digunakan dalam penilaian sebelum ini adalah sesuai. Hanya segelintir sahaja responden mencadangkan kepada penambahbaikan pada syarat umum seperti bebas daripada tindakan tatatertib, mencapai tahap prestasi yang ditetapkan untuk tiga tahun terakhir, telah mengisytiharkan harta, lulus tapisan keutuhan SPRM, bebas daripada senarai peminjam tegar dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Manakala bagi syarat khusus penambahbaikan perlu merujuk kepada kenaikan dalam perkhidmatan mengikut tempoh lapan tahun bagi gred 41 ke 44, lapan tahun bagi gred 44 ke 48, enam tahun bagi gred 48 ke 52 dan tiga tahun bagi gred 52 ke 54.

4.2 Soalan Kajian Dua

4.2.1 Apakah Impak Kenaikan Pangkat Secara TBBK Ke Atas Skop Tugas PPP Di Sekolah Dan Di PPD?

a) Guru TBBK gred DG52 dan DG54

Dapatan guru TBBK DG52 menunjukkan semua subkonstruk pemudahcara pembelajaran dan pentaksiran (min=5.09 dan SP=.498), pembangunan dan pelaksanaan kokurikulum (min=5.00 dan SP=.515), pelibatan dalam pembelajaran profesional (min=4.38 dan SP=.688) dan pembentukan jalinan dan jaringan (min=4.78 dan SP .668) berada pada tahap tinggi.

Manakala bagi penilaian rakan sejawat terhadap skop kerja menunjukkan semua responden guru TBBK gred DG52 memberi impak yang tinggi pada pemudahcara pembelajaran dan pentaksiran (min=5.03 dan SP=.699), pembangunan dan pelaksanaan kokurikulum (min=4.99 dan SP=.583), pelibatan dalam pembelajaran profesional (min=4.83 dan SP=.872) dan pembentukan jalinan dan jaringan (min=4.87 dan SP .774).

Manakala dapatan guru TBBK DG54 menunjukkan subkonstruk pemudahcara pembelajaran dan pentaksiran (min=5.44 dan SP=.656) dan pembangunan dan pelaksanaan kokurikulum (min=5.23 dan SP=.511) berada pada tahap sangat tinggi. Subkonstruk pelibatan dalam pembelajaran profesional (min=4.74 dan SP=.639) dan pembentukan jalinan dan jaringan (min=5.05 dan SP .893) berada pada tahap tinggi. Di samping itu bagi penilaian rakan sejawat terhadap skop kerja menunjukkan semua responden guru TBBK gred DG54 memberi impak yang sangat tinggi terhadap pemudahcara pembelajaran dan pentaksiran (min=5.24 dan SP=.747), pembangunan dan pelaksanaan kokurikulum (min=5.50 dan SP=.485), pelibatan dalam pembelajaran profesional (min=5.19 dan SP=.803) dan pembentukan jalinan dan jaringan (min=5.26 dan SP .739).

b) Pentadbir Sekolah gred DG52 dan DG54

Dapatan PPP pentadbir sekolah DG52 di sekolah menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.46 dan SP=.388), kepimpinan instruksional (min=5.40 dan SP=.441), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.59 dan SP=.399) serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.29 dan SP .117). Manakala penilaian rakan sejawat terhadap PPP pentadbir sekolah DG52 menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.38 dan SP=.493), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.8 dan SP=.460) dan pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.2 dan SP .65) kecuali kepimpinan instruksional (min=5.10 dan SP=.484) berada pada tahap tinggi sahaja.

Dapatan PPP pentadbir sekolah DG54 di sekolah menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.16 dan SP=.593), kepimpinan instruksional (min=5.20 dan SP=.570), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.50 dan SP=.360) serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.40 dan SP .604). Manakala penilaian rakan sejawat terhadap PPP pentadbir sekolah DG54 menunjukkan pada semua subkonstruk juga berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.61 dan SP=.446), kepimpinan instruksional (min=5.43 dan SP=.476), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.1 dan SP=.633) serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.38 dan SP .544).

c) Pemimpin Organisasi gred DG52 dan DG54

Bagi PPP fasilinus/SISC+/SIP+ DG52 di PPD menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi pada perancangan (min=5.54 dan SP .400) serta pelaksanaan dan penilaian (min=5.50 dan SP .303). Manakala penilaian daripada rakan sejawat terhadap PPP fasilinus/SISC+/SIP+ DG52 juga berada pada tahap sangat tinggi iaitu perancangan (min=5.47 dan SP .686) serta pelaksanaan dan penilaian (min=5.33 dan SP .903).

PPP Fasilinus/SISC+/SIP+ DG54 di PPD menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi iaitu perancangan (min=5.73 dan SP .434), dan pelaksanaan dan penilaian (min=5.64 dan SP .498). Manakala penilaian daripada rakan sejawat terhadap PPP Fasilinus/ SISC+/SIP+ DG52 juga berada pada tahap sangat tinggi iaitu perancangan (min=5.29 dan SP .857), dan pelaksanaan dan penilaian (min=5.22 dan SP .997).

PPP pegawai PPP/timbalan PPP gred DG52 di PPD menunjukkan semua subkonstruk berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.41 dan SP=.520), kepimpinan instruksional (min=5.50 dan SP=.500), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.33 dan SP=.360) serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.44dan SP .693). Manakala penilaian daripada rakan sejawat terhadap PPP pegawai PPP/ timbalan PPP gred DG52 di PPD menunjukkan pada semua subkonstruk juga berada pada tahap sangat tinggi dari segi polisi pendidikan (min=5.68 dan SP=.239), kepimpinan instruksional (min=5.37 dan SP=.322), pengurusan sumber dan peruntukan (min=5.50 dan SP=.408) serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia (min=5.50 dan SP .520).

4.2.2 Apakah Impak Kenaikan Pangkat Secara TBBK Ke Atas Motivasi PPP Di Sekolah Dan Di PPD?

a) Guru TBBK gred DG52 dan DG54

Dapatan PPP guru TBBK DG52 menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.26 dan SP=.583) dan regulasi kendiri (min=5.33 dan SP=.474) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=5.07 dan SP=.445) berada pada tahap tinggi. Daripada penilaian rakan sejawat PPP guru TBBK DG52 di sekolah terhadap motivasi menunjukkan kesemua subkonstruknya berada pada tahap tinggi iaitu intrinsik (min=4.90 dan SP=.661), ekstrinsik (min=4.64 dan SP=.463) dan regulasi kendiri (min=4.92 dan SP=.510).

Manakala, PPP guru TBBK DG54 di sekolah menunjukkan kesemua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.52 dan SP=.458), ekstrinsik (min=5.32 dan SP=.315) dan regulasi kendiri (min=5.60 dan SP=.448). Manakala penilaian daripada rakan sejawat menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.36 dan SP=.454) dan regulasi kendiri

(min=5.30 dan SP=.461) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=4.96 dan SP=.357) berada pada tahap tinggi sahaja.

b) Pentadbir Sekolah gred DG52 dan DG54

PPP pentadbir sekolah gred DG52 menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.39 dan SP=.397), ekstrinsik (min=5.17 dan SP=.172) dan regulasi kendiri (min=5.4 dan SP=.347). Manakala penilaian daripada rakan sejawat menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.16 dan SP=.54) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=4.72 dan SP=.440) dan regulasi kendiri (min=5.15 dan SP=.378) berada pada tahap tinggi sahaja.

Bagi PPP pentadbir sekolah gred DG54 menunjukkan dua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.58 dan SP=.453), dan regulasi kendiri (min=5.46 dan SP=.462). Bagi subkonstruk ekstrinsik (min=5.10 dan SP=.463) berada pada tahap tinggi sahaja. Manakala penilaian daripada rakan sejawat menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.45 dan SP=.423) dan regulasi kendiri (min=5.42 dan SP=.342) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=4.92 dan SP=.440) berada pada tahap tinggi sahaja.

c) Pemimpin Organisasi gred DG52 dan DG54

PPP fasilinus/SISC+/SIP+ DG52 menunjukkan dua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.52 dan SP=.340) dan regulasi kendiri (min=5.61 dan SP=.363). Bagi subkonstruk ekstrinsik (min=5.14 dan SP=.365) berada pada tahap tinggi. Manakala penilaian daripada rakan sejawat menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.43 dan SP=.753) dan regulasi kendiri (min=5.35 dan SP=.512) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=4.77 dan SP=.461) berada pada tahap tinggi sahaja. PPP fasilinus/SISC+/SIP+ DG54 menunjukkan dua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.70 dan SP=.505) dan regulasi kendiri (min=5.35 dan SP=.354). Sementara itu, subkonstruk ekstrinsik (min=4.90 dan SP=.503) berada pada tahap tinggi sahaja. Manakala penilaian daripada rakan sejawat fasilinus/SISC+/SIP+ DG54 menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.22 dan SP=.777) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=4.86 dan SP=.542) dan regulasi kendiri (min=5.08 dan SP=.710) berada pada tahap tinggi sahaja.

Dapatan pegawai PPP/Timbalan PPD DG52 menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu intrinsik (min=5.27 dan SP=.096), regulasi kendiri (min=5.29 dan SP=.144) dan ekstrinsik (min=5.29 dan SP=.390). Manakala penilaian daripada rakan sejawat Pegawai PPP/Timbalan PPD DG52 menunjukkan subkonstruk intrinsik (min=5.37

dan SP=.209) dan regulasi kendiri (min=5.27 dan SP=.410) berada pada tahap sangat tinggi, manakala subkonstruk ekstrinsik (min=5.00 dan SP=.420) berada pada tahap tinggi sahaja.

4.2.3 Apakah Impak Kenaikan Pangkat Secara TBBK Ke Atas Prestasi PPP Guru TBBK Di Sekolah Dan Di PPD?

a) Guru TBBK gred DG52 dan DG54

PPP guru TBBK gred DG52 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.49 dan SP=.460), nilai tambahan (min=5.20 dan SP=.597) dan pelibatan (min=5.53 dan SP=.520). Manakala penilaian rakan sejawat guru TBBK gred DG52 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan dua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.17 dan SP=.614) dan pelibatan (min=5.17 dan SP=.671) berada pada tahap sangat tinggi, sementara subkonstruk nilai tambahan (min=5.07 dan SP=.650) berada pada tahap tinggi sahaja.

Manakala PPP guru TBBK gred DG54 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.71 dan SP=.412), nilai tambahan (min=5.66 dan SP=.504) dan pelibatan (min=5.65 dan SP=.536). Manakala penilaian rakan sejawat guru TBBK gred DG54 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan semua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.59 dan SP=.434) , nilai tambahan (min=5.41 dan SP=.510) dan pelibatan (min=5.63 dan SP=.441) berada pada tahap sangat tinggi

b) Pentadbir Sekolah gred DG52 dan DG54

PPP pentadbir sekolah DG52 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.68 dan SP=.254), nilai tambahan (min=5.42 dan SP=.559) dan pelibatan (min=5.78 dan SP=.281). Manakala penilaian rakan sejawat pentadbir sekolah DG52 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan semua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.39 dan SP=.482) , nilai tambahan (min=5.18 dan SP=.540) dan pelibatan (min=5.41 dan SP=.537) berada pada tahap sangat tinggi.

PPP pentadbir sekolah DG54 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.81 dan SP=.185), nilai tambahan (min=5.52 dan SP=.434) dan pelibatan (min=5.70 dan SP=.537). Manakala penilaian rakan sejawat pentadbir sekolah DG54 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan semua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.74 dan SP=.310) , nilai tambahan (min=5.54 dan SP=.384) dan pelibatan (min=5.71 dan SP=.485) berada pada tahap sangat tinggi.

c) Pemimpin Organisasi Gred DG52 dan DG54

PPP fasilinus/SISC+/SIP+ gred DG52 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.76 dan SP=.248), nilai tambahan (min=5.66 dan SP=.273) dan pelibatan (min=5.95 dan SP=.102). Manakala penilaian rakan sejawat fasilinus/SISC+/SIP+ gred DG52 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan semua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.51 dan SP=.845) , nilai tambahan (min=5.45 dan SP=.866) dan pelibatan (min=5.56 dan SP=.892) berada pada tahap sangat tinggi.

PPP fasilinus/SISC+/SIP+ gred DG54 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.75 dan SP=.426), nilai tambahan (min=5.68 dan SP=.460) dan pelibatan (min=5.70 dan SP=.447). Manakala penilaian rakan sejawat fasilinus/SISC+/SIP+ gred DG54 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan dua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.35 dan SP=.693) dan pelibatan (min=5.06 dan SP=.622) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala subkonstruk nilai tambahan (min=5.06 dan SP=.622) berada pada tahap tinggi sahaja.

PPP Pegawai PPP/ timbalan gred DG52 di sekolah, dapatan menunjukkan semua subkonstruknya berada pada tahap sangat tinggi iaitu nilai profesional (min=5.64 dan SP=.437), nilai tambahan (min=5.26 dan SP=.305) dan pelibatan (min=5.75 dan SP=.433). Manakala penilaian rakan sejawat Pegawai PPP/ timbalan gred DG52 di sekolah terhadap prestasi menunjukkan semua subkonstruk prestasi iaitu nilai profesional (min=5.51 dan SP=.170) , nilai tambahan (min=5.30 dan SP=.258) dan pelibatan (min=5.43 dan SP=.515) berada pada tahap sangat tinggi.

4.2.4 Markah LNPT

Dapatan menunjukkan bagi guru gred DG52 dan DG54, markah prestasi mereka berada dalam keputusan cemerlang (85% hingga <95%) dan sangat cemerlang (95% hingga 100%). Bagi guru gred DG52, dua peratus (satu orang) mendapat markah antara 80% hingga 84%, kemudian 70% (32 orang) mendapat markah antara 85% hingga <95% dan 28% (13 orang) mendapat markah antara 95% hingga 100%. Manakala bagi guru DG54, 50% (empat orang) mendapat markah antara 85% hingga <95% dan 50% (empat orang) mendapat markah antara 95% hingga 100%. Rajah 4.8 menunjukkan purata markah prestasi LNPT responden guru DG52 dan DG54 dari tahun 2015, 2016 dan 2017

Bagi pentadbir sekolah DG52, mereka berada pada tahap cemerlang iaitu 50 peratus (empat orang), putara markahnya ialah 90 hingga 94. Kemudiannya 50 peratus (empat orang) lagi berada pada tahap sangat cemerlang, di mana purata markahnya dalam 95 hingga 100. Sementara itu bagi bagi pentadbir sekolah DG54, 20 peratus iaitu seramai dua orang berada pada tahap cemerlang (90 hingga 94) manakala 80 peratus iaitu seramai lapan orang berada

pada tahan sangat cemerlang (95-100). Rajah 4.9 menunjukkan purata markah prestasi LNPT responden pentadbir sekolah DG52 dan DG54 di sekolah.

5. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan dan rumusan kajian, beberapa cadangan kajian telah dikenalpasti untuk membolehkan penambahbaikan dilaksanakan bagi memantapkan lagi proses urusan kenaikan pangkat secara TBBK PPP DG52 dan DG54 di KPM.

5.1 Pelaksanaan Proses Kenaikan Pangkat Secara TBBK Gred DG52 dan DG54 di Sekolah dan di PPD

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan urusan kenaikan pangkat *secara time-based* berasaskan kecemerlangan di KPM memberi impak yang baik. Pengurusan kenaikan pangkat di peringkat pengurusan sekolah dalam menyebarkan luaskan maklumat berkaitan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Garis panduan yang melibatkan wajaran kriteria kecemerlangan dan syarat-syarat kenaikan pangkat turut difahami dan dipersetujui oleh guru-guru di sekolah. Namun perlu kepada penambahbaikan dalam proses pelaksanaan kenaikan pangkat secara TBBK ini supaya sistem yang dipraktikkan ini boleh digunakan dari semasa ke semasa. Antara cadangan penambahbaikan ialah:

a. Laluan untuk guru TBBK DG52 dan DG54: Tingkatkan wajaran kokurikulum yang bersesuaian. Jika sebelum ini wajaran yang diguna pakai bagi kokurikulum adalah 10 peratus, maka sekiranya pihak KPM ingin melihat proses perkembangan guru ini mengikut model pertumbuhan Khair, maka sumbangan dari wajaran kokurikulum perlu dipertingkatkan daripada 10 peratus menjadi 15 peratus atau 20 peratus untuk menggalakkan PPP ini selari sebagai peneraju perubahan dan pemikir strategik.

b. Laluan Kepimpinan untuk pentadbir sekolah dan pemimpin organisasi: Tingkatkan wajaran sumbangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai peneraju perubahan dan pemikir strategik, PPP digalakkan untuk merangka, melaksana dan melaporkan setiap agenda yang dirancang selari dengan pekeliling dan dasar. Oleh itu, wajaran daripada sumbangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu dipertingkatkan lagi sebanyak lima peratus atau 10 peratus agar PPP ini sentiasa proaktif bagi menyumbangkan sesuatu yang amat berkualiti dalam tugasan yang diamanahkan.

c. Menggunakan borang yang berbeza dan terperinci mengikut Gred DG masing-masing. Bagi membolehkan perincian dan kefahaman setiap gred DG terhadap bidang tugas mereka, borang khas dan perincian yang jelas berkenaan tanggungjawab dan deskripsi tugas mereka. Jika sebelum ini borang 1b, 3 dan 4b digunakan, maka

cadangan untuk borang 1b diperincikan kepada setiap gred DG mengikut deskripsi tugas guru dari kenaikan DG 44 ke DG48, DG48 ke DG52 dan DG52 ke DG54. Begitu juga dengan borang 3 dan borang 4b.

d. Laluan 8,8,6,3 perlu mengambil kira PPP yang terlebih tahun berkhidmat supaya diberi anjakan gaji yang bersesuaian. Pengemaskinian laluan 8,8,6,3 amat sejajar dengan skop kerja, motivasi dan prestasi PPP. Namun laluan ini pada awalnya telah memberi kesan kepada PPP yang telah menunggu 10 tahun untuk naik ke DG seterusnya. Laluan 8,8,6,3 ini telah memberi motivasi kepada PPP yang baru, tetapi bagi PPP yang telah menunggu hampir 10 tahun dan ke atas laluan baru yang diperkenalkan pada masa itu menyebabkan baki dua tahun yang mereka lalui itu tidak diambil kira. Ini menyebabkan motivasi mereka rendah. Oleh itu anjakan gaji yang bersesuaian dengan tempoh masa menunggu wajar dipertimbangkan.

5.2 Impak terhadap skop kerja, motivasi dan prestasi

Cadangan impak terhadap skop kerja, motivasi dan prestasi boleh diambil kira bagi membolehkan deskripsi tugas yang digariskan mengikut gred jawatan selari dengan proses pelaksanaan TBBK.

a) Skop kerja

Secara keseluruhannya, PPP gred DG52 dan DG54 di sekolah dan PPD memberi impak yang positif terhadap skop tugas masing-masing. Namun, penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh PPP dari masa ke masa ke masa terutamanya terhadap skop bagi membolehkan laluan mereka dinilai dan diwajarkan dengan lebih baik oleh panel penilai sesuai dengan gred jawatan yang diperoleh atau akan diperoleh.

i. Pelibatan Dalam Pembelajaran Profesional; PPP dalam gred jawatan DG52 dan DG54 perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri serta menyumbang kepada budaya pembelajaran. Budaya pembelajaran bermaksud mereka dapat mengenal pasti isu yang timbul semasa mereka melaksanakan PdP ataupun semasa mereka mentadbir atau memimpin organisasi. Daripada isu itu, mereka menjalankan kajian untuk menyelesaikannya dan berkongsi dengan rakan lain sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri atau antarabangsa. Selain itu, PPP khasnya DG52 dan DG54, mereka perlu meningkatkan penghasilan penyelidikan pembangunan berdasarkan keperluan semasa dan menjana idea-idea inovatif. Penghasilan penyelidikan pembangunan amat digalakkan sekiranya mereka ingin bersaing di peringkat global. Idea-idea inovatif yang dicadangkan dapat dibuktikan melalui hasil peningkatan pencapaian murid ataupun sesebuah organisasi.

ii. Meningkatkan kepimpinan organisasi dengan menjadi pemudahcara dalam perkongsian pengetahuan, kemahiran dan sokongan sumber yang diperlukan di sekolah. Khususnya bagi pihak pentadbir dan pemimpin organisasi, mereka sewajarnya menggunakan pengalaman DG mereka dalam mentadbir sekolah ataupun organisasi. Mereka perlu bijak dalam ilmu kepimpinan dan dapat menangani organisasi ini tanpa melibatkan emosi semasa membuat keputusan.

b) Motivasi

Kajian terhadap motivasi keseluruhannya, PPP gred DG52 dan DG54 di sekolah dan PPD memberi impak yang baik dan positif. Namun perlu juga kepada penambahbaikan daripada pihak atasan supaya motivasi mereka sentiasa berada di tahap tertinggi agar amanah yang diberikan kepada mereka seperti mendidik dan mentadbir sentiasa memberi hasil yang terbaik. PPP DG52 dan DG54 perlu mendapat sokongan sewajarnya bagi meningkatkan motivasi ekstrinsik dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap tugasan: Antaranya ialah;

i. Memberi ganjaran yang setimpal dengan produk yang dihasilkan. Ganjaran yang dimaksudkan ini ialah markah prestasi mereka diadili dengan sebaiknya oleh pentadbir atau pemimpin. Wajaran yang diberikan dalam KC juga diperhalusi sebaiknya dan dibawa berbincang bersama PPP yang dinilai.

ii. Memberi sokongan moral yang sewajarnya supaya tidak menimbulkan kerisauan dan kebimbangan dengan tanggungjawab yang diberi. PPP perlu kepada sokongan moral daripada pentadbir dan pemimpin. Sebagai ketua mereka perlu faham akan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan kepada anak buah mereka. Sewajarnyalah pihak atasan sentiasa memberi sokongan tanpa mengira jantina dan umur agar hasil kualiti yang dikehendaki itu dapat dinikmati bersama.

iii. Memberi peluang meningkatkan kemahiran profesionalisme supaya dapat meningkatkan kefahaman dan keyakinan diri. PPP memerlukan motivasi ekstrinsik daripada pihak atasan agar mereka dapat meningkatkan mutu kerja dari semasa ke semasa. Antaranya ialah memberi dan membuka peluang kepada PPP ini untuk meningkatkan kemahiran profesional mereka dengan memberi latihan berkursus dari masa ke masa di peringkat antarabangsa. Terutamanya pada guru-guru.

c) Prestasi

Kajian terhadap Prestasi keseluruhannya, PPP gred DG52 dan DG54 di sekolah dan PPD menunjukkan prestasi yang amat cemerlang selari dengan markah LNPT yang diperoleh. Ini bermakna semakin tinggi gred jawatan yang diperoleh, markah prestasi yang diberikan kepada mereka juga turut meningkat. Namun, PPP dalam gred DG52 dan DG54 ini juga

perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang yang diceburi selari dengan perkembangan semasa. Antaranya peningkatan yang perlu diambil oleh mereka terutamanya dalam tugasan tambahan ialah;

i. Membudayakan kemahiran teknologi maklumat selari dengan teknologi terkini supaya menjadi contoh seiring sebagai peneraju perubahan dan pemikir strategi. Antaranya mereka perlu patuh dengan perkembangan teknologi dalam revolusi industri 4.0. Mereka bukan sahaja boleh bercakap tentang perkara ini bahkan boleh mengamalkannya supaya menjadi contoh kepada generasi muda dalam bidang yang sama.

ii. Membina hubungan profesional dengan pihak luar secara kolaboratif atau perkongsian pintar berkaitan dengan bidang tugas. Apabila berada dalam kelompok peneraju perubahan dan pemikir strategi, PPP perlu tahu dan bijak bagaimana hendak membina hubungan profesional yang boleh memberi kemenangan kepada kedua-dua pihak. Kerjasama dan perkongsian secara kolaboratif bukan sahaja dapat menjimatkan kos bahkan dapat dinikmati dan dimanfaatkan bersama ahli yang lain.

6. IMPLIKASI DASAR

Daripada dapatan kajian menunjukkan proses pelaksanaan kenaikan pangkat secara TBBK menunjukkan impak yang berkesan. Pelaksanaan proses dari segi cara penyebaran maklumat, kesesuaian wajaran kriteria kecemerlangan, kesesuaian borang yang digunakan dan kesesuaian syarat umum dan khas yang digunakan ini mendapat kefahaman daripada PPP dan secara tidak langsung mendorong PPP sebagai penggerak yang paling penting di peringkat sekolah dan daerah untuk keberhasilan murid. Hal sedemikian selaras dengan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam bab 5, guru dan pemimpin sekolah** iaitu membangunkan laluan kerjaya baharu yang menarik dan dapat menyokong laluan pantas berdasarkan prestasi dan kompetensi.

Dapatan kajian daripada skop kerja, motivasi dan prestasi pula menunjukkan impak yang positif dan selari dengan markah LNPT yang diperoleh. Secara tidak langsung dengan adanya laluan TBBK ini, PPP berpeluang untuk kenaikan DG terutamanya DG52 dan DG54 sekiranya mereka memahami dan menghayati fungsi tugas mereka yang sebenarnya. Perkara ini juga telah disebut dalam **PPPM 2013-2025 melalui anjakan 4** iaitu mentranformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Dalam anjakan ini, laluan TBBK telah membuka peluang dan memperluas laluan guru untuk berperanan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang khusus.

Penilaian daripada rakan sejawat juga menunjukkan impak TBBK ini memberi peluang kepada rakan setugas untuk mencontohi nilai-nilai positif dan memperbaiki kelemahan

sekiranya ada. Dalam **anjakan 4 PPPM** juga menjelaskan tentang profesion keguruan yang menggalakkan budaya kecemerlangan berasaskan teladan rakan setugas.

7. PENUTUP

Secara kesimpulannya, urusan kenaikan pangkat secara TBBK ini memberi impak yang baik dalam sektor Pendidikan dan menyediakan peluang kemajuan ke arah kerjaya yang lebih berkualiti kepada PPP yang mencapai prestasi yang baik di samping menunjukkan sikap dan komitmen kerja yang positif. Urusan pelaksanaan, proses kenaikan dan wajaran kriteria yang digunakan mampu menunjukkan impak yang berkesan terhadap skop, motivasi dan prestasi kerja selari dengan skor markah LNPT yang diperoleh.

KAJIAN KESEDARAN *SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS* (STEM) DALAM KALANGAN MURID, GURU, PENTADBIR SEKOLAH DAN IBU BAPA

1. PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah memperkenalkan Inisiatif Perkukuhan STEM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam usaha menggalakkan murid mengikuti bidang STEM pada peringkat menengah atas dan lepasan menengah. Hal ini merupakan satu langkah penting kerana asas yang kukuh dalam STEM membolehkan murid berfikir secara kritikal dan menyelesaikan masalah. Hal ini juga bagi menyediakan murid untuk menjadi pekerja berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri.

KPM turut berusaha meletakkan asas pada peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bilangan siswazah STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri. Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai literasi STEM serta membekalkan tenaga kerja STEM berkemahiran tinggi yang boleh menyumbang kepada inovasi baharu dan memacu ekonomi Malaysia.

Hal ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan yang telah mensasarkan untuk melahirkan satu juta orang pakar dalam bidang STEM menjelang tahun 2020. Sasaran ini membuktikan komitmen kerajaan untuk menyelaraskan inisiatif STEM kepada objektif Pelan Transformasi Kerajaan, Model Baharu Ekonomi dan Pelan Transformasi Ekonomi (KPM, 2012). Sebagai satu bidang perkerjaan, STEM adalah berkait rapat dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara bagi menghasilkan kemakmuran dan dalam konteks Malaysia, menyediakan negara ke arah negara maju pada tahun 2020.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran murid, guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa tentang kepentingan bidang STEM. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P mereka.

3. OBJEKTIF KAJIAN

i. Mengenal pasti tahap kesedaran murid, guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa tentang kepentingan bidang STEM
ii. Mengenal pasti tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P
iii. Mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kemerosotan enrolmen murid dalam aliran Sains Tulen
iv. Mendapatkan cadangan bagi meningkatkan penyertaan murid dalam aliran Sains Tulen

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan kaedah tinjauan yang bertujuan untuk mendapatkan tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM dalam kalangan murid, guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa. Kajian ini menggabungkan dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif. Penggabungan dua pendekatan ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang dibina agar tujuan kajian dapat dicapai. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan soal selidik manakala pendekatan kualitatif pula melibatkan pengumpulan data melalui protokol temu bual.

5. SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian dalam kajian ini terdiri daripada semua murid Tingkatan 2 dan 3, murid Tahun 6, semua guru STEM, semua pentadbir sekolah dan semua ibu-bapa di seluruh negara. Pemilihan sampel bagi soal selidik adalah dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Bagi komponen temu bual, pemilihan sampel adalah dibuat dalam kalangan dua orang pentadbir dan dua orang guru STEM di setiap sekolah.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan-soalan kajian. Instrumen kajian yang digunakan pula bergantung kepada keperluan kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan adalah instrumen yang disesuaikan dan instrumen yang digabungkan daripada kajian-kajian lepas tentang sikap dan minat murid terhadap pembelajaran bahasa. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan protokol temu bual.

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan adalah instrumen yang dibina bersama-sama dalam kalangan ahli penyelidik yang turut dianggotai oleh pensyarah universiti yang berkepakaran dalam bidang yang dikaji. Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan protokol temu bual.

7. PENGUMPULAN DATA

Soal selidik ditadbir di semua sekolah yang terlibat di dalam kajian ini. Soal selidik ditadbir secara bersemuka agar responden lebih memahami apa yang dimaksudkan di dalam soal selidik. Perhatian penuh diambil kira agar penyelidik tidak mendorong responden untuk memilih sesuatu jawapan. Responden juga diminta supaya menjawab dengan jujur. Soal selidik yang telah lengkap berisi dikutip oleh pihak penyelidik bagi tujuan pengekodan dan kemasukan data sebelum proses penganalisisan data dapat dilaksanakan.

8. PENGANALISISAN DATA

Data kuantitatif daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS versi 18.0. Dua jenis kaedah analisis statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferens. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi mendapatkan maklumat secara menyeluruh tentang profil responden kajian seperti jantina dan tingkatan. Bagi menjawab persoalan kajian, statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Bagi analisis inferens, ujian-t *(paired-sample t-test)* telah digunakan untuk menguji kewujudan perbezaan antara min satu pemboleh ubah bagi dua kumpulan sampel yang saling tidak bergantung. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM, tahap pengetahuan tentang bidang STEM, tahap persepsi tentang nilai bidang dan mata pelajaran STEM dalam kalangan murid, guru, petadbir sekolah dan ibu bapa. Ujian-t *(paired-sample t-test)* turut digunakan untuk menguji tahap kesediaan, komitmen dan efikasi untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P dalam kalangan guru serta persepsi positif mereka terhadap sokongan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P.

Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif pula dianalisis dan disusun mengikut tema yang berulang.Tema-tema ini dikelompokkan kepada kategori tertentu untuk tujuan pengurusan data.

9. DAPATAN KAJIAN

9.1 Tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM dalam kalangan murid, guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa berada pada **tahap sederhana.**

Apabila dibuat perbandingan antara kumpulan murid menengah, dapatan kajian menunjukkan murid menengah di sekolah di kawasan bandar mempunyai tahap kesedaran tentang

kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding rakan mereka di luar bandar. Begitu juga dengan murid menengah yang berpotensi mengikuti aliran Sains Tulen pada peringkat menengah atas yang didapati menunjukkan kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** daripada rakan mereka yang kurang berpotensi mengikuti aliran Sains Tulen pada peringkat menengah atas. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan daripada segi jantina berhubung kesedaran tentang kepentingan bidang STEM ini.

Seterusnya, perbandingan antara kumpulan murid rendah menunjukkan murid rendah di sekolah di kawasan luar bandar mempunyai tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding rakan mereka di bandar. Murid rendah lelaki juga menunjukkan kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid perempuan. Murid rendah yang berpotensi mengikuti aliran Sains Tulen pada peringkat menengah atas yang didapati menunjukkan kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** daripada rakan mereka yang kurang berpotensi mengikuti aliran Sains Tulen pada peringkat menengah atas.

Perbandingan antara kumpulan ibu bapa menunjukkan tiada perbezaan daripada segi kelayakan akademik berhubung kesedaran tentang kepentingan bidang STEM.

Seterusnya, perbandingan antara kumpulan pentadbir sekolah menunjukkan pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen STEM mempunyai kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** daripada pentadbir sekolah dengan latar belakang opsyen bukan STEM.

Akhir sekali, apabila dibuat perbandingan antara kumpulan guru STEM, dapatan kajian menunjukkan guru STEM yang berstatus opsyen mempunyai tahap kesedaran tentang kepentingan bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding rakan mereka yang bukan berstatus opsyen. Begitu juga, guru STEM yang menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar mempunyai tahap kesedaran yang **lebih tinggi** berbanding rakan mereka yang tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar.

Aspek kesedaran tersebut seterusnya dilihat dengan lebih terperinci yang mana pengetahuan tentang bidang STEM dalam kalangan semua kelompok responden berada pada **tahap tinggi**. Walau bagaimanapun, persepsi mereka tentang nilai bidang STEM berada pada **tahap sederhana**. Begitu juga, persepsi mereka tentang faedah mata pelajaran STEM turut berada pada **tahap sederhana**.

9.2 Tahap pengetahuan tentang bidang STEM

Aspek pertama dalam kesedaran yang dilihat dengan lebih terperinci menunjukkan tahap pengetahuan dalam kalangan murid menengah, murid rendah, ibu bapa, pentadbir sekolah

dan guru STEM tentang bidang STEM berada pada tahap tinggi. Murid menengah di bandar dan murid menengah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap pengetahuan tentang bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid menengah di luar bandar dan murid menengah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas.

Seterusnya, murid rendah lelaki dan murid rendah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap pengetahuan tentang bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid rendah perempuan dan murid rendah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas.

Seterusnya, ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik lanjutan daripada SPM menunjukkan tahap pengetahuan tentang bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik setakat SPM.

Pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran STEM menunjukkan tahap pengetahuan tentang bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran bukan STEM.

Seterusnya, guru STEM berstatus opsyen dan guru STEM yang menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar menujukkan tahap pengetahuan tentang bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding guru STEM bukan berstatus opsyen dan guru STEM yang tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar.

9.3 Tahap persepsi tentang nilai bidang STEM

Aspek kedua dalam kesedaran seterusnya yang dilihat dengan lebih terperinci menunjukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM dalam kalangan murid menengah, murid rendah, ibu bapa, pentadbir sekolah dan guru STEM tentang bidang STEM berada pada **tahap sederhana**. Murid menengah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid menengah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas. Murid rendah di luar bandar bandar, murid rendah lelaki dan murid rendah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid rendah di bandar, murid rendah perempuan dan murid rendah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah.

Seterusnya, ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik lanjutan daripada SPM menunjukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM yang **lebih rendah** berbanding ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik setakat SPM.

Pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran STEM menunjukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran bukan STEM.

Manakala, guru STEM berstatus opsyen dan guru STEM yang menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar menujukkan tahap persepsi tentang nilai bidang STEM yang **lebih tinggi** berbanding guru STEM bukan berstatus opsyen dan guru STEM yang tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar.

9.4 Tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM

Aspek terakhir bagi kesedaran yang dilihat dengan lebih terperinci menunjukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM dalam kalangan murid menengah, murid rendah, ibu bapa, pentadbir sekolah dan guru STEM tentang bidang STEM berada pada **tahap sederhana**. Murid menengah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid menengah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas.

Murid rendah berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas menunjukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM yang **lebih tinggi** berbanding murid rendah kurang berpotensi mengikuti aliran STEM pada peringkat menengah atas.

Seterusnya, ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik lanjutan daripada SPM menunjukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM yang **lebih rendah** berbanding ibu bapa yang mempunyai kelayakan akademik setakat SPM.

Pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran STEM menunjukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM yang **lebih tinggi** berbanding pentadbir sekolah yang mempunyai latar belakang opsyen mata pelajaran bukan STEM.

Manakala, guru STEM berstatus opsyen menujukkan tahap persepsi tentang faedah mata pelajaran STEM yang **lebih tinggi** berbanding guru STEM bukan berstatus opsyen.

9.5 Tahap kesediaan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P

Tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P yang turut diikaji dalam kajian ini turut menunjukkan ia berada pada **tahap sederhana**. Guru STEM berstatus opsyen menunjukkan tahap kesediaan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P yang **lebih tinggi** berbanding guru STEM bukan berstatus opsyen.

9.6 Komitmen untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P

Aspek pertama berhubung kesediaan yang dilihat dengan lebih terperinci menunjukkan komitmen guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P berada **pada tahap tinggi**. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan antara kumpulan guru STEM berstatus opsyen dan guru STEM bukan berstatus opsyen dan antara kumpulan guru STEM yang menerima dan tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar berhubung komitmen untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P.

9.7 Efikasi untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P

Aspek kedua berhubung kesediaan yang dilihat menunjukkan efikasi guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P berasa pada **tahap sederhana**. Guru STEM berstatus opsyen menunjukkan tahap efikasi untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P yang **lebih tinggi** berbanding guru STEM berstatus bukan opsyen. Dari segi efikasi ini, tiada perbezaan antara kumpulan guru STEM yang menerima dan tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar.

9.8 Persepsi positif guru terhadap sokongan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P

Aspek terakhir berhubung kesediaan yang dilihat menunjukkan tahap persepsi positif guru terhadap sokongan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P berada pada **tahap rendah**. Apabila dibuat perbandingan, guru STEM bukan berstatus opsyen dan guru STEM yang tidak menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar menunjukkan tahap persepsi positif terhadap sokongan untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P yang **lebih rendah** berbanding guru STEM berstatus opsyen dan guru STEM yang menerima latihan dalam tempoh dua tahun terkini berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar.

10. CADANGAN KAJIAN

10.1 Guru STEM sebagai *Role Model*

Bagi meningkatkan tahap kesedaran guru STEM terhadap kepentingan bidang STEM, dicadangkan agar:

a. Guru STEM diangkat sebagai *'Role Model'* di sekolah untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran STEM. Secara tidak langsung apabila diangkat sebagai suri teladan STEM ini, guru ini akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang

bidang STEM dan mempunyai persepsi positif yang lebih tinggi terhadap bidang dan mata pelajaran STEM.

Antara ciri-ciri *Role Model* ini adalah:

i. kreatif dan sentiasa mencipta inovasi,
ii. sentiasa mengaplikasikan kaedah eksperimen dalam proses P&P,
iii. sentiasa berkongsi pengalaman dan idea saintifik

Dengan adanya ciri-ciri ini dalam kalangan guru STEM, secara tidak langsung mereka akan menjadi idola kepada pelajar dan guru novis. Guru sedemikian juga akan membolehkan muridnya kreatif, inovatif, menguasai pelbagai kemahiran seperti berfikir aras tinggi, menyelesaikan masalah,berkomunikasi dan berkolaboratif dengan baik.

b. KPM mengadakan latihan khas kepada semua guru STEM di seluruh Malaysia menerusi perkongsian bersama Guru Cemerlang mata pelajaran STEM dan SISC+ bidang STEM berhubung perwatakan dan kriteria guru STEM yang perlu ada dalam kalangan mereka.

10.2 Meningkatkan Kompetensi Guru STEM

Dicadangkan juga, bagi meningkatkan efikasi guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P dan persepsi yang lebih tinggi terhadap nilai bidang STEM dan nilai mata pelajaran STEM:

a. Penempatan guru/ penempatan semula guru mata pelajaran STEM berdasarkan ospyen diberi keutamaan bagi menjayakan agenda STEM
b. Penawaran Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang lebih komprehensif dan intensif kepada guru yang mengajar mata pelajaran STEM sebagai bukan opsyen memandangkan mata pelajaran STEM adalah bersifat teknikal dan *content-based*.
c. *Professional Learning Community* (PLC) bagi guru STEM dilihat semula dengan memastikan setiap guru STEM perlu mengikuti tiga kali PLC dalam tempoh setahun
d. Panitia mata pelajaran STEM menjadi lebih proaktif dan persifat *problem solver* dalam memastikan setiap ahli panitia kompeten dalam pengajarannya dan menyelesaikan masalah berhubung kompetensi ahli panitia
e. Pemerkasaan latihan kecekapan bagi penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses P&P dengan bimbingan kumpulan *School Improvement Specialist & Coach+* (SISC+) yang memberi peluang kepada guru meneroka kepelbagaian pendekatan khususnya elemen KBAT dalam proses P&P.

Dengan adanya intervensi khusus & *targetted* sebegini, diharapkan guru STEM yang bukan berstatus opsyen dan yang tidak menerima latihan berkaitan mata pelajaran STEM yang diajar akan lebih kompeten dalam bidang tugas mereka dan mempunyai efikasi yang lebih tinggi untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam pengajaran mereka.

10.3 Pendedahan tentang kepentingan bidang STEM oleh Institut Aminudin Baki (IAB) kepada pentadbir sekolah

Bagi meningkatkan kesedaran dan persepsi tentang nilai bidang STEM serta faedah mata pelajaran STEM dalam kalangan pentadbir yang bukan berlatar belakangkan ospyen STEM, dicadangkan pihak IAB memberi pendedahan kepada pihak pentadbir ini tentang intipati inisiatif STEM dari segi kepentingan seorang pemimpin sekolah memahami hasrat KPM berhubung inisiatif STEM ini dan menterjemahkan hasrat tersebut kepada pelaksanaaan di sekolah. Antara cadangan bentuk pendedahan ini adalah seperti pemerkasaan modul kursus kepengetuaan dan kursus berkala yang dianjurkan oleh IAB khusus untuk golongan ini.

10.4 Semua pentadbir sekolah dilantik sebagai Duta STEM

Bagi meningkatkan kesedaran STEM dalam kalangan pentadbir sekolah, dicadangkan agar semua pentadbir sekolah dilantik sebagai Duta STEM. Bagi mewujudkan suasana pembudayaan STEM di sekolah, duta STEM ini perlu mempromosikan inisiatif STEM kementerian kepada seluruh warga sekolah termasuk ibu bapa dan komuniti setempat secara berterusan. Antara program bagi mempromosikan insiatif STEM ini adalah seperti karnival STEM dan program berskala besar pada peringkat sekolah dan kawasan setempat.

10.5 Penataran tentang inisiatif STEM kepada ibu bapa

Bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa ini, adalah dicadangkan:

a. Penataran daripada pihak KPM secara langsung perlu diberi kepada ibu bapa ini supaya mereka lebih jelas tentang inisiatif STEM dan hasrat KPM berhubung inisiatif ini seperti di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pemahaman tentang pakej mata pelajaran STEM perlu juga diperkukuhkan dalam kalangan pihak sekolah terlebih dahulu supaya mereka seterusnya boleh memahamkan golongan ibu bapa ini dan anak mereka. Sebagai contoh, ibu bapa yang mana anak mereka mampu mengikuti aliran Sains Tulen tetapi sebaliknya mahu mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan tidak dapat mengambil mata pelajaran tersebut bersekali dengan mata pelajaran elektif Sains Tulen (Fizik, Kimia, Biologi) kerana pihak sekolah tidak menyediakan pakej sedemikian berdasarkan pemahaman pihak sekolah yang kurang tepat tentang pilihan pakej ini. Hal ini hanya menyebabkan

murid yang berpotensi tersebut tidak dapat menyumbang kepada pencapaian 60 peratus murid Sains/Teknikal dalam Dasar 60:40;

b. Promosi melalui media massa yang mana BPPDP dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) mewujudkan usaha sama dengan pihak media dalam mempromosikan STEM secara lebih efektif dan berimpak melalui iklan di televisyen dan radio. Iklan tersebut juga bukan semata-mata menyampaikan pengetahuan tentang STEM malah dapat menyedarkan penonton tentang kehebatan dan kepentingan STEM kepada negara; dan

b. Pelibatan ibu bapa dalam aktiviti STEM di sekolah khususnya ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan lanjutan daripada SPM diberi peluang untuk melibatkan diri dalam program STEM seperti:

i. Karnival Sains, Kolokium Pendidikan STEM dan beberapa pertandingan berteraskan STEM. Pelibatan ibu bapa sebegini, khususnya daripada segi memberi buah fikiran dan pandangan akan memberi impak yang lebih bermakna dalam memberi kesedaran dan persepsi yang lebih positif dalam kalangan ibu bapa ini tentang kepentingan STEM, terutamanya pemahaman mereka tentang agenda STEM pada peringkat KPM;

ii. *Bridging Programme* iaitu program penghubung untuk merapatkan jurang antara kehendak ibu bapa golongan ini dan aspirasi KPM berhubung insiatif STEM. Jurang ini perlu dirapatkan dan ibu bapa adalah individu yang boleh menyokong pelajar memilih bidang STEM pada peringkat pengajian mereka. Ibu bapa wajar diberikan kesedaran dan penerangan yang lebih lagi tentang kurikulum mata pelajaran STEM agar mereka turut memahami polisi dan aspirasi KPM. Matlamat kurikulum STEM akan lebih tercapai dan berkesan apabila pelajar memilih STEM pada peringkat menengah, peringkat pengajian tinggi dan sebagai pilihan bidang kerjaya; dan

iii. *STEM on Web* sebagai contoh platform yang boleh dianggap efektif dan relevan bagi ibu bapa yang berpendidikan tinggi untuk berkolaboratif bersama KPM dan guru bagi memberi buah fikiran dan cadangan.

Platform sebegini diharap dapat memupuk kesedaran dan mendapatkan kepercayaan (*buy-in*) golongan ibu bapa ini terhadap inisiatif KPM.

10.6 Program kesedaran kepada ibu bapa tentang kerjaya STEM

Seterusnya adalah dicadangkan agar pihak sekolah mengadakan program melibatkan pelajar dan ibu bapa mereka ketika pameran kerjaya STEM. Pameran kerjaya ini boleh dimulakan dengan mengadakan perkongsian dapatan ujian psikometrik murid kepada ibu bapa yang anak mereka cenderung kepada kerjaya bidang STEM. Pameran seperti ini mampu memberi kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang kerjaya STEM yang perlu dimulai dengan aliran STEM khususnya Sains Tulen khususnya dalam kalangan ibu bapa yang selama ini menentukan bidang kerjaya anak mereka untuk lebih memberi peluang dan kepercayaan kepada anak mereka sendiri berhubung bidang kerjaya yang mereka akan pilih.

10.7 Program Pemupukan Minat Murid Terhadap STEM Seawal Peringkat Rendah

Adalah dicadangkan supaya:

a. Kelab STEM ditubuhkan seawal peringkat sekolah rendah. Pengisian kelab ini adalah berbentuk aktiviti lanjutan daripada pembelajaran mata pelajaran Sains yang bertumpu kepada aktiviti *hands-*on, dan eksperimen lanjutan. Aktiviti juga boleh melibatkan reka cipta, inovasi dan sebagainya yang akan memperkukuh pembelajaran formal mereka;

b. Program 5 minit STEM semasa perhimpunan juga dicadangkan untuk dilaksanakan pada setiap minggu. Setiap kelas dilibatkan secara bergilir dan murid dari kelas terlibat dikehendaki mencari maklumat tentang STEM dan dipersembahkan dalam perhimpunan; dan

c. Perkongsian pengalaman dan pengetahuan yang mana pihak sekolah menjemput pakar dalam bidang dan kerjaya STEM. Perkongsian adalah berfokus kepada bidang STEM pada peringkat menengah atas dan pengajian tinggi dan kerjaya STEM. Pakar yang boleh dijemput adalah seperti doktor, jurutera, arkitek, pakar ICT serta guru cemerlang mata pelajaran STEM dan guru ikon STEM. Dengan adanya perkongsian bersama pakar ini diharapkan murid akan lebih berminat untuk mempelajari mata pelajaran STEM dan merasakan mata pelajaran STEM adalah menyeronokkan dan berbaloi untuk dipelajari.

10.8 Mewujudkan persekitaran sekolah yang menyokong kesedaran dan minat murid terhadap STEM

Persekitaran yang kondusif dan bersesuaian akan menimbulkan kesedaran dan memupuk minat murid terhadap STEM. Justeru, adalah dicadangkan:

a. sudut STEM diwujudkan dan diperluaskan di pusat sumber, pusat akses, bilik darjah dan makmal. Pengisian sudut STEM ini boleh melibatkan aktiviti yang menggalakkan murid menjalankan eksperimen mudah atau mereka cipta sesuatu inovasi yang mudah yang mana di akhir aktiviti, murid tersebut dapat menguasai sesuatu kemahiran STEM atau memperkukuh kemahiran sedia ada dan

b. informasi tentang STEM diterjemahkan melalui lukisan mural, bunting, papan elektronik (LED), papan buletin dan frog VLE.

10.9 Murid sebagai agen STEM

Adalah dicadangkan agar murid yang berkelayakan dilantik menjadi Agen STEM yang akan bertindak sebagai pemudah cara di setiap sudut STEM yang diwujudkan di sekolah. Sebagai contoh, agen ini akan menjalankan demontrasi atau eksperimen berkaitan mata pelajaran STEM ketika waktu rehat, perhimpunan pagi dan ketika aktiviti kokurikulum. Mereka boleh menjemput murid lain untuk turut serta menjalankan demonstrasi atau eksperimen tersebut. Secara tidak langsung mereka ini akan membantu mempromosikan kesedaran dan minat terhadap STEM dalam kalangan murid-murid lain.

10.10 Pengajaran guru STEM yang lebih bermakna sesuai dengan pembelajaran murid abad ke-21

Bagi mengatasi masalah enrolmen murid yang rendah dalam aliran sains tulen, adalah dicadangkan agar guru STEM perlu mengamalkan pedagogi yang lebih bermakna, menarik, kreatif dan inovatif seawal peringkat sebelum menengah atas. Antara kaedah yang mesti dilaksanakan semasa P&P mata pelajaran STEM adalah pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan konsep, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan inkuiri dan sebagainya. Guru STEM juga mesti merubah kaedah, peranan, sikap dan mewujudkan persekitaran P&P ke arah pendidikan abad ke-21 bagi melahirkan lebih ramai lagi murid yang berminat dengan mata pelajaran STEM memilih aliran Sains Tulen pada peringkat menengah atas.

10.11 Memperkasakan peranan pentadbir sekolah dalam aspek pemantauan P&P guru

Guru yang mengajar tanpa melaksanakan aktiviti *hands* on atau eksperimen dengan memberi alasan sukatan tidak dapat dihabiskan atau ingin menghabiskan sukatan secepat mungkin untuk tujuan membuat latih tubi hanya akan menyebabkan murid kurang memperolehi pembelajaran yang bermakna dan memberi kesan negatif kepada minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut dan seterusnya menyebabkan merosotnya enrolmen murid dalam aliran Sains Tulen.

Justeru, pemantauan P&P guru dilihat sebagai mekanisme kritikal bagi memastikan guru mengajar berdasarkan apa yang dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian. Peranan pentadbirlah dilihat penting bagi tujuan pemantauan ini. Antara mekanisme yang boleh dilaksanakan adalah dengan memasang CCTV di dalam kelas atau guru diminta merakam sesi pengajaran mereka dan memuat naik ke satu portal bagi tujuan pemantauan oleh pentadbir.

10.12 Wajaran diberikan untuk komponen amali sains bagi meningkatkan markah murid bagi PT3 mata pelajaran Sains

Dapatan temubual mendapati bahawa bagi menggalakkan murid untuk terlibat aktif dalam komponen amali, wajaran markah yang bersesuaian perlu diberikan bagi komponen tersebut. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan minat dan fokus mereka terhadap mata pelajaran tersebut serta meningkatkan peluang mereka untuk mendapat markah yang memuaskan bagi PT3 mata pelajaran Sains, seterusnya berpeluang mengikuti aliran Sains Tulen.

10.13 Pentadbir melaksanakan kerjasama pintar untuk mencari dana bagi membekalkan peralatan makmal yang berkualiti

Memandangkan salah satu isu yang menyebabkan enrolmen murid rendah bagi sains tulen adalah kurangnya peralatan makmal yang berkualiti, yang menjejaskan minat murid kepada mata pelajaran STEM, khususnya Sains, dicadangkan pihak pentadbir melaksanakan kerjasama pintar dengan rakan strategik untuk mencari dana tambahan bagi tujuan tersebut. Antara kerjasama yang boleh dicadangkan adalah seperti mengadakan aktiviti amal seperti larian, pertandingan golf, jualan meja majlis makan malam serta kerjasama dengan pihak alumni.

10.14 Pengiraan GPS sekolah yang lebih adil

Dapatan daripada temu bual juga menunjukkan salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan enrolmen murid dalam aliran Sains Tulen adalah kerana pihak sekolah mahu menjaga GPS dengan hanya menawarkan aliran Sains Tulen kepada murid yang betul-betul layak sahaja tanpa memberi peluang kepada murid yang berminat dengan aliran tersebut namun mempunyai pencapaian akademik yang dilihat pihak di sekolah sebagai tidak layak kerana khuatir dengan prestasi GPS sekolah. Justeru, dicadangkan agar pengiraan nilai mata pelajaran elektif Sains Tulen bagi GPS dibuat dengan lebih adil dan berbeza dengan nilai mata pelajaran teras/elektif lain. Ini bagi mengurangkan kerisauan pihak sekolah tentang prestasi GPS yang mungkin akan merosot apabila murid yang mengambil elektif Sains Tulen tidak mendapat gred yang baik.

11. IMPLIKASI DASAR

11.1 Dasar Latihan Guru

Dasar latihan guru perlu dilihat semula oleh Bahagian Pendidikan Guru. Sekiranya penempatan guru atau penempatan semula guru berdasarkan ospyen bagi mata pelajaran kritikal seperti Matematik dan Sains tidak dapat dilaksanakan, latihan dalam perkhidmatan perlu dilihat semula dengan memastikan guru STEM mengikuti *Professional Learning* Community (menerusi *Lesson Study*, *In-house training* dan aktiviti seumpamanya) sekurang-kurangnya tiga kali setahun.

11.2 Dasar Pengoperasian Guru Cemerlang dan School Improvement Specialists and Coaches+ (SISC+)

Peranan Guru Cemerlang dan SISC+ perlu dioptimumkan bagi membantu menjayakan inisiatif STEM. BPSH perlu memastikan sebagai mentor, Guru Cemerlang dan SISC+ ini perlu dijadikan rakan strategik kepada guru STEM. Apatah lagi, dengan tiadanya lantikan SISC+ Sains, peranan guru cemerlang Sains perlu diperpanjangkan untuk turut memberi khidmat yang lebih meluas kepada guru Sains lain.

11.3 Dasar Latihan Kepengetuaan

Sebagai pemimpin sekolah, peranan pengetua dan guru besar perlu diperkasakan berhubung aspek kesedaran tentang kepentingan bidang STEM. Institut Aminudin Baki selaku penyedia perkhidmatan kursus perlu melihat semula latihan kepengetuaan ini agar turut memasukkan hasrat inisiatif STEM dalam modul mereka sejajar dengan matlamat yang ingin dihasilkan dalam kesemua gelombang PPPM 2013-2025.

11.4 Dasar Pengiraan GPS

Untuk memastikan pengiraan GPS yang lebih adil dan menggalakkan lebih banyak sekolah menawarkan aliran Sains Tulen kepada lebih ramai pelajar, dasar pengiraan GPS dari segi nilai mata pelajaran elektif STEM berbanding nilai mata pelajaran elektif lain perlu dilihat semula.

12. PENUTUP

Secara kesimpulannya, kesedaran murid, guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa tentang kepentingan bidang STEM berada pada tahap sederhana. Kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan STEM dalam proses P&P juga berada pada tahap sederhana. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan membantu membekalkan maklumat kepada pengurusan KPM tentang tahap kesedaran tersebut agar intervensi dapat dirangka dan program dirancang bagi terus

memupuk kesedaran pihak ini tentang kepentingan bidang STEM. Adalah diharapkan juga agar tahap kesedaran tersebut akhirnya akan berada pada tahap yang memuaskan yang seterusnya akan diterjemahkan dengan peningkatan enrolmen murid dalam aliran STEM, khususnya Sains Tulen.

KAJIAN PEMBANGUNAN INSTRUMEN INDEKS STEM MURID

1. PENGENALAN

Pendidikan STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) adalah pendidikan yang berasaskan kepada konsep mendidik murid dalam empat bidang; Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dengan mengintegrasi dan mengaplikasikannya dalam konteks dunia sebenar (Bahagian Perkembangan Kurikulum, 2016). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 telah meletakkan pendidikan STEM sebagai satu agenda yang penting dalam transformasi pendidikan bagi menyediakan generasi muda untuk menghadapi cabaran abad ke-21 (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 juga menekankan pengukuhan kualiti pendidikan STEM supaya dapat membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berhemah tinggi, kreatif, inovatif dan kompetitif.

Pelaksanaan program dan aktiviti STEM dalam kalangan murid merupakan salah satu usaha secara berterusan agar minat dan kecenderungan murid memilih bidang sains dan teknikal dapat dikekalkan sehingga peringkat pemilihan kerjaya. Jalinan kerjasama antara industri, organisasi, atau institusi swasta dilihat berpotensi dalam perkongsian pengetahuan dan kemahiran STEM selain menyemarakkan pembudayaan pendidikan STEM. Pembudayaan atau sosialisasi digunakan untuk merujuk kepada proses pendidikan. Secara umumnya, pembudayaan pendidikan STEM dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses pendidikan seseorang individu menguasai ilmu pengetahuan, nilai-nilai norma dan sikap terhadap STEM (Wan Nor Fadzilah, 2017). Dengan kata lain, pembudayaan pendidikan STEM merujuk kepada proses menghayati dan menerima perkembangan pendidikan STEM melalui pelibatan individu dalam isu mengenai STEM dengan menggunakan atau menyumbang idea dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik.

Penekanan kepada pendidikan STEM ini adalah sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Revolusi ini berorientasikan transformasi digital dalam penggunaàn mesin bagi menghasilkan produk yang berkualiti. Hal ini bermakna bahawa sistem pendidikan kita berdepan dengan cabaran untuk menghasilkan sumber manusia yang memiliki kemahiran sesuai dengan revolusi tersebut. Bagi memastikan Revolusi Industri 4.0 mencapai matlamatnya, maka pelbagai program dan aktiviti dalam pendidikan STEM diperkenalkan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan boleh mengaplikasikan teknologi dalam kehidupan seharian.

Penyataan ini jelas menunjukkan komitmen tinggi KPM dalam memajukan pendidikan STEM di Malaysia. Menyedari pendidikan STEM ini sangat dititik beratkan, maka perlu ada satu penanda aras (indeks) sebagai alat untuk mengukur tahap pembudayaan pendidikan STEM di Malaysia. Instrumen yang digunakan untuk menghasilkan indeks ini juga harus mantap dan dapat mengukur tahap pembudayaan pendidikan di Malaysia.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan instrumen ISM bagi mengukur tahap pembudayaan pendidikan STEM berdasarkan domain PdP, Sikap, Kokurikulum dan Literasi STEM.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

a) mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan konstruk bagi domain PdP;
b) mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan konstruk bagi domain Sikap;
c) mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan konstruk bagi domain Kokurikulum;
d) mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan item domain Literasi STEM bagi peringkat:
    i) sekolah rendah
    ii) menengah rendah
    iii) menengah atas

4. PERSOALAN KAJIAN

a) Apakah kesahan dan kebolehpercayaan konstruk domain PdP?
b) Apakah kesahan dan kebolehpercayaan konstruk domain Sikap?
c) Apakah kesahan dan kebolehpercayaan konstruk domain Kokurikulum
d) Apakah kesahan dan kebolehpercayaan item domain Literasi STEM bagi peringkat:
    i) sekolah rendah
    ii) menengah rendah
    iii) menengah atas

5. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian rintis ke atas instrumen untuk melihat tahap pembudayaan pendidikan STEM di sekolah dengan menggunakan soal selidik dan ujian literasi sebagai instrumen kajian.Pengumpulan data dilakukan oleh pasukan penyelidik dan dibantu oleh pegawai JPN dan PPD. Seterusnya data diproses menggunakan program SPSS, pakej

ltm dan lavaan survey dalam perisian R dan Monte Carlo PCA for Parallel Analysis. Jenis analisis data yang digunakan untuk menilai kesahan ialah Exploratory Factor Analysis (EFA), Confirmatory Factor Analysis (CFA), Graded Response Model Item Response Theory (GRM IRT) dan IPL, 2PL dan 3PL IRT.

6. SAMPEL KAJIAN

Kajian rintis telah dijalankan sebanyak dua kali. Pemilihan sampel sekolah bagi kajian rintis adalah berdasarkan lokasi dan peringkat sekolah. Ini adalah bersesuaian dengan sampel kajian sebenar. Kajian rintis yang pertama telah melibatkan sebanyak 30 buah sekolah (15 sekolah rendah dan 15 sekolah menengah). Manakala kajian rintis kedua melibatkan 20 buah sekolah (10 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah). Seramai 2473 orang responden (717 murid sekolah rendah dan 1756 murid sekolah menengah) telah terlibat dalam kajian rintis pertama manakala 907 orang murid (299 murid sekolah rendah dan 608 murid sekolah menengah) telah terlibat dalam kajian rintis kedua. Daripada 15 buah sekolah rendah yang terlibat dalam kajian rintis pertama, sebanyak 7 buah sekolah rendah adalah sekolah di bandar manakala 8 buah sekolah adalah sekolah rendah di luar bandar. Seterusnya, sebanyak 6 buah sekolah menengah bandar dan 9 buah sekolah menengah di luar bandar telah terlibat dalam kajian rintis pertama. Bagi kajian rintis kedua pula, 5 sekolah rendah bandar dan 5 buah sekolah I rendah di luar bandar sekolah. Seterusnya sebanyak 6 buah sekolah menengah di bandar dan 4 buah sekolah sekolah menegah di luar bandar yang terlibat dalam kajian rintis kedua.

7. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, sebanyak 15 item dikekalkan untuk mewakili domain PdP kerana item tersebut dipercayai mempunyai rasional teoritikal bagi menggambarkan domain PdP. Manakala sebanyak 23 item dikekalkan untuk mewakili domain Sikap kerana item tersebut dipercayai mempunyai rasional teoritikal bagi menggambarkan domain Sikap manakala sebanyak 12 item dikekalkan untuk mewakili domain Kokurikulum kerana item tersebut dipercayai mempunyai rasional teoritikal bagi menggambarkan domain Kokurikulum. Namun begitu, terdapat sebanyak 4 item Literasi sekolah rendah, 3 item Literasi menengah rendah dan 3 item Literasi menengah atas yang perlu ditambah baik berdasarkan aras diskriminasi dan aras kesukaran.

8. CADANGAN KAJIAN

Bagi menambah baik kajian ISM, berikut merupakan cadangan penambahbaikan yang disarankan untuk diberi perhatian:

a) Berdasarkan dapatan analisis terdapat 51 item yang dikekalkan yang mewakili domain PdP, Sikap dan Kokurikulum. Maka penyelidik perlu menguji semula item yang mewakili domain PdP, Sikap dan Kokurikulum melalui analisis CFA ini supaya item tersebut benar-benar berada di dalam konstruknya.

b) Analisis IRT mendapati, sebanyak 10 Item literasi STEM perlu diteliti semula untuk ditambah baik berdasarkan aras diskriminasi dan aras kesukaran.

c) Berdasarkan analisis Kajian Rintis kedua, item dalam subdomain Elemen KBAT dalam Kokurikulum didapati tidak memberi banyak maklumat tentang subdomain tersebut. Maka pasukan penyelidik perlu melihat semula item konstruk yang lebih sesuai dalam domain Kokurikulum.

d) Dapatan kajian mendapati, elemen meneka agak tinggi bagi peringkat sekolah rendah, maka pasukan penyelidik perlu mengingat dan memberi galakan kepada murid sekolah rendah untuk menjawab item Literasi dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, pasukan penyelidik perlu mengenal pasti faktor meneka dalam kalangan murid sekolah rendah dan mencaripenyelesaian bagi mengelakan elemen meneka tersebut.

e) Kajian rintis seterusnya perlu dijalankan bagi melihat semula kesahan dan kebolehpercayaan bagi keseluruhan item.

9. PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian rintis yang dilaksanakan dapat memberi maklum balas tentang pelaksanaan kajian seterusnya. Beberapa item masih perlu diberi penekanan supaya objektif kajian iaitu membangunkan ISM tercapai sepenuhnya.

KAJIAN FAKTOR KANAK-KANAK YANG BERUMUR 4+ DAN 5+ TIDAK MENGIKUTI PENDIDIKAN PRASEKOLAH

1. PENGENALAN

Kaji Selidik Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-kanak Bandar Di Rumah Pangsa Kuala Lumpur UNICEF (2018) yang melibatkan 966 ketua keluarga dan 2,142 kanak- kanak daripada 17 lokasi berbeza di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya menunjukkan 51% kanak-kanak berusia 5 dan 6 tahun tidak menghadiri prasekolah dan 2% yang berusia 7-17 tahun tidak bersekolah. Kajian ini juga menunjukkan hanya seorang daripada dua orang kanak-kanak berusia 5-6 tahun yang dihantar ke prasekolah.

Enrolmen sasaran bagi prasekolah swasta menjelang 2020 adalah 60% seperti yang disasarkan melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA) sementara prasekolah awam (Kementerian Pendidikan, KEMAS dan Jabatan Perpaduan Negara-JPNIN) pula sasarannya sebanyak 40%.

Bagi meningkatkan enrolmen dan kualiti pendidikan prasekolah, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dalam Gelombang 1 (PPPM 2013-2015) seperti berikut:

i. Meningkatkan bilangan kelas prasekolah
ii. Menyediakan geran pelancaran prasekolah swasta
iii. Mempertingkatkan pendaftaran prasekolah swasta
iv. Menyediakan bantuan yuran prasekolah swasta
v. Mempertingkatkan kualiti institusi prasekolah
vi. Meningkatkan tahap kecekapan guru prasekolah
vii. Mempromosikan amalan terbaik pedagogi melalui Kaedah *Flipped Classroom*
viii. Meningkatkan penyampaian pendidikan prasekolah
ix. Menambah bilangan prasekolah bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan pendidikan inklusif

Langkah-langkah kerajaan ini telah pun meningkatkan bilangan enrolmen murid prasekolah.

Sejak tahun 2010, jumlah enrolmen murid yang mengikuti pendidikan prasekolah menunjukkan peningkatan. Pertambahan bilangan enrolmen kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ bermula dengan pelancaran Gelombang 1, PPPM 2013-2015. Kesinambungan pertambahan bilangan enrolmen murid berumur 4+ dan 5+ terus kekal pada Gelombang 2, PPPM yang bermula pada tahun 2016.

Pada tahun 2017, sasaran enrolmen prasekolah bagi murid berumur 5+ adalah 94% (487,322 orang) manakala bagi murid berumur 4+ adalah 80% (425,502 orang). Walau bagaimanapun analisis pencapaian enrolmen murid pada tahun 2017 belum mencapai sasaran. Keseluruhannya pada tahun 2017, kadar enrolmen murid berumur 4+ adalah sebanyak 77.8% (413,782 orang) manakala bagi murid berumur 5+ ialah 91.0% (471,201 orang).

Corak peningkatan enrolmen murid berumur 4+ dan 5+ ke prasekolah awam dan swasta mulai tahun 2013 hingga 2016 meningkat pada kadar 1 hingga 2 peratus setahun. Namun begitu pada tahun 2017, kadar peratusan enrolmen bagi murid berumur 4+ dan 5+ telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2016. Walau bagaimanapun didapati berlaku peningkatan bilangan enrolmen murid bagi kedua-dua kohort. Dapatan tinjauan awal kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan ibu bapa tidak menghantar anak ke prasekolah seperti berikut:

a) Faktor Ibu bapa

i. Tahap Pendidikan ibu bapa rendah
ii. Pendapatan ibu bapa / penjaga tidak mencukupi
iii. Sikap ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan prasekolah agak rendah
iv. Bilangan tanggungan keluarga tinggi
v. Masalah menguruskan persekolahan kanak-kanak

b) Faktor Prasekolah

i. Lokasi kedudukan prasekolah jauh
ii. Tiada kemudahan pengangkutan ke prasekolah
iii. Bahasa pengantar tidak disetujui oleh ibu bapa / penjaga

c) Faktor Kanak-kanak

i. Kanak-kanak kurang berminat ke prasekolah
ii. Fizikal kanak-kanak kecil

d) Faktor Dasar

i. Bantuan / Insentif kepada keluarga pendapatan rendah atau miskin tidak mencukupi.

Kesimpulannya, kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti apakah faktor utama yang menyumbang kepada kanak-kanak 4+ dan 5+ tidak mengikuti pendidikan prasekolah. Hasil

kajian ini penting supaya tindak susul boleh dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai enrolmen prasekolah sejagat 100% (900,000 orang) dapat dicapai menjelang 2020.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kanak-kanak tidak mengikuti pendidikan prasekolah seawal umur 4+ dan 5+.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti faktor kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ sahaja.
ii. Mengenal pasti faktor kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ sahaja.
iii. Mengenal pasti faktor kanak-kanak tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah.
iv. Mengenal pasti faktor pemilihan prasekolah awam atau swasta dalam kalangan ibu bapa.

4. SOALAN KAJIAN

Berikut adalah soalan kajian bagi mencapai objektif kajian ini:

i. Apakah faktor yang menyebabkan kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ sahaja?
ii. Apakah faktor yang menyebabkan kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ sahaja?
iii. Apakah faktor yang menyebabkan kanak-kanak tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah?
iv. Apakah faktor yang menentukan pemilihan prasekolah awam atau swasta dalam kalangan ibu bapa?

5. RASIONAL KAJIAN

Kajian ini penting untuk mengenal pasti apakah faktor yang menyebabkan ibu bapa/ penjaga tidak menghantar kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah. Kajian ini juga perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkaitan faktor yang menentukan pemilihan prasekolah (awam atau swasta) dalam kalangan ibu bapa. Selain itu, dapatan kajian ini juga akan memberi input untuk tindakan susulan penambahbaikan pendidikan prasekolah ke arah mencapai sasaran enrolmen sejagat 100% seperti yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.

6. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan dan penganalisisan data daripada ibu bapa / penjaga murid Tahun 1, prasekolah awam dan swasta yang menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ sahaja, umur 5+ sahaja atau tidak pernah menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Di samping itu, temu bual juga dijalankan melibatkan ibu bapa / penjaga murid tahun 1, prasekolah awam dan swasta, pentadbir prasekolah awam dan pengusaha tadika swasta serta guru prasekolah awam dan swasta.

Lokasi kajian melibatkan sekolah di bawah KPM iaitu SK, SJKC dan SJKT. Selain itu, tadika KEMAS dan JPNIN juga dilibatkan dalam kajian ini. Kajian ini turut melibatkan prasekolah swasta yang dikendalikan oleh individu, syarikat, parti politik, institusi bukan kerajaan (NGO) dan pusat perkembangan minda yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan KPM.

Pemilihan sekolah (sampel) adalah menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata secara bertujuan. Pemilihan dibuat melibatkan enam zon iaitu zon utara (Kedah), zon tengah (WP K.Lumpur dan Selangor), zon selatan (Johor), zon timur (Pahang dan Kelantan) serta Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada sekolah di bandar dan luar bandar.

7. SAMPEL KAJIAN

Kajian melibatkan 1200 orang ibu bapa / penjaga murid berdasarkan jenis sekolah iaitu 849 (70.88%) di SK, 41 (3.4%) di SJKC , 89 (7.4%) di SJKT ,116 (9.7%) di tadika KEMAS 63 (5.3%) di tabika JPNIN dan 42 (3.5%) di tadika swasta. Di samping itu, temu bual kajian ini juga melibatkan 15 orang ibu bapa / penjaga, 26 orang guru prasekolah dan 13 orang pentadbir sekolah.

8. DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah rumusan dapatan kajian ini:

Secara rumusan, dapatan kajian kuantitatif dapat diringkaskan seperti Jadual 8.1 dan Jadual 8.2 di bawah:

Jadual 8.1

Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif

	Tahap		
Faktor	**Umur 4+ Sahaja**	**Umur 5+ Sahaja**	**Tidak Pernah Mengikuti Pendidikan Prasekolah**
1. Institusi Prasekolah/Tadika/Tabika			
a. Jarak Rumah Ke Prasekolah	Rendah	Rendah	Sederhana
b. Penawaran Pendidikan prasekolah /tadika/tabika	Rendah	Rendah	Sederhana
c. Prasarana	Rendah	Rendah	Rendah
d. Kualiti Guru	Rendah	Rendah	Rendah
2. Ibu Bapa / Penjaga			
a. Kewangan	Sederhana	Sederhana	Tinggi
b. Keharmonian Keluarga	Rendah	Rendah	Rendah
c. Sikap	Rendah	Rendah	Rendah
3. Kesediaan Individu/Kanak- Kanak			
a. Kognitif	Rendah	Rendah	Sederhana
b. Afektif	Rendah	Rendah	Sederhana
c. Psikomotor	Rendah	Rendah	Sederhana
d. Kesihatan	Rendah	Sangat Rendah	Rendah

Nota: Tahap Faktor (Rendah / Sederhana / Tinggi)

Jadual 8.2

Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian Kajian Faktor Kanak-kanak Yang Berumur 4+ dan 5+ Tidak Mengikuti Pendidikan Prasekolah

Faktor	Tahap		
	Umur 4+ Sahaja Prasekolah	**Umur 5+ Sahaja**	**Tidak Pernah Mengikuti Pendidikan**
1. Institusi Prasekolah / Tadika / Tabika a. Jarak Rumah Ke Prasekolah b. Penawaran Pendidikan prasekolah / tadika / tabika c. Kemudahan /Prasarana d. Kualiti Guru	• tiada perkhidmatan penjagaan anak selepas waktu persekolahan • yuran tadika swasta mahal	• tiada perkhidmatan penjagaan anak selepas waktu persekolahan • yuran tadika swasta mahal • Faktor lokasi dan penawaran pendidikan mempengaruhi ibu bapa / penjaga di bandar untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.	• ketiadaan prasekolah / tadika / tabika berdekatan rumah dalam lingkungan 3 km • tiada kemudahan pengangkutan dari rumah ke prasekolah / tadika / tabika • laluan dari rumah ke prasekolah / tadika/ tabika susah Faktor penawaran pendidikan lebih mempengaruhi ibu bapa / penjaga di bandar dalam membuat keputusan bagi kanak- kanak yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah.

2. Ibu Bapa / Penjaga a. Kewangan b. Keharmonian Keluarga c. Sikap	Masalah kewangan (tahap sederhana) • gaji / pendapatan tidak mencukupi • banyak tanggungan keluarga • perbelanjaan harian tinggi • keluarga tidak mempunyai pendapatan yang tetap	Masalah kewangan (tahap sederhana) • gaji / pendapatan tidak mencukupi • bilangan anak yang bersekolah ramai • banyak tanggungan keluarga • perbelanjaan harian tinggi • keluarga tidak mempunyai pendapatan yang tetap Faktor keharmonian keluarga mempengaruhi penjaga di bandar dalam membuat keputusan dan menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja	Masalah kewangan sebagai faktor utama (tahap tinggi) • gaji / pendapatan tidak mencukupi • bilangan anak yang bersekolah ramai • banyak tanggungan keluarga • perbelanjaan harian tinggi • responden atau pasangannya tidak bekerja • keluarga responden tidak mempunyai pendapatan yang tetap Ibu bapa / penjaga di luar bandar lebih bimbang dengan keselamatan anak serta merasakan anaknya masih kecil untuk ke prasekolah / tadika / tabika Faktor keharmonian keluarga mempengaruhi ibu bapa / penjaga di bandar dalam membuat keputusan bagi kanak- kanak yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah.

3. Kesediaan Individu / Kanak-kanak a. Kognitif b. Afektif c. Psikomotor d. Kesihatan	Tahap Rendah	Tahap Rendah	**Kognitif:** • anak lambat menerima pelajaran • anak susah memahami arahan dan sukar memahami pelajaran yang diajar **Faktor afektif:** • anak menangis apabila dihantar ke prasekolah/tadika/tabika • kerap menangis apabila dihantar ke prasekolah/tadika/tabika • sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran prasekolah/tadika/tabika Faktor afektif ini lebin mempengaruhi ibu bapa/penjaga di luar bandar **Psikomotor:** • anak belum pandai menguruskan diri sendiri dan bentuk fizikal (badan) anak kecil • anak terlalu aktif

4. Faktor-faktor Lain	• Kurang pendedahan berkenaan pendaftaran secara dalam talian dan manual untuk prasekolah KPM. • Tawaran kemasukan ke institusi prasekolah / tadika / tabika adalah terlalu lewat. • Bilangan murid prasekolah / tadika / tabika terlalu ramai. • Keutamaan tempat prasekolah diberikan kepada murid berumur 5+.	• Ibu bapa gagal membuat pendaftaran secara dalam talian melalui dalam talian (sistem aplikasi e- prasekolah) dan secara manual untuk prasekolah di bawah KPM. • Ibu bapa gagal menunjukkan sijil kelahiran anak • Menghantar anak ke prasekolah KPM pada umur 6 tahun (umur 5+) sahaja kerana menganggap prasekolah ini lebih formal disebabkan bangunan prasekolah berada di dalam kawasan sekolah (KPM).	• Majoriti ibu bapa / penjaga tetap memilih prasekolah KPM sahaja kerana berpandangan dan tidak ke prasekolah lain kerana: - kos yang rendah dan mampu membayar yuran prasekolah. - pengajaran guru di prasekolah KPM dianggap lebih baik dan percaya dengan guru-guru tersebut. - ahli keluarga sedang / pernah bersekolah di situ. • Tempat yang terhad di prasekolah di KPM • Tidak mendapat tempat di prasekolah di bawah KPM kerana lambat mendaftar • Kurang kesedaran tentang kepentingan pendidikan prasekolah

8.1 Responden Kajian (Ibu bapa / Penjaga)

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata secara bertujuan. Responden kajian terdiri daripada mereka yang hanya menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah sama ada pada umur 4+ tahun sahaja, umur 5+ tahun sahaja atau tidak pernah menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti ibu bapa / penjaga (57.8%) mempunyai bilangan tanggungan yang banyak iaitu 4 orang dan ke atas.

Dari aspek tahap akademik ibu bapa / penjaga didapati (81.6%) responden terdiri daripada kumpulan tidak bersekolah hingga pendidikan menengah sahaja. Sementara hanya 16.6% responden mempunyai tahap akademik peringkat kolej dan universiti.

Analisis berdasarkan pendapatan keluarga pula menunjukkan sebahagian besar responden (41.9%) mempunyai pendapatan di bawah paras kadar kemiskinan iaitu kurang daripada RM1000 dan sebanyak 40.4% pula mempunyai pendapatan RM1001 hingga RM3000.

8.2 Faktor Kanak-kanak Mengikuti Pendidikan Prasekolah Pada Umur 4+ Sahaja

a) Konstruk 1: Institusi Prasekolah / Tadika / Tabika

Keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa faktor jarak rumah ke prasekolah, penawaran pendidikan prasekolah / tadika / tabika, prasarana dan kualiti guru berada pada tahap rendah dan bukanlah faktor penyebab kanak-kanak tidak mengikuti pendidikan prasekolah pada usia 4+.

Walau bagaimanapun, dari aspek penawaran pendidikan prasekolah / tadika / tabika, dapatan menunjukkan pernyataan tiada perkhidmatan penjagaan anak selepas waktu persekolahan berada pada tahap sederhana dan pandangan ibu bapa / penjaga bahawa yuran tadika swasta mahal pada tahap tinggi telah menjadi salah satu faktor kanak-kanak tidak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah seawal umur 4+.

Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang aspek institusi prasekolah / tadika / tabika terhadap faktor jarak rumah ke prasekolah, penawaran pendidikan, prasarana dan kualiti guru mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikut pendidikan prasekolah pada umur 4+ tahun sahaja.

b) Konstruk 2: Ibu bapa / Penjaga

Dapatan menunjukkan faktor keharmonian keluarga dan sikap berada pada tahap rendah. Bagi faktor sikap, pernyataan ibu bapa / penjaga bahawa pendidikan prasekolah / tadika / tabika tidak penting untuk anak berada pada tahap sangat rendah menunjukkan mereka sangat mementingkan pendidikan prasekolah.

Walau bagaimanapun faktor kewangan berada pada tahap sederhana. Pernyataan Ibu bapa / penjaga bahawa gaji / pendapatan tidak mencukupi, banyak tanggungan keluarga, perbelanjaan harian tinggi dan keluarga tidak mempunyai pendapatan yang tetap mencatatkan tahap sederhana. Boleh disimpulkan bahawa faktor kewangan menyumbang kepada kegagalan kanak-kanak yang hanya mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ tahun.
Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek Ibu bapa / penjaga terhadap faktor kewangan, keharmonian keluarga dan sikap mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikut pendidikan prasekolah pada umur 4+ tahun sahaja.

c) Konstruk 3: Kesediaan Individu / Kanak-kanak

Hasil kajian menunjukkan faktor kognitif, afektif, psikomotor dan kesihatan murid berada pada tahap rendah. Ini menjelaskan faktor-faktor ini tidak mempengaruhi tindakan ibu bapa / penjaga yang menghantar kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ tahun sahaja.

Ujian-*t* berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua faktor tersebut di atas dari aspek kesediaan individu / kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 4+ tahun sahaja.

d) Faktor Lain Yang Mendorong Ibu Bapa / Penjaga Tidak Menghantar Kanak-kanak Mengikuti Pendidikan Prasekolah / Tadika / Tabika Pada Umur 4+

Analisis dapatan kajian melalui soalan terbuka menunjukkan beberapa faktor lain yang menyebabkan berumur 4+ tidak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah

i. Ibu bapa / penjaga kurang pendedahan berkenaan pendaftaran secara dalam talian dan manual untuk prasekolah KPM.

ii. Tawaran kemasukan ke institusi prasekolah / tadika / tabika adalah terlalu lewat.

iii. Bilangan murid prasekolah / tadika / tabika terlalu ramai. Keutamaan tempat prasekolah diberikan kepada murid berumur 5+.

8.3 Faktor Kanak-kanak Mengikuti Pendidikan Prasekolah Pada Umur 5+ Sahaja

a) Konstruk 1: Institusi Prasekolah / Tadika / Tabika

Keseluruhannya faktor jarak rumah ke prasekolah, penawaran pendidikan prasekolah / tadika / tabika, prasarana dan kualiti guru berada pada tahap rendah. Ini menjelaskan faktor-faktor ini tidak menjadi punca utama dan menyebabkan kanak- kanak hanya mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, dari aspek penawaran pendidikan prasekolah / tadika / tabika, pernyataan yuran tadika swasta mahal dan tiada perkhidmatan penjagaan anak selepas waktu persekolahan mencapai tahap sederhana didapati mempengaruhi keputusan ibu bapa / penjaga untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang aspek institusi prasekolah / tadika / tabika terhadap faktor prasarana dan faktor kualiti guru mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor jarak rumah ke prasekolah dan faktor penawaran pendidikan mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja. Responden di bandar lebih bersetuju dengan faktor lokasi dan penawaran pendidikan mempengaruhi mereka untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

b) Konstruk 2: Ibu bapa / Penjaga

Dapatan kajian menunjukkan faktor kewangan berada pada tahap sederhana. Pernyataan gaji / pendapatan tidak mencukupi, bilangan anak yang bersekolah ramai, banyak tanggungan keluarga, perbelanjaan harian tinggi dan keluarga tidak mempunyai pendapatan yang tetap juga mencatatkan tahap sederhana. Ini menunjukkan faktor kewangan mempengaruhi penghantaran anak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Dari aspek sikap, pendidikan prasekolah / tadika / tabika tidak penting untuk anak saya mencapai tahap sangat rendah menunjukkan ibu bapa / penjaga sangat pentingkan pendidikan prasekolah untuk anak mereka.

Sementara itu, faktor keharmonian keluarga dan sikap ibu bapa / penjaga juga berada pada tahap rendah menunjukkan faktor ini kurang mempengaruhi penghantaran anak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang aspek Ibu bapa / penjaga terhadap faktor kewangan dan sikap mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor keharmonian ($p<0.05$, $t=1.425$) dan mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak mengikut pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja. Faktor keharmonian keluarga lebih mempengaruhi ibu bapa / penjaga di bandar dalam membuat keputusan dan menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

c) Kesediaan Individu / Kanak-kanak

Dapatan menunjukkan pencapaian tahap rendah bagi faktor kognitif, afektif dan psikomotor serta tahap sangat rendah bagi faktor kesihatan. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor ini kurang mempengaruhi keputusan ibu bapa / penjaga yang hanya menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

Sementara ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam kalangan responden di bandar dan luar bandar yang hanya menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah pada umur 5+ tahun sahaja.

d) Faktor Lain Yang Mendorong Ibu Bapa / Penjaga Tidak Menghantar Kanak-kanak Mengikuti Pendidikan Prasekolah / Tadika / Tabika Pada Umur 5+

Rumusan analisis dapatan kajian melalui soalan terbuka menunjukkan faktor lain yang menyebabkan kanak-kanak berumur 5+ tidak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah.

i. Ibu bapa gagal membuat pendaftaran secara dalam talian melalui dalam talian (sistem aplikasi e-prasekolah) dan secara manual untuk prasekolah di bawah KPM.

ii. Ibu bapa gagal menunjukkan sijil kelahiran anak.

8.4 Faktor Yang Menyebabkan Kanak-kanak Tidak Pernah Mengikuti Pendidikan Prasekolah

a) Konstruk 1: Institusi Prasekolah / Tadika / Tabika

Dapatan menunjukkan keseluruhannya faktor jarak rumah ke prasekolah dan faktor penawaran pendidikan prasekolah / tadika / tabika berada pada tahap sederhana. Bagi faktor lokasi, pernyataan ketiadaan prasekolah / tadika / tabika berdekatan rumah dalam lingkungan 3 km, tiada kemudahan pengangkutan dari rumah saya ke prasekolah / tadika / tabika dan

laluan dari rumah saya ke prasekolah / tadika/ tabika susah berada pada tahap sederhana. Ini menjelaskan faktor ini mempengaruhi keputusan ibu bapa / penjaga yang tidak pernah menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah.

Sementara faktor prasarana dan kualiti guru mencapai tahap rendah dan menjelaskan bahawa faktor ini kurang mempengaruhi tindakan ibu bapa / penjaga yang tidak pernah menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah.

Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek institusi prasekolah / tadika/ tabika terhadap faktor jarak rumah ke prasekolah dan faktor kualiti guru mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor penawaran pendidikan dan prasarana. Ini menunjukkan faktor ini lebih mempengaruhi ibu bapa / penjaga di luar bandar yang tidak pernah menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

b) Konstruk 2: Ibu bapa / Penjaga

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya faktor kewangan adalah pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun pernyataan bilangan anak saya yang bersekolah ramai dan responden atau pasangannya tidak bekerja mencapai tahap sederhana menunjukkan faktor kewangan merupakan faktor penyebab utama kanak-kanak tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah. Perbelanjaan harian yang tinggi antara punca menyebabkan ibu bapa / penjaga tidak berpeluang anak-anak untuk mengikuti pendidikan prasekolah.

Sementara faktor keharmonian keluarga dan sikap mencapai tahap rendah. Dapat dirumuskan bahawa faktor ini bukan penyebab ibu bapa / penjaga tidak menghantar anak untuk mengikuti pendidikan prasekolah. Namun demikian, pernyataan bimbang dengan keselamatan anak serta anak saya masih kecil untuk ke prasekolah / tadika / tabika mencapai tahap sederhana sahaja. Dapat disimpulkan bahawa kerisauan ibu bapa / penjaga usia dan keselamatan anak juga menyumbang kepada kanak-kanak tidak berpeluang langsung mengikuti pendidikan prasekolah.

Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang aspek Ibu bapa / penjaga terhadap faktor kewangan dan sikap mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor keharmonian keluarga. Faktor ini lebih mempengaruhi ibu bapa / penjaga di bandar dalam membuat keputusan bagi kanak-kanak yang tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah.

c) Konstruk 3: Kesediaan Individu / Kanak-kanak

Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya faktor kognitif, afektif dan psikomotor mencapai tahap sederhana kecuali faktor kesihatan yang mencapai tahap rendah.

Namun, bagi faktor kognitif, pernyataan anak lambat menerima pelajaran, susah memahami arahan, sukar memahami pelajaran yang diajar dan sukar memahami bahasa yang digunakan di prasekolah / tadika / tabika juga mencapai tahap sederhana.

Sementara bagi faktor afektif, pernyataan anak sukar bangun pagi, kerap menangis apabila dihantar ke prasekolah / tadika / tabika dan sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran prasekolah / tadika / tabika mencapai juga pada tahap sederhana.

Dari aspek psikomotor pula, pernyataan anak belum pandai menguruskan diri sendiri, bentuk fizikal (badan) anak kecil, dan anak terlalu aktif juga pada tahap sederhana. Tahap pencapaian sederhana ini menunjukkan ibu bapa / penjaga kurang yakin dan risau akan kemampuan anak mengikuti pendidikan prasekolah. Seterusnya mereka membuat keputusan untuk tidak menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah.

Ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek kesediaan individu / kanak-kanak terhadap faktor kognitif, psikomotor dan kesihatan mengikut lokasi bandar dan luar bandar bagi kanak-kanak yang tidak pernah mengikut pendidikan prasekolah.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor afektif. Faktor ini lebih mempengaruhi ibu bapa / penjaga di luar bandar yang tidak pernah menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah.

d) Faktor Lain Yang Mendorong Ibu Bapa / Penjaga Tidak Menghantar Kanak-kanak Yang Berumur 4+ dan 5+ Mengikuti Pendidikan Prasekolah / Tadika / Tabika

Rumusan analisis dapatan kajian melalui soalan terbuka juga menunjukkan faktor berikut yang menyebabkan berumur 4+ dan 5+ tidak berpeluang mengikuti pendidikan prasekolah.

i. kewangan;
ii. pengangkutan;
iii. lokasi sekolah;
iv. sikap kanak-kanak;
v. sikap ibu bapa / penjaga; dan
vi. masalah keluarga.

8.5 Faktor Yang Menentukan Pemilihan Prasekolah Awam atau Swasta Dalam Kalangan Ibu Bapa

Majoriti ibu bapa / penjaga memilih prasekolah KPM kerana berpandangan:

i. kos yang rendah dan mereka mampu membayar yuran prasekolah.
ii. pengajaran guru di prasekolah KPM adalah baik dan mereka percaya dengan guru-guru tersebut.
iii. ahli keluarga mereka pernah bersekolah di situ.

8.6 Temu Bual Bersama Ibu Bapa / Penjaga

Hasil temu bual bersama ibu bapa / penjaga menunjukkan bahawa mereka berpandangan positif tentang pendidikan prasekolah. Ibu bapa / penjaga yakin bahawa pendidikan prasekolah memberi peluang kepada anak untuk:

i) menguasai Kemahiran Asas 3M.
ii) berkomunikasi dengan rakan.

Walau bagaimanapun ibu bapa / penjaga mempunyai pendirian yang berbeza tentang usia yang sesuai untuk mengikuti pendidikan prasekolah. Majoriti berpandangan usia yang sesuai untuk mengikuti pendidikan prasekolah ialah 5 tahun (umur 4+) manakala sebahagian lain berpendapat usia yang sesuai ialah 4 tahun (umur 3+) dan 6 tahun (umur 5+).

Berdasarkan temu bual, ibu bapa / penjaga, anaknya tidak dapat mengikuti pendidikan prasekolah kerana:

i) tempat yang terhad di prasekolah di KPM;
ii) lambat mendaftar anak di prasekolah dan akibatnya anak mereka tidak mendapat tempat di prasekolah di bawah KPM;
iii) lokasi rumah jauh daripada lokasi prasekolah;
iv) tiada kemudahan pengangkutan untuk menghantar anak ke prasekolah;
v) keluarga menghadapi masalah kewangan; dan
vi) yuran di prasekolah swasta mahal.

Bantuan yang diperlukan oleh ibu bapa / penjaga untuk pendidikan prasekolah anak

Sebahagian besar ibu bapa mengharapkan bantuan berikut untuk pendidikan prasekolah anak mereka.

i) kewangan (keperluan utama untuk membeli pakaian seragam sekolah, kasut, beg dan alat tulis;

ii) penyediaan kemudahan kepada sekolah (seperti komputer, LCD, dan skrin projektor)
iii) membaiki kemudahan di sekolah (peralatan di taman permainan)
iv) menambah bangunan / kelas prasekolah (untuk menampung bilangan murid yang ramai)
v) PCG sekolah perlu ditambah untuk membeli alat tulis

Cadangan ibu bapa / penjaga untuk menambah baik pendidikan prasekolah di negara kita

Ibu bapa/penjaga memberikan cadangan berikut untuk menambah baik pendidikan prasekolah di negara kita:

i) Pendidikan prasekolah harus lebih berunsur *fun learning* untuk menarik minat murid.
ii) Bilangan prasekolah KPM harus ditambah untuk menampung bilangan murid yang ramai.
iii) Guru Bahasa Inggeris perlu ada untuk mengajar anak mereka bertutur dalam Bahasa Inggeris.
iv) Guru-guru prasekolah harus diberi latihan untuk meningkatkan kualiti guru
v) Peruntukan untuk prasekolah harus ditambah.

8.7 Temu Bual Bersama Pentadbir

Majoriti pentadbir berpandangan ibu bapa / penjaga mementingkan pendidikan prasekolah untuk anak-anak mereka. Mereka lebih menekankan pembelajaran anak- anak mereka dan bersikap positif terhadap pendidikan prasekolah anak-anak mereka. Namun menurut mereka terdapat ibu bapa / penjaga yang kurang mengambil berat terhadap pendidikan prasekolah anak mereka. Ibu bapa / penjaga yang kurang menitikberatkan pendidikan prasekolah adalah daripada keluarga yang bermasalah atau mempunyai kurang kesedaran tentang kepentingan pendidikan prasekolah.

Menurut pentadbir usia pilihan ibu bapa untuk menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah berbeza-beza. Terdapat ibu bapa /penjaga yang memilih 5 tahun (umur 4+) manakala yang lain memilih ialah 6 tahun (umur 5+).

Faktor ibu bapa / penjaga tidak menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah menurut pentadbir:

i) Sikap ibu bapa / penjaga (kurang kesedaran tentang kepentingan).
ii) Tiada pendaftaran ke prasekolah kerana lupa usia anak.
iii) Kemiskinan (berpendapatan rendah dan tidak mampu membayar yuran persekolahan anak-anak mereka).

iv) Masalah keluarga (suami isteri bercerai, bergaduh dan salah seorang pasangan melarikan anak).
v) Tempat yang terhad di prasekolah di bawah KPM dan yuran yang mahal di prasekolah swasta.

Untuk mengatasi masalah ini, pentadbir mencadangkan langkah seperti berikut:

i) Kesedaran diberikan kepada ibu bapa supaya mereka menghantar anak ke prasekolah. Salah satu cara kesedaran ialah melalui iklan tentang kepentingan pendidikan prasekolah yang boleh dihebahkan melalui media cetak, elektronik dan sosial seperti radio, televisyen dan *WhatsApp.*
ii) Bantuan prasarana dan kemudahan perlu disediakan seperti membina kelas tambahan untuk menampung murid prasekolah yang semakin bertambah dan membeli peralatan ICT seperti komputer, LCD dan televisyen.
iii) Bantuan pengangkutan juga harus disediakan supaya murid-murid dapat dihantar ke prasekolah kerana ibu bapa tiada pengangkutan atau lokasi rumah mereka jauh daripada prasekolah.
iv) Bantuan kewangan diberikan kepada prasekolah swasta supaya pihak sekolah dapat membayar gaji guru dan bil sekolah. Secara tidak langsung yuran di prasekolah dapat dikurangkan.

Cadangan pentadbir untuk menambah baik pendidikan prasekolah / tadika / tabika di negara kita

Pentadbir mencadangkan langkah berikut untuk menambah baik pendidikan prasekolah / tadika / tabika di negara kita:

i) Kemudahan fizikal prasekolah perlu ditingkatkan untuk menambah baik pendidikan prasekolah di negara ini.
ii) Tambahan bilik darjah juga perlu dibina untuk menampung murid prasekolah yang semakin ramai.
iv) Kursus atau latihan untuk guru prasekolah dan juga pegawai diberikan supaya guru prasekolah mendapat pendedahan tentang informasi terkini mengikut peredaran zaman seperti pengurusan data dan sistem *e-filing* manakala pegawai mendapat pendedahan bagaimana memantau dan pemimpin guru prasekolah.
v) Masyarakat perlu dimaklumkan tentang prasekolah KPM yang menawarkan perkhidmatan pendidikan prasekolah secara percuma.

8.8 Temu Bual Bersama Guru

Hasil analisis dapatan kajian melalui temu bual, guru prasekolah berpandangan bahawa ibu bapa mementingkan pendidikan prasekolah dan menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap pendidikan prasekolah. Menurut mereka ibu bapa / penjaga mahu anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah seawal lima tahun kerana pendidikan prasekolah memberi peluang kepada anak mereka bersedia dari segi akademik dengan menguasai kemahiran asas, membaca, menulis dan mengira. Pendidikan prasekolah juga merupakan satu platform untuk anak mereka bersedia ke aliran perdana dan berkemahiran bergaul dan bersosial sesuai dengan usia mereka.

Walau bagaimanapun terdapat guru juga berpandangan bahawa terdapat ibu bapa tidak mementingkan pendidikan prasekolah kerana menganggap pendidikan prasekolah tidak penting. Kesedaran tentang kepentingan prasekolah dalam kalangan mereka masih kurang dan enggan mendengar pendapat guru. Terdapat ibu bapa yang hanya menghantar anak mereka pada umur 6 tahun (umur 5+) sahaja kerana bagi mereka prasekolah ini lebih formal disebabkan bangunan prasekolah itu sendiri berada di dalam kawasan sekolah (KPM).

Menurut guru, rata-rata ibu bapa menghantar anak mereka pada umur 5 tahun (4+). Biasanya apabila ibu bapa menghantar anak ketika berumur 5 tahun mereka akan terus menghantar anak mereka ketika berumur 6 tahun (5+). Menurut guru analisis temu bual guru mendapati ibu bapa / penjaga tidak menghantar anak menguti prasekolah kerana:

i. tidak mendapat tempat di prasekolah KPM ketika anak berumur 5 tahun;
ii. yuran tadika swasta tinggi;
iii. masalah keluarga;
iv. masalah pengangkutan;
v. anak masih kecil dan belum bersedia untuk ke sekolah; dan
vi. masalah kewangan

Untuk mengatasi masalah ini, guru mencadangkan bantuan seperti berikut disediakan supaya ibu bapa / penjaga dapat menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah iaitu:

i. Bantuan Kewangan

Bantuan kewangan perlu diberi khususnya murid miskin tegar yang tidak mampu membeli baju serta peralatan sekolah. Bagi murid orang asli, pemberian bantuan kewangan akan meningkatkan motivasi mereka untuk pergi ke sekolah apabila ada bantuan kewangan, kedatangan meningkat.

ii. Bantuan Pengangkutan

Bagi murid khususnya orang asli terdapat masalah dari segi pengangkutan ke prasekolah. JKOA hanya menyediakan pengangkutan bagi murid yang bersekolah rendah. Guru berpendapat pengangkutan yang disediakan dapat membantu meringankan beban ibu bapa yang duduk jauh dari sekolah.

iii. Bantuan Peralatan Sekolah

Bantuan awal persekolahan perlu diberi kepada murid yang miskin terutama murid orang asli. Guru berpendapat bantuan baju sekolah, baju sukan, peralatan alat tulis, beg sekolah dan buku aktiviti perlu diberi kepada murid yang tidak mampu.

Cadangan guru untuk menambah baik pendidikan prasekolah

Guru memberikan cadangan seperti berikut untuk menambah baik pendidikan prasekolah:

i) Penambahan guru prasekolah.
ii) Prasarana di prasekolah perlu dilengkapkan.
iii) Latihan untuk guru prasekolah ditingkatkan.
iv) Bilangan kelas untuk prasekolah ditambah.

9. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan rumusan dapatan kajian, berikut adalah cadangan untuk menggalakkan kanak-kanak mengikut pendidikan prasekolah:

a) Bantuan Kewangan

Kewangan merupakan faktor utama yang menyebabkan ibu bapa/penjaga tidak menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah pada umur sama ada pada umur 4+ sahaja, 5+ sahaja ataupun tidak pernah mendapat pendidikan di prasekolah. Oleh yang demikian, dicadangkan penyediaan bantuan kewangan untuk kumpulan sasaran, iaitu ibu bapa/penjaga berpendapatan rendah dan mempunyai masalah kewangan keluarga. Bantuan ini diharapkan dapat menggalakkan ibu bapa/penjaga untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

b) Teruskan Bantuan Yuran Prasekolah Swasta

KPM telah menyalurkan bantuan yuran prasekolah swasta melalui pengusaha prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pusat

pendidikan khas. Bantuan ini disediakan kepada golongan ibu bapa/penjaga berdasarkan pendapatan perkapita isi rumah. Bantuan yuran ini dibayar sebagai *one-off* bagi tempoh pengajian dari Januari hingga Oktober (10 bulan) dalam tahun semasa. Bantuan ini hendaklah diteruskan agar ibu bapa/penjaga yang menghadapi masalah kewangan mampu menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

c) Bantuan Kemudahan Pengangkutan

Dapatan kajian menunjukkan ketiadaan prasekolah/tadika/ tabika berdekatan rumah dalam lingkungan 3 km dan tiada kemudahan pengangkutan dari rumah ke prasekolah/tadika/ tabika menyebabkan ibu bapa/penjaga tidak menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Di samping itu, laluan dari rumah ke prasekolah/tadika/ tabika yang sukar juga turut menjadi faktornya. Oleh itu, dicadangkan bantuan kemudahan pengangkutan disediakan untuk memudahkan kanak-kanak mengikuti prasekolah/tadika/tabika.

d) Penyelarasan Yuran di Tadika/Tabika Swasta

Aspek yuran terutamanya yuran prasekolah/tadika/tabika swasta yang mahal memaksa ibu bapa/penjaga bergantung penuh kepada prasekolah awam khususnya prasekolah KPM. Oleh yang demikian, KPM perlu mengambil langkah penyelarasan yuran di tadika/tabika agar yuran yang dikenakan tidak terlalu tinggi dan membebankan ibu bapa/penjaga. Ini kerana yuran yang tinggi ini menjadi salah satu faktor utama kanak-kanak tidak mengikuti pendidikan prasekolah/tadika/tabika.

e) Meningkatkan Keyakinan Ibu Bapa/Penjaga Terhadap Potensi Anak

Dapatan menunjukkan aspek kesediaan individu/kanak-kanak dari segi kognitif, afektif dan psikomotor sangat mempengaruhi keputusan ibu bapa/penjaga untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Faktor psikomotor lebih mempengaruhi ibu bapa/ penjaga di luar bandar. Mereka berpandangan anak belum pandai menguruskan diri sendiri, bentuk fizikal (badan) anak kecil, dan terlalu aktif. Akibatnya anak tidak pernah mengikuti pendidikan prasekolah. Ibu bapa/penjaga sedemikian hendaklah dikenal pasti lebih awal dan diberikan keyakinan bahawa masalah anak sedemikian boleh diatasi khususnya dengan kepakaran guru di sekolah dan tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah.

f) Program Kesedaran Kepentingan Pendidikan Awal Kanak-kanak

Masalah kanak-kanak tidak mengikuti pendidikan prasekolah juga timbul kerana terdapat ibu bapa/penjaga yang kurang kesedaran tentang kepentingan pendidikan prasekolah. Malah dapatan juga membuktikan terdapat individu yang menghantar anak ke prasekolah

KPM pada umur 6 tahun (umur 5+) sahaja kerana menganggap prasekolah ini lebih formal disebabkan bangunan prasekolah berada di dalam kawasan sekolah (KPM). Oleh yang demikian, jentera kerajaan yang berkaitan seperti KPM, KEMAS, JPNIN (Awam) dan badan bebas (swasta) hendaklah menyelaras dan menyediakan program kesedaran khususnya tempat tumpuan orang ramai akan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak kepada mereka yang mempunyai anak kecil dan bakal mencecah umur 4+ tahun.

g) Sistem Pendaftaran Prasekolah di bawah KPM Lebih Mesra Pelanggan

Ibu bapa/penjaga gagal membuat pendaftaran untuk anak kerana kurang pendedahan berkenaan pendaftaran secara dalam talian dan manual untuk prasekolah KPM. Penyebaran maklumat berkaitan iklan permohonan ke prasekolah khususnya prasekolah KPM masih kurang. Malah penyebaran maklumat melalui surat siaran, risalah dan pengumuman semasa mesyuarat Persatuan Ibu bapa dan guru juga tidak sampai kepada ibu bapa/penjaga jika tiada anak mereka belajar di sekolah tersebut. Oleh yang demikian, dicadangkan lebih pendedahan diberikan atau bantuan pendaftaran dibuat oleh pihak sekolah sendiri kepada mereka yang memerlukan. Pengumuman hendaklah diluaskan melalui media komunikasi seperti radio, televisyen, *whatsapp* dan sebagainya supaya maklumat sampai kepada golongan sasaran.

h) KPM Menambah Bilangan Prasekolah/kelas Prasekolah

Majoriti ibu bapa/penjaga tetap memilih prasekolah KPM sahaja dan tidak ke prasekolah lain kerana kos yang rendah dan mereka mampu membayar yuran prasekolah yang minimum. Terdapat juga ibu bapa/penjaga yang lebih percayakan guru-guru di prasekolah KPM kerana yakin pengajaran guru terlatih ini lebih baik (berkualiti). Di samping itu, mereka juga ingin mendaftarkan anak di prasekolah KPM kerana ahli keluarga sedang atau pernah bersekolah di situ. Akibatnya wujud permintaan tinggi tetapi tempat penawaran adalah terhad. Juga terdapat ibu bapa/penjaga lambat mendaftarkan anak. Kegagalan mereka mendapat tempat membuatkan mereka terus membatalkan hasrat untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Oleh yang demikian, KPM dicadangkan menambah bilangan prasekolah/kelas prasekolah khususnya di lokasi dengan permintaannya tinggi.

i) Perkhidmatan Penjagaan Anak Selepas Waktu Persekolahan

Dalam aspek faktor penawaran pendidikan, ibu bapa/penjaga mementingkan kebajikan dan keselamatan anak mereka selepas waktu persekolahan. Dapatan menunjukkan ibu bapa/penjaga di luar bandar lebih bimbang dengan keselamatan anak selepas waktu persekolahan. Mereka merasakan anaknya masih kecil dan belum mampu balik ke rumah sendiri selepas tamat waktu persekolahan. Oleh yang demikian, dicadangkan pihak pentadbiran prasekolah menyediakan perkhidmatan penjagaan selepas waktu persekolahan untuk menarik lebih ramai kanak-kanak mengikut pendidikan prasekolah.

10. IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan dapatan kajian, kekangan kewangan menjadi faktor utama ibu bapa tidak menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Oleh itu, bantuan kewangan berkala perlu disediakan kepada kumpulan pendapatan rendah. Di samping itu, bantuan sokongan sedia ada perlu disalur lebih awal iaitu sebelum sekolah dibuka (kini disalurkan pada pertengahan bulan Jun) supaya beban kewangan ibu bapa / penjaga dapat dikurangkan dan mendorong mereka untuk menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah. Dicadangkan juga peruntukan kewangan untuk pendidikan prasekolah KPM ditambah agar bilangan bilik darjah / prasekolah KPM dapat ditambah.

Selain itu, majoriti ibu bapa / penjaga lebih berminat menghantar anak mereka mengikuti pendidikan prasekolah di sekolah KPM. Dasar sedia ada menetapkan pembukaan bilangan bilik darjah untuk prasekolah KPM terhad kepada maksimum 3 kelas sahaja bagi sesebuah sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar KPM melihat semula garis panduan pembukaan prasekolah / penambahan bilik darjah untuk prasekolah di sekolah KPM.

Aspek yuran terutamanya yuran prasekolah / tadika / tabika swasta yang mahal memaksa ibu bapa / penjaga bergantung penuh kepada prasekolah awam khususnya prasekolah KPM. Pihak Bahagian Pendidikan Swasta, KPM yang bertanggung jawab terhadap pendaftaran prasekolah swasta perlu mengambil langkah penyelarasan yuran di tadika / tabika agar yuran yang dikenakan tidak terlalu tinggi dan membebankan ibu bapa / penjaga. Ini kerana aspek yuran yang tinggi ini menjadi salah satu faktor utama kanak-kanak tidak mengikuti pendidikan prasekolah/ tadika/ tabika.

11. PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat keperluan untuk menambah baik penawaran pendidikan prasekolah di negara kita. Agensi kerajaan yang menawarkan pendidikan prasekolah seperti KPM, JPNIN dan KEMAS hendaklah meningkatkan usaha dengan langkah proaktif agar dapat mengurangkan kekangan ibu bapa / penjaga dan seterusnya meyakinkan mereka keperluan dan kepentingan pendidikan prasekolah agar kanak-kanak mendapat pendidikan seawal usia 4+.

KAJIAN MURID LEMAH DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK DI SEKOLAH

1. PENGENALAN

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup penting dalam mendidik, membentuk dan melahirkan generasi muda yang berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja pada peringkat nasional malah di persada antarabangsa. Tanggungjawab ini dilaksanakan secara sistematik berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK secara jelas menegaskan bahawa sistem pendidikan negara memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan insan yang "seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan". Generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta memiliki nilai etika utuh merupakan pemangkin kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Selaras dengan Wawasan 2020, institusi pendidikan menggalas amanah untuk melahirkan barisan pelapis yang berperanan sebagai pemacu perubahan ke arah merealisasikan agenda mencabar dan kritikal menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

2. TUJUAN KAJIAN

Mengenal pasti faktor dan masalah murid lemah dalam pencapaian akademik di sekolah

3. OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Mengenal pasti faktor murid lemah dalam pencapaian akademik di sekolah
3.2 Mengenal pasti masalah berkaitan faktor murid lemah dalam pencapaian akademik di sekolah
3.3 Mengenal pasti strategi meningkatkan pencapaian murid dalam akademik

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengkaji faktor dan masalah berkaitan murid yang dikenal pasti lemah dalam pencapaian akademik. Kaedah pengumpulan data adalah temu bual secara bersemuka melibatkan lima kumpulan peserta, iaitu pentadbir sekolah, guru mata pelajaran, guru bimbingan dan kaunseling, ibu bapa dan murid. Pendekatan

kuantitatif digunakan untuk mengumpul data bagi membina profil murid berpencapaian lemah dalam akademik. Pengumpulan data dilaksanakan menggunakan borang soal-selidik murid.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Profil Murid Berpencapaian Lemah dalam Akademik

PERKARA	RENDAH	MENENGAH
1. Mata pelajaran diminati	MP bahasa	MP bahasa
2. Mata pelajaran mudah difahami	MP bahasa ibunda	MP bahasa ibunda
3. Mata pelajaran sukar	BI, BA, Sains Matematik	BI, BA, Sains Matematik
4. Masa ulangkaji	Kadang-kadang	Kadang-kadang
5. Bekerja sambilan	29.6%	31.1%
6. Minat	Tinggi	Sederhana
7. Sikap	Sederhana	Sederhana
8. Aspirasi	Tinggi	Tinggi

5.2 Faktor Murid Berpencapaian Lemah dalam Akademik

5.2.1 Kesungguhan Murid dalam Pembelajaran

i. Kesediaan dan Minat dalam Pembelajaran

Murid berpencapaian lemah dalam akademik dikatakan hadir ke sekolah tanpa membuat persediaan secukupnya bagi mengikuti sesi pembelajaran. Murid berpencapaian lemah dalam akademik juga bersikap acuh tidak acuh dengan pembelajaran. Majoriti guru juga bersetuju bahawa murid berpencapaian lemah dalam akademik menunjukkan minat yang rendah untuk mengikuti pembelajaran di sekolah. Murid berpencapaian lemah dalam akademik sering tidak menumpukan sepenuh perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

ii. Inisiatif Meningkatkan Prestasi dalam Akademik

Majoriti guru mengeluh kerana inisiatif murid berpencapaian lemah dalam akademik untuk mengulangkaji pelajaran di luar sesi pembelajaran di sekolah bagi menambahkan dan memantapkan pemahaman tentang sesuatu topik mata pelajaran masih pada tahap kurang memuaskan.

Kebergantungan murid kepada pengajaran dan aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam kelas semata-mata menyebabkan prestasi pencapaian akademik murid sukar meningkat.

iii. Kesedaran Tentang Kepentingan Pendidikan

Murid berpencapaian lemah dalam akademik mempunyai kesedaran rendah tentang kepentingan pendidikan. Usaha pihak sekolah untuk meningkatkan kesedaran murid berpencapaian lemah dalam akademik masih belum berjaya sepenuhnya. Murid juga seakan selesa dengan apa yang mereka peroleh pada masa ini.

iv. Aspirasi Murid

Keinginan untuk mencapai sesuatu atau berjaya di masa hadapan menjadi penguat semangat dan peningkat motivasi seseorang murid dalam pembelajaran. Namun demikian, kebanyakan murid berpencapaian lemah dalam akademik mempunyai tahap aspirasi yang rendah, berdasarkan pengakuan murid sendiri dan pemerhatian oleh guru.

v. Kehadiran ke Sekolah

Isu ketidakhadiran murid ke sekolah tanpa sebab munasabah masih berlaku dan gagal dibendung sepenuhnya. Gejala ponteng memberikan kesan yang negatif kepada pencapaian akademik murid. Masalah ini dialami oleh banyak sekolah, terutama di kawasan luar bandar dan melibatkan murid pada peringkat rendah dan peringkat menengah. Murid yang tidak hadir ke sekolah dalam tempoh yang lama, sama ada secara berterusan atau berkala menghadapi masalah untuk mengikuti pembelajaran dengan berkesan kerana sukar untuk menghubungkait topik-topik yang dipelajari.

vi. Murid Bekerja Sambilan

Murid berpencapaian lemah dalam akademik juga hilang tumpuan dan kurang minat ke sekolah apabila bekerja sambilan di luar waktu persekolahan, sama ada kerana terpaksa bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarga atau mengikut rakan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, isu ini lebih ketara bagi murid pada peringkat menengah. Masa yang dihabiskan untuk bekerja menyebabkan murid mula mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai murid dan kurang mempunyai masa dan minat untuk mengulangkaji pelajaran. Kumpulan murid yang sama hadir ke sekolah dalam keadaan letih dan mengantuk

vii. Penguasaan Kemahiran Asas

Satu faktor lain yang menjejaskan prestasi murid, terutama pada peringkat menengah, adalah tahap penguasaan kemahiran asas yang rendah. Masih terdapat murid peringkat menengah yang masih belum boleh membaca dengan lancar. Murid akan

menghadapi masalah untuk mengikuti topik yang lebih mendalam dan memahami konsep yang lebih kompleks sekiranya mereka masih belum mampu mencerna dan memahami konsep asas

5.2.2 Latar Belakang dan Status Sosio Ekonomi Keluarga

i. Kemahiran Keibubapaan
Peranan ibu bapa amat besar dalam membentuk dan mendidik anak-anak. Terdapat ibu bapa yang ditemu bual seakan menghadapi kesukaran untuk mengawal anak-anak mereka yang dikenal pasti sebagai murid berpencapaian lemah di sekolah. Ibu bapa juga melahirkan rasa runsing kerana tidak berupaya untuk menggalakkan pembelajaran anak di rumah.

ii. Tahap Sosio Eknonomi Ibu Bapa
Tidak dinafikan, kebanyakan ibu bapa tidak mempunyai pilihan dan tidak dengan sengaja mengabaikan anak mereka, terutama dari aspek pendidikan dan pembelajaran. Desakan ekonomi bagi meneruskan kelangsungan hidup dan tekanan kemiskinan membelenggu banyak keluarga bukan sahaja di bandar, bahkan di luar bandar. Keadaan ini memaksa ramai ibu bapa untuk merebut apa sahaja peluang yang ada demi mencari rezeki bagi menampung perbelanjaan keluarga, sehinggakan ada kalanya perkembangan pembelajaran anak tidak dipantau sebaiknya.

iii. Kesedaran Ibu Bapa Tentang Kepentingan Pendidikan
Terdapat juga ibu bapa kepada murid berpencapaian lemah dalam akademik yang mempunyai kesedaran rendah tentang kepentingan pendidikan untuk anak mereka dan kurang memberi dorongan juga galakan sewajarnya terhadap pembelajaran anak. Pihak sekolah yang membuat lawatan ke rumah murid ada kalanya dikejutkan dengan keadaan rumah murid yang menunjukkan ibu bapa kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran dan persekolahan anak mereka.

iv. Kebergantungan Ibu Bapa Terhadap Sekolah
Terdapat pentadbir sekolah, guru mata pelajaran dan guru bimbingan kaunseling berpandangan bahawa ramai ibu bapa murid berpencapaian lemah dalam akademik menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab berkaitan pembelajaran anak terhadap pihak sekolah dan guru. Kebergantungan ibu bapa terhadap sekolah berkaitan pembelajaran anak menyebabkan pembelajaran di rumah amat jarang berlaku.

v. Keterlibatan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Anak
Pentadbir sekolah dan guru juga berasakan bahawa ibu bapa menunjukkan kesediaan yang rendah dalam aspek keterlibatan dan kerjasama dengan pihak sekolah. Hal ini dapat dilihat dalam sebarang aktiviti bagi membantu peningkatan pencapaian anak, bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi juga kokurikulum dan sahsiah.

5.2.3 Persekitaran Kediaman Murid

Persekitaran kawasan kediaman murid mempunyai impak terhadap minat dan motivasi murid terhadap pendidikan dan pembelajaran. Murid yang tinggal di kawasan yang berhampiran sempadan negara dibimbangi mudah terdedah kepada pelbagai gejala negatif, antaranya dadah. Kawasan yang majoriti penduduknya mempunyai taraf sosio ekonomi rendah sedikit sebanyak mempengaruhi motivasi dan aspirasi murid kerana kebanyakan murid cenderung untuk meneruskan legasi ayah mereka. Murid juga berasa selesa dan kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran apabila mereka mula dan mudah mendapatkan pekerjaan secara sambilan di kawasan perindustrian atau pelancongan yang menawarkan pelbagai pilihan kepada mereka tanpa memerlukan kelulusan pendidikan yang tinggi. Terdapat murid dan keluarga yang tinggal di kawasan setinggan yang sangat tidak kondusif bagi perkembangan positif diri murid, terutama dalam aspek pembelajaran.

5.2.4 Kemahiran dan Sikap Profesionalisme Guru

i. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran

Kecekapan dan kemahiran guru, juga keberkesanan pengajaran menjadi kayu pengukur keberhasilan sesi pembelajaran. Terdapat guru yang masih kurang berjaya melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan mengikut keperluan dan kecenderungan murid. Salah satu punca yang didakwa menyebabkan guru memilih untuk mengajar tanpa menjalankan pelbagai aktiviti dalam bilik darjah adalah kerana desakan untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh masa ditetapkan.

ii. Pengetahuan dan Kemahiran Guru

Pengetahuan dan kemahiran guru memerlukan peningkatan, penyegaran dan pemantapan memandangkan guru ada kalanya buntu memikirkan cara terbaik untuk membantu murid berpencapaian lemah dalam akademik meningkatkan prestasi mereka. Salah satu punca keadaan ini berlaku adalah kerana kekurangan latiahn dalam perkhidmatan kepada guru.

iii. Tanggapan Stereotaip terhadap Murid

Temu bual bersama-sama responden mendedahkan satu senario yang membimbangkan di sekolah. Pentadbir sekolah dan guru dilihat mempunyai tanggapan stereotaip terhadap murid, terutamanya murid berpencapaian lemah dalam akademik dengan memberikan label yang negatif, sama ada secara sedar ataupun tidak. Budaya membuat tanggapan stereotaip terhadap murid mempunyai pengaruh yang besar terhadap ekspektasi dan layanan guru terhadap murid tersebut. Keadaan ini akhirnya akan menjejaskan motivasi dan keseronokan murid mengikuti pembelajaran. Dapatan juga menunjukkan bahawa tanggapan stereotaip bukan hanya dibuat

terhadap murid, bahkan juga terhadap ibu bapa. Para ibu bapa dianggap sebagai menyerahkan tanggungjawab berkaitan pembelajaran anak kepada pihak sekolah semata-mata.

5.2.5 Keberkesanan Intervensi

i. Intervensi Serupa untuk Semua
Hampir kesemua sekolah yang dilawati menjalankan intervensi yang hampir sama. Intervensi tersebut tidak dirangka khusus mengikut konteks setempat atau disesuaikan dengan keperluan dan kecenderungan murid berpencapaian lemah di sesebuah sekolah tersebut. Program yang serupa akan diulang semula dari setahun ke setahun tanpa dinilai keberkesanan program berkaitan.

ii. Keberkesanan Intervensi yang Rendah
Temu bual menunjukkan bahawa intervensi tetap diteruskan sekalipun guru mengetahui intervensi tersebut tidak mampu membantu murid berpencapaian lemah. Misalnya, murid tetap diberi latihan untuk disiapkan di rumah walaupun majoriti responden mengeluh bahawa amat sukar untuk memastikan murid menyiapkan tugasan tersebut. Selain itu, kelas tambahan juga didapati gagal menarik perhatian murid berpencapaian lemah untuk hadir. Perkara ini sudah dapat dijangka memandangkan ramai murid berpencapaian lemah yang mempunyai masalah hadir untuk mengikuti sesi pembelajaran pada waktu persekolahan.

iii. Penambahbaikan Intervensi Tidak Bermula Awal
Temu bual juga mendedahkan bahawa intervensi yang jelas tidak memberi sebarang kesan membina terhadap pencapaian murid kalanya dibiarkan berterusan. Perkara ini berlanjutan sehingga mengakibatkan murid mengakibatkan terdapat murid pada peringkat menengah yang masih belum boleh membaca dengan lancar. Pengetahuan dan kemahiran asas seperti membaca dan mengira sepatutnya dikuasai murid pada peringkat rendah. Namun demikian, terdapat pentadbir sekolah rendah yang kurang bersedia mengambil tanggungjawab untuk memastikan semua murid telah menguasai kemahiran asas sebelum memasuki persekolahan peringkat menengah.

5.2.6 Murid Meminati Bidang Lain Selain Akademik

Satu lagi faktor yang dikenal pasti menyebabkan sebahagian murid kurang menyerlah dalam pencapaian akademik adalah kerana mereka mempunyai kecenderungan, bakat dan minat dalam bidang lain. Terdapat murid yang mempunyai bakat dan minat dalam bidang sukan, dan dalam masa yang sama meminati bidang kemahiran. Setiap murid mempunyai keunikan dan kelebihan masing-masing, dan keunikan ini perlu diraikan, dihargai dan difahami. Ibu bapa yang ditemu bual turut berkongsi beberapa kecenderungan murid yang berprestasi lemah dalam pencapaian akademik yang dapat dikesan melalui rutin di rumah.

6. CADANGAN KAJIAN

6.1 Memperkasakan Peranan Pentadbir Sekolah sebagai Pemimpin Instruksional

Pentadbir sekolah perlu menonjolkan kredibiliti mereka sebagai pemimpin instruksional. Pentadbir sekolah seharusnya berperanan sebagai pakar runding dan pakar rujuk kepada warga sekolah, terutama para guru. Peranan SiPartner+ sebagai pembimbing pengetua dan guru besar dalam usaha meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah dan prestasi guru daripada aspek ilmu, nilai, persepsi, sikap dan amalan juga perlu dimantapkan. Program latihan semula atau penyegaran perlu diberikan kepada pengetua atau guru besar yang dikenal pasti masih belum berjaya meningkatkan prestasi murid, terutama murid berpencapaian lemah dalam akademik.

6.2 Mengupayakan Guru Mengendalikan Kelas Pelbagai Kecenderungan

Semua guru perlu dilatih dan didedahkan dengan pengajaran pelbagai aras keupayaan, atau dikenali juga sebagai pengajaran kepelbagaian murid dan pembezaan pengajaran. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengenal pasti kecenderungan dan kepelbagaian murid, terutama murid berpencapaian lemah dalam akademik bagi membolehkan guru menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan dan keupayaan murid. Setiap guru, tanpa mengira tempoh pengalaman dalam perkhidmatan, perlu diberi latihan pemantapan pedagogi dari semasa ke semasa. Desakan dan ketetapan supaya guru menghabiskan sukatan pelajaran seawal mungkin, terutama bagi kelas yang bakal menduduki peperiksaan peringkat nasional perlu dihapuskan.

6.3 Meluaskan dan Menyesuaikan Kelas Aliran Kemahiran

Kementerian Pendidikan Malaysia dicadangkan untuk mempertimbangkan penerusan inisiatif peluasan PAV di lebih banyak sekolah menengah dan memberi sedikit kelonggaran syarat kelayakan kemasukan ke Kolej Vokasional bagi murid berpencapaian lemah dalam akademik yang menunjukkan bakat, minat dan kecenderungan dalam kemahiran dan vokasional.

6.4 Mengkaji Keberkesanan Intervensi Sedia Ada

Pihak sekolah dan guru perlu mengkaji semula dan menambah baik intervensi sedia ada bagi memastikan intervensi tersebut menangani secara langsung punca yang menyebabkan murid kurang bermotivasi dalam pembelajaran. Antara inisiatif yang telah dijalankan di negara seperti Australia, Finland, Sepanyol dan United Kingdom ialah penubuhan "*homework club*". Program yang dijalankan selepas waktu persekolahan ini akan mengumpulkan murid-murid dalam satu suasana santai dan kondusif untuk menyiapkan kerja rumah atau membuat ulangkaji sebagai persediaan peperiksaan dengan dibantu dan dibimbing sama ada oleh guru atau sukarelawan.

6.5 Menggalakkan Keterlibatan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Murid

Kumpulan Sokongan Ibu Bapa yang diwujudkan melalui inisiatif Sarana Ibu Bapa boleh menjadi asas penggerak ke arah jalinan kerjasama utuh antara pihak sekolah dengan para ibu bapa. Pihak sekolah dicadangkan membuat lawatan ke rumah murid yang ibu bapanya dikenal pasti sebagai hampir atau tidak pernah datang ke sekolah bagi menghadiri sebarang program anjuran sekolah, mengadakan program membimbing keluarga kaedah membimbing dan membantu murid dalam pembelajaran, membekalkan ibu bapa dengan bahan berbentuk pendidikan yang boleh digunakan untuk pembelajaran murid dan juga keluarga, mengadakan kursus atau program berbentuk keibubapaan dari semasa ke semasa dan mengadakan program kesukarelaan untuk disertai oleh ibu bapa. Pihak sekolah juga perlu sentiasa berkomunikasi dengan ibu bapa bagi berkongsi perkembangan terkini di sekolah dan dalam dunia pendidikan menggunakan pelbagai medium yang ada dan mengadakan program kerjasama dengan masyarakat setempat bagi mewujudkan rasa kekitaan dan kebersamaan.

6.6 Kajian Susulan

Dua kajian susulan dicadangkan untuk dijalankan supaya beberapa isu dapat diteliti dan dikaji dengan lebih komprehensif secara empirikal. Kajian tersebut ialah berkaitan:

a) murid peringkat rendah dan menengah yang bekerja sambilan di luar waktu persekolahan;
b) keberkesanan dan kerelevanan dan kurikulum dan latihan pra perkhidmatan guru yang dijalankan di institut pendidikan guru.

7. PENUTUP

Pencapaian akademik bukan satu-satunya kayu pengukur menilai keberhasilan seseorang murid tetapi perlu diseimbangkan dengan perkembangan aspek emosi, rohani, sahsiah dan fizikal. Namun demikian, setiap murid perlu dipastikan mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran asas serta nilai murni bagi memastikan modal insan yang berkualiti dan berketerampilan pada masa akan datang. Murid lemah dalam pencapaian akademik tidak sekali-kali boleh dilabel sebagai murid 'gagal' tanpa mengambil kira kecenderungan, minat dan keupayaan murid sepenuhnya, terutamanya. dalam bidang lain selain akademik. Apatah lagi aspek akademik bukanlah satu-satunya jaminan seseorang akan berjaya dalam kehidupan mereka. Tanggungjawab memupuk, memperkembang dan memantapkan keupayaan murid perlu dipikul bersama-sama oleh semua pihak, seperti ibu bapa, pihak sekolah dan murid sendiri. Murid, sebagai kanak-kanak dan remaja yang belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya, perlu dididik dan dibimbing dengan sentuhan insaniah dan secara berhikmah.

KAJIAN PENILAIAN *MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE* (MYPIB) TAHUN 2018

1. PENGENALAN

MYPIB merupakan suatu program pembelajaran yang berstruktur dan menyeluruh. Pelaksanaan pendekatan program ini adalah berdasarkan kerangka pembelajaran MYPIB yang disesuaikan dalam kurikulum kebangsaan. Program ini mula diperkenalkan secara rintis pada tahun 2014 di 10 buah sekolah menengah KPM yang terpilih yang dikenali sebagai *International Baccalaureate World Schools* KPM (IBWS KPM) untuk murid berumur 13 hingga 17 tahun (tingkatan satu hingga tingkatan lima) dan memberi fokus utama kepada pembangunan murid secara holistik.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian penilaian yang dilaksanakan untuk menilai pelaksanaan pendekatan MYPIB bagi kohort pertama yang telah mengikuti sepenuhnya pendekatan MYPIB berdasarkan standard dan keperluan yang digariskan dalam dokumen *Programme Standards and Practices*. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah dan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM. Kajian ini juga ingin mengenal pasti hubungan antara amalan PdP menggunakan pendekatan MY PIB dalam bilik darjah dengan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah sekolah tersebut.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah *mixed method*, iaitu gabungan kuantitatif dan kualitatif. Pentadbiran soal selidik, pemerhatian PdP dalam bilik darjah dan temu bual telah dilaksanakan ke atas sampel kajian, iaitu pentadbir sekolah atau penyelaras MYPIB, guru mata pelajaran tingkatan empat dan murid tingkatan empat bagi menjawab persoalan kajian. Bagi kajian kuantitatif, pemilihan sampel dibuat secara rawak bagi memberikan peluang yang sama kepada individu untuk terlibat sebagai sampel kajian ini dalam mewakili populasi yang dikaji. Manakala, teknik pensampelan bagi kajian kualitatif adalah pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* bagi memastikan sampel yang dipilih dapat memberi maklumat yang mendalam dan menyeluruh berkaitan pelaksanaan MYPIB di 10 buah sekolah tersebut.

Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis nilai skor min bagi mengenal pasti tahap amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB berdasarkan penilaian guru dan murid serta tahap penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM. Analisis inferensi, iaitu ujian-t sampel tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala digunakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB berdasarkan faktor demografi guru dan tahap penerapan IB *Learner Profile* berdasarkan faktor demografi murid. Jika keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan signifikan, maka ujian Post-Hoc Scheffe dilaksanakan bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan tersebut. Selain itu, pengiraan kesan saiz juga perlu dilaksanakan bagi menentukan perbezaan sebenar skor min jika ujian-t sampel tidak bersandar dan ujian ANOVA sehala menunjukkan perbezaan signifikan.

Analisis inferensi, iaitu ujian korelasi Pearson pula digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara pelaksanaan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dengan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM. Seterusnya, data yang diperoleh daripada soalan terbuka, pemerhatian PdP dan temu bual dianalisis menggunakan pengelompokan tema berulang bagi mendapatkan pandangan tentang penerapan IB *Learner Profile*, amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB, pelaksanaan pendekatan MYPIB di sekolah, cabaran yang dihadapi dan cadangan untuk menambah baik keberkesanan pendekatan MYPIB.

4. DAPATAN KAJIAN

Keputusan analisis bagi persoalan kajian yang pertama mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan pendekatan MYPIB dalam amalan PdP di 10 buah IBWS KPM berada pada tahap tinggi. Analisis lanjut untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dalam pelaksanaan amalan PdP mengggunakan pendekatan MYPIB berdasarkan faktor demografi guru mendapati bahawa tahap pelaksanaan amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB oleh guru di 10 buah sekolah tersebut adalah sama berdasarkan lokasi sekolah, jenis sekolah, jantina guru dan pengalaman guru mengajar menggunakan pendekatan MYPIB.

Walau bagaimanapun, tahap pelaksanaan amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB oleh guru di 10 buah sekolah tersebut berbeza berdasarkan tempoh perkhidmatan guru. Guru yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun menunjukkan tahap pelaksanaan amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang berkhidmat antara satu hingga 1 1 tahun. Namun begitu, pengaruh tempoh perkhidmatan guru terhadap tahap pelaksanaan amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB hanya kecil sahaja, iaitu 4.4 peratus varians.

Dapatan pemerhatian PdP dalam bilik darjah serta temu bual bersama-sama dengan guru, murid dan pentadbir sekolah atau penyelaras MYPIB juga menunjukkan bahawa guru melaksanakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah. Walaupun begitu, terdapat beberapa

aspek amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB yang perlu ditambah baik, iaitu meningkatkan pemahaman dan penguasaan tentang konsep yang perlu dinyatakan dalam *unit plan*, seperti *key concept, global context, statement of inquiry* dan *Approaches to Teaching and Learning Skills* (ATL Skills), menambah baik pengaplikasian *global context* dalam sesi PdP supaya murid dapat menghubung kaitkan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar dan dapat meningkatkan peluang mereka merasai pengalaman pembelajaran yang bermakna serta mempelbagaikan penggunaan IB *toolkits* dan tidak hanya tertumpu kepada pembentangan dan kerja berkumpulan sahaja.

Guru juga perlu memberi penerangan yang jelas dan terperinci tentang kriteria pembentangan kepada murid walaupun pembentangan merupakan IB toolkits yang sering digunakan dalam bilik darjah, merancang secara rapi sesi PdP supaya aktiviti yang dilaksanakan dapat melibatkan semua murid secara aktif, menyediakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian bagi membantu murid membentangkan hasil kerja mereka dengan lebih berkesan, memantapkan teknik dan kemahiran penyoalan supaya dapat mendorong murid menjana pengetahuan mereka sendiri dan merangsang KBAT mereka, menambah baik pelaksanaan pembelajaran terbeza *(differentiated learning)* dengan mengambil kira aspek gaya pembelajaran murid, minat murid dan tahap keupayaan murid serta mempelbagaikan kaedah pentaksiran formatif dan tidak hanya tertumpu kepada kuiz dan lembaran kerja sahaja.

Selain itu, pelaksanaan pendekatan MYPIB ini juga tidak dapat dilaksanakan sepanjang masa apabila mata pelajaran atau topik atau konsep yang perlu diajar berbentuk teoretikal dan memerlukan pemikiran yang mendalam untuk memahaminya, kekangan masa kerana aktiviti berpusatkan murid memerlukan peruntukan masa yang lebih panjang, tahap pemahaman dan penguasaan murid yang lemah dan sukatan pelajaran perlu diselesaikan bagi menyediakan murid untuk pentaksiran sekolah atau awam seperti ujian bulanan dan peperiksaan akhir tahun.

Dapatan kajian bagi persoalan kajian kedua menunjukkan tahap penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM juga berada pada tahap tinggi. Hasil analisis temu bual bersama-sama dengan guru, murid, pentadbir sekolah dan penyelaras MYPIB juga menyokong dapatan kuantitatif bahawa IB *Learner Profile* dapat diterapkan dalam kalangan diri murid. Analisis lanjut juga telah dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada wujud perbezaan bagi tahap penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah sekolah tersebut berdasarkan faktor demografi murid. Berdasarkan dapatan kajian, tahap penerapan IB *Learner Profile* adalah sama berdasarkan jantina murid. Manakala, tahap penerapan IB *Learner Profile* untuk murid di IBWS KPM di bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan murid di IBWS KPM di luar bandar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap penerapan 1B Learner Profile dalam kalangan murid IBWS KPM di sekolah kebangsaan agama adalah lebih tinggi berbanding

dengan murid IBWS KPM di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun, pengaruh faktor lokasi sekolah dan jenis sekolah terhadap tahap penerapan IB *Learner Profile* hanya kecil sahaja, iaitu 1.5 peratus varians dan 2.5 peratus varians masing-masing.

Bagi persoalan kajian ketiga, keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dengan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah sekolah tersebut. Ini bermaksud bahawa sekiranya tahap pelaksanaan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah meningkat, maka tahap penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM juga akan meningkat. Dapatan kuantitatif ini turut disokong oleh dapatan temu bual. Namun begitu, faktor lain seperti persekitaran sekolah, rakan sebaya, ibu bapa dan diri murid sendiri juga secara tidak langsung dapat memupuk 1B Learner Profile dalam kalangan murid.

Dapatan temu bual bersama-sama pentadbir sekolah, guru dan murid menunjukkan bahawa pelaksanaan MYPIB memberikan impak positif kepada guru dan murid walaupun mereka perlu menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program ini. Impak positif adalah seperti berikut:

i. pelaksanaan MYPIB di sekolah tersebut telah mengubah penetapan minda guru terhadap penilaian pencapaian murid. Guru memahami kepentingan melihat perkembangan murid secara holistik dan bukan semata-mata dinilai berdasarkan pencapaian murid dalam peperiksaan;
ii. sesi PdP lebih menarik dan dapat meningkatkan motivasi guru dan murid;
iii. merangsang KBAT dan inkuiri murid;
iv. merangsang KBAT guru terutamanya dalam penyediaan unit plan;
v. melatih murid menjadi independent learner kerana murid perlu mencari dan meneroka maklumat tambahan untuk aktiviti PdP, tugasan, pentaksiran MYPIB dan projek individu;
vi. murid lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia luar kerana penerapan ciri IB *Learner Profile*, iaitu pengambil risiko;
vii. pelaksanaan pentaksiran MYPIB yang berasaskan projek dan projek individu membolehkan murid lebih bersedia untuk menghadapi pembelajaran di peringkat tertiari;
viii. murid merasai pengalaman pembelajaran yang bermakna kerana mereka dapat menghubungkaitkan pembelajaran mereka dengan kehidupan seharian dan memahami tujuan mereka belajar;
ix. penerapan IB *Learner Profile* telah melahirkan individu yang berani mengutarakan pandangan, kemahiran memimpin, berfikiran terbuka, berpengetahuan, prihatin dan

pengambil risiko,iaitu selari dengan hasrat enam aspirasi murid; dan penerapan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru 'dan murid.

Dapatan soalan terbuka berdasarkan maklum balas oleh guru serta temu bual yang dilaksanakan bersama-sama dengan guru, murid dan pentadbir sekolah serta penyelaras MYPIB juga telah mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh mereka sepanjang pelaksanaan MYPIB di 10 buah sekolah tersebut. Analisis dapatan soalan terbuka dan temu bual tersebut menunjukkan cabaran yang yang dihadapi oleh guru, murid dan pentadbir sekolah dalam melaksanakan pendekatan MYPIB adalah sukatan mata pelajaran yang agak meluas, peruntukan waktu kurikulum kebangsaan yang tidak mencukupi, bebanan tugas guru kerana pelaksanaan pentaksiran sekolah dan MYPIB, bilangan murid yang melebihi 25 orang dalam bilik darjah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan ibu bapa masih mengutamakan keputusan peperiksaan sekolah atau peperiksaan awam sebagai indikator kejayaan murid.

Selain daripada itu, cabaran lain yang dihadapi adalah penguasaan bahasa Inggeris yang agak terbatas dalam kalangan sesetengah guru serta penguasaan bahasa Melayu yang agak terbatas dalam kalangan murid di salah sebuah IBWS KPM, kurang mendapat sokongan daripada pihak *Governance Body*, tahap kompetensi guru yang kurang memuaskan, kekurangan fasiliti di beberapa buah IBWS KPM dari aspek capaian internet, projektor, komputer, pencetak serta pusat sumber sekolah dan peruntukan kewangan yang kurang mencukupi bagi melaksanakan pendekatan MYPIB di sekolah.

5. CADANGAN KAJIAN

Seterusnya, guru, murid, pentadbir sekolah serta penyelaras MYPIB juga mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan pendekatan MYPIB menerusi soalan terbuka dan temu bual. Cadangan tersebut adalah penambahbaikan kaedah pelaksanaan MYPIB, penelitian semula sukatan pelajaran, latihan kepada guru, penambahbaikan fasiliti, peruntukan kewangan, pengiktirafan kepada guru dan murid serta sokongan berterusan daripåda *Governance Body* dan masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru di 10 buah IBWS KPM telah melaksanakan pendekatan MYPIB dalam PdP mereka. Pendekatan MYPIB yang dilaksanakan dalam bilik darjah juga telah berjaya menerapkan 10 ciri IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di sekolah tersebut. Ini berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa tahap penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di sekolah tersebut adalah tinggi dan PdP guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada penerapan 10 ciri IB *Learner Profile* dalam kalangan murid. Tahap penerapan IB *Learner Profile* yang tinggi dalam kalangan murid di 10 buah IBWS KPM ini juga menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan MYPIB di sekolah tersebut adalah berkesan.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah membuktikan bahawa tahap pelaksanaan pendekatan MYPIB oleh guru di IBWS KPM dan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di sekolah tersebut adalah tinggi, maka dicadangkan adalah wajar pelaksanaan pendekatan MYPIB di 10 buah IBWS KPM diteruskan dengan penambahbaikan. Penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan pendekatan MYPIB di sekolah tersebut adalah berdasarkan cadangan kajian dan implikasi dasar yang telah dikemukakan, iaitu pemerkasaan dan pengupayaan peranan dan tanggungjawab *Governance Body*, latihan berfokus dan berterusan untuk guru oleh IBO dan penubuhan pasukan pembimbing.

Seterusnya, dicadangkan pengukuhan jaringan kerjasama antara 10 buah IBWS KPM, penambahbaikan fasiliti di beberapa buah IBWS KPM dan pemberian sijil penghargaan kepada guru dan murid. Kajian ini juga turut mencadangkan penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan *Middle Years Programme International Baccalaureate* yang selari dengan dasar KPM serta standard dan keperluan MYPIB agar pelaksanaan pendekatan MYPIB di 10 buah sekolah tersebut lebih jelas dan sistematik.

6. PENUTUP

Peningkatan keberkesanan pelaksanaan pendekatan MYPIB di sekolah tersebut adalah penting bagi meningkatkan pembudayaan amalan PdP berpusatkan murid dalam kalangan guru dan sekaligus meningkatkan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid di sekolah tersebut. Peningkatan penerapan IB *Learner Profile* dalam kalangan murid dapat membangunkan potensi mereka secara menyeluruh dan menyediakan mereka dalam menghadapi cabaran global selari dengan 6 aspirasi murid yang dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

KAJIAN PENILAIAN IMPAK PROGRAM INTERVENSI SALAH LAKU DISIPLIN MURID DI SEKOLAH

1. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai impak program intervensi salah laku disiplin dalam membangunkan nilai dan sahsiah murid di sekolah.

2. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan rekabentuk *mix method* (kuantitatif dan kualitatif) menggunakan empat set soal selidik yang terdiri daripada soal selidik murid, guru, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan ibu bapa. Instrumen kajian juga terdiri daripada protokol temubual yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Ketua Guru Disiplin, Kaunselor atau Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Pegawai Pendidikan Daerah berkaitan dengan amalan terbaik program intervensi salah laku di sekolah.

Populasi kajian terdiri daripada guru dan murid daripada sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh negara. Pemilihan sampel kajian adalah secara rawak berstrata. Bagaimana pun, dalam pemilihan sekolah sampel, sekolah *Hotspot* (sekolah yang berada dalam kawasan atau yang berisiko) juga telah dipilih sebagai antara sampel.

Kaedah pengumpulan data ini dilakukan melalui penggunaan soal selidik yang ditadbir di 80 buah sekolah. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah temubual yang melibatkan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Ketua Guru Disiplin, Kaunselor atau Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Pegawai Pendidikan Daerah bagi mendapakkan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah.

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 21.0 digunakan untuk menganalisis data kuantitatif berbentuk deskriptif yang melibatkan huraian menyeluruh mengenai profil subjek kajian dari segi demografi responden serta skor jawapan murid, guru, GPK HEM dan ibu bapa. Analisis deskriptif yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini ialah frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai, manakala analisis Inferensial yang digunakan

untuk menguji perbezaan min kumpulah adalah ujian-t (*independent sampel t-test*) bagi menguji perbezaan min antara kumpulan.

Analisis data kualitatif melibatkan analisis soalan terbuka dan temubual. Data daripada soalan terbuka dikod dan dikategorikan mengikut tema yang khusus. Tema yang terbentuk dianalisis kes demi kes dan frekuensi bagi setiap tema telah dihitung bagi menentukan peratusannya (Miles dan Huberman, 1994). Manakala data temubual melalui transkripsi juga telah dianalisi secara manual. Data-data telah dikodkan melalui pembentukan tema yang berulang. Perkaitan antara tema dan subtema juga dibuat bagi menggambarkan wujudnya interaksi antara maklumat yang diperolehi.

3. DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian merangkumi kupasan secara terperinci berdasarkan soalan kajian yang dibentuk dalam menilai impak program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah seperti berikut:

3.1 Pelaksanaan Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid

Aspek ini akan dibincangkan berdasarkan i) bentuk program salah laku disiplin yang diminati oleh murid di sekolah ii) pemilihan murid dalam program salah laku disiplin murid di sekolah iii) sebab pelibatan murid dalam program salah laku disiplin murid di sekolah iv) objektif program salah laku disiplin murid di sekolah.

3.1.1 Bentuk Program Salah Laku Disiplin yang diminati oleh Murid di Sekolah

Secara keseluruhannya, murid menyatakan program intervensi yang mereka minati adalah program yang berunsur lawatan, aktiviti berkumpulan, aktiviti lasak (*outdoor*) dan perkhemahan. Ini disokong oleh dapatan guru dan ibu bapa yang menyatakan pendapat yang sama. Namun GPK HEM memberi pendapat yang berlainan di mana mereka menyatakan bahawa program yang diminati oleh murid adalah program bercorak ceramah motivasi dan bengkel motivasi. Ini menunjukkan perbezaan pandangan yang ketara antara GPK HEM dengan minat murid itu sendiri.

3.1.2 Pemilihan Murid dalam Program Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah

Secara keseluruhannya semua responden yang terlibat iaitu guru, GPK HEM dan ibubapa bersetuju bahawa pemilihan murid yang sesuai penting dalam pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin di sekolah dalam memberi impak yang diharapkan. Mereka bersependapat dengan menyatakan kumpulan murid yang dipilih adalah terdiri daripada murid yang bermasalah salah laku disiplin dan murid yang berisiko melakukan salah laku

disiplin. Ini menunjukkan sesuatu program intervensi salah laku disiplin murid itu akan memberi impak yang lebih ketara apabila murid bermasalah atau berisiko tinggi dalam disiplin telah dipilih sebagai peserta. Dua kumpulan sasaran murid ini perlu diberi fokus supaya disiplin mereka bertambah baik dan seterusnya memberi kesan yang baik kepada pembangunan nilai dan sahsiah.

3.1.3 Sebab Pelibatan Murid dalam Bentuk Program Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah

Majoriti murid menyatakan mereka terlibat dalam program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah kerana program tersebut berfaedah dan menyeronokkan. Namun begitu, ada antara murid yang menyatakan mereka mengikuti program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah atas arahan guru. Ini menunjukkan bahawa murid lebih berminat untuk melibatkan diri dalam sesuatu program yang dianggap berfaedah dan menyeronokkan kepada mereka. Dapatan ini membawa implikasi bahawa minat dan kehendak murid perlu diambilkira dalam merancang program salah laku disiplin murid di sekolah. Program intervensi yang sesuai dengan minat dan kehendak mereka akan lebih membantu dalam menangani masalah disiplin yang berlaku sekaligus mengurangkan kadar masalah disiplin yang berlaku di sekolah.

3.1.4 Objektif Program Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan Guru dan GPK HEM bersetuju bahawa objektif yang paling utama program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah adalah untuk membentuk sahsiah dan nilai diikuti dengan membentuk kerohanian dan membina jati diri murid. Manakala ibubapa pula berpendapat bahawa objektif utama program intervensi murid di sekolah adalah untuk membina jati diri murid, menggalakkan pelibatan ibubapa dan membentuk kerohanian murid. Maklumat ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga kumpulan bersetuju objektif program intervensi salah laku disiplin murid yang dilaksanakan di sekolah adalah untuk menerapkan aspek yang boleh membentuk sahsiah dan nilai murid di samping aspek rohani dan jati diri.

3.1.5 Status Salah Laku Disiplin Murid Di Sekolah

Secara keseluruhannya status salah laku disiplin murid mengikut hasil analisis soal selidik murid menunjukkan bahawa status salah laku disiplin murid yang agak kerap berlaku ialah salah laku ponteng, salah laku tidak pentingkan masa dan salah laku buli. Salah laku ponteng yang kadang-kadang berlaku adalah ponteng aktiviti kokurikulum, ponteng perhimpunan dan diikuti dengan ponteng kelas dan ponteng sekolah. Bagi kes salah laku tidak penting masa pula, salah laku yang biasanya dilakukan adalah lewat masuk kelas, lewat ke sekolah diikuti dengan lewat ke perhimpunan. Manakala bagi kes salah laku buli, salah laku buli yang telah dikenalpasti berlaku adalah buli bahasa, buli isyarat dan buli perhubungan.

Dapatan kajian dari analisis data murid juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan yang telah dibuat antara min kekerapan salah laku antara murid sekolah rendah dengan sekolah menengah dan antara sekolah *Hotspot* dengan sekolah bukan kategori *Hotspot*. Perbandingan antara sekolah rendah dan menengah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi kekerapan melakukan salah laku tidak penting masa dan ponteng. Bagaimanapun, perbandingan antara sekolah *Hotspot* dan sekolah bukan *Hotspot* tidak menunjukkan perbezaan skor min dari segi kekerapan melakukan salah laku seperti unsur jenayah, kelucahan, musnah, ponteng, kurang sopan, kekemasan diri, tidak penting masa dan rokok. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecenderungan murid melakukan salah laku disiplin akan meningkat apabila mereka meniti ke persekolahan peringkat menengah. Bagaimanapun, satu dapatan yang perlu ditonjolkan juga ialah semua jenis salah laku tidak ada perbezaan yang signifikan antara sekolah kategori *Hotspot* dengan bukan *Hotspo*t. Dengan kata lain, murid di sekolah biasa juga cenderung untuk salah laku seperti di sekolah *Hotspot*.

Dapatan temubual dengan guru menyokong dapatan ini yang menyatakan bahawa kes ponteng dan lewat ke sekolah dan kelas sering terjadi. Murid dilihat memandang ringan sikap pentingkan masa. Bagi salah laku buli pula, guru dan murid bersetuju yang salah laku buli yang paling ketara ini buli bahasa iaitu ejek- mengejek, mengata mengumpat dan sebagainya. Buli bahasa selalunya terjadi dalam kalangan murid sekolah rendah atau murid menengah rendah yang dianggap masih belum matang. Buli isyarat seperti menunjuk penumbuk, jeling mata dan isyarat-isyarat lain yang boleh menimbulkan kemarahan murid lain. Buli bahasa dan buli isyarat ini kadang-kadang akan menyebabkan pergaduhan fizikal di antara murid. Namun keseluruhan dapatan kualitatif menyatakan bahawa salah laku buli di sekolah masih lagi terkawal.

Selain daripada tiga salah laku yang kerap berlaku, dapatan kajian juga menyatakan bahawa salah laku kelucahan yang berlaku di sekolah tetapi adalah di tahap rendah. Salah laku berunsur kelucahan yang biasa terjadi adalah seperti menggunakan kata atau perbuatan lucah, menggunakan kata/perbuatan lucah, menonton VCD/filem lucah menulis dan menulis kata-kata dan gambar lucah. Walaupun salah laku ini berada di tahap rendah, namun ia telah dikenalpasti ada berlaku di sekolah.

Majoriti sekolah yang dinilai mempunyai rekod bersih daripada sebarang unsur gejala sosial yang boleh merosakkan keharmonian suasana pembelajaran di sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil sekolah yang dilawati mempunyai masalah tersebut. Beberapa unsur gejala sosial telah dikenalpasti yang berlaku dalam kalangan murid sekolah seperti penyalahgunaan dadah, aktiviti vandalisme, perlakuan seks tanpa nikah, aktiviti lumba haram dan tabiat merokok. Penyalahgunaan dadah direkodkan sebagai yang tertinggi dalam aktiviti yang melibatkan murid di sekolah. Jenis-jenis dadah yang sering diambil oleh murid adalah seperti syabu, ganja, inhalan (*ice*) dan air ketum. Ini menunjukkan bahawa aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid sekolah juga menjadi masalah yang dihadapi

oleh sekolah sejak dulu lagi. Selain daripada itu, gejala sosial seperti aktiviti vandalisme juga turut terjadi dan dilakukan oleh murid-murid di sekolah terbabit melibatkan perbuatan khianat seperti merosakkan harta benda sekolah. Pelakuan seks tanpa nikah dalam kalangan murid sekolah turut tersenarai dalam gejala sosial yang terjadi di sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

3.2 Impak Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid Di Sekolah

Impak program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah ini juga telah diukur melalui pengetahuan tentang program intervensi yang diadakan di sekolah. Secara keseluruhannya, murid, guru dan ibu bapa yang menyatakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang, Program anjuran KKM dan Program Ops Ponteng.

Secara keseluruhannya hasil analisis dapatan kajian menunjukkan murid, guru dan ibu bapa bersetuju bahawa program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah yang diadakan telah membawa impak seperti yang dihasratkan. Program ini termasuklah program intervensi anjuran KPM dan juga program intervensi anjuran sekolah.

Berdasarkan respon guru, ibu bapa dan GPK HEM, program yang memberi impak paling tinggi adalah Program Pegawai Perhubungan Sekolah dan Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang. Dapatan murid pula menunjukkan hanya Program Perhubungan Sekolah yang memberi impak yang tinggi, manakala program-program intervensi salah laku disiplin murid yang lain seperti Program Sekolah Penyayang, Program Ops Ponteng dan sebagainya memberikan impak yang sederhana sahaja.

3.3 Amalan Terbaik Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid Di Sekolah

Berdasarkan dapatan kualitatif iaitu melalui protokol temubual yang dijawab oleh guru. Amalan terbaik program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah adalah:

i. Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang

Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang anjuran KPM boleh dikatakan berjaya menarik minat murid-murid. Rata-rata murid tahu akan kewujudan program ini. Mereka merasakan sangat dihargai oleh guru dengan adanya program-program bercorak penghargaan dan kasih sayang. Perspektif murid terhadap sekolah juga mula berubah, sekolah tidak hanya dilihat sebagai tempat menuntut ilmu tetapi juga sebagai suatu tempat yang selesa dan menyeronokkan. Sikap ambil berat guru dan pihak pentadbir terhadap murid menyebabkan mereka rasa disayangi dan dihargai.

ii. Program Pegawai Perhubungan Sekolah

Pelantikan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) adalah program kerjasama KPM dengan PDRM. Pelantikan PPS dari kalangan pegawai polis terpilih dari balai polis yang berdekatan sekolah juga berjaya mewujudkan kerjasama dan komunikasi berterusan antara PDRM dan pihak sekolah dilihat dapat meningkatkan keselamatan dan kesedaran tentang salah laku disiplin dan juga salah laku jenayah di kalangan murid. PPS juga berjaya membantu sekolah dalam tindakan salah laku disiplin, melakukan rondaan dan lawatan serta turut dijemput untuk memberi ceramah di sekolah. Murid juga merasakan kehadiran PPS beruniform sebagai simbol autoriti dari pihak berkuasa.

iii. Program Intervensi Anjuran Sekolah

Program intervensi anjuran sekolah merangkumi program jati diri, program kerohanian dan juga program motivasi. Pengisian program yang biasa dianjurkan oleh sekolah adalah seperti kem perkhemahan ibadah, ceramah motivasi, dan aktiviti luar (*outdoor*). Program seperti ini dilihat dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri murid dan juga memberi kekuatan kepada mereka dari segi mental dan spiritual. Program seperti ini juga dilihat memberi kesan dalam mengawal masalah disiplin mereka di sekolah sekaligus meningkatkan prestasi pelajaran murid.

iv. Program Peningkatan Kehadiran ke Sekolah (Anjuran KPM Dan Anjuran Sekolah)

Program Peningkatan Kehadiran ke Sekolah merangkumi program anjuran KPM iaitu Program Ops Ponteng dan Jom Ke Sekolah (JOMKS) dan juga program anjuran sekolah yang seperti Program Buku Merah, Program Briged Kehadiran dan sebagainya. Program Ops Ponteng dan Jom Ke Sekolah (JOMKS) ini merupakan kerjasama pihak sekolah dengan PPS (PDRM). Program yang diadakan bertujuan untuk menggalakkan murid untuk hadir ke sekolah dan mengurangkan kes ponteng. Program ini juga memberi penghargaan kepada murid yang mempunyai rekod kehadiran yang baik ke sekolah. Penghargaan seperti ini memberi teladan dan penggalak kepada murid yang lain. Kaunseling juga diberikan kepada murid yang mempunyai masalah ponteng disamping program mentor-mentee. Selain daripada ini ada sesetengah sekolah mengadakan pendekatan sendiri dalam meningkatkan kehadiran sekolah.

4. Cabaran Pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah

Terdapat beberapa cabaran utama telah dikenal pasti dalam pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah iaitu isu kewangan, masa, ibu bapa, tenaga kerja, kerjasama pentadbir sekolah, kepakaran dan sikap murid.

Kewangan adalah faktor utama dalam cabaran pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin. Ini menyebabkan pihak sekolah terpaksa mencari dana melalui sumber-sumber tertentu seperti PIBG, NGO dan lain-lain. Masa yang agak terhad juga menjadi cabaran kepada pelaksanaan program ini. Pihak sekolah dan PPD sependapat bahawa mereka mempunyai kekangan masa untuk menjalankan program sedia ada dan juga program wajib anjuran KPM. Selain daripada itu kesukaran untuk mendapat kerjasama ibubapa juga menjadi cabaran dalam pelaksanaan program intervensi di sekolah. Hanya segelintir ibubapa yang memberi kerjasama kepada pihak sekolah dan PPD dalam menjayakan program seperti ini. Beban tugas guru yang sedia ada pula menyumbang kepada kekurangan tenaga. Guru melihat program ini sebagai tanggungjawab guru disiplin dan kaunselor sahaja dan bukan guru-guru lain. Program seperti ini menambahkan beban dan tanggungjawab guru kerana perlu mengambil masa untuk perancangan dan pelaksanaan. Bagi sekolah rendah pula, mereka tidak mempunyai kaunselor sepenuh masa yang boleh memberi tumpuan kepada program seperti ini, manakala guru bimbingan kaunseling pula terikat dengan waktu mengajar seperti guru-guru lain. Ada sesetengah pentadbir sekolah juga meletakkan semua tanggungjawab hal berkaitan disiplin kepada guru disiplin dan kaunselor dan tidak ada pemantauan yang dilakukan. Kekurangan kepakaran juga merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi dalam pelaksanaan program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah. Kepakaran yang terhad memerlukan pihak sekolah untuk membayar pihak luar untuk mengadakan program seperti ini. Ini akan melibatkan kos yang tinggi. Sikap murid yang sambil lewa dan tidak serius dalam menjalani program yang dianjurkan oleh pihak sekolah juga menyebabkan guru kurang motivasi untuk mengadakan program seperti ini. Ada ketikanya kehadiran murid untuk program ini agak tidak memuaskan.

5. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dihuraikan, beberapa cadangan kajian telah dikenalpasti bagi membolehkan penambahbaikan dilaksanakan bagi memantapkan Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah.

5.1 Pelaksanaan Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan murid akan melibatkan diri dalam sesuatu program yang dianggap berfaedah kepada mereka. Murid juga cenderung untuk minat kepada program bercorak lawatan, aktiviti berkumpulan, aktiviti lasak dan perkhemahan. Oleh itu, pelaksanaan Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah perlu mengambil kira minat dan kehendak murid yang terlibat dengan masalah salah laku disiplin dan juga murid berisiko melakukan kesalahan disiplin di sekolah. Ini adalah penting dalam mencapai objektif program intervensi yang dilaksanakan.

5.2 Status Salah Laku

Salah laku yang sering dibuat oleh murid berdasarkan kajian ini adalah salah laku tidak pentingkan masa, ponteng dan buli. Oleh itu dicadangkan pihak sekolah memberi penekanan kepada pelaksanaan program yang boleh mencegah ketiga-tiga jenis salah laku ini dari berterusan.

5.3 Pemantapan Program yang Sedia Ada

Dapatan kajian ini menunjukkan program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah yang berimpak tinggi adalah seperti Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru penyayang, Program Pegawai Penghubung Sekolah dan Ops Ponteng. Memandangkan ketiga-tiga program ini adalah menjadi pilihan murid, guru, GPK HEM dan ibu bapa, maka program ini boleh diteruskan pelaksanaannya dengan penambahbaikan dari masa ke semasa.

5.4 Pengetahuan terhadap Program Intervensi Salah Laku Disiplin Murid di Sekolah

Dapatan kajian ini menunjukkan kesemua responden yang terdiri daripada murid, guru, GPK HEM dan ibu bapa tahu tentang Program Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang dan Program Pegawai Perhubungan Sekolah namun masih banyak lagi program Intervensi yang diadakan di sekolah tetapi kurang disedari oleh warga sekolah terutamanya ibu bapa. Adalah penting bagi pihak sekolah memberi pengetahuan kepada semua warga sekolah serta ibubapa tentang program intervensi di sekolah yang lain seperti Ops Ponteng, Program Pencegahan dan Menangani Gejala Sosial oleh KKM dan juga program intervensi anjuran sekolah. Pengetahuan tentang program ini akan membantu guru dan ibubapa untuk sama-sama terlibat dalam mencegah dan mengawal masalah salah laku disiplin di sekolah seterusnya gejala sosial di luar sekolah.

5.5 Program Kesedaran dan Pencegahan Buli

Dapatan kajian menunjukkan salah laku disiplin berlaku tanpa mengira jenis sekolah. Selain daripada itu, salah laku tertentu seperti ponteng dan tidak pentingkan masa berlaku dengan lebih kerap apabila murid-murid naik ke sekolah menengah. Justeru itu, program bercorak pencegahan juga perlu diberi penekanan penting oleh pihak sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Tindakan ini boleh mencegah salah laku disiplin dari peringkat awal. Selain itu, maklumat berkaitan salah laku disiplin sepatutnya disebar kepada murid sekolah dan komuniti selain daripada guru sekolah. Penyebaran maklumat dan pengetahuan berkaitan salah laku ini akan membolehkan semua pihak memberi kerjasama padu untuk menanganinya.

5.6 Menangani Gejala Sosial Luar Sekolah

Masalah gejala sosial dalam kalangan murid di luar sekolah juga telah dikesan berlaku. Bagi membendung gejala sosial di luar sekolah seperti penyalahgunaan dadah, aktiviti vandalisme, perlakuan seks tanpa nikah, aktiviti lumba haram, menonton bahan lucah dan tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah, kerjasama dan pelibatan pelbagai pihak dalam menangani isu ini adalah sangat penting. Selain ibu bapa dan guru, komuniti setempat dan pihak berkuasa juga perlu bergabung tenaga untuk memastikan gejala sosial ini dapat dibendung dari peringkat awal.

6. PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini telah menjawab kesemua persoalan kajian berkaitan penilaian impak program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah. Adalah diharapkan dapatan kajian ini yang merupakan data sokongan ke atas impak program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah akan menjadi penggerak kepada pengambilan tindakan sewajarnya oleh pihak berkepentingan bagi memantapkan lagi program intervensi salah laku murid di sekolah yang sedia ada.

KAJIAN KESEDIAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS

1. PENGENALAN

Dasar PPSMI telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2003 yang melibatkan murid tahun satu, tingkatan satu dan pelajar tingkatan enam rendah berdasarkan keputusan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002. Dasar tersebut telah mengubah penggunaan bahasa pengantar bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bidang Sains dan Matematik daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris mulai tahun 2003.

Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian pelaksanaan PPSMI oleh KPM pada tahun 2008 mendapati bahawa kurang 20 peratus sekolah menggunakan bahasa Inggeris dalam PdP Sains dan Matematik, guru Sains dan Matematik tidak mempunyai keupayaan untuk mengajar sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dan tahap penguasaan bahasa Inggeris murid kurang memuaskan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk memahami PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan supaya pelaksanaan Dasar PPSMI dimansuhkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2012 dan digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Di bawah Dasar MBMMBI, *Dual Language Programme* (DLP) dan *Highly Immersive Programme* (HIP) telah diperkenalkan untuk meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan guru.

Namun demikian, perutusan khas YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mac 2019 telah mencadangkan supaya pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris untuk meningkatkan penguasaan murid dalam Bahasa Inggeris dan memberi persiapan yang lebih baik untuk mereka memasuki alam pekerjaan. Namun, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 20 Jun 2019 bersetuju bahawa kerajaan tidak wajar terburu-buru melaksanakan semula PPSMI mulai 1 Januari 2020. Oleh itu, mesyuarat memutuskan KPM wajar menjalankan kajian terperinci berhubung cadangan pelaksanaan semula PPSMI.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan murid, guru dan sekolah dalam melaksanakan semula PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data bagi pendekatan kuantitatif. Sampel dipilih secara rawak berstrata daripada populasi yang ditentukan mengikut zon, lokasi dan jenis sekolah berdasarkan 7,774 buah sekolah rendah dan 2,433 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia. Populasi kajian terdiri daripada lima kumpulan responden iaitu i) guru Sains, ii) guru Matematik, iii) guru bahasa Inggeris/penyelaras HIP, iv) murid tahun empat, v) murid tingkatan empat, dan vi) murid tingkatan enam. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS *Statisticsal Package for Social Science* (SPSS) versi 18.

Manakala pendekatan kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual bagi menyokong dapatan kuantitatif. Pemilihan peserta temu bual dilakukan secara bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada i) pentadbir sekolah (pengetua/guru besar/guru penolong kanan/guru kanan mata pelajaran/ ketua panitia), ii) guru Sains, iii) guru Matematik iv) guru bahasa Inggeris/penyelaras HIP v) SISC+, vi) ibu bapa/penjaga, vii) pensyarah Institut Pendidikan Guru, vii) pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam, dan xi) wakil industri/pertubuhan badan bukan kerajaan. Analisis data kualitatif melibatkan maklum balas daripada soalan terbuka dan temu bual. Data daripada analisis kualitatif dikod dan dikategori mengikut tema. Seterusnya, data tersebut dianalisis menggunakan pengelompokan tema berulang.

4. DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, lima kumpulan responden melibatkan 1908 orang guru Sains dan Matematik, 923 guru bahasa Inggeris, 196 orang Penyelaras HIP dan 2154 orang murid telah menjawab soal selidik bagi kajian ini. Intepretasi dapatan kajian ini menggunakan lima tahap iaitu sangat rendah (1.00-1.49), rendah (1.502.49), sederhana (2.50-3.49), tinggi (3.50-4.49) dan sangat tinggi (4.50-5.00).

Manakala protokol temu bual pula melibatkan peserta dalam kalangan pentadbir sekolah, guru Sains, guru Matematik, guru bahasa Inggeris/penyelaras HIP dan ibu bapa/penjaga daripada 17 sekolah menengah dan 12 sekolah rendah. Peserta temu bual juga terdiri daripada pemegang taruh yang melibatkan 12 orang SISC+, lima orang pensyarah IPG, empat orang pensyarah IPTA, dan empat orang wakil industri/pertubuhan badan bukan kerajaan.

4.1 Kesediaan

a) Guru Sains Dan Matematik Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah

Guru Sains dan Matematik sekolah rendah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP dalam bahasa Inggeris, guru Sains dan Matematik sekolah rendah adalah yang tinggi, manakala sederhana dari segi penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran, kemahiran penyampaian pengajaran, dan kemahiran pentaksiran.

Guru Sains dan Matematik sekolah menengah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP dalam bahasa Inggeris dan penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran, guru Sains dan Matematik sekolah menengah adalah pada tahap yang tinggi. Manakala bagi subkonstruk dalam kemahiran penyampaian pengajaran dan kemahiran pentaksiran guru sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana.

b) Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Murid di sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, murid sekolah rendah dan menengah mempunyai tahap yang tinggi. Manakala bagi subkonstruk keupayaan menggunakan bahasa Inggeris, murid sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai tahap sederhana dan berada pada tahap rendah bagi subkonstruk menyatakan sokongan ibu bapa dan penjaga mereka.

i) Perbandingan kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut jenis sekolah

Analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mengikut jenis sekolah. Bagi sekolah rendah, analisis ANOVA satu hala mendapati guru dan murid di SJKT mempunyai tahap kesediaan yang tinggi PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris manakala guru di SK, SJKC, dan SABK mempunyai tahap kesediaan yang sederhana.

Bagi sekolah menengah, guru dan murid di SBP dan KT6 mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Manakala guru di SMK, SMT, SMKA, SABK dan KV mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

ii) Perbandingan kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut lokasi sekolah

Analisis menunjukkan terdapat perbezaan tahap kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mengikut lokasi sekolah. Bagi sekolah rendah, analisis ujian-t mendapati guru sekolah rendah dan sekolah menengah di bandar mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding dengan guru sekolah rendah dan sekolah menengah di luar bandar.

Manakala analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara murid sekolah rendah dan sekolah menengah di bandar dan luar bandar menunjukkan dalam tahap kesediaan terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Murid sekolah rendah dan menengah di bandar menunjukkan mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding dengan luar bandar.

c) Sokongan Pentadbir

Analisis tematik transkrip temu bual dengan pentadbir sekolah mempunyai pelbagai pendapat mengenai pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara sokongan pentadbir adalah seperti menyediakan latihan dalaman, menjalankan pencerapan dan pembinaan bahan modul pengajaran.

d) Sokongan Ibu Bapa/Penjaga

Ibu bapa/penjaga memberikan sokongan kepada murid dalam meningkatkan bahasa Inggeris murid seperti membeli bahan sumber seperti buku dan peralatan ICT, ibu bapa/penjaga juga mendapatkan khidmat guru tuisyen untuk membantu murid yang menghadapi kesukaran dalam mata pelajaran tertentu.

e) Sokongan Masyarakat

Ahli industri dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat turut menyatakan sokongan kepada pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara tema yang timbul daripada analisis temu bual adalah kepatuhan arahan, peluang pekerjaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran lain.

4.2 Keperluan pelaksanaan berdasarkan bahan sumber pendidikan dan pembangunan profesionalisme dan latihan

Bagi melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, analisis soal selidik guru menunjukkan bahawa keperluan bahan sumber pendidikan adalah sederhana. Antara

bahan sumber yang diperlukan oleh guru ialah capaian internet yang berkelajuan tinggi dan menyeluruh, buku teks dwibahasa dan komputer serta LCD yang dipasang secara tetap di bilik darjah.

Guru memerlukan pembangunan professional dan latihan pada tahap yang sederhana bagi melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara kursus atau latihan yang diperlukan oleh guru adalah berkaitan pedagogi Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, penyediaan bahan bantu mengajar dalam bahasa Inggeris, penggunaan perisian dan cara penyampaian PdP dalam bahasa Inggeris.

4.3 Cabaran pelaksanaan

Guru menyatakan cabaran pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah penguasaan bahasa Inggeris murid yang lemah. Cabaran lain adalah penguasaan bahasa Inggeris guru yang lemah dan keupayaan guru memberikan kefahaman kepada murid.

4.4 Keberkesanan aktiviti *Highly Immersive Programme* (HIP) dalam meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid

Aktiviti HIP dalam meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid diperoleh daripada persepsi guru bahasa Inggeris, penyelaras HIP dan murid. Guru dan penyelaras HIP bersetuju pada tahap sederhana bahawa aktiviti HIP dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid. Namun begitu, murid sekolah rendah dan sekolah menengah bersetuju pada tahap tinggi bahawa aktiviti HIP dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka.

4.5 Cadangan untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran mata Pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris

Dapatan temu bual memberikan cadangan supaya usaha penguasaan bahasa Inggeris guru dan murid ditingkatkan dan bekalan sumber dan peluang latihan diberikan kepada guru untuk melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Selain daripada itu, pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan pada peringkat sekolah rendah.

Guru Sains dan Matematik juga mencadangkan pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan pada peringkat sekolah rendah. Namun ada juga yang mencadangkan supaya dimulakan pada peringkat menengah supaya murid selesai menguasai semua kemahiran asas semasa di sekolah rendah. Guru juga berpendapat agar semakan kurikulum Sains dan Matematik dibuat sekiranya kedua-dua mata pelajaran ini akan diajar dalam bahasa Inggeris selain daripada melihat kemungkinan sekiranya mata pelajaran lain turut diajar di dalam Bahasa Inggeris. Guru juga mahukan supaya keperluan peralatan ICT

bagi membantu mereka melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. SIC+ pula mencadangkan peralihan PdP Sains dan Matematik daripada bahasa ibunda kepada bahasa Inggeris dirancang dengan teliti. Mereka juga mencadangkan supaya guru diberi pendedahan PdP Sains dan Matematik yang terkini seperti penggunaan teknologi.

Pensyarah IPG memberikan cadangan yang merangkumi syarat pengambilan pelajar ke IPG, kursus kepada pensyarah untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris, meneroka inovasi dan peruntukkan kewangan. Manakala pensyarah IPTA pula mahukan PdP Sains dan Matematik dilaksanakan pada peringkat awal sekolah rendah dan syarat pengambilan guru pelatih dikaji semula.

Wakil masyarakat mencadangkan kerjasama antara pihak industri dengan pihak sekolah dalam pelaksanaan Pdp Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Selaras dengan cadangan ini, mereka juga mencadangkan agar industri yang menyokong pendidikan seperti ini diberikan insentif.

5. CADANGAN KAJIAN

5.1 Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru dan murid

Mata pelajaran bahasa Inggeris diperkukuhkan melalui usaha pelbagai pihak kepada murid, guru, bakal guru dan pensyarah. Semakan pengisian kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik sesuai dengan murid dan bersifat *local*. Persekitaran di sekolah yang menyokong kepada aktiviti berbahasa Inggeris juga perlu diwujudkan.

a. Pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bermula dari pendidikan rendah

Pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari peringkat sekolah rendah. Murid pada peringkat umur ini mudah menerima pembelajaran. Maka perkembangan ilmu akan berkembang selari dengan perkembangan umur mereka.

b. Sumber dan peralatan yang sesuai

Bagi memudahkan guru mendapatkan bahan sumber untuk PdP, kemudahan internet yang stabil dan mudah diakses perlu disediakan. Guru boleh mendapatkan banyak bahan sumber dari internet yang memerlukan guru memilih dan disesuaikan dengan kurikulum dan keupayaan murid. Peralatan LCD dan visualizer masih diperlukan dan dibekalkan ke sekolah kerana kedua-dua peralatan ini sering guru gunakan di dalam PdP.

c. Buku teks untuk sekolah rendah dan sekolah menengah yang ditambah baik

Buku teks perlu dibekalkan dengan kuantiti yang mencukupi dan selari dengan perubahan kurikulum Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Penekanan kepada konsep sains serta penggunaan istilah saintifik dalam bahasa Inggeris yang digunakan dalam buku teks perlu agar dapat menepati keperluan melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

6. PENUTUP

Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dapat dilaksanakan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya sekiranya penguasaan bahasa Inggeris guru dipertingkatkan; sumber dan peralatan yang sesuai dan mencukupi; buku teks Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dibekalkan sebelum pelaksanaan secara berperingkat bermula daripada peringkat pendidikan rendah.

KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP): SATU PENILAIAN AWAL TERHADAP KOHORT 1

1. PENGENALAN

Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) adalah satu program yang bernaung di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP merupakan program pilihan yang menawarkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Pelaksanaan DLP bermula setelah pembentangan oleh Unit Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Negara Bil. 21/2015 pada 13 Oktober 2015 dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan bajet 2016 pada 23 Oktober 2015.

Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 18 Tahun 2015 bertajuk Pelaksanaan Rintis Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) di Sekolah pada tahun 2016 bertarikh 3 Disember 2015. Surat Siaran tersebut menyatakan bahawa DLP merupakan satu program pilihan dan sekolah yang berminat untuk melaksanakan program ini boleh membuat permohonan secara rasmi ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing sekiranya memenuhi empat syarat yang berikut:

i. sumber yang mencukupi: sekolah mempunyai sumber yang mencukupi, yang merangkumi buku teks dan buku rujukan;
ii. kesediaan sekolah: pentadbir dan guru bersetuju dan bersedia untuk melaksanakan DLP;
iii. persetujuan ibu bapa: ibu bapa perlu bersetuju dan membenarkan anak mereka mengikuti DLP; dan
iv. pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang baik: pencapaian sekolah dalam Bahasa Melayu adalah sekurang-kurangnya sama atau lebih baik daripada gred purata kebangsaan bagi UPSR atau SPM.

Objektif DLP yang telah digariskan oleh KPM adalah untuk memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses dan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global

serta meningkatkan kebolehpasaran murid di alam pekerjaaan. DLP dihasratkan membantu dan menarik minat murid yang ingin meneruskan pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat tertiari.

2. RASIONAL KAJIAN

Kajian literatur menunjukkan bahawa pembelajaran dwibahasa seperti DLP adalah mencabar kerana murid dan guru perlu menangani aspek bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta pengetahuan/konsep yang terkandung dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Selain daripada itu terdapat isu kompetensi guru yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, kekurangan sumber pembelajaran dan bantahan daripada persatuan ibu bapa dan masyarakat. Berdasarkan kepada isu tersebut maka satu kajian impak DLP perlu dilakukan di peringkat awal bagi mengenalpasti kesan yang telah berlaku kepada pelaksana dan pihak yang berkepentingan/ pemegang taruh yang terlibat dalam DLP di peringkat awal dan juga bagi menilai kesan baik-buruk yang mungkin telah berlaku hasil daripada pelaksanaan program ini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah seperti berikut:

i. Mengenal pasti impak DLP terhadap pencapaian murid kohort 1 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.
ii. Mengenal pasti impak DLP terhadap pentadbir sekolah, guru, murid dan ibu bapa.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk dan Sampel Kajian

Kajian ini merupakan kajian penilaian secara tinjauan dan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif menggunakan rekabentuk eksperimen kuasi dan pendekatan kualitatif adalah secara identifikasi tema bagi impak pelaksanaan DLP terhadap pemegang taruh yang terlibat dengan DLP di peringkat sekolah. Penyelidik memilih sekolah Kohort 1 yang melaksanakan DLP selama 3 tahun bermula daripada tahun 2016 hingga tahun 2018. Pemilihan sekolah adalah mengikut zon iaitu Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Tengah (Selangor), Zon Selatan (Negeri Sembilan), Zon Timur (Kelantan) Zon Sabah (Kota Kinabalu) dan Zon Sarawak (Kuching). Oleh kerana persampelan kajian ini adalah secara bertujuan, maka dapatan daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi.

Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini adalah menggunakan model penilaian bebas-matlamat (*goal-free evaluation*) Scriven (1972). Model ini digunakan dalam usaha mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program. Dengan menggunakan model ini, penilai akan membuat pemerhatian atau pengukuran terhadap *outcome*, kesan atau impak sebenar sama ada yang dihasratkan atau yang tidak dijangka, semuanya tanpa didasarkan kepada matlamat program. Penilaian Bebas-Matlamat memberikan fokus kepada hasil sebenar bagi program atau aktiviti berbanding dengan matlamat yang diinginkan.

Instrumen Kajian

Terdapat dua instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen pertama surat kepada JPN bagi memohon data sekunder keputusan peperiksaan akhir tahun 2017 bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains bagi murid Kohort 1 di Tahun 6 dan Tingkatan 3 pada tahun 2018. Instrumen kedua ialah protokol temubual yang dibina berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh melalui maklumat kajian garis asas (*baseline*).

Analisis Data

Berdasarkan kepada objektif kajian pertama, data markah ujian peperiksaan akhir tahun 2017 antara murid yang mengikuti DLP dengan murid yang tidak mengikuti DLP dianalisis menggunakan analisis ujian-t untuk melihat sama ada terdapat perbezaan keputusan peperiksaan akhir tahun yang signifikan antara murid yang mengikuti DLP dengan kumpulan murid yang tidak mengikuti DLP di sekolah yang sama. Mata pelajaran yang dianalisis ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Berdasarkan objektif kajian kedua, data yang diperoleh daripada temubual dianalisis mengikut kategori responden yang ditemubual dan impak pelaksanaan DLP bagi setiap kategori responden dikenal pasti.

5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan bagi Objektif 1: Mengenal pasti impak DLP terhadap pencapaian murid kohort 1 (tahun 2016) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Kajian ini mendapati bahawa di sekolah rendah, keputusan peperiksaan Bahasa Inggeris Penulisan, Bahasa Inggeris Pemahaman dan Sains bagi murid yang tidak mengikuti DLP lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan keputusan peperiksaan murid yang mengikuti DLP. Manakala, keputusan peperiksaan Bahasa Melayu Penulisan dan Bahasa Melayu

Pemahaman bagi murid DLP adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan murid yang tidak mengikuti DLP. Sementara itu, bagi keputusan peperiksaan Matematik, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara murid yang mengikuti DLP dengan murid yang tidak mengikuti DLP.

Dapatan ini menunjukkan bahawa di sekolah rendah, pelaksanaan DLP tidak semestinya meningkatkan penguasaan murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dan Sains kerana murid yang tidak mengikuti DLP menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dalam peperiksaan Bahasa Inggeris dan Sains berbanding dengan murid yang mengikuti kelas DLP. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh murid sekolah rendah ialah membina ayat bahasa Inggeris yang betul semasa menjawab soalan Matematik dan Sains dan sesetengah terma Matematik/ Sains tidak diketahui maksudnya.

Dapatan di sekolah menengah menunjukkan bahawa keputusan bagi semua peperiksaan yang dibandingkan iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains menunjukkan bahawa prestasi murid yang melaksanakan DLP adalah lebih tinggi secara signifikan dalam semua mata pelajaran berbanding dengan murid yang tidak mengikuti kelas DLP. Dapatan bagi sekolah menengah berbeza dengan dapatan di sekolah rendah kerana pelaksanaan DLP di sekolah menengah melibatkan murid yang mempunyai rujukan keputusan UPSR bagi menentukan kemampuan mereka mengikuti kelas DLP atau sekolah mengadakan ujian diagnostik bagi menentukan murid yang layak memasuki kelas DLP. Selain daripada itu, keputusan yang baik dalam kelas DLP juga disebabkan oleh murid menarik diri daripada kelas DLP kerana ibu bapa murid itu mengeluarkan mereka daripada kelas DLP disebabkan keputusan peperiksaan kurang memberangsangkan.

Di sekolah menengah, murid yang mengikuti DLP adalah dalam kalangan murid yang telah ditapis keupayaannya untuk mengikuti pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris berbanding dengan di sekolah rendah di mana pelibatan murid dalam DLP adalah atas pilihan ibu bapa sepenuhnya. Oleh yang demikian murid yang mengikuti DLP di sekolah menengah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan murid yang tidak mengikuti DLP kerana latar belakang penguasaan sedia ada yang lebih tinggi dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan mereka adalah dalam kalangan murid yang terpilih.

Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP telah memberikan nilai tambah kepada murid yang sedia ada menguasai bahasa Inggeris kerana mereka dapat memahami pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris tanpa halangan bahasa. Murid yang dalam kalangan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah terutamanya, berasa selesa mengikuti DLP kerana memahami sepenuhnya istilah dalam bahasa Inggeris dan berkeyakinan tinggi berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kelebihan tambahan kepada murid yang mempunyai tahap kebolehan yang tinggi dalam memahami konsep Matematik

dan Sains menyebabkan mereka tidak mempunyai cabaran yang besar mengikuti DLP dan boleh menjadi pembimbing kepada rakan sebaya dalam pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Bagi murid yang kurang mahir berbahasa Inggeris, ada dalam kalangan mereka yang menunjukkan peningkatan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan lebih kerap berkomunikasi dalam bahasa Inggeris berbanding dengan sebelum mengikuti DLP. Murid suka menggunakan bahasa Inggeris walaupun kurang fasih bertutur dalam bahasa tersebut dan ingin terus mengikuti DLP kerana percaya bahawa di peringkat pendidikan tinggi, hampir semua bahan pembelajaran adalah dalam bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun terdapat juga murid yang mahir berbahasa Inggeris menghadapi masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam menjawab soalan peperiksaan Bahasa Melayu kerana mereka tidak mengetahui istilah dalam bahasa Melayu. Murid lebih bangga bertutur dalam bahasa Inggeris dan tidak bangga dengan bahasa kebangsaan. Murid sekolah menengah juga berpendapat bahawa skema pemarkahan Sains untuk PT3 sangat ketat terutama bagi yang melibatkan KBAT dan tidak banyak maklumat yang boleh diperoleh daripada buku teks. Murid terpaksa mencari bahan rujukan tambahan dalam bahasa Inggeris. Pembelajaran Sains dalam bilik darjah dianggap terlalu asas (*basic*) dan tidak mencukupi untuk menghadapi PT3. Terdapat juga murid yang mahu berpindah ke kelas bukan DLP tetapi kerana kelas DLP tidak membolehkan mereka mengikuti pembelajaran mata pelajaran elektif yang mereka sukai seperti Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Prinsip Akaun dan Pendidikan Seni.

Dalam kalangan murid sekolah menengah yang mahir berbahasa Inggeris, terdapat murid yang menghadapi cabaran dalam memahami konsep Matematik dan Sains, sungguhpun mereka boleh mengakses bahan pembelajaran dalam bahasa Inggeris dengan mudah. Mereka juga menghadapi masalah menjawab soalan KBAT kerana kurang mampu mengaplikasikan pengetahuan Matematik/Sains semasa menjawab soalan walaupun mereka mahir dalam bahasa Inggeris. Skema pemarkahan Sains yang terlalu ketat juga menyukarkan murid mendapat markah yang baik. Murid ini juga menghadapi cabaran kerana PdP guru Matematik dan Sains tidak menarik atau guru kurang mahir berbahasa Inggeris. Kebanyakan daripada murid ini mengikuti kelas tuisyen Matematik dan Sains berbayar yang ditanggung oleh ibu bapa.

Seterusnya, bagi murid sekolah menengah yang kurang mahir berbahasa Inggeris mereka sukar memahami konsep Matematik dan Sains yang diajar dalam bahasa yang mereka kurang fahami. Murid ini pasif semasa sesi soal-jawab lisan dalam kelas. Mereka juga kurang bertanya dalam kelas kerana bimbang dengan kesalahan tata bahasa dalam bahasa Inggeris. Keputusan peperiksaan Matematik dan Sains juga tidak memberangsangkan kerana mereka tidak mampu memberikan penerangan yang baik dalam menjawab soalan KBAT.

Murid sukar menjawab soalan peperiksaan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu kerana tidak menguasai konsep Matematik dan Sains. Murid juga berasa rendah diri kerana tidak mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan bagi murid lemah akan terus ketinggalan. Selain daripada itu, murid yang lemah dalam bahasa Melayu semakin merosot setelah mengikuti kelas DLP.

Bagi murid yang kurang mahir dalam bahasa Inggeris tetapi mudah memahami konsep Matematik dan Sains, antara impak negatif pelaksanaan DLP terhadap mereka ialah kemerosotan secara drastik dalam pencapaian Matematik dan Sains. Murid ini tiada masalah memahami kehendak soalan peperiksaan kerana disediakan dalam dwibahasa. Walau bagaimanapun, murid tidak dapat menjawab soalan peperiksaan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dan cenderung menggabung-jalinkan kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerana mereka tidak dapat membuat ayat yang lengkap dalam kedua-dua bahasa Melayu ataupun dalam bahasa Inggeris.

Dapatan bagi Objektif 2: Mengenal pasti impak DLP terhadap pentadbir sekolah, guru, murid dan ibu bapa.

Dapatan Objektif 2 menunjukkan terdapat pelbagai impak daripada pelaksanaan DLP terhadap setiap pemegang taruh iaitu pentadbir sekolah, guru Matematik dan Sains yang melaksanakan DLP, murid dan ibu bapa. Impak kepada pentadbir sekolah meliputi perkara berkaitan sokongan ibu bapa, implikasi kewangan, enrolmen murid, perancangan DLP (pengurusan bilik darjah), kesediaan sumber dan permintaan/penawaran kelas DLP. Impak kepada guru yang melaksanakan DLP meliputi perkara seperti persediaan mengajar (rancangan mengajar, kesediaan sumber, implikasi kewangan dan kerjasama antara guru), pelaksanaan PdP Matematik dan Sains dalam bilik darjah (penggunaan bahasa, motivasi guru), hal ehwal peperiksaan dan kelas tambahan. Impak kepada murid yang mengikuti kelas DLP pula meliputi perkara berkaitan dengan aktiviti pembelajaran, sokongan ibu bapa, peperiksaan dan kesinambungan DLP. Manakala impak pelaksanaan DLP kepada ibu bapa yang mempunyai anak di kelas DLP meliputi perkara berkaitan dengan implikasi kewangan, pemantauan pembelajaran anak dan kesinambungan DLP.

Dapatan 2A: Impak DLP kepada Pentadbir di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Pentadbir di Sekolah Rendah

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP di sekolah rendah tidak menggunakan kos tambahan kepada sekolah kerana pentadbir bekerjasama erat dengan ibu bapa dan PIBG dan cekap menggunakan sumber peruntukan PCG sedia ada untuk menampung kos DLP. Walau bagaimanapun, pentadbir yang tidak membuat perancangan bersama dengan ibu bapa/ PIBG dan tiada perancangan dalam penggunaan PCG akan menyebabkan sekolah

terpaksa menampung kos tambahan untuk kegunaan PdP di kelas DLP.
Dapatan menunjukkan bahawa pentadbir di sekolah rendah mempunyai perancangan untuk DLP dengan adanya inisiatif untuk meningkatkan profesionalisme guru yang melaksanakan DLP iaitu menghantar guru mengikuti kursus PdP dan juga menggunakan kepakaran sedia ada di peringkat sekolah untuk menambah baik pelaksanaan aktiviti DLP. Terdapat juga pentadbir sekolah rendah yang melaksanakan ujian diagnostik dalam bahasa Inggeris untuk menapis kemasukan murid ke kelas DLP. Hanya murid yang lulus tapisan dibenarkan mengikuti kelas DLP. Walau bagaimanapun terdapat sekolah rendah yang tidak menjadikan DLP sebagai program pilihan kepada ibu bapa sebaliknya mewajibkan pelaksanaan DLP sepenuhnya di sekolah tersebut dan perkara ini bercanggah dengan hasrat KPM yang membangunkan DLP sebagai satu program pilihan kepada ibu bapa.

Dapatan menunjukkan bahawa di sekolah rendah, pertambahan enrolmen murid di kelas DLP boleh mengubah sidang persekolahan daripada sekolah satu sesi kepada sekolah dua sesi untuk menampung bilangan murid yang ramai. Lanjutan daripada itu pentadbir menghadapi cabaran iaitu kekurangan guru yang berkebolehan melaksanakan DLP dan tidak dapat menyediakan pelan kontigensi untuk mendapatkan guru pengganti serta merta ketika adanya kes kecemasan ketidakhadiran guru. Perkara ini menyebabkan sesi pembelajaran murid tertangguh dan terganggu yang akhirnya menyebabkan kerugian di pihak murid kerana tidak dapat mengikuti PdP pada hari tersebut.

Dapatan juga menunjukkan bahawa di peringkat sekolah rendah, pentadbir mendapat sokongan yang baik daripada ibu bapa untuk meneruskan DLP dan sokongan itu ditunjukkan dengan membantu sekolah dari segi kewangan dan tenaga kepakaran akademik untuk turut menjayakan DLP. Pentadbir juga bersetuju DLP diteruskan untuk kebaikan murid di masa hadapan, kerana kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan DLP menyumbang kepada pembangunan murid selari dengan tuntutan dunia masa kini/ revolusi industri 4.0 (4IR).

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa peningkatan permohonan mengikuti kelas DLP di sekolah rendah berlaku disebabkan faktor seperti kefasihan murid berbahasa Inggeris, kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, jarak sekolah yang berdekatan dengan rumah, kepentingan bahasa Inggeris di peringkat pengajian tinggi dan juga di alam pekerjaan.

Walau bagaimanapun terdapat pentadbir yang menghadapi penurunan sokongan daripada ibu bapa dan menerima rungutan mengenai kemerosotan pencapaian peperiksaan anak mereka. Penurunan enrolmen kelas DLP berlaku kerana ibu bapa mengeluarkan anak mereka daripada kelas DLP kerana pencapaian yang merosot dalam mata pelajaran Matematik dan Sains yang disebabkan oleh kesukaran murid memahami pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan sumber pembelajaran yang tidak mencukupi.

Pentadbir di Sekolah Menengah

Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP di sekolah menengah menyebabkan pentadbir perlu menyediakan alat bantu mengajar tambahan untuk digunakan oleh guru dan murid dalam pembelajaran Matematik dan Sains di kelas DLP. Pembelian tersebut tidak melibatkan bebanan implikasi kewangan kepada sekolah kerana pentadbir menggunakan sumber kewangan sekolah yang sedia ada, peruntukan khas daripada KPM serta bantuan kewangan daripada PIBG dan masyarakat setempat. Perkara ini menunjukkan bahawa pentadbir di sekolah menengah mempunyai kecekapan pengurusan yang baik dalam menyediakan keperluan sumber yang sewajarnya untuk melancarkan pelaksanaan DLP.

Dapatan menunjukkan bahawa dalam aspek kesediaan sumber untuk PdP di kelas DLP, terdapat pentadbir sekolah menengah yang menghadapi cabaran kerana mengalami kekurangan kemudahan infrastruktur (makmal komputer) dan kekurangan bekalan guru yang sanggup melaksanakan DLP. Terdapat juga kes terpencil di mana pentadbir membenarkan murid yang mengikuti kelas DLP dan murid yang tidak mengikuti DLP berkongsi dalam kelas yang sama kerana kekurangan bilik darjah dan kekurangan guru yang kompeten mengajar di kelas DLP di sekolah tersebut. Situasi sedemikian menyebabkan pelaksanaan pengajaran oleh guru dan pembelajaran murid terganggu.

Dari segi sokongan ibu bapa, terdapat pentadbir sekolah menengah yang mendapat sokongan yang baik daripada ibu bapa dalam pelaksanaan DLP yang ditunjukkan oleh permintaan yang semakin meningkat terhadap kelas DLP dan bantuan kewangan yang diberikan oleh PIBG untuk membeli alat bantu mengajar tambahan. Walau bagaimanapun, sokongan ibu bapa terhadap DLP berkurangan sekiranya prestasi anak mereka merosot dalam peperiksaan dan setelah mempertimbangkan maklumat yang diperoleh daripada taklimat pihak KPM pada tahun 2018.

Dapatan 2B: Impak DLP kepada Guru Matematik dan Sains yang Melaksanakan DLP di Sekolah Rendah dan di Sekolah Menengah

Guru di Sekolah Rendah

Kajian ini menunjukkan terdapatnya ketidakseragaman guru sekolah rendah dalam penyediaan RPH dan terdapat guru sekolah rendah yang merasa terbeban kerana perlu menyediakan RPH dalam dwibahasa. Selain daripada itu terdapat isu pembekalan buku teks dan buku aktiviti untuk kegunaan di kelas DLP sejak DLP dimulakan pada tahun 2016 hingga kini di tahun 2018. Isunya adalah bilangan buku teks yang diterima tidak mencukupi ataupun buku teks/ buku aktiviti lambat diterima. Lanjutan daripada itu guru terpaksa mencari jalan alternatif untuk membantu sekolah menjayakan DLP iaitu dengan bersikap proaktif menyediakan

bahan DLP berdasarkan kurikulum baharu KSSR. Antara inisiatif yang dilakukan oleh guru sekolah rendah ialah menterjemahkan buku teks Matematik dan Sains ke bahasa Inggeris atau menggunakan bahan PPSMI (KBSR) sebagai rujukan. Inisiatif guru ini wajar dihargai kerana tindakan proaktif sedemikian menyebabkan pembelajaran murid tidak ketinggalan dan berjalan seiring dengan pembelajaran murid di arus perdana yang tidak mengikuti DLP. Walau bagaimanapun terdapat guru yang kurang berpuas hati dengan kandungan buku teks yang lebih banyak mempunyai gambar berbanding dengan penerangan dan maklumat ilmiah. Antara jalan penyelesaian yang diambil adalah dengan merujuk kepada sumber daripada internet. Tindakan ini menyebabkan guru perlu menggunakan perbelanjaan sendiri untuk mengakses internet kerana talian internet di sekolah adalah terhad.

Guru sekolah rendah yang kurang berkemahiran dalam bahasa Inggeris pula merasakan bahawa pelaksanaan DLP membebankan kerana mereka perlu menterjemahkan bahan pengajaran ke bahasa Inggeris. Dengan itu guru terpaksa memperuntukkan lebih banyak masa untuk persediaan kelas DLP berbanding dengan persediaan rakan guru Matematik dan Sains di arus perdana yang tidak perlu membuat kerja penterjemahan. Impak terhadap guru semakin berganda sekiranya mereka tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan terpaksa merujuk kepada guru Bahasa Inggeris untuk membuat semakan tatabahasa dan perkara ini juga berpotensi untuk menambahkan masa bekerja untuk guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah yang berkenaan.

Dari segi kesediaan sumber PdP, dapatan menunjukkan bahawa guru di sekolah rendah yang mempunyai prasarana serta sumber pengajaran dan pembelajaran untuk DLP yang mencukupi seperti buku teks, talian internet, mesin pencetak tidak perlu menggunakan wang sendiri untuk melaksanakan DLP. Tetapi guru di sekolah rendah yang tidak mempunyai sumber yang mencukupi terpaksa menampung kos kewangan untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran di kelas DLP. Sekiranya perkara ini berterusan, situasi ini akan merugikan guru kerana sebahagian daripada pendapatan mereka dibelanjakan untuk melaksanakan DLP berbanding dengan rakan guru lain yang tidak perlu berbuat demikian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya keadaan di mana terdapat guru sekolah rendah yang melaksanakan DLP yang kurang kompeten dari segi penggunaan bahasa Inggeris tetapi masih terus melaksanakan tugasan tersebut dengan usaha berterusan meningkatkan keupayaan berbahasa Inggeris dengan bantuan rakan guru Bahasa Inggeris. Perkara ini dilihat sebagai satu usaha yang baik untuk peningkatan profesionalisme guru tetapi tidak memenuhi hasrat asal penawaran DLP yang memerlukan guru yang telah bersedia terlebih dahulu untuk melaksanakan DLP sebelum sekolah menawarkan program ini kepada ibu bapa. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun guru sekolah rendah berkemahiran mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, penyampaian pembelajaran DLP dalam bilik darjah tidak semestinya berlangsung sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Ini adalah kerana guru perlu membuat pertimbangan terhadap kemampuan murid memahami isi kandungan pembelajaran yang hendak disampaikan. Sekiranya murid boleh memahami

bahasa Inggeris dengan baik, maka guru akan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dan sekiranya murid kurang memahami bahasa Inggeris, penyampaian guru menggunakan dwibahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Implikasi yang berlaku akibat penggunaan kedua-dua bahasa di kelas DLP sekolah rendah ialah pertambahan masa PdP kerana guru mengulang pembelajaran DLP dalam bahasa Melayu. Lanjutan daripada itu, guru menghadapi kekangan waktu kerana penerangan terpaksa dibuat berkali-kali dan akhirnya mengajar murid cara jawab yang standard untuk memudahkan susunan bahasa Inggeris. Kekangan waktu juga telah menyebabkan guru mengadakan kelas tambahan DLP untuk membantu murid yang berpencapaian rendah dan mengakibatkan guru perlu bekerja lebih masa berbanding dengan guru lain yang tidak melaksanakan DLP.

Bagi guru yang kurang fasih berbahasa Inggeris di sekolah rendah, kajian ini menunjukkan bahawa implikasi yang berlaku ialah PdP tidak dapat berjalan dengan lancar kerana guru tidak mampu menyampaikan dan menghuraikan isi kandungan pembelajaran yang melibatkan KBAT dalam bahasa Inggeris sepenuhnya tetapi boleh menyampaikan pengajaran dengan baik menggunakan bahasa Melayu. Sungguhpun demikian, guru sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris walaupun mereka berasa tertekan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP telah meningkatkan motivasi guru sekolah rendah yang mengajar Matematik dan Sains kerana mereka boleh mendapatkan sumber PdP dengan mudah melalui internet. Walau bagaimanapun pelaksanaan DLP juga menyebabkan penurunan motivasi guru kerana isu yang berkaitan dengan halangan bahasa antara guru dengan murid dan sumber PdP yang tidak mencukupi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru menghadapi cabaran menyediakan soalan peperiksaan ialah kerana soalan dan skema jawapan perlu disediakan dalam dwibahasa dan proses ini memerlukan masa yang lama berbanding dengan penyediaan peperiksaan dalam satu bahasa. Bagi memastikan soalan dan skema jawapan yang tepat, guru merujuk kepada terjemahan yang dibuat menggunakan internet atau memohon bantuan guru Bahasa Inggeris. Implikasi daripada tindakan ini, guru perlu mempunyai akses kepada internet dan perkara ini melibatkan kos tambahan kepada kewangan guru dan guru Bahasa Inggeris juga perlu meluangkan masa tambahan untuk membantu guru yang melaksanakan DLP melengkapkan instrumen peperiksaan.

Guru di Sekolah Menengah

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru sekolah menengah yang melaksanakan DLP di sekolah menengah tidak mengalami kesukaran dalam penyediaan RPH sendiri walaupun dalam dwibahasa dengan merujuk kepada maklumat yang terdapat dalam buku teks.

Dari segi kesediaan sumber PdP, kajian ini mendapati bahawa guru yang melaksanakan DLP di sekolah menengah seperti juga dengan guru di sekolah rendah iaitu mereka menggunakan sumber alternatif daripada internet sebagai bahan pembelajaran dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber yang dibekalkan oleh KPM. Situasi ini berlaku kerana buku teks lambat diterima dan bahan rujukan untuk DLP kurang di pasaran. Selain daripada itu guru sekolah menengah juga menggunakan buku PPSMI kerana maklumat yang terdapat dalam buku lama tersebut lebih lengkap daripada maklumat yang terkandung dalam buku teks DLP yang dibekalkan oleh KPM. Guru sekolah menengah juga didapati mempunyai kemampuan yang tinggi dalam menterjemahkan kurikulum Matematik dan Sains kerana mereka mampu menghasilkan modul pembelajaran daripada pelbagai sumber untuk digunakan dalam PdP di bilik darjah.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP di sekolah menengah adalah menggunakan dwibahasa di mana guru menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut tahap pemahaman murid. Guru tidak menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya kerana perlu mengambil kira kepelbagaian penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid yang berada dalam kelas yang sama. Seperti guru di sekolah rendah, guru yang melaksanakan DLP di sekolah menengah juga menghadapi cabaran/tekanan untuk memahamkan pembelajaran murid dalam bahasa Inggeris, terutama bagi topik yang memerlukan KBAT dan mengakibatkan PdP lebih cenderung menggunakan bahan PdP Matematik dan Sains daripada internet.

Pelaksanaan DLP di sekolah menengah telah menimbulkan tekanan kepada guru atas faktor diri sendiri dan juga atas faktor murid. Faktor diri sendiri yang menyebabkan tekanan guru adalah kerana mereka sendiri tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik, kurang pasti dengan sebutan bahasa Inggeris yang betul, kurang selesa dengan pemantauan yang terlalu kerap oleh pihak atasan dan mengajar murid yang berpencapaian tinggi yang mahir berbahasa Inggeris. Faktor murid yang boleh menyebabkan tekanan kepada guru ialah pencapaian murid yang kurang memuaskan/merosot kerana murid kurang memahami penyampaian pembelajaran dalam bahasa Inggeris. Akibatnya guru terpaksa mengulang pembelajaran beberapa kali yang akhirnya menyebabkan berlakunya kekangan masa dalam pembelajaran DLP.

Dalam hal ehwal berkaitan peperiksaan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru sekolah menengah yang melaksanakan DLP menghadapi kesukaran menyediakan keperluan murid untuk menghadapi PT3 kerana sumber rujukan yang terhad dan cabaran menyediakan murid supaya dapat menjawab peperiksaan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Walau bagaimanapun, guru akan menyediakan instrumen peperiksaan sendiri menggunakan soalan daripada buku rujukan tanpa merujuk kepada bantuan guru Bahasa Inggeris seperti yang dilakukan oleh guru sekolah rendah.

Dapatan 2C: Impak DLP kepada Murid Mengikuti DLP yang Mahir Berbahasa Inggeris dan yang Kurang Mahir Berbahasa Inggeris di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Murid yang Mahir Berbahasa Inggeris di Sekolah Rendah

Kajian ini mendapati bahawa murid sekolah rendah yang menguasai bahasa Inggeris dengan baik lebih selesa mengikuti pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris kerana mudah berkomunikasi dalam bahasa Inggeris; penggunaan bahasa Inggeris memudahkan mereka mendapatkan rujukan tambahan daripada internet; dan kerana guru berperwatakan ceria, menggunakan pendekatan pedagogi yang berasaskan aktiviti saintifik/eksperimen dan guru mampu menyampaikan pembelajaran dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, terdapat murid sekolah rendah yang mahir berbahasa Inggeris sukar memahami dan mengingati formula Matematik/ terma saintifik dalam konteks pembelajaran Matematik dan Sains; tidak faham penerangan dalam buku teks dan penerangan guru (seperti yang dinyatakan dalam impak DLP kepada guru); dan kurang berupaya menyelesaikan soalan KBAT. Mereka juga kurang selesa dengan keadaan di mana guru mengulang semula pembelajaran dalam bahasa Melayu untuk membantu rakan sekelas yang kurang menguasai bahasa Inggeris kerana situasi ini melengahkan pembelajaran mereka dan merugikan mereka dalam penggunaan masa. Mereka juga kurang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu kerana sukar menguasai tata bahasa Bahasa Melayu dan pembelajaran Bahasa Melayu dianggap terlalu formal.

Dapatan juga menunjukkan bahawa sungguhpun murid sekolah rendah yang mahir berbahasa Inggeris dapat memahami soalan peperiksaan dalam bahasa Inggeris tetapi mereka mempunyai masalah memberikan jawapan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya tanpa kesilapan tatabahasa. Mereka juga akan merujuk istilah dalam bahasa Melayu sekiranya terma dalam bahasa Inggeris tidak difahami dan kemudian menulis jawapan dalam bahasa Inggeris. Ini bermaksud bahawa terdapat aktiviti mental yang aktif dari segi pengkodan bahasa semasa mereka menjawab soalan peperiksaan. Selain daripada itu murid juga menghadapi kesukaran untuk mengingati formula Matematik dan kesukaran mengaplikasikan konsep pengiraan untuk menyelesaikan soalan subjektif.

Murid yang Mahir Berbahasa Inggeris di Sekolah Menengah

Impak daripada pembelajaran di kelas DLP kepada murid sekolah menengah yang mahir berbahasa Inggeris adalah penguasaan bahasa Inggeris mereka bertambah baik kerana didedahkan dengan kosa kata/ terma dalam Matematik/Sains dalam bahasa Inggeris dan peluang yang lebih terbuka untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan rakan-rakan. Pelaksanaan DLP memudahkan mereka belajar Matematik dan Sains kerana murid mengambil masa yang agak lama jika pembelajaran dilaksanakan menggunakan bahasa

Melayu. Bagi mereka tiada beza penguasaan bahasa Inggeris sebelum dan selepas mengikuti kelas DLP kerana mereka telah sedia ada mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris adalah bahasa pertuturan di rumah. Pelaksanaan DLP juga memudahkan mereka membuat rujukan tambahan melalui buku rujukan, surat khabar/majalah bahasa Inggeris, penerokaan ilmu melalui internet dan kelas tuisyen. Walau bagaimanapun, semasa perbincangan lisan atau aktiviti kumpulan murid tidak menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya tetapi bertutur menggunakan campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan bahawa motivasi murid sekolah menengah yang mahir berbahasa Inggeris dipengaruhi oleh sikap dan keadah guru mengajar. Mereka menyukai sikap guru yang ceria, sabar, tegas dan bersungguh-sungguh dalam memberikan penjelasan terhadap sesuatu topik serta memberikan perhatian/bimbingan khusus kepada murid yang tidak faham. Mereka mengkagumi kesabaran guru mengajar walaupun penguasaan bahasa Inggeris guru tidak fasih di mana guru akan terangkan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu berkali kali sehingga murid faham. Mereka juga menyukai kaedah guru mengajar menggunakan tayangan video dan melaksanakan eksperimen.

Walau bagaimanapun murid sekolah menengah yang mahir berbahasa Inggeris juga menghadapi cabaran semasa mengikuti kelas DLP yang berkaitan dengan faktor guru. Mereka sukar memahami pembelajaran Matematik kerana pengajaran guru terlalu pantas. Pembelajaran Sains pula didapati terlalu rumit kerana banyak istilah/perkara yang perlu diingati. Selain daripada itu, mereka juga menjadi pasif dalam kelas kerana guru tidak mahir memberikan penerangan dalam bahasa Inggeris dan tiada aktiviti eksperimen/ *hands-on*. Menurut penilaian murid yang mahir berbahasa Inggeris, pembelajaran Matematik lebih mudah daripada Sains kerana mereka tidak perlu mengingat banyak istilah.

Dapatan menunjukkan bahawa walaupun menguasai bahasa Inggeris dengan baik, murid sekolah menengah menghadapi kesukaran memahami dan menjawab soalan peperiksaan, sukar menghafal formula Matematik serta soalan KBAT yang mencabar. Mereka juga menghadapi kesukaran menjawab soalan menggunakan bahasa Inggeris kerana mereka turut berfikir dalam bahasa Melayu walaupun mahir berbahasa Inggeris. Murid juga mendapati bahawa pembelajaran Sains dalam kelas terlalu ringkas dan maklumat yang terkandung dalam buku teks tidak mencukupi untuk menjawab peperiksaan PT3 yang memerlukan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi.

Murid yang Kurang Mahir Berbahasa Inggeris di Sekolah Rendah

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP berjaya memberikan nilai tambah kepada murid sekolah rendah yang kurang mahir berbahasa Inggeris meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris walaupun masih tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya. Dalam kelas DLP mereka lebih banyak berinteraksi menggunakan bahasa Melayu dan berasa malu atau rendah diri kerana tidak dapat bertutur dengan baik dalam bahasa Inggeris. Mereka

sukar memahami pembelajaran di kelas DLP kerana tidak memahami pengajaran guru, tidak memahami penerangan dalam buku teks dan tidak dapat menyiapkan kerja rumah. Oleh yang demikian pembelajaran mereka adalah secara hafalan dan mereka sukar mengingati semula pembelajaran kerana tidak faham perkara yang dihafal. Murid sekolah rendah yang kurang mahir berbahasa Inggeris ini yang mempunyai kemudahan internet di rumah turut membuat rujukan melalui internet/ youtube, saluran televisyen/ Bijak Sains/ Tutor TV dan menggunakan *Google Translate* untuk menterjemahkan istilah bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Walau bagaimanapun terdapat juga dalam kalangan murid ini yang tidak mempunyai kemudahan pembelajaran tambahan di rumah yang boleh membantu mereka meningkatkan prestasi dalam kelas DLP.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP di sekolah rendah kepada murid yang kurang mahir berbahasa Inggeris telah merugikan murid yang kurang mahir berbahasa Inggeris kerana kemerosotan dalam empat mata pelajaran iaitu Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Disebabkan mereka kurang memahami bahasa Inggeris, maka terdapat halangan bahasa antara guru dan murid semasa DLP dilaksanakan yang menyebabkan mereka tidak dapat memahami perkara yang diajar. Pada masa yang sama mereka juga tidak dapat membina ayat bahasa Inggeris yang sempurna dan tidak dapat membina ayat bahasa Melayu yang sempurna. Situasi ini mengakibatkan hasrat asal memperkasakan bahasa Melayu dan mengukuhkan bahasa Inggeris terjejas sejak murid berada di bangku sekolah rendah.

Murid yang Kurang Mahir Berbahasa Inggeris di Sekolah Menengah

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa impak pelaksanaan DLP kepada murid yang kurang mahir berbahasa Inggeris adalah hampir sama dengan di sekolah rendah. Walaupun telah mengikuti DLP selama 3 tahun di sekolah menengah, murid masih tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan mengakibatkan mereka sukar mengikuti pembelajaran di kelas DLP. Mereka juga tidak boleh bertutur sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dan cenderung bertutur menggunakan bahasa 'rojak' (gabungan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris). Mereka pasif dalam sesi-soal jawab lisan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris dan kerana bimbang dipersendakan oleh rakan. Walau bagaimanapun mereka masih meneruskan DLP kerana adanya guru yang kompeten, dedikasi, penyabar dan memberikan penerangan dalam bahasa Melayu.

Pembelajaran di kelas DLP didapati sukar di mana pelaksanaan DLP telah memberikan risiko yang tinggi kepada prestasi PT3 dalam mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Murid sekolah menengah yang kurang mahir berbahasa Inggeris sukar memahami konsep Matematik dan Sains yang banyak mengandungi aras kognitif yang tinggi dan menyebabkan kaedah pembelajaran mereka adalah secara hafalan tanpa memahami isi kandungan pembelajaran yang sebenarnya.

Sama ada murid mempunyai pengetahuan atau tidak untuk menjawab soalan Matematik dan Sains, mereka tidak boleh membina ayat yang sempurna untuk menjawab peperiksaan Matematik dan Sains. Mereka juga sukar menghuraikan jawapan dalam bahasa Inggeris untuk menjawab soalan KBAT. Akibatnya, murid sekolah menengah yang kurang mahir berbahasa Inggeris akan mencampurkan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Melayu semasa menjawab soalan peperiksaan. Sama seperti di sekolah rendah, situasi ini menunjukkan penguasaan murid terhadap kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris terjejas kerana murid tidak dapat membuat ayat yang lengkap sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dalam satu ayat tetapi telah saling menggabungjalinkan kedua-dua bahasa menjadi bahasa yang tidak sempurna.

Dapatan 2D: Impak DLP kepada Ibu Bapa kepada Murid yang Mengikuti DLP

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan DLP di sekolah rendah tidak melibatkan kos tambahan kepada ibu bapa bagi membolehkan anak mereka belajar di kelas DLP. Kos tambahan hanya berlaku sekiranya ibu bapa menghantar anak mereka mengikuti aktiviti tambahan seperti kelas tambahan atau tuisyen dan membeli bahan rujukan. Terdapat kebimbangan ibu bapa mengenai prestasi anak mereka dalam Matematik dan Sains dan mereka tidak yakin dengan ketepatan maklumat yang terkandung dalam buku teks yang diterjemahkan daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.

Di sekolah menengah, kajian ini menunjukkan bahawa seperti mana ibu bapa di sekolah rendah pelaksanaan DLP juga tidak melibatkan kos tambahan kepada ibu bapa bagi membolehkan anak mereka belajar di kelas DLP. Kos tambahan berlaku sekiranya ibu bapa menghantar anak mereka mengikuti aktiviti tambahan seperti kelas tambahan atau tuisyen dan membeli bahan rujukan.

Bagi ibu bapa yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah, mereka mahukan anak mereka belajar di kelas DLP kerana penguasaan bahasa Inggeris anak mereka bertambah baik. Walau bagaimanapun bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang tidak menguasai bahasa Inggeris dengan baik, mereka berasa bimbang kerana berlaku kemerosotan pembelajaran kerana anak mereka, anak mereka tidak menguasai konsep Matematik/Sains atau, walaupun anak mereka memahami bahasa Inggeris tetapi mereka tidak boleh menulis dengan baik dalam bahasa Inggeris. Selain daripada itu, ibu bapa bimbang dengan kompetensi guru melaksanakan DLP kerana terdapat guru yang kurang mahir berbahasa Inggeris ataupun guru menggunakan bahasa bercampur-campur Inggeris-Melayu di kelas DLP dan guru terlalu bergantung kepada *courseware* yang mengakibatkan anak mereka menjawab soalan menggunakan bahasa bercampur Inggeris-Melayu. Ibu bapa juga bimbang dengan kemungkinan perubahan dasar pendidikan seperti mana yang pernah berlaku sebelum ini.

6. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada impak pelaksanaan DLP yang diperoleh daripada kajian ini dan bagi memastikan DLP terus mendokong hasrat memartabatkan bahasa Melayu dan mengukuhkan bahasa Inggeris seperti yang sewajarnya, kesinambungan pelaksanaan DLP perlu mempertimbangkan lima faktor berikut:

1. Sekolah hendaklah mempunyai sumber yang mencukupi dari segi infrastruktur, bahan bantu mengajar dan bekalan guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

2. Sekolah mempunyai guru yang kompeten dari segi pedagogi pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan guru hendaklah menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di kelas DLP.

3. Murid yang mengikuti DLP hendaklah dalam kalangan murid yang boleh menulis dan bertutur dengan baik dalam bahasa Inggeris dan berpotensi tinggi dalam pembelajaran Matematik dan Sains. Murid hendaklah mengikuti pembelajaran di kelas DLP dalam bahasa Inggeris sepenuhnya.

4. Murid yang mengikuti DLP boleh diberi pilihan untuk menjawab soalan peperiksaan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya atau menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya tetapi tidak boleh mencampur-adukkan kedua-dua bahasa tersebut.

5. Pelaksanaan DLP tidak bercanggah dengan peruntukan yang dinyatakan oleh Seksyen 17(1) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] iaitu bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana istitusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subsekyen ini.

7. PENUTUP

Kajian ini merupakan kajian awal untuk mendapatkan maklumat mengenai impak pelaksanaan DLP kohort 1 di sekolah rendah dan sekolah menengah terhadap pemegang taruh iaitu pentadbir sekolah, guru Matematik dan Sains yang melaksanakan DLP, murid yang mengikuti DLP dan ibu bapa kepada anak yang mengikuti DLP.

Impak kepada pentadbir sekolah meliputi perkara berkaitan sokongan ibu bapa, implikasi kewangan, enrolmen murid, perancangan DLP (pengurusan bilik darjah), kesediaan sumber dan permintaan/penawaran kelas DLP. Impak kepada guru yang melaksanakan DLP meliputi persediaan mengajar (rancangan mengajar, kesediaan sumber, implikasi kewangan dan

kerjasama antara guru), pelaksanaan PdP Matematik dan Sains dalam bilik darjah (penggunaan bahasa, motivasi guru), hal ehwal peperiksaan dan kelas tambahan. Impak kepada murid yang mengikuti kelas DLP pula meliputi perkara berkaitan dengan aktiviti pembelajaran, sokongan ibu bapa, peperiksaan dan kesinambungan DLP. Manakala impak pelaksanaan DLP kepada ibu bapa yang mempunyai anak di kelas DLP meliputi perkara berkaitan dengan implikasi kewangan, pemantauan pembelajaran anak dan kesinambungan DLP.

Berdasarkan kepada impak pelaksanaan DLP yang dibincangkan di atas, kita perlu mempertimbangkan kembali isu berkaitan penggunaan bahasa dalam pendidikan seperti yang pernah diungkapkan oleh mantan Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris iaitu Tuan O.T. Dusseck yang menyatakan bahawa ada tiga tenaga pendorong dalam hidup ini, iaitu agama, adat resam dan **bahasa**. Tegas beliau,

> *"…bahasa kamu, saya percaya, diucapkan oleh lebih 70 juta manusia. Ia merupakan satu daripada rumpun-rumpun bahasa terbesar dunia. Jangan lupakan hakikat itu. Pelihara bahasa kamu itu, berusahalah meninggikannya ke tarafnya yang layak di kalangan bahasa-bahasa dunia. Bila taraf bahasa kamu tinggi, akan tinggilah juga taraf bangsa kamu." (O.T. Dusseck - The Straits Times; 15 Ogos 1935).*

> Negarawan, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj juga pernah menegaskan bahawa

> *"bahasa kebangsaan sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka tidak seharusnya dikorbankan atas nama pembangunan kerana kemajuan yang hakiki meliputi keupayaan kita maju dalam bahasa dan landasan budaya kita sendiri."*

Oleh yang demikian, pelaksanaan DLP sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris perlu menjaga kedaulatan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tanpa meminggirkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa perantaraan utama di peringkat global.

KAJIAN KESAN PENGGUNAAN PERANTI DIGITAL TERHADAP KESIHATAN DAN PSIKOLOGI MURID

1. PENGENALAN

Perkembangan pesat Teknologi Komunikasi dan Maklumat (TMK) merupakan pemangkin dan pemboleh cara bagi mempertingkatkan keberkesanan dan keefisienan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada abad ke-21 ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013-2025) turut memberi perhatian kepada penggunaan TMK untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan keberhasilan murid untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

KPM telah membenarkan murid membawa peranti digital ke sekolah bagi tujuan pembelajaran kerana peranti digital merupakan alat utama dalam usaha KPM untuk memanfaatkan pembelajaran interaktif berasaskan TKM serta dalam penggunaan buku teks digital. Walaupun pengintergrasian TMK dalam pembelajaran dan penggunaan buku teks digital dapat mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan keberhasilan murid, terdapat kajian dan literatur yang menyatakan bahawa penggunaan peranti digital secara berterusan boleh memberi kesan kepada kesihatan fizikal, mental dan psikologi murid. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.13/2018 pada 19 September 2018 yang telah memutuskan supaya satu kajian dilaksanakan bagi melihat kesan penggunaan peranti digital terhadap kesihatan dan psikologi murid.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah unuk mengenal pasti kesan penggunaan peranti digital ke atas kesihatan mental, fizikal serta psikologi murid.

3. OBJEKTIF KAJIAN

i. Mengenal pasti kesan penggunaan peranti digital ke atas kesihatan mental murid.
ii. Mengenal pasti kesan penggunaan peranti digital ke atas kesihatan fizikal murid.
iii Mengenal pasti kesan penggunaan peranti digital ke atas psikologi murid.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah terbaik bagi memungut data daripada satu populasi melalui teknik persampelan (Barbie, 2001). Jenis tinjauan yang digunakan dalam kajian ini ialah cross-sectional survey, iaitu kaedah tinjauan yang dibuat dalam satu tempoh masa yang singkat. Kajian ini menggunakan gabungan dua pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif dalam proses mengumpul dan menganalisis data. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan melalui soal selidik manakala pendekatan kualitatif pula melibatkan pengumpulan data melalui temu bual. Sumber data utama diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada para responden yang terdiri daripada murid sekolah rendah (Tahun 3 dan 6) dan sekolah menengah (Tingkatan 1 dan 4). Pendekatan temu bual dijalankan bersama Guru Tingkatan dan ibu bapa yang digunakan sebagai pelengkap kepada dapatan kajian yang diperoleh daripada soal selidik.

5. POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada murid Tahun 3, Tahun 6, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4, serta guru kelas dan ibu bapa di seluruh negara. Seramai 5001 orang murid telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Sampel kajian ini merupakan murid yang pernah menggunakan peranti digital. Oleh itu, pensampelan ini dikenali sebagai pensampelan rawak dan bertujuan. Pemilihan sampel bagi temu bual pula adalah dua orang guru kelas dan dua orang ibu bapa bagi setiap sekolah yang terpilih.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Penyelidik menggunakan borang soal selidik dan protokol temu bual sebagai instrumen kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah dibina oleh ahli pasukan penyelidik yang dianggotai oleh pegawai optometri, pegawai perubatan, pensyarah universiti serta pegawai KPM yang berkepakaran dalam bidang yang dikaji. Soal selidik ini diadaptasi daripada beberapa soal selidik kajian lepas yang telah diubah suai daripada kajian luar negara berkaitan psikologi dan kesihatan murid.

7. PENGUMPULAN DATA

Pasukan penyelidik telah mentadbir sendiri soal selidik dan mengadakan sesi temu bual di beberapa buah sekolah mengikut zon. Selain daripada itu, pentadbiran soal selidik secara atas talian juga telah digunakan bagi memastikan kadar pulangan yang cepat dan tinggi memandangkan penyelidik perlu menyediakan laporan dalam tempoh masa yang singkat.

8. ANALISIS DATA

Data kuantitatif daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS versi 22.0. Analisis statistik telah digunakan iaitu statistik deskriptif bagi tujuan membuat inferens dan generalisasi bagi menyampaikan maklumat dan cadangan kepada pihak pemutus dasar bagi sesuatu tindakan. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi mendapatkan maklumat secara menyeluruh tentang profil responden kajian seperti lokasi sekolah dan kategori sekolah. Bagi menjawab persoalan kajian, statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

9. RUMUSAN KAJIAN

Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa walaupun terdapat kesan kepada kesihtan fizikal murid, peratusan murid yang melaporkan mengalami simptom-simpton fizikal akibat daripada penggunaan peranti digital secara berterusan selama 20 minit ke atas adalah rendah. Di samping itu, kesan penggunaan peranti digital terhadap kesihatan mental murid Tahun 3 berada pada tahap rendah, manakala bagi murid Tahun 6, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4, kesannya adalah pada tahap sederhana. Bagi kesan penggunaan peranti digital kepada kesihatan psikologi murid pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan penggunaan peranti digital terhadap psikologi murid sekolah rendah dan menengah adalah pada tahap sederhana. Namun begitu, KPM wajar mengambil langkah-langkah pencegahan agar semua murid melalui proses pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan selamat.

10. CADANGAN KAJIAN

Berikut adalah cadangan berdasarkan dapatan kajian.

i. Pembelajaran melibatkan penggunaan peranti digital, buku teks digital dan internet lebih sesuai dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah kerana dapatan kajian menunjukkan murid berada di peringkat umur yang lebih matang dan tahap emosi yang lebih stabil.

ii. KPM perlu memberi perhatian kepada ergonomik bilik darjah supaya murid melalui pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan selamat. Pihak pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan murid perlu diberi pendedahan kepada pengetahuan mengenai ergonomik yang sihat.

iii. Konsep 20-20-20 perlu dijadikan amalan dalam kalangan warga sekolah dan diambil kira dalam perancangan pembelajaran serta penyediaan modul.

i. Penggunaan peralatan seperti penyaring silau pada skrin atau cermin mata multifocal eyeglasses untuk menyaring cahaya biru daripada skrin peranti digital perlu dipertimbangkan.

iv. Garis panduan penggunaan peranti digital bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran

(PdP). Garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan pentadbir skolah, guru, murid dan ibu bapa yang menerangkan tatacara dan peraturan penggunaan peranti digital bagi tujuan PdP. Garis panduan ini juga perlu membincangkan elemen kesihatan fizikal, mental dan psikologi bagi memastikan murid menjalani proses pembelajaran dalam suasana kondusif dan sejahtera.

v. Peraturan penggunaan internet dan peranti digital perlu ditetapkan dengan memberi penekanan kepada isu privasi, keselamatan dan kesesuaian laman yang dilayari.

vi. Sesi taklimat kepada ibu bapa, murid, guru dan pentadbir sekolah perlu diadakan supaya semua pihak jelas tentang tatacara dan peraturan penggunaan peranti digital bagi tujuan PdP murid. Ini termasuk memberi pendedahan kepada ibu bapa, guru dan murid mengenai isu berkaitan dengan kesan kesihatan fizikal, mental dan psikologi akibat penggunaan peranti digital secara berterusan.

vii. Ibu bapa dan guru perlu diberi pendedahan mengenai kaedah untuk mengenal pasti dan menangani simptom kesihatan akibat penggunaan peranti digital secara berterusan. Pengetahuan dalam aspek kesihatan fizikal, mental dan psikologi akan membantu ibu bapa dan guru memantau murid dengan lebih berkesan dan mencegah kesan negatif penggunaan peranti digital.

viii. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan persepsi responden murid Tahun 3, Tahun 6, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Oleh itu, KPM perlu mempertimbangkan keperluan untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan kajian klinikal bagi mengkaji kesan penggunaan peranti digital terhadap kesihatan fizikal, mental dan psikologi murid secara klinikal mengikut tahap umur.

11. PENUTUP

Walaupun terdapat banyak kajian dan literatur yang membincangkan kesan negatif teknologi dan penggunaan peranti digital secara berterusan kepada kesihatan fizikal, mental dan psikologi kanak-kanak perbincangannya lebih tertumpu kepada kesan penggunaan peranti digital bagi tujuan hiburan, media sosial dan gaming. Pada masa yang sama, terdapat juga kajian dan literatur yang melaporkan kebaikan teknologi dan penggunaan peranti digital bagi perkembangan kanak-kanak. Kajian ini mengkaji kesan penggunaan peranti digital terhadap kesihatan fizikal, mental dan psikologi murid dalam senario pembelajaran, untuk tujuan pembelajaran dan bukan untuk hiburan atau bersosial.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, kesan penggunaan peranti digital kepada kesihatan mental, fizikal dan psikologi murid adalah pada tahap yang rendah dan sederhana. Murid sekolah menengah menunjukkan kesediaan yang lebih tinggi untuk menggunakan peranti digital bagi tujuan pembelajaran berbanding murid sekolah rendah. Temu bual bersama ibu bapa juga menunjukkan bahawa ibu bapa lebih cenderung untuk membenarkan anak-anak di sekolah menengah untuk memiliki peranti digital sendiri.

Namun begitu, terdapat keperluan untuk mengadakan garis panduan dan peraturan penggunaan peranti digital supaya kesihatan dan keselamatan murid lebih terjamin. Garis panduan dan peraturan tersebut perlu memberi penekanan terhadap kesihatan fizikal, mental dan psikologi murid. Di samping itu, murid, guru, ibu bapa dan pihak pentadbir sekolah serta penggubal dasar pendidikan perlu diberi pendedahan sewajarnya mengenai simptom-simptom kesihatan yang disebabkan oleh penggunaan peranti digital secara berterusan, serta cara-cara untuk mencegah dan menangani masalah yang mungkin timbul akibat penggunaan peranti digital. Ternyata bahawa dengan pantauan serta bimbingan ibu bapa dan guru, yang disertakan dengan penetapan set peraturan dapat mengoptimakan kebekesan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan.

KAJIAN PENGUKURAN TAHAP PERPADUAN 2018

1. PENGENALAN

Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan adalah salah satu aliran kerja di bawah Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah iaitu inisiatif no.6 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Keberhasilan yang dijangkakan daripada Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah ialah meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan murid dengan meningkatnya keupayaan murid dan guru menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa sama ada ketika di dalam darjah mahupun ketika di luar bilik darjah. Untuk tahun 2018, aktiviti utama yang telah dilaksanakan berkaitan Inisiatif Pengukuhan Perpaduan di Sekolah ialah Pembangunan Pelan Hala Tuju Perpaduan Pendidikan *Road Map* 5 tahun oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Pembangunan Modul Latihan Penerapan Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar yang memberi tumpuan kepada elemen perpaduan oleh Institut Aminuddin Baki, Kajian Penerapan Nilai Perpaduan dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru oleh Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM). Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan bagi menghasilkan Indeks Perpaduan 2018 oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), dan Pemeriksaan Sekolah 2018 oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK).

BPPDP diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan untuk menghasilkan indeks perpaduan setiap dua tahun sekali. Elemen perpaduan yang dirujuk atau dijadikan asas untuk setiap aktiviti oleh bahagian yang terlibat adalah elemen yang sama seperti yang terkandung dalam Model Perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah 2014, iaitu model yang dibangunkan oleh pasukan penyelidik yang diketuai oleh BPPDP. Model ini telah dibuktikan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan proses analisis menggunakan perisian statistik AMOS (*Analysis Moment Structure*). Model ini turut dirujuk oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dalam penyediaan Buku Penerangan Memperkukuh Perpaduan Melalui Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Kurikulum (2015) serta oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dalam penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Kaum di Sekolah (2015). Model Perpaduan dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah telah dimuatnaik di atas talian melalui Laporan Tahunan PPPM 2014 dan 2015.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid sekolah dalam bentuk indeks perpaduan. Dapatan kajian juga akan dijadikan asas untuk mengenal pasti *gap* (jurang) dalam meningkatkan perpaduan dan juga sebagai asas untuk mengemukakan cadangan bagi menambahbaik program serta tindakan yang berkaitan dengan perpaduan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Mengenal pasti tahap perpaduan guru sekolah rendah, guru sekolah menengah, murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.
ii. Mengenal pasti indeks keupayaan menerima, menghormati, dan mengurus perbezaan dalam kalangan guru sekolah rendah, guru sekolah menengah, murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.
iii. Mengenal pasti indeks bagi nilai sikap terbuka, toleransi, kerjasama, percaya, menghargai, prihatin, berhemah tinggi, adil, amanah dan rasional dalam kalangan guru sekolah rendah, guru sekolah menengah, murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.
iv. Mengenal pasti indeks keupayaan menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta tahap perpaduan guru sekolah rendah berdasarkan faktor demografi.
v. Mengenal pasti indeks keupayaan menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta tahap perpaduan guru sekolah menengah berdasarkan faktor demografi.
vi. Mengenal pasti indeks keupayaan menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta tahap perpaduan murid sekolah rendah berdasarkan faktor demografi.
vii. Mengenal pasti indeks keupayaan menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta tahap perpaduan murid sekolah menengah berdasarkan faktor demografi.
viii. Mengenal pasti amalan yang paling paling sukar dan paling mudah untuk dilakukan berdasarkan faktor demografi guru sekolah rendah, guru sekolah menengah, murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.
ix. Mengenal pasti amalan yang paling paling sukar dan paling mudah untuk dilakukan berdasarkan keupayaan menerima, menghormati, dan mengurus perbezaan.
x. Mengenal pasti amalan yang paling paling sukar dan paling mudah untuk dilakukan berdasarkan nilai sikap terbuka, toleransi, percaya, bekerjasama, menghargai, prihatin, berhemah tinggi, adil, amanah, dan rasional.

4. SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata iaitu berdasarkan negeri, daerah, lokasi serta jenis sekolah. Jumlah sampel sekolah adalah berdasarkan populasi sekolah di setiap negeri. Ini bermakna jumlah sekolah yang terlibat sebagai sampel akan lebih banyak di negeri yang bilangan sekolahnya lebih banyak. Di setiap daerah, sampel sekolah merangkumi semua jenis sekolah. Di setiap sekolah, seramai 15 orang guru dan 15 orang murid diambil sebagai responden kajian. Kriteria lain yang turut diperhatikan ialah tahap pendidikan murid, iaitu mereka yang telah hampir tamat mengikuti sistem pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah. Di sekolah rendah, pemilihan sampel diutamakan kepada murid Tahun 6 manakala di sekolah menengah, murid Tingkatan 5 diutamakan. Di sekolah yang terdiri daripada guru dan murid pelbagai kaum, pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata, iaitu semua kaum yang ada, dengan bilangan yang seimbang atau hampir seimbang dilibatkan. Di sekolah yang terhad dari segi kepelbagaian kaum atau hanya terdiri daripada satu kaum, maka sampel guru dan murid dipilih secara rawak. Jumlah responden yang terlibat ialah 5642 guru sekolah rendah, 5505 guru sekolah menengah, 5662 murid sekolah rendah dan 5525 murid sekolah menengah. Jumlah keseluruhan responden kajian ialah 22334 orang.

5. REKA BENTUK KAJIAN

Sebagaimana kajian tahun 2014, dan 2016, instrumen kajian 2018 masih menggunakan soal selidik telah dibangunkan menggunakan Model Pengukuran Rasch. Empat kategori soal selidik yang dibangunkan ialah Soal Selidik Guru Sekolah Rendah (untuk dilengkapkan oleh guru sekolah rendah), Soal Selidik Guru Sekolah Menengah (untuk dilengkapkan oleh guru sekolah menengah), Soal Selidik Murid Sekolah Rendah (untuk dilengkapkan oleh murid sekolah rendah) dan Soal Selidik Murid Sekolah Menengah (untuk dilengkapkan oleh murid sekolah menengah). Responden memberi respons terhadap item dalam soal selidik dengan membulatkan skor, sama ada 1 (Tidak sama sekali), 2 (Sekali sekala), 3 (Kerap kali), atau 4 (Sentiasa). Skor 1 hingga 4 digunakan setelah analisis menunjukkan skala Likert 4 aras adalah paling sesuai digunakan untuk mengukur tahap perpaduan berdasarkan konstruk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan serta untuk mengukur perpaduan berdasarkan nilai sikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, menghargai, hemah tinggi, prihatin, adil, amanah, dan rasional.

6. PENGUMPULAN DATA

Sebagaimana tahun 2016, pengumpulan data bagi kajian tahun 2018 melibatkan pegawai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah PPD). Sebelum pergerakan untuk mengutip

data, satu sesi taklimat yang melibatkan seluruh pegawai BPPDP, JPN dan PPD yang terlibat telah dibuat di BPPDP, KPM pada 28 Mac 2018.

Antara pengisian taklimat ialah pendedahan Prosedur Operasi Standard *(Standard Operation Procedure),* tatacara menjalankan kajian, dan penyerahan soal selidik untuk ditadbirkan di sekolah-sekolah yang terpilih. Soal selidik diserahkan kepada pegawai PPD yang merupakan pentadbir utama kajian. Bagaimanapun, di beberapa negeri/daerah yang terpilih, pegawai BPPDP dan JPN turun ke lapangan sebagai pemantau ketika pentadbiran soal selidik dibuat. Tujuan pemantauan juga adalah bagi memastikan pentadbiran kajian dibuat dengan mematuhi prosedur (SOP) yang telah ditetapkan. Surat pemakluman kajian ke sekolah diuruskan oleh pihak JPN dan PPD bagi memastikan semua pihak menyedari dan bersedia dengan kajian yang dilaksanakan. Selain itu, pihak JPN dan PPD membuat panggilan telefon ke sekolah yang terlibat dalam tempoh seminggu sebelum pentadbiran instrumen bagi memastikan kebersediaan pihak sekolah.

7. ANALISIS DATA

Data kajian dianalisis oleh pakar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penganalisis membuat analisis data dengan menghasilkan data logit menggunakan perisian Winsteps versi 3.80.1. dan analisis bagi menghasilkan indeks perpaduan menggunakan Microsoft Excel. Analisis Deskriptif dibuat bagi menentukan peratus responden berdasarkan profil latar belakang iaitu, berdasarkan pembolehubah negeri, lokasi, jenis sekolah (menengah dan rendah), jantina, kaum, bilangan kawan berlainan kaum, bahasa yang paling kerap digunakan dalam perbualan seharian, pendapatan isi rumah sebulan, jawatan yang dipegang (dalam barisan pentadbiran atau sebaliknya), penglibatan dalam RIMUP Kelompok, dan penglibatan dalam rintis Modul Penerapan Nilai Perpaduan dalam kalangan Pengetua/Guru Besar Sekolah.

Analisis untuk *Item and Person Measure* turut dibuat bagi mengenal pasti sejauh mana item (dalam skala interval) mampu meningkatkan kebolehan seseorang memahami konstruk kajian selain dapat mengenal pasti kekurangan dalam sesuatu skala (Green, 1996). Sampel kajian ini telah memberikan respon terhadap item dengan membulatkan angka (berdasarkan skala di dalam soal selidik) bagi menyatakan tahap kekerapan mereka melakukan atau dapat melakukan tindakan/amalan yang dinyatakan. Data yang diperolehi daripada soal selidik adalah berbentuk ordinal. Data Ordinal ini ditukar kepada data interval atau logit menggunakan formula logarithm melalui analisis *Rasch Rating Scale Model.* Data interval ini lebih tepat bagi menghasilkan indeks yang menentukan tahap perpaduan. Pengukuran menggunakan data interval adalah bersamaan dengan pengukuran menggunakan pembaris (nilai inci dapat melambangkan nilai skala interval), iaitu nilai pengiraan yang di kenali sebagai logit. Secara ringkas, logit *person measure* melambangkan logit kebolehan responden, yang mana dalam kajian ini, menunjukkan logit kebolehan perpaduan setiap responden. Manakala, logit min *person measure* melambangkan logit kebolehan perpaduan responden secara keseluruhan.

Logit *item measure* pula menerangkan tentang tahap persetujuan item. Ia menginterpretasikan skala yang digunakan dalam soal selidik kajian, atau dalam kajian ini sebagai tahap kekerapan item. Item yang sentiasa di lakukan, berada di bahagian bawah jadual *item measure* (logit negatif) dan item yang tidak sama sekali di lakukan, berada di bahagian atas jadual *item measure* (logit positif) (Bond & Fox, 2007).

8. DAPATAN KAJIAN

Tahap perpaduan dalam kalangan guru sekolah rendah, guru sekolah menengah, murid sekolah rendah, dan murid sekolah menengah adalah pada tahap sederhana tinggi (erat). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua konstruk berada pada tahap indeks sederhana rendah dan sederhana tinggi. Konstruk menghormati dan mengurus perpaduan berada pada tahap indeks sederhana tinggi, diikuti dengan konstruk menerima pada tahap indeks sederhana rendah. Ini bermakna keupayaan guru sekolah rendah untuk menghormati dan mengurus perbezaan adalah lebih tinggi berbanding keupayaan untuk menerima perbezaan. Bagaimanapun, bagi guru sekolah menengah pula, kontruk mengurus dan menghormati perpaduan berada pada tahap sederhana tinggi namun konstruk menerima berada pada tahap sederhana rendah. Ini bermakna guru sekolah menengah berupaya untuk mengurus dan menghormati dalam konteks perpaduan adalah lebih tinggi berbanding keupayaan untuk menerima perbezaan.

Sementara dapatan kajian bagi murid sekolah rendah dan menengah juga menunjukkan perbezaan di mana murid sekolah rendah mencatatkan indeks berbeza antara konstruk menerima perbezaan berada pada tahap sederhana rendah. Konstruk menghormati dan mengurus perbezaan berada pada tahap sederhana tinggi yang jelas memperlihatkan murid sekolah rendah untuk konstruk menghormati dan mengurus perbezaan adalah lebih tinggi. Walaubagaimanapun, murid sekolah menengah mencatatkan tahap sederhana tinggi bagi keupayaan menerima perbezaan. Analisis bagi data yang dikutip daripada 5642 guru sekolah rendah, 5505 guru sekolah menengah, 5662 murid sekolah rendah dan 5525 murid sekolah menengah bagi menjawab 10 persoalan kajian menunjukkan bahawa tahap perpaduan guru dan murid berada pada tahap sederhana tinggi dengan indeks antara 5.2 hingga 5.6. Indeks bagi konstruk utama pula adalah antara 4.8 hingga 6.0, manakala indeks bagi 10 nilai yang diperlukan untuk perpaduan (bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, berhemah tinggi, menghargai, prihatin, adil, amanah, dan rasional adalah antara 4.7 hingga 6.4. Indeks bagi perpaduan berdasarkan faktor demografi juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan indeks antara 5.0 hingga 7.0. Secara keseluruhan beberapa amalan didapati masih sukar dilakukan oleh semua kategori responden khususnya bagi keupayaan menerima perbezaan.

9. CADANGAN KAJIAN

Berikut adalah cadangan berdasarkan dapatan kajian ini:

i. Elemen dalam konstruk menerima perbezaan (bersifat terbuka, toleransi, bekerjasama dan percaya) perlu dimasukkan dalam konten kurikulum dan bersifat merentas kurikulum,
ii. Pelibatan murid dalam pelbagai aktiviti/program kokurikulum turut menerap dan menekankan 10 elemen perpaduan iaitu bersikap terbuka, toleransi, bekerjasama, percaya, adil, amanah, rasional, berhemah tinggi, menghargai dan prihatin.
iii. Pembangunan Modul Latihan Penerapan Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar yang memberi tumpuan kepada elemen perpaduan perlu dilaksanakan dengan lebih mantap.
iv. Elemen perpaduan diterapkan secara terus ke dalam modul latihan guru di Institusi Latihan Guru Awam ataupun swasta.
v. Modul nilai atau sivik yang menggalakkan perpaduan terus diperkasakan dalam semua aktiviti/program di sekolah.
vi. KPM menggunakan media sosial untuk mempromosi dan menyemai nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah secara lebih giat.
vii. Pihak sekolah melaksanakan program dengan komuniti setempat yang melibatkan percampuran dan interaksi pelbagai kaum.
viii. Program pengukuhan perpaduan perlu memberi penumpuan ke arah meningkatkan semula indeks perpaduan sama ada untuk murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

10. PENUTUP

Kajian ini merumuskan tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid masih belum mencapai sasaran yang dihasratkan dan benar-benar dapat memberi kesan terhadap khususnya keupayaan menerima perbezaan. Sehubungan dengan itu, usaha penambahbaikan aspek perpaduan perlu memberi fokus kepada mewujudkan peluang pertemuan yang lebih bermakna antara guru dan murid dalam pelbagai aktiviti, program dan medium.

KAJIAN JEJAKAN MURID SEKOLAH SUKAN MALAYSIA DAN SEKOLAH SENI MALAYSIA

1. PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan laluan terbaik menerusi sistem pendidikan yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan murid. Laluan pendidikan ini dilihat mampu menarik murid yang berpotensi dalam bidang tertentu dengan menyediakan ruang dan peluang secara formal untuk mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan serta kemahiran berhubung profesion pilihan masing-masing. Lantaran menyedari kepelbagaian minat dan kebolehan murid, KPM berusaha membantu membangunkan potensi mereka. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan ini, satu laluan yang ditawarkan pada peringkat persekolahan menengah adalah bidang sukan dan kesenian selain laluan sedia ada seperti akademik, teknikal, vokasional dan agama.

Sekolah program dalam bidang sukan dan seni (peringkat menengah) ini ditubuhkan dan dirancang untuk memupuk dan mengembangkan bakat muda negara serta menjamin penjanaan atlet pelapis dan penggiat seni. Di samping mengembangkan bakat sukan atau seni, murid juga menerima pendidikan asas dengan mengikuti kurikulum dan menduduki peperiksaan yang sama seperti rakan sebaya mereka di sekolah lain. Oleh itu, potensi murid secara menyeluruh sama ada dalam bidang akademik mahupun bidang sukan/seni dapat dibangunkan.

Sekolah Sukan Malaysia (SSM)

Sukan memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan imej negara bangsa. Pencapaian cemerlang atlet dalam arena sukan pada peringkat antarabangsa menjadi lambang kepada kecemerlangan negara. Oleh yang demikian, KPM telah memberi penekanan secara holistik terhadap peranan sukan di sekolah bagi memupuk integrasi nasional dan seterusnya melahirkan atlet murid bertaraf dunia. Hal ini juga selaras dengan Dasar Sukan Negara yang menekankan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, cergas, bersatu padu, berdisiplin dan produktif. Di samping itu, dasar ini juga berhasrat untuk melahirkan generasi sukan yang berwibawa dan mampu mengharumkan serta menaikkan imej negara pada peringkat antarabangsa.

Justeru itu, berdasarkan Rancangan Malaysia ke-5 (1991–1995) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) pada 30 Jun 2005, kini sebanyak lima buah SSM telah diwujudkan dengan memberi ruang dan peluang kepada murid di Malaysia untuk membangunkan potensi diri dalam bidang sukan seperti bola sepak, hoki, badminton, renang, gimnastik, memanah dan lain-lain.

Sekolah Seni Malaysia (SSeM)

Penubuhan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) merupakan salah satu usaha untuk membangunkan potensi individu secara seimbang dan bersepadu melalui pendidikan kesenian yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-Peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997, Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan 24 November 2006: Mesyuarat Hal-hal Profesional Kementerian Pelajaran Bil. 09/2006, SSeM ditubuhkan berfungsi sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kesenian dan kebudayaan bagi melahirkan ilmuwan yang berbudaya dan budayawan yang berilmu.

Hasilnya sehingga kini terdapat lima buah SSeM telah dibangunkan dengan bidang pengajian seperti Seni Muzik, Seni Visual, Seni Tari dan Seni Teater (menengah rendah) serta Muzik, Seni Halus, Reka Bentuk, Komunikasi Visual, Tari dan Teater (menengah atas).

Namun sehingga kini, penilaian terhadap sekolah program ini dalam mencungkil dan mengetengahkan bakat murid, melahirkan atlet dan budayawan berilmu masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Maka itu, kajian ini meninjau keberadaan murid lepasan SSM dan SSeM serta penilaian mereka terhadap aspek kurikulum, tenaga pengajar, jurulatih seni, prasarana, bimbingan dan kaunseling juga sikap ketika pemerolehan ilmu di sekolah berkenaan. Secara tidak langsung, tinjauan dan penggumpulan data ini dilihat mampu memberi gambaran tentang kebolehpasaran murid lepasan SSM dan SSeM.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah bagi menjejak destinasi murid lepasan SSM dan SSeM yang merangkumi aspek status terkini, peringkat pengajian, institusi pengajian dan bidang pengajian serta faktor pemilihan bidang bukan sukan atau seni. Di samping itu, kajian ini juga meninjau pelaksanaan aspek kurikulum, tenaga pengajar, jurulatih, infrastruktur serta bimbingan dan kaunseling di sekolah serta sikap murid terhadap pembelajaran akademik dan sukan/kesenian.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi pengumpulan data. Teknik pensampelan bagi kajian ini adalah persampelan bertujuan. Seramai 292 orang responden murid SSM dan 120 orang responden murid SSeM yang menduduki SPM pada tahun 2017 (SPM 2017) telah menjawab soal selidik secara dalam talian. Data kuantitatif daripada soal selidik diproses menggunakan program IBM SPSS *Statistics* Versi 23. Statistik deskriptif yang digunakan ialah peratus, min dan sisihan piawai. Temu bual turut dilaksanakan terhadap pentadbir, guru dan jurulatih untuk menyokong dapatan kajian kuantatif. Data temu bual dan respon terbuka dianalisis melalui pengelompokan tema berulang.

4. DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa:

4.1 Destinasi Murid Lepasan SSM dan SSeM Yang Menduduki SPM 2017

i. **Status Terkini**

a. Kebanyakan murid lepasan SSM (39.73%) sedang melanjutkan pelajaran selepas tamat persekolahan tingkatan lima. Diikuti murid yang sedang melanjutkan pelajaran dan masih menjadi atlet (27.74%), murid sedang bekerja sebagai atlet sepenuh masa (25.68%) dan murid sedang bekerja dan masih aktif sebagai atlet (1.03%). Separuh dari murid lepasan SSM (54.45%) ini masih memberikan fokus terhadap bidang sukan walaupun sedang melanjutkan pelajaran/ bekerja. Peratusan murid lepasan SSM yang tidak belajar dan tidak bekerja sangat kecil (kurang dari 1.00%).

b. Majoriti murid lepasan SSeM (93.33%) sedang melanjutkan pelajaran selepas tamat persekolahan dan diikuti sedang bekerja sepenuh masa (kurang 5.00%). Peratusan murid lepasan SSeM yang tidak meneruskan pembelajaran atau tidak bekerja juga sangat kecil (kurang 5.00%).

ii. **Peringkat Pengajian**

a. Lebih daripada separuh murid lepasan SSM (60.41%) sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat persediaan/prauniversiti/ STPM/matrikulasi selepas tamatnya persekolahan diikuti peringkat diploma (29.44%) serta peringkat ijazah pertama dan sijil kemahiran (kurang 15.00%).

b. Lebih daripada separuh murid lepasan SSeM (58.03%) sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma, diikuti peringkat

persediaan/prauniversiti/ matrikulasi/STPM (33.04%) dan peringkat program ijazah pertama (kurang 10.00%).

iii. **Institusi Pengajian**

a. Majoriti murid lepasan SSM melanjutkan pengajian di Pusat Asasi/ Kolej Matrikulasi/SSM (57.87%) diikuti UiTM (10.15%) dan Institut Pendidikan Guru (IPG), KPM (5.58%). Kurang dari 15.00% murid meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) seperti Taylor's University, Multimedia University dan Tunku Abdul Rahman (TAR) University College.

b. Kebanyakkan murid lepasan SSeM menyambung pengajian di UiTM (30.36%), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (11.61%) dan ASWARA (8.93%). Kurang daripada 10.00% murid meneruskan pengajian di IPTS seperti Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing, Management and Science University (MSU) dan DRB HICOM University of Automotive Malaysia.

iv. **Bidang Pengajian**

a. Sebanyak 20.30% murid lepasan SSM melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkait rapat dengan sukan seperti pendidikan jasmani, pengajian sukan, sukan dan rekreasi, pengurusan sukan dan sains sukan. Hampir separuh daripada murid lepasan SSM memilih bidang sastera diikuti bidang pengurusan dan kejuruteraan .

b. Hampir separuh murid lepasan SSeM melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkait rapat dengan seni seperti muzik, seni reka bentuk, seni lukis dan seni reka, seni halus, seni kreatif, seni teater, seni tari, animasi, pengurusan seni dan media dan komunikasi (45.51%). Selebihnya melanjutkan pengajian dalam bidang bukan seni seperti sastera, sains, kejuruteraan, seni bina, kejururawatan, pengurusan, pengurusan maklumat, pentadbiran perniagaan, perakaunan, kewangan dan perbankan, pendidikan Bahasa Inggeris, bimbingan dan kaunseling serta undang-undang (54.48%).

v. **Faktor Tertinggi Pemilihan Bidang Bukan Sukan Selepas Tamat Persekolahan**

a. Faktor tertinggi pemilihan bidang bukan sukan selepas tamat persekolahan disebabkan oleh faktor keluarga. Keyakinan keluarga terutama ibu bapa/penjaga untuk membenarkan anak mereka memilih bidang sukan adalah di tahap yang rendah diikuti faktor individu sendiri seperti kurang jaminan masa hadapan dan hilang minat terhadap sukan.

b. Faktor tertinggi pemilihan bidang bukan seni selepas tamat persekolahan disebabkan oleh faktor individu itu sendiri seperti kehendak individu untuk mencuba bidang yang lain dan hilang minat terhadap seni.

4.2 Penilaian Murid SSM dan SSeM Terhadap Aspek, Kurikulum, Tenaga Pengajar, Jurulatih, Prasarana, Bimbingan dan Kaunseling Serta Sikap Murid

Penilaian murid lepasan SSM dan SSeM terhadap aspek kurikulum, tenaga pengajar, jurulatih, prasarana, bimbingan dan kaunseling, dan sikap adalah pada tahap yang tinggi.

4.3 Isu dan Cabaran Pelaksanaan SSM dan SSeM

Antara isu dan cabaran yang diperolehi daripada responden kajian terhadap:

i. pelaksanaan SSM:
   a. perancangan dan pelaksanaan kurikulum (khususnya yang melibatkan pentaksiran dan peperiksaan) yang agak padat kerana murid perlu mengikuti pembelajaran akademik dan bidang sukan.
   b. fasiliti dan peralatan di sekolah dan asrama kurang mencukupi serta tidak lengkap kemudahan/kelengkapan gimnasium, astaka, dewan serbaguna, padang permainan/tempat latihan terutama untuk sukan hoki, bola sepak, memanah, skuasy dan angkat berat dan klinik sekolah.
   c. pengambilan murid tidak mematuhi sepenuhnya syarat yang ditetapkan terutamanya dalam akademik kerana terdapat murid yang diambil masuk adalah murid tidak boleh membaca.
   d. keperluan terhadap sumber manusia seperti ahli psikologi sukan, ahli fisiologi wanita, guru dan jurulatih yang berpengalaman serta mengikut opsyen.
   e. cabaran sikap murid yang kurang fokus terhadap pembelajaran akademik kerana lebih banyak menumpukan masa terhadap bidang sukan yang diceburi.

ii. pelaksanaan SSeM
   a. penyediaan empat jenis kerja kursus bagi mata pelajaran kesenian PT3 dalam tempoh masa yang sama memberi cabaran kepada murid.
   b. prasarana yang kurang lengkap dan mencukupi mengikut nisbah murid serta isu penyelenggaraan.
   c. kekurangan guru, guru bimbingan dan kaunseling serta jurulatih berpengalaman dan mengikut opsyen berdasarkan nisbah bilangan murid.

4.4 Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan SSM dan SSeM

Antaranya cadangan penambahbaikan yang diperolehi dari responden kajian terhadap:

i. pelaksanaan SSM:

   a. meneliti semula peruntukan masa/waktu untuk semua mata pelajaran, bilangan masa/waktu PdP dan latihan sukan serta penyertaan dalam kegiatan kokurikulum (khususnya sukan dan permainan) yang perlu diikuti oleh murid di SSM supaya murid lebih dapat menumpukan perhatian dalam bidang akademik dan sukan berdasarkan jadual persekolahan yang lebih fleksibel.
   b. menambah fasiliti dan peralatan sukan agar mencukupi mengikut nisbah bilangan dan keperluan murid, lengkap dan selari dengan spesifikasi yang ditetapkan oleh badan sukan kebangsaan/antarabangsa di samping penambahan dana kewangan penyelenggaraannya.
   c. penambahan bilangan sumber manusia berpandukan bilangan nisbah murid dan peningkatan profesional.

ii. pelaksanaan SSeM:

   a. meneliti semula pentaksiran PT3 dari aspek bilangan dan tempoh kerja kursus dapat dilengkapkan supaya tidak membebankan murid SSeM.
   b. menambah baik prasarana dan peralatan seni agar mencukupi mengikut bilangan dan keperluan murid serta lengkap mengikut piawaian peralatan/sumber industri seni, selain meningkatkan dana tambahan bagi penyelenggaraan.
   c. peningkatan bilangan guru, guru bimbingan dan kaunseling dan jurulatih yang berpengalaman, mengikut opsyen serta berdasarkan bilangan murid di samping seterusnya membangunkan tahap profesionalisme sumber manusia.

5. CADANGAN KAJIAN

Berikut merupakan cadangan bagi pelaksanaan SSM dan SSeM yang digarapkan berdasarkan dapatan penilaian, isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan responden kajian iaitu:

i. Cadangan Kajian Bagi SSM

   a. meneliti semula pelaksanaan pendidikan asas (contoh bilangan waktu PdPc dan penyertaan mereka di dalam kegiatan kokurikulum yang telah

diperuntukan) dan penjadualan peperiksaan awam yang lebih fleksibel.

b. menaik taraf prasarana dan peralatan sukan agar mencukupi serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan di samping penyediaan dana tambahan bagi penyelenggaraan.

ii. Cadangan Kajian Bagi SSeM

a. penetapan pelaksanaan kerja kursus bagi mata pelajaran kesenian PT3 khususnya dari aspek pemberatan, tempoh masa dan penjadualan pentaksiran tersebut dilaksanakan.

b. menambah baik prasarana dan peralatan seni beserta dana bagi penyelenggaraan.

iii. Cadangan Kajian Bagi SSM dan SSeM

a. menambah bilangan sumber manusia SSM dan SSeM berdasarkan nisbah bilangan murid dan mengikut opsyen serta seterusnya peningkatan tahap profesionalisme.

b. memastikan laluan pendidikan bagi murid lepasan SSM dan SSeM jelas menerusi peningkatan kesedaran awam, pengupayaan murid SSM/SSeM serta ibu bapa mereka dalam membuat pilihan hala tuju kerjaya secara bermaklumat menerusi peranan guru bimbingan dan kaunseling serta PIBG.

c. menambah jalinan/rangkaian kerjasama KPM dengan pelbagai pihak (sektor yang menyediakan perkhidmatan pendidikan dan pihak berkepentingan) untuk melonjakkan pencapaian murid, penyediaan peluang pelbagai keupayaan, bakat, dan minat murid serta pilihan laluan lepas menengah yang kekal menarik.

6. PENUTUP

Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa SSM telah berusaha melaksanakan peningkatan terhadap tahap pengetahuan, pengalaman dan kemahiran atlet murid dalam bidang sukan tanpa mengabaikan pencapaian akademik. Dalam masa yang sama juga SSM berusaha membangunkan potensi atlet murid ke peringkat negara dan antarabangsa. Begitu juga dengan SSeM yang turut berfungsi sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kesenian dan kebudayaan demi melahirkan ilmuan yang berbudaya dan budayawan yang berilmu.

Walau bagaimanapun, usaha dalam pelaksanaan SSM dan SSeM ini masih belum mencapai sepenuhnya hasrat pendidikan negara rentetan cabaran seperti perancangan dan pelaksanaan kurikulum yang kurang fleksibel, kekurangan fasiliti, peralatan dan kos pelenggaraan, keperluan terhadap sumber manusia; dan laluan pendidikan bagi murid lepasan SSM dan SSeM yang kurang jelas.

Justeru itu, berdasarkan kajian ini beberapa penambahbaikan telah dikemukakan seperti:

i. meneliti semula pelaksanaan kurikulum termasuk peperiksaan/pentaksiran yang lebih fleksibel;
ii. menaik taraf prasarana dan peralatan sukan/seni serta penyediaan dana tambahan bagi penyelenggaraan;
iii. menambah bilangan dan meningkatkan tahap profesionalisme sumber manusia SSM/SSeM;
iv. memastikan laluan pendidikan bagi murid lepasan SSM/SSeM yang jelas; dan
v. menambah jalinan/rangkaian kerjasama KPM dengan pelbagai pihak.

Cadangan kajian ini perlu dipertimbangkan agar isu dan cabaran dapat diatasi dan seterusnya menjadikan SSM dan SSeM relevan sebagai satu platform kecemerlangan yang melahirkan atlet murid dan budayawan berilmu serta bertaraf dunia.

KAJIAN PENILAIAN SEMULA KESESUAIAN JENIS DAN SYARAT KELAYAKAN PENERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN KHUSUS KPM

1. PENGENALAN

Sektor pendidikan adalah antara sektor yang menerima peruntukan yang tinggi daripada jumlah bajet negara. Pelaburan yang besar oleh kerajaan dalam pendidikan adalah bagi mencapai aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam meningkatkan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan keberkesanan sistem pendidikan seperti yang dijajarkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Salah satu perkara yang diberi penekanan untuk mencapai aspirasi tersebut ialah peruntukan bantuan persekolahan yang diagihkan kepada sekolah dan murid. Penyaluran peruntukan bantuan persekolahan kepada murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM adalah berdasarkan kadar dan syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) yang sedang berkuat kuasa. Terdapat dua kategori bantuan yang diberikan iaitu bantuan persekolahan umum (bantuan umum) yang diberikan kepada semua murid yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, manakala bantuan persekolahan khusus (bantuan khusus) diberikan kepada murid yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Bantuan umum diberikan kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berdasarkan enrolmen pada kadar yang sama untuk membantu sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bantuan khusus pula diberikan kepada murid yang layak menerima bantuan berdasarkan syarat yang ditetapkan. Bantuan ini diharap dapat menangani masalah keciciran murid akibat daripada kemiskinan dan ketidakupayaan serta memberi motivasi kepada murid untuk terus mengekalkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan bidang sukan yang diceburi.

Bantuan khusus KPM mensasarkan golongan berpendapatan rendah dan kurang upaya agar golongan ini tidak terpinggir dalam pendidikan. Bantuan ini merangkumi Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP), Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS), Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Biasiswa

Sukan (BS), Bantuan Makanan Asrama (BMA), Jaket Keselamatan Murid (JKM), Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK), Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM), Elaun Prauniversiti (EPU) dan Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli/Pribumi (KEDAP).

Bantuan khusus KPM boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu bantuan sensitif pendapatan dan bantuan yang tidak sensitif pendapatan. Bantuan sensitif pendapatan merujuk kepada bantuan yang diberikan kepada murid yang layak berasaskan ukuran Pendapatan Isi Rumah (PIR), PIR Per Kapita atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional. Bantuan khusus diberi sama ada dalam bentuk kewangan atau bentuk-bentuk lain seperti makanan, pakaian dan subsidi bagi menampung kos tertentu. Kumpulan sasaran yang menerima bantuan khusus juga berlainan mengikut jenis bantuan.

2. PERNYATAAN MASALAH

Salah satu daripada syarat utama dalam pemberian bantuan khusus ialah pendapatan ibu bapa atau penjaga murid. Pendapatan mereka dibandingkan dengan PGK nasional yang digunakan sebagai ukuran bagi kadar kemiskinan di Malaysia. Tidak dinafikan perubahan dalam ekonomi negara telah meningkatkan PIR penduduk Malaysia secara keseluruhan dan ramai yang tidak lagi tergolong dalam dalam kategori miskin dan miskin tegar. Namun, masih ada golongan yang walaupun mereka sudah terkeluar dari kategori miskin dan miskin tegar, tetapi masih mempunyai bebanan kewangan yang tinggi disebabkan oleh kos sara hidup yang meningkat. Keadaan ini memberi kesan kepada kelayakan murid untuk dipilih sebagai penerima bantuan lebih-lebih lagi apabila PGK digunakan sebagai syarat kelayakan. Terdapat hampir 2.78 juta penduduk Malaysia yang dikategorikan sebagai B40 pada tahun 2016 iaitu paras pendapatan mereka adalah di bawah RM4,360. Daripada jumlah isi rumah B40 di Malaysia pada tahun 2016, hanya 27,600 (1%) isi rumah berada dalam kategori miskin. Ini bermaksud masih ramai murid dalam kumpulan B40 yang tidak layak menerima bantuan khusus jika syarat kelayakan sedia ada dalam proses pemilihan penerima bantuan khusus (bantuan sensitif pendapatan) diambil kira. Perubahan dalam kos sara hidup yang semakin meningkat juga memberi kesan kepada tujuan penggunaan bantuan yang diterima. Sehingga kini, 13 jenis bantuan khusus KPM diberi untuk membantu murid dalam urusan persekolahan dan pembelajaran mereka. Walaupun penggunaan bantuan ini mungkin sudah tidak menepati tujuan asalnya, bantuan tersebut masih lagi diperlukan terutamanya ketika kos sara hidup yang semakin meningkat.

Selain daripada syarat kelayakan, proses pemilihan penerima bantuan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah (JBPS) juga perlu diberi perhatian. Maklumat pendapatan ibu bapa yang dikunci masuk dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) tidak dibuat verifikasi oleh pihak lain. Pihak sekolah hanya bergantung kepada pengesahan maklumat pendapatan yang dibuat oleh Ketua Kampung/ Ketua Komuniti/ Pegawai Kerajaan Gred A tanpa melalui proses verifikasi dari sumber yang boleh dipercayai.

Maklumat tersebut kemudiannya dijadikan sebagai asas pemberian bantuan khususnya bagi jenis-jenis bantuan yang sensitif pendapatan. Oleh kerana jumlah ibu bapa yang berdaftar dalam sistem e-Kasih terlalu kecil, sebahagian besar daripada jumlah penerima bantuan khusus dipilih oleh sekolah atau yang disenarai pendek oleh sistem berdasarkan maklumat ini. Selain daripada bantuan yang menetapkan syarat sensitif pendapatan, terdapat syarat yang tidak sensitif kepada pendapatan dan juga yang menetapkan jumlah pendapatan tertentu untuk melayakkan murid menerima bantuan. Bantuan ini tidak terkesan oleh peningkatan PIR dan PGK kerana syarat kelayakan penerima yang digunakan masih tidak berubah. Namun, syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam pemilihan penerima bantuan ini perlu juga diberi perhatian untuk memastikan syarat tersebut kekal relevan atau perlu diperbaharui. Begitu juga dengan isu maklumat pendapatan ibu bapa yang dikunci masuk dalam sistem APDM tanpa proses verifikasi oleh pihak ketiga.

Oleh itu, adalah perlu untuk disemak semula kesesuaian jenis bantuan khusus yang diberikan oleh KPM kepada murid pada masa sekarang serta syarat sedia ada yang diguna pakai dalam memilih penerima yang layak menerimanya supaya penambahbaikan kepada proses penilaian, pemilihan dan penyaluran bantuan khusus dapat dicadangkan.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai semula kesesuaian jenis bantuan persekolahan khusus KPM dan syarat kelayakan murid yang menerimanya untuk memastikan bantuan ini masih sesuai dan diberikan kepada murid yang benar-benar layak serta memerlukan. Di samping itu, kajian ini juga cuba memberi pencerahan kepada isu yang berkaitan dengan bantuan ini.

4. SOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

i. Apakah jenis bantuan khusus sedia ada yang sesuai disalurkan oleh KPM kepada murid?
ii. Apakah syarat kelayakan yang sesuai untuk murid menerima bantuan khusus KPM?
iii. Apakah isu dalam pengurusan bantuan khusus KPM?

5. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggabungkan kaedah tinjauan dan temu bual dalam pengumpulan data dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Maklumat berkaitan kesesuaian jenis dan syarat kelayakan penerima bantuan khusus diperoleh daripada soal selidik yang dijawab oleh Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) dan murid yang menerima bantuan khusus. Data kualitatif pula diperolehi menerusi temu bual bersama-sama GPK HEM dan ibu

bapa. Sampel sekolah bagi kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah rawak berstrata berdasarkan zon, lokasi dan jenis sekolah. Keseluruhannya, sebanyak 10 negeri dari 5 zon dan 69 buah sekolah terlibat bagi mewakili populasi dalam kajian ini. Sampel kajian ini terdiri daripada 69 GPK HEM, 391 murid dan 116 ibu bapa/ penjaga murid yang menerima bantuan mana-mana bantuan khusus.

Data sekunder yang berkaitan juga diperoleh melalui rekod simpanan data daripada pelbagai sumber yang meliputi Bahagian Kewangan (BKew), Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan Kementerian Kewangan (MOF).

6. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menjawab persoalan kajian berikut:

i. **Apakah jenis bantuan khusus yang sesuai disalurkan oleh KPM kepada murid?**

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bantuan-bantuan khusus sedia ada yang diberikan kepada murid adalah sesuai dan diperlukan. Semua bantuan ini merangkumi BKP, BS, EMK, EPU, BMA, RMT, PPM, KEDAP, PKSBP, BPS, JKM, KWAPM dan BAP. Dapatan daripada responden GPK HEM menunjukkan semua GPK HEM sekolah rendah (45 orang, 100%) menyatakan semua bantuan sedia ada pada peringkat sekolah rendah adalah sesuai diberikan kepada murid dan wajar diteruskan. Manakala, semua GPK HEM sekolah menengah (24 orang, 100%) juga menyatakan semua bantuan sedia ada pada peringkat sekolah menengah adalah sesuai diberikan kepada murid dan wajar diteruskan. Bagi bantuan yang diberikan kepada murid di kedua-dua tahap sekolah iaitu EMK, BPS, KWAPM dan BAP, semua GPK HEM (69 orang, 100%) menyatakan semua bantuan sedia ada pada kedua-dua peringkat sekolah adalah sesuai diberikan kepada murid dan wajar diteruskan.

Penilaian oleh murid juga menunjukkan kesesuaian jenis bantuan khusus yang diterima oleh mereka berada pada tahap tinggi. Mereka bersetuju bahawa bantuan yang diterima oleh mereka sangat diperlukan untuk persekolahan mereka.

Dapatan ini disokong oleh temu bual yang dibuat bersama-sama ibu bapa/ penjaga kepada murid yang menerima bantuan. Mereka berpendapat yang sama mengenai bantuan yang diterima oleh anak mereka, iaitu bantuan yang diterima adalah sesuai dan diperlukan untuk tujuan persekolahan anak mereka. Pengumpulan dapatan temu bual ini mengikut respons yang diberikan pada keseluruhannya adalah seperti berikut:

a. Kesesuaian bantuan

Hampir semua ibu bapa berpendapat bantuan yang diterima oleh anak mereka masih sesuai dan diperlukan untuk tujuan persekolahan. Bantuan yang diterima dapat

membantu meringankan beban kewangan mereka dalam membiayai keperluan persekolahan anak mereka. Terdapat juga cadangan daripada ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya untuk diberikan bantuan untuk terapi anak mereka supaya dapat meringankan beban kewangan yang mereka tanggung.

b. Kadar bantuan yang rendah

Jumlah bantuan yang diberikan mengikut kadar sedia ada adalah rendah bagi hampir semua ibu bapa. Jumlah bantuan yang diterima tidak mencukupi untuk membantu ibu bapa dalam urusan persekolahan anak mereka disebabkan oleh harga barang yang semakin tinggi. Cadangan ibu bapa supaya kadar bantuan yang diberikan dapat ditambah.

ii. **Apakah syarat kelayakan yang sesuai untuk murid menerima bantuan khusus KPM?**

Dapatan daripada GPK HEM tentang kesesuaian syarat kelayakan sedia ada yang diguna pakai dalam proses penilaian dan pemilihan penerima bantuan khusus menunjukkan hampir semua daripada mereka bersetuju syarat sedia ada yang ditetapkan adalah sesuai. Mereka juga mencadangkan beberapa syarat baharu yang wajar diambil kira dalam pengurusan bantuan tersebut.

Bagi bantuan BKP, 79% GPK HEM bersetuju dengan kesesuaian syarat sedia ada dan mereka mencadangkan had pendapatan bagi syarat kelayakan bantuan ini dinaikkan lebih daripada had sedia ada iaitu RM1,500. Bagi bantuan BS, 88% GPK HEM setuju syarat sedia ada adalah sesuai dan mencadangkan biasiswa ini diberikan kepada semua murid sekiranya mereka menepati syarat kelayakan. Secara keseluruhan, bantuan RMT, PKSBP, KWAPM dan BAP menerima cadangan oleh GPK HEM supaya syarat had pendapatan dinaikkan. 80% GPK HEM bersetuju syarat sedia ada bagi PKSBP adalah sesuai, manakala 75% bagi bantuan RMT, KWAPM dan BAP. Bagi bantuan BPS, 79% GPK HEM setuju syarat sedia ada adalah sesuai dan mencadangkan syarat sedia ada dilonggarkan. Semua GPK HEM (100%) bersetuju dengan kesesuaian syarat sedia ada bagi bantuan EMK, EPU, BMA, PPM, KEDAP dan JKM. Bagi semua bantuan ini, mereka mencadangkan supaya kadar bantuan sedia ada dinaikkan. Bagi KEDAP, cadangan adalah supaya pusingan untuk pemilihan sekolah dibuat lebih kerap, manakala bagi bantuan JKM dicadangkan supaya bilangan jaket diperbanyakkan.

Bagi bantuan yang sensitif pendapatan, kebanyakan mereka mencadangkan supaya syarat pendapatan yang ditetapkan sekarang dinaikkan supaya lebih ramai murid layak untuk dipertimbangkan dalam permohonan. Had pendapatan ini termasuklah PGK, PIR, PIR per kapita dan syarat pendapatan lain untuk bantuan seperti BKP yang menetapkan RM1,500 sebagai syarat dan RM3,000 untuk BAP. Selain daripada syarat, mereka juga berharap kadar

bantuan dapat ditambah. Analisis ke atas data murid menunjukkan tahap persetujuan mereka terhadap kesesuaian syarat sedia ada bagi bantuan khusus adalah pada tahap sederhana.

iii. **Apakah isu dalam pengurusan bantuan khusus KPM?**

Dapatan kajian bagi menjawab persoalan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

a. Tahap pematuhan sekolah kepada syarat kelayakan mengikut jenis bantuan dalam pengurusan bantuan di sekolah.
b. Masalah yang dihadapai oleh sekolah dan ibu bapa
c. Data penerima bantuan khusus

Pematuhan dalam pengurusan bantuan

Maklumat daripada GPK HEM mendapati secara keseluruhannya, pihak sekolah patuh kepada syarat kelayakan dan proses pengurusan bantuan khusus yang ditetapkan oleh KPM. Proses ini merangkumi permohonan, penilaian dan pemilihan murid yang layak terima bantuan. Pihak sekolah juga patuh kepada arahan penubuhan JBPS sebagai satu badan yang membuat pemilihan di peringkat sekolah dengan telus. Terdapat juga sekolah yang membentuk beberapa jawatankuasa bantuan mengikut jenis bantuan. Walaupun pada dasarnya pihak sekolah dan ibu bapa patuh kepada syarat yang ditetapkan, terdapat isu yang dihadapi dalam pengurusan bantuan khusus di peringkat sekolah.
Analisis lanjut dibuat ke atas maklumat yang diberikan oleh GPK HEM dalam soal selidik mereka berkaitan isu yang terdapat dalam pengurusan bantuan khusus di sekolah mereka. Antara isu yang diutarakan oleh pihak sekolah yang dikelaskan mengikut jenis bantuan adalah seperti berikut:

a. KWAPM, BAP dan PKSBP - kesahihan pendapatan ibu bapa
b. BKP - pemilihan murid yang perlu dibuat mengikut markah pencapaian setiap tahun.
c. BS - murid lewat mengembalikan borang kepada sekolah kerana murid tinggal di asrama.
d. EMK - murid lewat terima kad OKU.
e. EPU, RMT dan BPS - ramai murid yang wajar terima bantuan-bantuan ini tetapi tidak layak berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh KPM.
f. BMA – menu yang tidak sesuai.
g. PPM - perkhidmatan bas yang kurang.
h. KEDAP - pembahagian kelas yang tidak seragam.
i. JKM - bilangan jaket yang tidak mencukupi pada hari-hari tertentu seperti hari sukan

Masalah yang dihadapai oleh sekolah dan ibu bapa

Dapatan daripada temubual bersama-sama GPK HEM dikelaskan kepada dua isu yang paling kerap berlaku di kebanyakan sekolah iaitu berkaitan pengesahan pendapatan dan syarat kelayakan.

a. Pengesahan pendapatan

Sekolah menghadapi masalah dalam proses penilaian dan pemilihan penerima bantuan khusus kerana maklumat ibu bapa yang tidak lengkap yang disebabkan oleh tiada pengesahan ke atas pendapatan mereka. Walaupun pihak sekolah pasti seseorang murid layak untuk diberi bantuan, mereka tidak boleh meluluskan permohonan murid tersebut sekiranya dokumen yang disertakan tidak lengkap. Bagi ibu bapa yang mempunyai penyata gaji yang layak dipertimbangkan, agak mudah untuk mereka mendapat pengesahan. Namun, bagi ibu bapa yang bekerja sendiri seperti nelayan, adalah sangat sukar bagi mereka untuk menentukan jumlah pendapatan mereka dalam sebulan kerana pendapatan yang tidak menentu serta sukar untuk mendapat pengesahan daripada pihak yang diberi kuasa. Selain daripada itu, terdapat juga keraguan pihak sekolah ke atas sesetengah pendapatan yang telah disahkan.

b. Syarat kelayakan

Syarat kelayakan yang ditetapkan dalam SPK juga memberi masalah kepada pihak sekolah dalam membuat penilaian dan pemilihan penerima bantuan khusus. Had jumlah pendapatan dan pendapatan per kapita yang ditetapkan sebagai syarat sedia ada terlalu rendah dan ini menyukarkan pihak sekolah untuk melayakkan murid walaupun mereka lebih mengenali dan memahami keperluan murid tersebut. Selain daripada itu, syarat kewarganegaraan murid yang tidak melayakkan ramai murid yang memerlukan bantuan tetapi terdiri daripada murid bukan warganegara terutamanya di negeri Sabah.

Temubual bersama-sama ibu bapa secara umumnya memberitahu isu yang agak sama dalam kalangan mereka untuk memohon bantuan khusus. Pengumpulan dapatan temu bual ini mengikut isu yang diutarakan pada keseluruhannya adalah seperti berikut:

a. Pengesahan pendapatan

Pengesahan pendapatan ibu bapa yang perlu dibuat dalam proses permohonan bantuan khusus memberi masalah kepada mereka. Adalah sukar untuk ibu bapa terutama yang tidak mempunyai penyata gaji untuk mendapatkan pengesahan ini lebih-lebih lagi apabila mereka dikehendaki mengemukakannya setiap tahun.

b. Dokumen sokongan

Walaupun bilangan borang yang perlu diisi oleh ibu bapa sudah berkurang, salinan dokumen yang perlu mereka sertakan masih banyak. Bagi ibu bapa yang tinggal di luar bandar yang jauh dari tempat untuk membuat salinan, ini memberi masalah kepada mereka untuk melengkapkan borang permohonan lebih-lebih lagi dalam masa yang singkat diberikan oleh sekolah.

c. Kelewatan penerimaan bantuan

Ibu bapa juga menyatakan sesetengah bantuan patut diberikan pada awal tahun seperti BAP supaya dapat membantu mereka dalam membuat persiapan sebelum sesi persekolahan bermula.

Pandangan murid berkaitan pengurusan bantuan di sekolah mereka secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Kebanyakan murid bersetuju ibu bapa mereka telah mengisi maklumat dalam borang permohonan bantuan dengan jujur dan guru mereka memilih murid yang layak terima bantuan dengan tepat. Walau bagaimanapun, mereka juga berpendapat proses permohonan bantuan khusus wajar dipermudahkan lagi.

Data penerima bantuan

Memandangkan data penerima bantuan khusus KPM sering dikatakan kurang tepat dari aspek pendapatan yang diisytiharkan oleh ibu bapa, perbandingan dibuat di antara data penerima bantuan dalam sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) oleh KPM dan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diterima daripada MOF. BSH merupakan pemberian bantuan secara lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah yang diberikan oleh kerajaan kepada golongan B40. BSH diberi dengan kadar RM1,000 bagi isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, RM750 bagi isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 dan RM500 bagi isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000. Selain daripada itu, kadar tambahan BSH sebanyak RM120 diberi untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah dan terhad kepada empat anak, kecuali anak kurang upaya yang tidak dihadkan umur mereka.

Perbandingan data APB dan BSH 2018 bagi 6 negeri iaitu Selangor, Johor, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak menunjukkan daripada jumlah semua data penerima bantuan dalam APB (623,792), hanya 160,139 (25.7%) data yang terdapat dan padan dengan data BSH. Manakala, seramai 463,653 (74.3%) penerima bantuan dalam APB tidak mempunyai data dalam BSH. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh ibu bapa yang menerima bantuan khusus KPM tidak pernah memohon BSH dan tidak mempunyai sebarang data dengan MOF.

Seterusnya, daripada jumlah data yang terdapat dalam kedua-dua APB dan BSH (160,139), hanya 33,308 (20.8%) menyatakan pendapatan yang sama dalam APB dan BSH. Seramai 45,355 (28.3%) menyatakan pendapatan yang lebih tinggi dalam APB daripada yang dinyatakan dalam BSH. Manakala, terdapat 81,476 orang (50.9%) menyatakan jumlah pendapatan yang lebih rendah dalam APB dibandingkan dengan BSH. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan dalam data pendapatan ibu bapa murid yang menerima bantuan khusus KPM dengan data mereka daripada MOF. Sekiranya KPM mengambil kira data BSH dalam menentukan penerima bantuan khusus, lebih ramai murid yang tidak layak menerima bantuan di bawah KPM. Namun, adalah tidak adil jika hanya data BSH digunakan sebagai penentu kelayakan murid untuk menerima bantuan khusus lebihlebih lagi jika ibu bapa mereka tidak pernah memohon BSH dan tidak mempunyai apa-apa maklumat dalam data MOF.

7. CADANGAN KAJIAN

Cadangan kajian dibuat berdasarkan dapatan yang telah dianalisis dan dibahagikan kepada tiga kategori berkaitan bantuan khusus iaitu pihak yang terlibat, pengurusan dan peruntukan.

i. Pihak yang terlibat

Pihak yang terlibat dalam bantuan khusus KPM ialah Bahagian KPM, JPN, PPD, sekolah, murid dan ibu bapa. Bantuan disalurkan daripada KPM kepada murid melalui JPN, PPD dan sekolah berdasarkan permohonan yang telah diluluskan. Kelulusan permohonan adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh ibu bapa. Pihak sekolah bergantung kepada kesahihan maklumat ini. Ketidaktepatan dalam maklumat ini mungkin disebabkan oleh ibu bapa yang terlalu mengharap supaya anak mereka mendapat bantuan untuk membantu meringankan beban kewangan dalam urusan persekolahan anak mereka. Walaupun mengetahui perkara ini berlaku, pihak sekolah menerima semua permohonan yang lengkap disertakan dengan pengesahan pendapatan oleh mereka yang diberi kuasa. Seterusnya, kelulusan diberi kepada murid yang berjaya melengkapkan permohonan dan menepati syarat kelayakan. Sebaliknya, ibu bapa yang malu atau tidak jelas dengan cara yang terbaik untuk melengkapkan permohonan mereka, anak mereka tidak dapat dipertimbangkan walaupun keadaan sosio ekonomi mereka melayakkan mereka untuk menerima bantuan.

Adalah dicadangkan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bantuan khusus KPM diberi penjelasan berkaitan peranan mereka supaya pengurusan bantuan ini dapat dijalankan dengan penuh integriti. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah program dijalankan oleh sekolah atau PPD untuk menerangkan kepada ibu bapa terutamanya dari kumpulan B40 berkaitan permohonan bantuan khusus dan bagaimana maklumat yang tepat daripada ibu bapa sangat penting dalam pengurusan bantuan ini. Fokus juga wajar diberikan kepada ibu bapa yang miskin tetapi tidak mampu untuk membuat permohonan

yang lengkap. Pihak yang diberi kuasa untuk mengesahkan pendapatan juga perlu dilibatkan dan diberi penekanan tentang penyalahgunaan kuasa mereka boleh mengakibatkan bukan sahaja diri mereka tetapi juga pihak sekolah dan seterusnya ketidakadilan kepada murid.

Pihak KPM, khususnya bahagian-bahagian yang bertanggungjawab mengendalikan bantuan khusus, juga dicadangkan bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang terlibat terutamanya MOF, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan data eKasih dan Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) yang menguruskan Data Murid Orang Asli (DMOA). Melalui kerjasama ini penyelarasan dapat dibuat dalam menentukan ketepatan data dan kelayakan penerima bantuan khusus.

ii. Pengurusan

Oleh kerana kebanyakan proses pengurusan bantuan khusus berlaku di sekolah, proses ini boleh ditambah baik dengan mempermudahkan kaedah verifikasi maklumat murid dan ibu bapa yang dibuat di peringkat sekolah. Sekolah yang mempunyai ramai murid dari kumpulan B40 menerima banyak permohonan setiap tahun dan tugas ini berganda apabila murid dikehendaki mengisi borang yang berlainan untuk bantuan yang berlainan. Walaupun telah terdapat bantuan-bantuan yang disatukan borang permohonannya, masih terdapat bantuan yang memerlukan permohonannya dibuat berasingan. Adalah dicadangkan supaya semua jenis bantuan menggunakan satu borang sahaja dan dikunci masuk ke dalam satu aplikasi data yang boleh diakses oleh semua pihak yang terlibat.

Cadangan seterusnya ialah menyelaras semua data ibu bapa dengan data yang lebih sahih. Seperti yang dicadangkan supaya KPM bekerjasama dengan agensi kerajaan lain, penyelarasan data dapat dibuat sekiranya maklumat yang lebih tepat dapat diperoleh daripada sumber yang lain selain daripada apa yang terdapat di bawah KPM sahaja.

Adalah juga dicadangkan supaya jawatankuasa yang mengurus bantuan khusus di peringkat sekolah iaitu JBPS diberi autonomi untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan yang diragui walaupun permohonan tersebut lengkap dan layak dipertimbangkan. Berdasarkan pengetahuan sekolah berkaitan ibu bapa dan murid mereka, autonomi ini diharap dapat megurangkan penerima bantuan yang tidak layak dan bilangan permohonan yang perlu diproses serta bantuan dapat diberikan kepada murid yang benar-benar layak sahaja. JBPS yang menguruskan bantuan khusus di sekolah tidak sewajarnya dibebankan dengan bilangan mesyuarat yang mesti diadakan untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh KPM. Oleh itu, dicadangkan pihak sekolah menentukan sendiri bilangan mesyuarat mengikut keperluan.
Pengurusan bantuan khusus di peringkat KPM dilaksanakan oleh bahagian yang berlainan mengikut jenis bantuan yang berkaitan dengan bahagian tersebut seperti RMT dan KEDAP oleh BPSH; PKSBP oleh BPSBP; KWAPM, BKP, BAP, BMA, EPU dan JKM oleh BKew.; EMK oleh BPKhas; dan BS oleh BSKK. Oleh itu, bahagian-bahagian tersebut lebih arif akan proses, data

dan isu yang berlaku berkaitan bantuan di bawah pengurusan mereka. Adalah dicadangkan supaya kaedah pengurusan bantuan dan syarat kelayakan baharu dikaji semula oleh KPM, khususnya oleh bahagian-bahagian yang bertanggungjawab ke atas penyaluran dan operasi bantuan tersebut. Cadangan syarat baharu hendaklah mengambil kira data pendapatan sebenar, bilangan tanggungan dan kos sara hidup semasa dan bukan hanya menggunakan purata PIR atau PGK yang ditetapkan di peringkat nasional.

Seterusnya, dicadangkan juga supaya semua urusan yang berulang dikurangkan atau dimansuhkan. Sebagai contoh, peranan PPD dan JPN yang memperakukan permohonan yang telah diluluskan oleh sekolah boleh dimansuhkan. Perakuan ini boleh dibuat terus oleh KPM di mana ini dapat mengurangkan proses dan masa yang diperlukan untuk perakuan dan seterusnya penyaluran bantuan kepada murid. PPD dan JPN boleh dilibatkan dalam proses pemantauan ke atas penggunaan bantuan ini dan keberkesanannya kepada murid. Untuk tujuan pemantauan, adalah perlu supaya KPM, melalui bahagian yang bertangggungjawab mengendalikan bantuan tersebut, mewujudkan satu sistem yang dapat memantau dan menganalisis keberkesanan bantuan yang diterima oleh murid secara keseluruhan. Ini mungkin dapat memberi kesedaran kepada murid dan ibu bapa tentang bantuan yang mereka terima dan hasil yang diharapkan daripada mereka serta memberi motivasi kepada mereka untuk terus cemerlang supaya dapat kekal sebagai penerima bantuan.

Penguatkuasaan yang lebih tegas patut dibuat ke atas semua pihak terutamanya mereka yang diberi kuasa untuk mengesahkan pendapatan seperti Ketua Kampung/ Ketua Komuniti/ Pegawai Kerajaan Gred A supaya mereka menjalankan tugas mereka dengan penuh integriti dan tidak timbul keraguan atas pengesahan pendapatan yang telah dibuat.

iii. Peruntukan

Berdasarkan dapatan kajian, semua jenis bantuan didapati sesuai untuk diteruskan pemberiannya kepada murid. Namun, jumlah bantuan yang diberikan didapati tidak mencukupi walaupun dapat meringankan beban kewangan ibu bapa. Tidak dinafikan jumlah ini adalah rendah dan tidak mencukupi terutama dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat. Tujuan kerajaan memberi bantuan ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dan bukan untuk menyelesaikan semua beban kewangan yang mereka tanggung. Adalah dicadangkan supaya kadar bantuan ini dikaji semula oleh KPM. Oleh kerana pengurusan bantuan ini dilaksanakan oleh bahagian yang berlainan di peringkat KPM seperti yang dinyatakan sebelum ini, bahagian-bahagian tersebut juga hendaklah mencadangkan kadar baharu untuk diangkat kepada pengurusan tertinggi KPM untuk kelulusan.

Mengetahui yang kadar sedia ada bagi bantuan khusus adalah rendah, kenaikan dalam kadar baharu bagi semua jenis bantuan mungkin tidak dapat dielakkan. Justeru, pihak yang membuat penilaian semula ke atas kadar bantuan ini hendaklah memberi keutamaan

kepada jenis bantuan mengikut keperluan oleh murid dan implikasi kewangan yang berlaku ke atas KPM. Mengetahui yang sumber peruntukan atau dana (contoh bagi KWAPM yang menggunakan Kumpulan Wang Amanah) adalah terhad, cadangan kenaikan dalam kadar bantuan seperti ini patut mengambil kira sumber dana yang ada.

Oleh kerana sumber yang terhad dalam peruntukan bantuan khusus, pemilihan murid untuk menerima sesuatu bantuan hendaklah dibuat mengikut keutamaan. Sebagai contoh, seorang murid yang layak untuk terima KWAPM, PKSBP dan BKP tidak boleh diberikan semua bantuan ini kerana semua bantuan ini adalah berbentuk kewangan. Sekolah perlu memberi keutamaan kepada bantuan yang paling sesuai dengan murid tersebut supaya bantuan lain dapat diberikan kepada murid lain yang mungkin layak untuk terima satu bantuan sahaja seperti KWAPM dan tidak layak untuk terima BKP kerana tidak cemerlang dalam pencapaian akademik.

8. PENUTUP

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab semua persoalan kajian yang dikemukakan. Adalah diharapkan dapatan dan cadangan daripada kajian ini dapat membantu semua pihak yang terlibat terutamanya pihak kementerian dalam usaha menambah baik pengurusan bantuan persekolahan khusus KPM dan seterusnya meningkatkan keberhasilan murid serta memaksimakan pulangan daripada perbelanjaan dalam pendidikan negara.

KAJIAN PELAKSANAAN SEMULA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS

1. PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) untuk membolehkan murid mengakses maklumat melalui pelbagai media, supaya mereka mampu menguasai ilmu Sains dan Matematik. Dasar PPSMI telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2003 yang melibatkan murid tahun satu, tingkatan satu dan pelajar tingkatan enam rendah.

Walau bagaimanapun, beberapa kajian dan pemantauan dilaksanakan menunjukkan terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan Dasar PPSMI. Dasar ini memberi impak yang besar kepada kumpulan murid yang berpencapaian rendah dan sederhana, terutamanya murid daripada keluarga yang berstatus sosio-ekonomi rendah.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan bahawa pelaksanaan Dasar PPSMI dimansuhkan secara berperingkat-peringkat (*soft landing*) mulai tahun 2012 bagi tahun satu dan tahun empat di sekolah rendah dan tingkatan satu dan tingkatan empat di sekolah menengah. Dasar ini digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar MBMMBI bermatlamat melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dengan fasih dan yakin. Dalam tempoh peralihan ini, sekolah boleh menggunakan bahasa Inggeris dan/atau bahasa pengantar sekolah masing-masing dalam PdP mata pelajaran bidang Sains dan Matematik untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan.

Di bawah Dasar MBMMBI, *Dual Language Programme* (DLP) dan *Highly Immersive Programme* (HIP) telah diperkenalkan dalam tahun 2017. Berbeza dengan PPSMI, DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam PdP mata pelajaran Sains dan Matematik yang ditetapkan oleh KPM. Manakala aktiviti HIP pula dilaksanakan bertujuan mendedahkan murid kepada penggunaan bahasa Inggeris yang lebih meluas dengan mewujudkan persekitaran *highly immersive* bahasa Inggeris di sekolah.

Walau bagaimanapun, berdasarkan perutusan khas oleh YAB Perdana Menteri, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 6 Mac 2019 telah memutuskan agar KPM melaksanakan kajian mengenai pelaksanaan semula PPSMI. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 12 Jun 2019 memutuskan supaya Dasar PPSMI dilaksanakan semula mulai tahun 2020 bermula dengan tahun satu di semua sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Oleh itu, mesyuarat memutuskan KPM wajar menjalankan kajian berhubung cadangan pelaksanaan semula PPSMI.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina. Persampelan hanya dibuat bagi kajian Laporan Kajian Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (BPPDP, 2019). Bagi proses analisis data sekunder, sumber kajian ini terdiri daripada dokumen yang dikumpulkan daripada bahagian KPM seperti BPPDP, ELTC, BSTP, BPPD, LP dan MPM.

4. DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya kajian ini menganalisis dokumen yang diterima daripada bahagian KPM iaitu (i) Laporan Pencapaian Murid dalam Peperiksaan Awam untuk mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris semasa dan selepas pelaksanaan PPSMI (LP, MPM), (ii) Laporan Perbandingan Kedudukan Malaysia dalam Pencapaian Sains dan Matematik dalam Kajian Antarabangsa TIMSS (BPPDP), (iii) Laporan Kajian Kesediaan Pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (BPPDP), (iv) Laporan Tinjauan Keperluan Latihan Guru Sains dan Matematik untuk mengajar dalam bahasa Inggeris (ELTC), (v) Laporan Kesediaan Infrastruktur Pembelajaran Digital KPM (BSTP), dan (vi) Laporan keberadaan, kebolehpasaran dan cabaran murid yang mengikuti PPSMI di IPTA (BPPD).

4.1 Pencapaian Murid dalam Peperiksaan Awam

Analisis pencapaian murid bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris dalam UPSR sama ada semasa pelaksanaan PPSMI atau selepas pelaksanaan PPSMI menunjukkan murid bandar mencatatkan peratusan gred A dan B yang tinggi berbanding murid luar bandar, sebaliknya murid luar bandar pula mencatatkan peratusan gred C, D dan E yang tinggi berbanding murid bandar. Bagi murid SK dan SJK, analisis menunjukkan murid bandar mencatatkan pencapaian lebih tinggi berbanding murid luar bandar bagi kedua-dua jenis sekolah.

Analisis pencapaian murid bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam PMR sama ada semasa pelaksanaan PPSMI atau selepas pelaksanaan PPSMI menunjukkan murid bandar mencatatkan peratusan gred A dan B yang tinggi berbanding murid luar bandar. Manakala murid luar bandar pula mencatatkan peratusan gred C, D dan E yang tinggi berbanding murid bandar.

Analisis pencapaian murid dalam SPM bagi mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik, dan Biologi sama ada semasa pelaksanaan PPSMI atau selepas pemansuhan PPSMI menunjukkan murid bandar mencatatkan peratusan gred A dan B yang tinggi berbanding murid luar bandar. Manakala murid luar bandar mencatatkan peratusan gred E dan G yang tinggi berbanding murid bandar.

Peningkatan peratusan lulus penuh dicatatkan dalam kebanyakan subjek STPM menunjukkan pelaksanaan PPSMI memberi impak yang positif ke atas pencapaian calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu, keputusan peperiksaan STPM juga mendapati peratusan calon STPM yang lulus penuh semakin meningkat walaupun PPSMI diteruskan. Begitu juga dengan pelaksanaan kedua-dua dasar PPSMI dan dasar MBMMBI tidak menjejaskan pencapaian pelajar Program Matrikulasi malahan peratus lulus pelajar Program Matrikulasi masih kekal cemerlang.

4.2 Pencapaian Murid dalam Kajian Antarabangsa TIMSS

Terdapat penurunan bagi subjek Sains dan Matematik ketika dasar PPSMI dilaksanakan. Manakala selepas dasar PPSMI dimansuhkan dan digantikan dengan dasar MBMMBI, didapati wujud peningkatan pencapaian murid dalam Sains dan Matematik. Namun begitu skor pencapaian murid bagi Sains dan Matematik sama ada semasa pelaksanaan atau selepas dasar PPSMI dimansuhkan adalah pada tahap sederhana (mengenal dan mengaplikasi pengetahuan asas dalam pelbagai konteks/situasi) dan rendah (mengenal fakta/pengetahuan asas tentang matematik dan sains). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian Sains dan Matematik di Malaysia seperti kesediaan guru, pengetua dan persekitaran sekolah, sokongan pembelajaran dan sumber pendidikan yang mencukupi (buku, kemudahan internet dan sebagainya).

Keyakinan murid dalam Matematik amat rendah iaitu hanya empat peratus murid sangat yakin dalam Matematik berbanding 14 peratus purata antarabangsa. Begitu juga keyakinan murid dalam Sains yang amat rendah iaitu enam peratus berbanding 22 peratus purata antarabangsa. Data juga menunjukkan 24 peratus murid Malaysia masih tidak mencapai sekurang-kurangnya tahap rendah dalam Matematik dan 23 peratus tidak mencapai sekurang-kurangnya tahap rendah dalam Sains.

4.3 Keberadaan Murid PPSMI di IPTA serta Kebolehpasaran

Berlaku peningkatan peratusan kemasukan pelajar sarjana muda ke bidang pengajian bukan sains, manakala kemasukan pelajar ke bidang pengajian sains telah menunjukkan penurunan dari tahun 2009 hingga 2011. Penurunan peratusan pelajar yang mengikuti bidang pengajian sains menimbulkan kebimbangan kerana fenomena ini menyimpang dari sasaran kerajaan untuk menambah pelajar yang mempunyai pendidikan STEM yang mencukupi bagi mendepani cabaran ekonomi yang dipacu oleh STEM menjelang 2020.

4.4 Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris

a) Guru Sains Dan Matematik Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah

Guru Sains dan Matematik sekolah rendah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP dalam bahasa Inggeris, guru Sains dan Matematik sekolah rendah adalah yang tinggi, manakala sederhana dari segi penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran, kemahiran penyampaian pengajaran, dan kemahiran pentaksiran.

Guru Sains dan Matematik sekolah menengah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP dalam bahasa Inggeris dan penguasaan pengetahuan kandungan mata pelajaran, guru Sains dan Matematik sekolah menengah adalah pada tahap yang tinggi. Manakala bagi subkonstruk dalam kemahiran penyampaian pengajaran dan kemahiran pentaksiran suru sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana.

b) Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Murid di sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Bagi subkonstruk keyakinan terhadap pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, murid sekolah rendah dan menengah mempunyai tahap yang tinggi. Manakala bagi subkonstruk keupayaan menggunakan bahasa Inggeris, murid sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai tahap sederhana dan berada pada tahap rendah bagi subkonstruk menyatakan sokongan ibu bapa dan penjaga mereka.

i) Perbandingan Kesediaan Guru Sains dan Matematik dan Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mengikut Jenis Sekolah

Analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris

mengikut jenis sekolah. Bagi sekolah rendah, analisis mendapati guru dan murid di SJKT mempunyai tahap kesediaan yang tinggi PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris manakala guru di SK, SJKC, dan SABK mempunyai tahap kesediaan yang sederhana. Bagi sekolah menengah, guru dan murid di SBP dan KT6 mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Manakala guru di SMK, SMT, SMKA, SMA dan KV mempunyai tahap kesediaan yang sederhana terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

ii) Perbandingan Kesediaan Guru Sains dan Matematik dan Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mengikut Lokasi Sekolah

Analisis menunjukkan terdapat perbezaan tahap kesediaan guru Sains dan Matematik dan murid terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mengikut lokasi sekolah. Guru sekolah rendah dan menengah di bandar mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding dengan guru sekolah rendah dan menengah di luar bandar.

Terdapat perbezaan yang signifikan antara murid sekolah rendah dan menengah di bandar dan luar bandar dalam tahap kesediaan terhadap PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Murid sekolah rendah dan menengah di bandar menunjukkan mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding dengan luar bandar.

c) Sokongan Pentadbir, Ibu Bapa/Penjaga, Masyarakat

Pentadbir sekolah mempunyai pelbagai pendapat mengenai pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara sokongan pentadbir adalah seperti menyediakan latihan dalaman, menjalankan pencerapan dan pembinaan bahan modul pengajaran.

Ibu bapa/penjaga juga memberikan sokongan kepada murid dalam meningkatkan bahasa Inggeris murid seperti membeli bahan sumber seperti buku dan peralatan ICT, ibu bapa/ penjaga juga mendapatkan khidmat guru tuisyen untuk membantu murid yang menghadapi kesukaran dalam mata pelajaran tertentu.

Ahli industri dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili masyarakat turut menyatakan sokongan kepada pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara tema yang timbul daripada analisis temu bual adalah kepatuhan arahan, peluang pekerjaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran lain.

d) Keperluan Pelaksanaan Berdasarkan Bahan Sumber Pendidikan dan Pembangunan Profesionalisme dan Latihan

Keperluan bahan sumber pendidikan adalah pada tahap sederhana. Antara bahan sumber yang diperlukan oleh guru ialah capaian internet yang berkelajuan tinggi dan menyeluruh, buku teks dwibahasa dan komputer serta LCD yang dipasang secara tetap di bilik darjah.

Guru juga memerlukan pembangunan professional dan latihan pada tahap yang sederhana bagi melaksanakan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Antara kursus atau latihan yang diperlukan oleh guru adalah berkaitan pedagogi Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, penyediaan bahan bantu mengajar dalam bahasa Inggeris, penggunaan perisian dan cara penyampaian PdP dalam bahasa Inggeris.

e) Cabaran Pelaksanaan

Guru menyatakan cabaran pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah penguasaan bahasa Inggeris murid yang lemah. Cabaran lain adalah penguasaan bahasa Inggeris guru yang lemah dan keupayaan guru memberikan kefahaman kepada murid.

f) Keberkesanan Aktiviti *Highly Immersive Programme* (HIP) dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Inggeris Murid

Aktiviti HIP dalam meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid diperoleh daripada persepsi guru bahasa Inggeris, penyelaras HIP dan murid. Guru dan penyelaras HIP bersetuju pada tahap sederhana bahawa aktiviti HIP dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid. Namun begitu, murid sekolah rendah dan sekolah menengah bersetuju pada tahap tinggi bahawa aktiviti HIP dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka.

4.5 Kemahiran dan Keperluan Latihan Bahasa Inggeris Guru Sains dan Matematik

Tinjauan keperluan latihan bagi guru mata pelajaran Sains dan Matematik yang melaksanakan DLP menunjukkan bahawa guru bermotivasi tinggi untuk mengajar mata pelajaran tersebut dalam Bahasa Inggeris. Namun, guru dan murid mempunyai kekangan dari segi tahap penguasaan bahasa Inggeris kendiri. Guru mata pelajaran Sains dan Matematik perlu diberi latihan dalam aspek pertuturan dan penulisan bahasa Inggeris yang intensif supaya penyampaian PdP dalam kelas lebih berkesan. Latihan untuk guru mata pelajaran Sains dan Matematik juga perlu memberi penekanan kepada kemahiran membaca supaya tahap pemahaman mereka berkaitan soalan aras tinggi. Pembelajaran Komuniti Profesional (*Professional Learning Community*) perlu ditingkatkan di peringkat sekolah supaya guru mata pelajaran Sains dan Matematik boleh mendapat sokongan daripada guru opsyen Bahasa Inggeris untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris.

4.6 Kesediaan dan Keperluan ICT, Bahan Bercetak dan Digital di Sekolah

Pada kelajuan internet yang paling tinggi iaitu 300 Mbps, peratusan sekolah di bandar lebih tinggi berbanding sekolah di luar bandar. Ini menunjukkan banyak sekolah di bandar mendapat akses internet dengan lebih pantas jika di bandingkan dengan sekolah di luar bandar yang kebanyakannya menerima kelajuan internet 90 Mbps sahaja. Bagi sekolah menengah yang

menerima peranti komputer, nisbah peranti kepada murid adalah sama bagi bandar dan luar bandar. Manakala, sekolah rendah di luar bandar mempunyai nisbah yang lebih baik dari sekolah rendah di bandar. Walau bagaimanapun, nisbah peranti di sekolah rendah adalah lebih baik berbanding sekolah menengah.

Buku teks Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi sekolah yang melaksanakan program DLP telah disediakan dan boleh digunakan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Manakala Isi kandungan perisian kursus PPSMI yang terdahulu didapati masih relevan dengan kurikulum standard Sains dan Matematik terkini. Walau bagaimanapun, bahan-bahan ini perlu diolah semula dari segi teknikal kerana perisian kursus yang digunakan semasa membangunkan bahan ini sudah tidak bersesuaian dengan teknologi terkini.

5. CADANGAN KAJIAN

Berikut merupakan cadangan kajian:

5.1 Keperluan Intensif Latihan Guru

Kursus berasaskan penguasaan bahasa Inggeris *Language for Profiency* serta *Language for Instruction* perlu diperluas secara intensif terutamanya yang menjurus kepada pertuturan bahasa Inggeris untuk meningkatkan keyakinan guru Sains dan Matematik.

5.2 Pembudayaan Bahasa Inggeris di sekolah

Budaya berbahasa Inggeris perlu diwujud dan diperkukuhkan dalam kalangan warga sekolah. Selain itu persekitaran yang menyokong kepada aktiviti berbahasa Inggeris juga perlu diwujudkan. Guru opsyen Bahasa Inggeris juga memainkan peranan dalam menyokong pembudayaan berbahasa Inggeris di sekolah. Pengetua/GuruBesar sebagai pemimpin merupakan penggerak utama dalam usaha ini dengan pemantauan yang berterusan bagi memastikan wujud budaya berbahasa Inggeris.

5.3 Penambahbaikan Sumber dan Peralatan PdP

a) Buku Teks

Buku teks untuk pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris boleh mengguna pakai buku teks yang disediakan bagi program DLP. Walau bagaimanapun, bilangan buku teks perlu dibekalkan dengan kuantiti yang mencukupi untuk kegunaan guru dan murid.

b) Bahan Digital

Penghasilan bahan digital perlu dipelbagaikan dan bersifat *future proof.* Bahan digital yang hasilkan juga perlu bersifat *end user experience* yang mempunyai elemen *augmented reality, virtual reality,* atau video 360. Bahan digital yang dihasilkan mestilah boleh dikongsi dan disebar luas secara *co-create* dan *co-sharing* melalui pelantar repositori bahan digital KPM.

c) Perisian Kursus

Perisian kursus PPSMI yang dahulu boleh diubah suai untuk diguna pakai semula oleh guru Sains dan Matematik sebagai alternatif pembangunan perisian kursus yang baharu. Oleh yang demikian, pemetaan bagi kandungan perlu dibuat bagi disesuaikan dengan perubahan dengan kurikulum supaya relevan digunakan oleh guru sekiranya pelaksanaan semula PPSMI direalisasikan.

d) Kelajuan Internet

Kelajuan internet dibekalkan ke sekolah mestilah berupaya memudahkan capaian, stabil dan boleh diakses di mana-mana kawasan sekolah terutamanya bagi sekolah yang menerima kelajuan internet bawah tahap minima (30 Mbps). Kelajuan internet yang efisyen mengupaya penggunaan teknologi agar PdP dapat dilaksanakan secara kolektif atau individual.

5.4 Kaedah Pembelajaran

Bagi mengatasi kaedah pembelajaran yang terhad guru harus mempelbagaikan kaedah pembelajaran melalui pelbagai medium seperti PdP melalui webinar, kelas secara maya, *social learning*, gamifikasi, *flipped classroom*, *blended learning, online lesson, synchronous / asynchronous learning*.

5.5 Pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris Bermula Dari Pendidikan Rendah

Pelaksanaan PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sesuai dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari peringkat pendidikan rendah. Pada peringkat pendidikan ini, murid mempelajari asas dalam kemahiran membaca, menulis, mengira (3M) dan menaakul; pengenalan kepada konsep asas sains; kemahiran pravokasional; kemahiran generik; serta penerapan nilai-nilai murni.

6. PENUTUP

PdP Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sepenuhnya dapat dilaksanakan sekiranya penguasaan bahasa Inggeris guru dipertingkatkan; penyediaan sumber dan peralatan yang sesuai dan mencukupi; menambah baik buku teks Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris disediakan sebelum pelaksanaan dijalankan secara berperingkat bermula daripada peringkat pendidikan rendah.

KAJIAN KESEDIAAN PELIBATAN MURID DALAM PILIHAN RAYA PADA PERINGKAT SEKOLAH

1. PENGENALAN

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) perkara 119 (1) untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dengan menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun. Selain itu, RUU yang diluluskan ini juga mengandungi cadangan pendaftaran pengundi secara automatik untuk warganegara yang mencapai umur 18 tahun dan warganegara yang berumur 18 tahun turut layak bertanding dalam pilihan raya. Kelulusan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 17 Julai 2019 ini merupakan sesuatu yang bersejarah kerana RUU yang dibentangkan mendapat sokongan daripada kedua-dua blok parti pemerintah dan pembangkang dalam Dewan Rakyat. Seramai 211 daripada 222 orang Ahli Parlimen telah menyokong RUU tersebut dengan tiada undian membantah.

Selari dengan pindaan perlembagaan ini, beberapa pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 perlu dibuat bagi melaksanakan dan menguatkuasakan pindaan berkenaan. Kerajaan menjangkakan seramai 7.8 juta pengundi baharu dimasukkan ke dalam daftar pemilih setiap tahun sehingga tahun 2023 (SPR, 2020). Dianggarkan jumlah pengundi pada tahun 2023 akan meningkat lebih daripada 50 peratus menjadikan jumlah pengundi sekitar 22.7 juta, berbanding 14.9 juta pada Pilihan Raya Umum ke-14. Jumlah pengundi yang dianggarkan itu adalah mengambil kira individu yang berumur 14 tahun pada tahun 2020. Individu ini adalah dalam kalangan murid tingkatan dua yang berdaftar dengan sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, KPM perlu mengenal pasti kesediaan pelibatan murid dalam pilihan raya di peringkat sekolah sebagai persediaan ke arah pembudayaan amalan demokrasi di Malaysia.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan pelibatan murid dalam pilihan raya di peringkat sekolah sebagai persediaan ke arah pembudayaan amalan demokrasi di Malaysia.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada Guru (Guru mata pelajaran pengajian am, Guru sejarah dan Guru Pendidikan Sivik), Murid Tingkatan enam (Semester 1 dan Semester 3) dan Ibu bapa/penjaga murid tingkatan 6.

Kajian ini menggunakan tiga set soal selidik yang terdiri dari soal selidik guru, soal selidik murid dan soal selidik ibu bapa/ penjaga yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang terlibat.

Kaedah pengumpulan data ini dilakukan melalui penggunaan soal selidik yang ditadbir secara atas talian ke atas 240 orang Guru (Guru mata pelajaran pengajian am, Guru sejarah dan Guru Pendidikan Sivik), 2,798 orang Murid Tingkatan enam (Semester 1 dan Semester 3) dan 1,153 orqng Ibu bapa/penjaga murid tingkatan 6. Data sekunder pula didapati dari Laporan Pelaksanaan Program Pendidikan Pengundi Tahun 2019 oleh Akademi Pilihan Raya (SPR). Secara umumnya, kajian ini melibatkan analisis data kuantitatif dan kualitatif. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21.0 digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Data kuantitatif melibatkan analisis statistik deskriptif yang melibatkan huraian menyeluruh mengenai profil subjek kajian dari segi demografi responden serta skor soal selidik dari guru, murid dan ibu bapa/penjaga. Analisis deskriptif yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini dihuraikan dalam bentuk peratus dan kekerapan. Manakala bagi analisis inferensial, ujian-t telah digunakan bagi melihat perbezaan antara kumpulan.

4. DAPATAN KAJIAN

i. Kurikulum dan Input Sedia Ada Dalam Membantu Kesediaan Pelibatan Murid Dalam Pilihan Raya.

Pemetaan kurikulum kebangsaan telah dilaksanakan bersama-sama dengan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum dengan menggunakan DSKP mata pelajaran Sejarah. Sukatan mata pelajaran Pengajian Am juga telah digunakan untuk pemetaan kurikulum. Seterusnya perbandingan skop antara kurikulum kebangsaan dengan skop Modul Simulasi Pilihan Raya yang dihasilkan oleh SPR dilakukan. Tujuan pemetaan dan perbandingan ini adalah untuk melihat jurang dalam skop demokrasi dan pilihan raya yang diajar di sekolah dengan skop yang diberi penekanan dalam modul Simulasi Pilihan Raya SPR.

Berdasarkan pemetaan yang telah dibuat, didapati bahawa kebanyakan tajuk yang berkaitan dengan sistem demokrasi dan pilihan raya telah disentuh dalam sukatan mata pelajaran Sejarah daripada peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Namun begitu, terdapat topik tertentu yang disentuh hanya pada peringkat asas sahaja. Analisis pemetaan ke atas topik mata pelajaran Pengajian Am bagi tingkatan 6 pula, didapati bahawa topik

berkaitan sistem dan struktur pemerintahan, amalan demokrasi, sistem dan proses pilihan raya telah diajar dalam 18 waktu PdP. Topik ini merangkumi sistem demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan, tiga bahagian pemerintahan, peranan dan bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya dan proses pilihan raya. Namun begitu, sekiranya murid tidak meneruskan pengajian hingga ke tingkatan 6, pengetahuan mereka hanya terhad kepada asas sistem demokrasi dan pilihan raya yang berbentuk asas sahaja. Selain itu, skop berkaitan isu dan cabaran proses pilihan raya yang terdapat dalam Modul simulasi Pilihan Raya tidak disentuh dalam mata pelajaran Sejarah dan juga Pengajian Am.

Seterusnya, dapatan kajian soal selidik menunjukkan sebahagian besar guru (93.7%) mengetahui topik amalan demokrasi dan dan pilihan raya terdapat dalam kurikulum, dan 89.5% guru menyatakan kurikulum yang diajar ini dapat membantu murid mendapat pengetahuan berkenaan topik tersebut. Namun begitu, kurikulum yang dipelajari adalah bersifat teori dan tidak dipraktikkan atau dilaksanakan secara simulasi. Selain itu, respons guru dari aspek penyediaan pelibatan murid dalam pilihan raya dan keputusan murid dalam memilih calon pemimpin adalah rendah kerana mereka berpandangan bahawa murid belum cukup matang untuk membuat pilihan bagi pembentukan sebuah kerajaan dan apabila berhadapan dengan isu semasa. Fokus murid pada umur 18 tahun juga adalah untuk memajukan diri dalam akademik dan insaniah serta pemikiran yang belum selari dengan keperluan penglibatan dalam politik negara .

Selain isu kematangan murid, guru menghadapi cabaran dalam proses pelaksanaan PdP berkaitan topik amalan demokrasi kerana sikap murid yang kurang bertanya dan tidak berminat untuk mengetahui topik berkenaan. Mereka juga perlu berhati-hati semasa membuat kenyataan berkaitan isu politik negara, ini kerana bagi pendapat mereka amalan demokrasi dalam negara adalah bercanggah dengan teori yang dipelajari dan dikhuatiri mengganggu emosi murid terhadap isu-isu tertentu. Bahkan guru itu sendiri merasakan mereka kurang mahir dalam bidang amalan demokrasi dan sesetengah topik pula menyukarkan kefahaman mereka. Selain itu, murid juga terdedah kepada maklumat yang diperolehi dari laman sesawang yang memaparkan berita-berita berkaitan politik yang masih belum dipastikan kebenarannya. Namun begitu, berdasarkan laporan Akademi Pilihan Raya berkaitan pelaksanaan program Pendidikan Pengundi, didapati program tersebut telah mendatangkan impak positif terhadap murid-murid dan peserta yang terlibat, terutama dari segi minat, pengetahuan, kepercayaan terhadap ketelusan penjalanan pilihan raya dan kesedaran tentang kepentingan untuk mendaftar sebagai pengundi dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

ii. Tahap Kesediaan Pelibatan Murid dalam Pilihan Raya Pada Peringkat Sekolah Berdasarkan Kematangan

Dapatan kajian menunjukkan kematangan murid berada pada tahap tinggi berdasarkan penilaian kendiri yang dibuat oleh murid sendiri. Perbandingan yang dibuat mendapati

tiada perbezaan yang signifikan dari segi kematangan murid berdasarkan faktor umur. Ini menunjukkan bahawa murid berumur 18 tahun mempunyai kematangan yang serupa dengan murid berumur 19 tahun. Perbandingan berdasarkan faktor jantina dan lokasi tempat tinggal walau bagaimanapun menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan tersebut. Murid lelaki didapati lebih matang berbanding murid perempuan, begitu juga murid yang tinggal di bandar didapati bertindak dan berfikiran lebih matang berbanding rakan mereka di luar bandar. Selain daripada penilaian kendiri, kematangan murid juga telah dilihat berdasarkan pertimbangan yang mereka akan buat dalam pemilihan calon pemimpin. Analisis telah dibuat untuk melihat pertimbangan yang akan digunakan oleh murid apabila mereka menjadi pengundi pada ketika umur 18 tahun. Majoriti daripada murid menyatakan bahawa mereka akan memilih calon yang dapat menawarkan faedah yang menarik. Ini memberi gambaran bahawa calon yang dapat menjanjikan pemberian faedah yang menarik berpotensi untuk menjadi pilihan pengundi yang berusia 18 tahun. Dapatan ini membuktikan kebenaran kajian oleh Burkhanlter (1997) dan Ginsberg (2009) yang menyatakan ganjaran berupa wang tunai dapat mempengaruhi seseorang untuk memilih pemimpin. Malah, kajian oleh Hazarak (2015) menunjukkan wang merupakan pergantungan utama kepada pengundi negara India dalam memilih pemimpin. Menurut Steinberge et al (2007), kebolehan remaja membuat satu keputusan dipengaruhi oleh emosi apabila mereka diberi sesuatu ganjaran oleh pihak tertentu. Walaupun remaja mampu membuat keputusan seawal usia 16 tahun, namun keputusan mereka haruslah dibimbing oleh orang dewasa agar tidak dipengaruhi emosi semata-mata.

Dari segi *gender* calon pemimpin, didapati murid mempunyai pertimbangan yang agak baik apabila majoriti daripada mereka tidak memilih pemimpin yang hanya dari kumpulan yang sama gender dengan mereka. Namun begitu, dari segi bangsa pemimpin yang akan dipilih, didapati pandangan murid adalah hampir sama peratusannya, sama ada dari kumpulan yang bersetuju atau yang sebaliknya. Kajian oleh Mwidima Peter Charles & Mus Chairil Samani (2020) menunjukkan pemilihan pemimpin berdasarkan bangsa adalah bergantung kepada bilangan pengundi bangsa tersebut, iaitu sekiranya bilangan pengundi dari sesuatu bangsa itu ramai, maka mereka akan mengundi bangsa yang sama. Oleh itu, murid-murid perlu diberi kesedaran agar tidak memilih pemimpin berdasarkan satu faktor sahaja, iaitu tidak terlalu bersifat fanatik dan hanya memilih pemimpin berdasarkan bangsa sahaja, tetapi perlu melihat kepada kredibiliti calon sebagai pemimpin.

Manakala dari segi usia pemimpin, kumpulan murid ini juga lebih cenderung untuk memilih calon pemimpin dari kumpulan orang muda . Murid juga mempunyai pertimbangan yang lebih terbuka apabila lebih daripada 50 % tidak bersetuju untuk hanya mempertimbangkan calon yang asalnya daripada daerah yang sama dengan mereka (orang tempatan) dan dalam kalangan ahli perniagaan berbanding kumpulan lain.

Dari segi penggunaan hak mereka sebagai pengundi, majoriti daripada murid juga akan memilih pemimpin berdasarkan pertimbangan mereka sepenuhnya dan akan menggunakan hak tersebut juga untuk menukar kerajaan jika didapati tidak menunaikan janji mereka . Walaupun murid di lihat telah merasakan diri mereka matang dan boleh membuat pertimbangan yang baik, namun ibu bapa masih merasakan anak mereka belum matang dan bersedia sepenuhnya sebagai pengundi pada umur 18 tahun.

iii. Tahap Kesediaan Pelibatan Murid dalam Pilihan Raya Pada Peringkat Sekolah Berdasarkan Pencapaian Pengetahuan Amalan Demokrasi dan Sistem Pilihan Raya

Berdasarkan analisis terhadap 12 soalan aneka pilihan yang telah diberikan kepada murid, lebih 40 peratus murid salah menjawab soalan bagi pengetahuan berkaitan tugas Suruhanjaya Pilihan Raya, amalan demokrasi berparlimen, status pengundi dan proses membuang undi. Namun begitu, pengetahuan murid berkaitan kekerapan pilihan raya dan kelayakan sebagai pengundi adalah tinggi di mana lebih 90 peratus murid dapat menjawab dengan betul. Pencapaian murid dalam pengetahuan menunjukkan skor antara 51 hingga 74 peratus adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 42.2 peratus. Ini menunjukkan pengetahuan mereka berkaitan amalan demokrasi dan pilihan raya adalah pada tahap sederhana.

Walaupun laporan daripada pelaksanaan program Pendidikan Pengundi menunjukkan impak positif, namun perbandingan pengetahuan tentang aspek pilihan raya dan demokrasi dalam kalangan murid menunjukkan bahawa sekolah yang mendapat pendedahan program mendapat skor pengetahuan yang lebih rendah berbanding sekolah yang tidak menerima pendedahan. Berdasarkan temubual yang dijalankan, didapati pelaksanaan program pendidikan pengundi ini masih di peringkat rintis. Pelaksanaan adalah berdasarkan kebebasan dan fleksibiliti sekolah. Oleh itu dapatan kajian ini mungkin tidak mencerminkan atau mewakili situasi yang sebenar.

iv. Faktor Yang Mempengaruhi Murid Terhadap Pelaksanaan Amalan Demokrasi dalam Pilihan Raya

Hasil dapatan kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi murid terhadap pelaksanaan amalan demokrasi dalam pilihan raya dianalisis berdasarkan kepada respon tiga kumpulan responden iaitu guru, murid dan ibu bapa. Ketiga-tiga responden guru, murid dan ibu bapa berpandangan bahawa faktor diri murid itu sendiri yang mempengaruhi mereka untuk membuat keputusan dan diikuti dengan faktor kedua iaitu pengaruh daripada ibu bapa.

Walau bagaimana pun, bagi faktor ketiga dan seterusnya, hanya murid dan ibu bapa yang masih mempunyai pandangan yang sama, iaitu faktor ganjaran, diikuti oleh faktor guru, media massa dan masyarakat setempat. Kedua-dua kumpulan ini merasakan pengaruh rakan

merupakan pengaruh terakhir dalam menentukan keputusan seseorang murid berkaitan pemilihan pemimpin negara mereka. Manakala guru pula menunjukkan pandangan yang agak berbeza apabila merasakan faktor media massa, ganjaran, rakan dan masyarakat setempat adalah faktor yang mempengaruhi murid selepas faktor diri sendiri dan ibu bapa. Malah, guru merasakan mereka adalah pengaruh yang paling terakhir dalam menentukan pemilihan pemimpin negara dalam kalangan murid, sedangkan murid dan ibu bapa merasakan guru adalah faktor keempat terpenting selepas faktor ganjaran.

Analisis lanjut bagaimanapun, menunjukkan ada sedikit perbezaan dari segi urutan kepentingan faktor dalam mempengaruhi pemilihan calon pemimpin dalam kalangan murid. Murid daripada kumpulan status sosio ekonomi (SSE) yang lebih rendah lebih cenderung untuk menghargai faktor ganjaran yang diberikan oleh calon berbanding rakan mereka daripada kumpulan SSE yang lebih tinggi. Begitu juga, murid lelaki dan murid dari kawasan bandar juga mempunyai keutamaan yang sama (faktor ganjaran) berbanding murid perempuan dan murid dari kawasan luar bandar. Walaupun wujud perbezaan ini, namun dari segi faktor pengaruh diri sendiri dalam menentukan pemilihan calon, ketiga-tiga kumpulan murid dari tiga aspek demografi (SSE, lokasi dan jantina) tetap memilih faktor ini sebagai faktor utama. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemilihan seseorang pemimpin adalah ditentukan sepenuhnya oleh diri pengundi itu sendiri. Oleh itu pertimbangan yang dibuat perlulah matang dan mengambil kira semua faktor dan tidak hanya dipengaruhi oleh faktor tertentu sahaja.

V. Kesesuaian Pelaksanaan Had Umur Mengundi Dalam Pilihan Raya di Malaysia

Kabinet telah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada 16 Julai 2019 melalui Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi menurunkan had umur kelayakan mengundi kepada 18 tahun daripada umur 21 tahun. Berdasarkan analisis daripada dapatan kajian, sebanyak 53.9% murid bersetuju dengan pelaksanaan umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun. Hanya sedikit sahaja perbezaan yang mengatakan tidak bersetuju terhadap pelaksanaan tersebut (46.1%). Antara faktor yang menyokong kepada persetujuan penurunan had umur ini adalah kematangan, hak untuk mengundi, peluang memilih calon pemimpin, pengetahuan berkaitan pilihan raya dan rasa tanggung jawab kepada negara.

Namun begitu, sebahagian besar (69%) responden daripada guru tidak bersetuju dengan pelaksanaan had umur mengundi kepada 18 tahun, manakala 53.1% responden ibu bapa bersetuju bahawa umur mengundi sepatutnya ialah 21 tahun. Kedua-dua kumpulan responden ini berpendapat bahawa murid atau anak-anak yang telah mencapai usia 21 tahun sudah mempunyai sikap bertanggung jawab dan berpengetahuan luas tentang pilihan raya. Tahap kematangan yang baik pada usia ini membolehkan mereka membuat pertimbangan untuk membuat keputusan dalam memilih pemimpin yang akan memerintah negara.

5. CADANGAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan dapatan yang masih bercampur antara kesediaan murid dan pelaksanaan umur mengundi 18 tahun. Namun begitu, peraturan berkaitan perkara ini telah pun diluluskan. Oleh itu, bagi merealisasikan peraturan ini, cadangan bagi meningkatkan pengetahuan, kematangan dan pertimbangan yang tepat untuk menjadi calon pengundi pada umur 18 tahun, maka KPM perlu melaksanakan perkara berikut :

5.1 Perluasan Program Pendidikan Pengundi Ke Sekolah

Pendedahan murid dan warga sekolah berkaitan pendidikan pengundi yang dijalankan melalui kerjasama Jabatan Penerangan (Kementerian Komunikasi dan Multimedia) dan Akademi Pilihan Raya (Suruhan Pilihan Raya) Jabatan Perdana Menteri telah membawa kesan dari segi meningkatkan pengetahuan murid khususnya berkaitan proses dan sistem pilihan raya serta amalan demokrasi. Namun begitu, aktiviti ini masih lagi di peringkat rintis dan hanya melibatkan beberapa buah sekolah sahaja. Oleh itu dicadangkan kerjasama diwujudkan antara Kementerian Pendidikan dengan Akademi Pilihan Raya dan Jabatan Penerangan bagi membolehkan bilangan sekolah (khususnya sekolah menengah) yang menerima pendedahan program lebih besar. Pendedahan pendidikan pengundi yang dilaksanakan secara simulasi akan membolehkan murid lebih memahami proses sebenar pilihan raya walaupun mereka tidak pernah terlibat secara langsung.

Bagi Modul Simulasi Pilihan Raya yang telah dihasilkan, beberapa aspek penambahbaikan juga perlu diambil kira. Selain daripada memberi pendidikan berkaitan proses mengundi, aspek pertimbangan yang tepat dalam pemilihan calon juga perlu diberi penekanan kepada peserta supaya hak mereka sebagai pengundi pada umur 18 tahun digunakan dengan sebijak mungkin.

5.2 Pemantapan Aktiviti Peningkatan Pengetahuan, Kesedaran dan Kematangan Murid Sebagai Calon Pengundi

Umum mengetahui bahawa proses kematangan individu adalah selari dengan peningkatan usia, namun sekiranya murid sentiasa cekap, cergas dan berjaya dalam apa yang dilaksanakan, ikut serta dalam kegiatan kokurikulum dan dapat memberikan sumbangannya dalam kesejahteraan masyarakat, maka mereka akan lebih cepat matang secara sosial. Adalah menjadi tanggungjawab para guru untuk mengatur program perkembangan keperibadian untuk membolehkan murid mencapai bukan sahaja kematangan sosial tetapi juga mencapai perkembangan keperibadian yang bersepadu. Bagi membantu ke arah ini, beberapa aktiviti dicadangkan agar dapat dilaksanakan di sekolah bagi memberi pendedahan berkaitan amalan demokrasi dan proses pilihan raya kepada murid seperti berikut :

a. setiap unit kokurikulum digalakkan membuat simulasi pengundian bagi memilih presiden kelab/persatuan melalui proses pilihan raya di sekolah. Simulasi pengundian ini akan dapat memberi pengalaman kepada murid sebelum mereka melibatkan diri dalam proses pilihan raya sebenar;

b. carta alir kerja proses pilihan raya dalam bentuk poster perlu ditampal di dalam setiap kelas bagi memberi pengetahuan dan pendedahan secara langsung kepada semua warga sekolah;

c. *'speaker corner'* yang telah dilaksanakan di sekolah untuk mengasah pemikiran murid boleh dimantapkan lagi dengan mengadakan slot khusus untuk memberi peluang kepada murid berceramah mengenai topik amalan demokrasi dan pilihan raya;

d. kaunselor sekolah boleh mengadakan program berkaitan pilihan raya seperti tayangan video, lakonan, debat dan sebagainya, serta dalam masa yang sama menguji kematangan murid dan merangka program intervensi yang sesuai.

e. Pihak guru perlu menanam nilai positif dalam kalangan murid semasa proses PdP dan kokurikulum bagi memastikan mereka akan menjadi pengundi yang bertanggung jawab kelak.

5.3 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.5/2010 Dikaji Semula

KPM masih lagi tertakluk kepada SPI Bil. 5/2010 iaitu pelaksanaan sistem pilihan raya ketua murid di sekolah-sekolah yang memperuntukkan kuasa kepada guru besar dan pengetua untuk melantik ketua murid di sekolah masing tanpa melalui proses pilihan raya. Pelbagai kaedah pemilihan dilaksanakan termasuk sesi temuduga, ujian bertulis dan dapatan input dalam kalangan murid dan guru, sesuai dengan budaya dan amalan kebiasaan serta etos sekolah tertentu. Melalui SPI tersebut, KPM berpandangan bahawa pelaksanaan sistem pilihan raya di sekolah adalah tidak sesuai dilaksanakan atau didedahkan kepada murid-murid sekolah kerana bagi mengelakkan perkara negatif yang tidak diingini berlaku sehingga menyebabkan perbalahan seperti campur tangan ibu bapa dalam pemilihan calon ketua murid. Oleh itu, bagi membolehkan murid diberi pendedahan tentang amalan demokrasi dan sistem pilihan raya bagi menyediakan mereka sebagai pengundi pada umur 18 tahun, murid perlu diberi peluang untuk melalui proses simulasi pilihan raya untuk memilih calon pemimpin mereka di peringkat sekolah. Bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan, SPI Bil. 5/2010 ini perlu dikaji semula dan dilihat secara menyeluruh untuk menyediakan pelibatan murid dalam amalan demokrasi dan proses pilihan raya.

6. PENUTUP

Secara kesimpulannya kajian yang dijalankan ini telah menjawab kesemua lima persoalan kajian berkaitan dengan kajian kesediaan pelibatan murid dalam pilihan raya pada peringkat sekolah. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, kesediaan pelibatan murid dalam pilihan raya pada peringkat sekolah masih lagi perlu diberi fokus dan perhatian utama. Penyediaan murid dari segi pengetahuan, pengalaman dan pemikiran yang matang penting bagi memastikan hak dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh kerajaan Malaysia untuk mereka melaksanakan tugas sebagai pengundi dapat dilaksanakan dengan berkesan.

KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENDIDIKAN WAJIB DI PERINGKAT PRASEKOLAH

1. PENGENALAN

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia, tanpa mengira taraf ekonomi, etnik atau latar belakang berhak mendapat akses yang sama dalam pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing (KPM, 2013). Sistem pendidikan kebangsaan terbahagi kepada lima peringkat iaitu prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah, menengah atas serta lepasan menengah dan pendidikan tertiari (IPGM, 2018). Berasaskan prinsip Pendidikan untuk Semua, yang merupakan sebahagian daripada Matlamat Pembangunan Milenium, Sistem Pendidikan Malaysia berhasrat memastikan penyertaan sejagat dan enrolmen penuh dari peringkat prasekolah ke peringkat sekolah menengah atas (Tingkatan 5), sama ada menerusi laluan akademik atau laluan teknik dan vokasional yang setara (KPM, 2013).

Di bawah gelombang 1 (2013-2015), PPPM 2013-2025, peningkatan enrolmen dan penambahbaikan kualiti prasekolah diberi tumpuan bertujuan untuk mencapai akses sejagat. Kerajaan menyasarkan peningkatan sehingga 92 peratus enrolmen murid prasekolah yang berdaftar menjelang tahun 2015. Sasaran ini menuntut pertambahan sebanyak 3,500 buah bilik darjah bagi menampung hampir 71,000 orang kanak-kanak pada tahun 2015. Di bawah gelombang 2 (2016-2020), antara keberhasilan utamanya ialah enrolmen prasekolah mencapai 100 peratus. Kerajaan menyasarkan enrolmen prasekolah sejagat menjelang tahun 2020 adalah seramai 900,000 orang kanak-kanak berdaftar pada peringkat prasekolah seluruh negara meliputi kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun (KPM, 2013).

Di samping itu, pendidikan awal kanak-kanak khususnya pendidikan prasekolah turut diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2018, telah bersetuju untuk mewujudkan jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar bukan Kerajaan untuk mengkaji semula dasar pendidikan negara termasuk menambah baik kurikulum dan sistem pendidikan dari peringkat prasekolah hingga universiti. Susulan keputusan berkenaan, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN). JKDPN telah menjalankan kajian bebas mengenai dasar pendidikan negara dengan mengambil kira PPPM (Prasekolah hingga Lepas Menengah) 2013 – 2025 dan PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025.

Oleh itu, kajian pendidikan wajib di peringkat prasekolah perlu dilaksanakan selari dengan aspirasi sistem dan aspirasi murid yang dihasratkan dalam PPPM 2013 – 2025.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kebolehlaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed method*) kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif dikutip menggunakan soal selidik secara dalam talian. Sampel dipilih secara rawak berstrata daripada populasi yang ditentukan mengikut lokasi dan jenis sekolah. Lima kumpulan responden berjumlah 2,199 orang bagi pentadbiran soal selidik iaitu i) 816 orang ibu bapa, ii) 511 orang guru prasekolah, iii) 468 orang guru Tahun 1, iv) 303 orang pentadbir, dan v) 101 orang pengelola prasekolah swasta. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22 melibatkan statistik deskriptif iaitu peratus, min dan sisihan piawai. Analisis min berdasarkan lima tahap iaitu sangat rendah (1.00-1.49), rendah (1.50-2.49), sederhana (2.50-3.49), tinggi (3.50-4.49) dan sangat tinggi (4.50-5.00). Data kuantitatif juga dianalisis melibatkan statistik inferensi iaitu Ujian-t dan ANOVA.

Kaedah temu bual melalui telefon digunakan untuk mengutip data kualitatif bagi menyokong dapatan kuantitatif. Pemilihan peserta temu bual berjumlah 34 orang dilakukan secara bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada i) 10 orang ibu bapa, ii) tiga orang guru prasekolah, iii) tiga orang guru Tahun 1, iv) tiga orang pentadbir, v) tiga orang pengelola prasekolah swasta, vi) 10 orang Pembantu Pengurusan Murid (PPM), vii) seorang pakar pendidikan awal kanak-kanak dan seorang pakar psikologi kanak-kanak dan pegawai daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KEMAS, JPNIN, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Inisiatif #104: Peningkatan Akses Enrolmen Murid Prasekolah hingga Menengah Atas). Analisis data kualitatif melibatkan maklum balas daripada temu bual. Data daripada analisis kualitatif dikod dan dikategori mengikut tema. Seterusnya, data tersebut dianalisis menggunakan pengelompokan tema berulang.

4. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini memberikan maklumat tentang kesediaan ibu bapa, guru prasekolah, guru Tahun 1, pentadbir dan pengelola prasekolah swasta ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah. Kesediaan dilihat dari aspek kepentingan prasekolah, kualiti guru, kewangan, jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan dan prasarana. Selain itu, kesediaan PPM dari segi deskripsi tugas dan pandangan pakar pendidikan awal kanak-

kanak serta pakar psikologi kanak-kanak ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah turut dibincangkan. Dapatan kajian ini juga menyatakan pandangan ibu bapa, guru prasekolah, guru Tahun 1, pentadbir, pengelola, PPM, pakar pendidikan awal kanak-kanak dan pakar psikologi kanak-kanak, dan pegawai daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KEMAS, JPNIN, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Inisiatif #104: Peningkatan Akses Enrolmen Murid Prasekolah hingga Menengah Atas) berkenaan cabaran ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah.

4.1 Kesediaan Ibu Bapa ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Dapatan kuantitatif menunjukkan 98.77 peratus ibu bapa bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah tetapi mereka bersetuju pada umur yang berlainan. 24.07 peratus bersetuju pada umur 3+ tahun, 47.02 peratus bersetuju pada umur 4+ tahun dan 28.91 peratus bersetuju pada umur 5+ tahun. Min kesediaan dari aspek kepentingan prasekolah dan kualiti guru berada pada tahap sangat tinggi manakala min aspek kewangan, jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan dan prasarana berada pada tahap tinggi berdasarkan persepsi ibu bapa.

Berdasarkan statistik inferensi yang dilakukan, tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dari lokasi prasekolah terhadap aspek kepentingan prasekolah, kualiti guru, kewangan, jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan dan prasarana.

Dapatan kualitatif juga menunjukkan dapatan yang sama dengan kuantitatif. 10 orang ibu bapa yang ditemu bual turut bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah tetapi mereka bersetuju pada umur yang berlainan. Dua orang bersetuju pada umur 3+ tahun, empat orang bersetuju pada umur 4+ tahun dan empat orang bersetuju pada umur 5+ tahun.

4.2 Kesediaan Guru Prasekolah ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

98.83 peratus guru prasekolah bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah. Majoriti guru prasekolah (47.52%) bersetuju pada umur 5+ tahun, diikuti 36.44 peratus bersetuju pada umur 4+ tahun dan 16.04 peratus bersetuju pada umur 3+ tahun. Min kesediaan dari aspek kepentingan prasekolah dan kualiti guru berada pada tahap sangat tinggi manakala min aspek kewangan dan jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, min aspek prasarana berada pada tahap sederhana berdasarkan persepsi guru prasekolah.

Kebanyakan guru prasekolah yang ditemu bual turut bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah iaitu pada umur 4+ tahun. Hanya seorang guru prasekolah yang ditemu bual tidak bersetuju dengan pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah.

4.3 Kesediaan Guru Tahun 1 ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Majoriti guru Tahun 1 (99.36%) bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah dengan kebanyakan (47.31%) bersetuju pada umur 4+ tahun manakala 44.09 peratus bersetuju pada umur 5+ tahun dan 8.60 peratus bersetuju pada umur 3+ tahun. Min kesediaan dari aspek kepentingan prasekolah dan kualiti guru berada pada tahap sangat tinggi manakala min aspek kewangan, jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan dan kelebihan prasekolah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, min aspek prasarana berada pada tahap sederhana berdasarkan persepsi guru Tahun 1.

Semua guru Tahun 1 yang ditemu bual turut bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah tetapi berbeza peringkat umur. Kebanyakan guru Tahun 1 bersetuju pada umur 5+ tahun berbanding umur 4+ tahun.

4.4 Kesediaan Pentadbir ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Dapatan kuantitatif menunjukkan 97.69 peratus pentadbir bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah dengan majoriti (54.73%) bersetuju pada umur 5+ tahun. Terdapat juga pentadbir yang bersetuju pendidikan prasekolah diwajibkan pada umur 4+ tahun (39.86%) dan baki 5.41 peratus bersetuju pada umur 3+ tahun. Min kesediaan dari aspek kepentingan prasekolah dan kualiti guru berada pada tahap sangat tinggi manakala min aspek kewangan berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, min aspek prasarana berada pada tahap sederhana berdasarkan persepsi pentadbir.

Dapatan kualitatif juga menyokong dapatan kuantitatif. Semua pentadbir yang ditemu bual bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah iaitu pada umur 4+ tahun.

4.5 Kesediaan Pengelola ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

94.06 peratus pengelola bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah dengan majoriti (61.05%) bersetuju pada umur 3+ tahun. Manakala, 24.21 peratus berpandangan umur 4+ tahun sesuai diwajibkan pendidikan prasekolah dan 14.74 peratus bersetuju pada umur 5+ tahun. Min kesediaan dari aspek kepentingan prasekolah dan kualiti guru berada pada tahap sangat tinggi manakala min aspek kewangan, jarak dari rumah ke prasekolah / pengangkutan dan prasarana berada pada tahap tinggi berdasarkan persepsi pengelola.

Pengelola yang ditemu bual juga bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah pada peringkat umur yang berlainan iaitu terdapat pengelola yang bersetuju pada umur 3+ tahun, 4+ tahun dan 5+ tahun.

4.6 Kesediaan Pembantu Pengurusan Murid ke Arah Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Data kesediaan PPM diperoleh melalui temu bual. PPM yang ditemu bual turut bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah dan kebanyakan daripada mereka bersetuju pada umur 5+ tahun.

Kesediaan PPM dilihat daripada segi deskripsi tugas mereka iaitu pengurusan dokumen dan sistem maklumat, pengurusan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengurusan kebersihan dan keselamatan murid, penyediaan menu dan makanan, penjagaan kebersihan peralatan dan dapur, pengurusan perbelanjaan makan dan minum serta penyediaan stok/ inventori/harta modal prasekolah.

Semua PPM menyatakan mereka bersedia melaksanakan semua tugas yang diwajibkan ke atas mereka jika pendidikan prasekolah diwajibkan. Walaubagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada bilangan murid dalam satu kelas dan keperluan menguruskan jumlah kelas. Mereka berpendapat bahawa mereka akan menghadapi masalah jika bilangan murid dalam satu kelas bertambah atau mereka perlu menguruskan lebih daripada satu kelas.

4.7 Pandangan Pakar terhadap Kesediaan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Pakar pendidikan awal kanak-kanak dan pakar psikologi kanak-kanak bersetuju ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah dan mencadangkan pada umur 5+ tahun. Pakar yang ditemu bual juga berpandangan murid berkeperluan khas juga bersedia untuk mengikuti pendidikan wajib di peringkat prasekolah. Pakar berpandangan pendidikan prasekolah dapat memberi pendedahan kepada murid tentang alam persekolahan misalnya cara bertanya soalan dan posisi duduk dengan betul.

Pakar juga berpandangan suasana pembelajaran di prasekolah yang menyeronokkan dan mempunyai ramai rakan akan menggalakkan murid mengikuti pendidikan prasekolah. Ini akan dapat membantu perkembangan kanak-kanak dalam membina kemahiran sosial dan keyakinan mereka.

Pakar turut berpendapat kanak-kanak berumur 5+ tahun telah menguasai kemahiran asas dalam kemahiran sosial dan sebahagian daripada kemahiran membaca, menaakul, dan bersosial. Kanak-kanak ini juga telah bersedia secara fizikal, emosi dan sosial untuk mengikuti pendidikan prasekolah.

Secara lebih terperinci dari segi psikomotor, perkembangan fizikal seperti motor kasar, motor halus, keseimbangan badan dan aspek kesihatan kanak-kanak telah cukup memuaskan dan

bersedia untuk terlibat secara aktif dalam sebarang aktiviti pembelajaran secara *hands-on* di prasekolah.

Dari segi afektif, pengalaman di rumah atau taska memberi peluang untuk menyediakan kanak-kanak dalam menguasai dan mengawal emosi dan perasaan apabila memulakan interaksi dengan rakan di prasekolah.

Dari segi kognitif, kemahiran berkomunikasi merupakan perkara utama yang merangsang perkembangan kognitif kanak-kanak. Kanak-kanak ini boleh berkomunikasi bersama-sama dengan rakan dan guru. Pendidikan prasekolah juga akan meningkatkan perkembangan kognitif untuk berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah apabila bermain bersama-sama dengan rakan. Pendidikan prasekolah dilihat mampu bertindak sebagai platform untuk memberi latihan tanpa disedari bagi meningkatkan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Dari segi psikologi, usia awal penting dalam merangsang minda agar kanak-kanak dapat mengawal emosi, perasaaan serta dapat membuat keputusan. Rangsangan dalam pelbagai bentuk seperti yang diperoleh di kelas prasekolah adalah yang terbaik dalam merangsang minda kanak-kanak untuk meningkatkan perkembangan yang holistik.

Selain itu, BPKhas bersetuju jika pendidikan prasekolah diwajibkan. Hal ini kerana intervensi pada peringkat awal adalah sangat penting. Sekiranya murid berkeperluan khas (MBK) diberi pendedahan awal, maka pengurusan diri dan tingkah laku dalam kalangan MBK dapat diminimumkan. Oleh itu, dapat menyediakan MBK untuk mengikuti pembelajaran.

Pihak BPKhas juga berpandangan umur yang sesuai bagi MBK mengikuti prasekolah ialah pada umur 4+ tahun agar setara dengan murid yang mengikuti prasekolah di aliran perdana pada umur 5+ tahun disebabkan ketidakupayaan yang dimiliki oleh MBK menyebabkan MBK mengambil masa yang lebih untuk mempelajari sesuatu berbanding murid aliran perdana. Maka, pengetahuan dan kemahiran murid akan dapat ditingkatkan. Oleh itu, MBK ini akan berpotensi untuk belajar secara inklusif dengan murid di aliran perdana.

BPSH bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah pada usia 5+ tahun. Walau bagaimanapun, dari sudut pengoperasian, BPSH berpandangan KPM perlu bersedia dari beberapa aspek seperti peruntukan kewangan bagi peluasan prasekolah dengan mengambil kira aset, peruntukan kewangan bagi murid prasekolah yang meliputi Bantuan Makanan Prasekolah, Bantuan Geran Perkapita Prasekolah, Bantuan Kokurikulum Prasekolah dan Insurans Takaful, dan penyediaan perjawatan bagi guru prasekolah dan pembantu pengurusan murid dengan nisbah 1:1 iaitu 1 guru dan 1 PPM bagi setiap kelas. Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM) yang dilaksanakan di beberapa buah institut pendidikan guru (IPG) juga bertujuan membantu guru yang belum memiliki Diploma Pendidikan

Awal Kanak-Kanak (DPAKK). Bagi kemasukan November 2018, terdapat 177 orang guru prasekolah swasta sedang mengikuti Diploma Perguruan Malaysia di lapan buah IPG. Guru yang mengikuti PDPM bagi kemasukan ini merupakan guru prasekolah KEMAS, JPNIN dan agensi kerajaan seperti majlis agama Islam negeri.

Menurut data yang diperoleh dari Bahagian Pendidikan Swasta setakat 12 Mac 2021, berdasarkan 30,837 orang guru prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM, seramai 3,500 orang guru telah memiliki DPAKK dan baki 27,337 belum memiliki DPAKK. Walau bagaimanapun, 511 permohonan telah diterima bagi tahun 2021 setakat 12 Mac 2021 untuk mengikuti PDPM di IPG.

Di prasekolah KEMAS pula, data setakat 10 Mac 2021 menunjukkan daripada 10,520 orang guru KEMAS, 7,886 telah memiliki DPAKK, 358 orang sedang mengikuti DPAKK, 112 orang akan mengikuti DPAKK dan 2,164 orang belum memiliki DPAKK.

Bagi prasekolah JPNIN pula, seramai 1,446 orang daripada 1,758 guru telah mempunyai DPAKK dan baki 312 orang guru belum memiliki DPAKK.

Guru prasekolah KPM seramai 9,681 orang berdasarkan data sehingga 12 Mac 2021 menunjukkan 9,619 telah mempunyai minimum DPAKK dan 62 orang belum mempunyai DPAKK.

Selain itu, maklumat tentang kesediaan ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah juga dirujuk kepada pihak KEMAS. Pihak KEMAS bersetuju ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah pada usia 5+ tahun untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak berkaitan kemahiran bersosial dan kemahiran asas 3M (membaca, mengira dan menulis) sebelum masuk ke alam persekolahan formal. Tambahan pula, silibus pembelajaran pada masa ini yang semakin mencabar akan menyebabkan ramai kanak-kanak terutamanya di luar bandar semakin ketinggalan kerana tidak dapat menguasai silibus dengan baik.

JPNIN juga bersetuju jika pendidikan prasekolah diwajibkan bagi kanak-kanak berumur 5+ tahun sebagai langkah awal persediaan bagi menduduki Tahun 1 di sekolah kerajaan mahupun swasta. Kanak-kanak juga dapat menerima pendidikan asas pembelajaran dan pendidikan prasekolah di awal usia serta dapat memupuk dan meningkatkan kemahiran bersosial dan berkomunikasi dengan kanak-kanak lain yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Di samping itu, penerapan nilai-nilai murni dan elemen rukun negara serta perpaduan dapat dipupuk bermula daripada awal usia kanak-kanak agar Dasar Perpaduan Negara dan Dasar Pendidikan Negara dapat dicapai dan direalisasikan dengan lebih efektif.

4.8 Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Prasekolah

Data berkaitan cabaran diperoleh daripada temu bual dengan ibu bapa, guru prasekolah, guru Tahun 1, pentadbir, pengelola prasekolah swasta, PPM, pakar pendidikan awal kanak-kanak dan pakar psikologi kanak-kanak, dan pegawai daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KEMAS, JPNIN, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Inisiatif #104: Peningkatan Akses Enrolmen Murid Prasekolah hingga Menengah Atas). Data kualitatif menunjukkan sembilan cabaran ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah ialah kekurangan prasarana, kewangan yang tidak mencukupi, kurang kesediaan ibu bapa, murid, PPM dan guru, jarak dari rumah ke prasekolah yang agak jauh dan kemudahan pengangkutan yang agak terhad, serta dokumen pendaftaran anak yang tidak lengkap.

Secara keseluruhannya, kesediaan aspek prasarana berada pada tahap sederhana. Oleh itu, sekiranya pendidikan wajib pada peringkat prasekolah hendak dilaksanakan, bilangan kelas prasekolah perlu mencukupi untuk memastikan setiap murid mendapat peluang yang sama untuk mengikuti pembelajaran. Jumlah kelas prasekolah mencukupi atau tidak di sesuatu kawasan tertakluk kepada kepadatan (peningkatan / penurunan) populasi kanak-kanak yang berumur 5+ di kawasan tersebut.

Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan purata unjuran kelahiran kanak-kanak bagi tahun 2021 hingga 2030 setahun ialah seramai 543,970 orang kanak-kanak akan mengikuti pendidikan prasekolah dengan mengambil kira enrolmen sejagat ialah 100 peratus. Sekiranya pendidikan prasekolah diwajibkan, KPM perlu menyediakan kelas prasekolah dalam anggaran 21,759 buah kelas dengan mengambil kira 25 orang murid dalam sebuah kelas. Pada masa ini, bilangan kelas prasekolah sedia ada ialah 9,677 buah kelas dan terdapat permohonan mengikuti pendidikan prasekolah KPM yang tidak berjaya disebabkan bilangan kelas tidak mencukupi di sekolah tersebut.

Prasekolah KEMAS sedia ada tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa/penjaga terutamanya di bandar dan luar bandar.

Dapatan daripada pihak JPNIN mendapati terdapat pertambahan sebanyak 18 kelas diperlukan untuk menampung murid menjelang 2022 hingga 2030.

BPKhas berpandangan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sebagai persediaan ke arah pendidikan wajib di peringkat prasekolah seperti bekalan guru dan pembantu pengurusan murid, infrastruktur seperti bilangan kelas perlu ditambah dan peralatan seperti mesin Braille. Dari segi prasarana, bilangan kelas prasekolah untuk murid berkeperluan khas (MBK) tidak mencukupi dan kelas sedia ada juga kurang kondusif. Unjuran awal murid yang mengikuti pendidikan khas pada peringkat prasekolah tidak dapat dilaksanakan kerana tidak semua

ibu bapa yang mendaftarkan anak berstatus orang kurang upaya (OKU) ke dalam sistem. Oleh itu, sekiranya bilik darjah prasekolah dibina dan tiada MBK yang berdaftar pada tahun tertentu, BPKhas mencadangkan agar sesi intervensi boleh dijalankan di bilik darjah tersebut. Berdasarkan unjuran keperluan guru yang dibuat oleh KPM, bekalan guru prasekolah adalah mencukupi sehingga tahun 2030. Walau bagaimanapun, data menunjukkan 14.7 peratus guru yang terlibat sebagai responden kajian ini memiliki tahap pendidikan akademik tertinggi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sahaja sedangkan kepakaran guru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak adalah amat penting.

Oleh itu, KPM perlu bersedia dari segi penyediaan perjawatan bagi guru prasekolah (kelulusan minimum Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak) dan pembantu pengurusan murid (PPM) dengan nisbah 1:1 iaitu seorang guru dan seorang PPM bagi setiap kelas.

Pihak KEMAS juga berpandangan nisbah seorang guru bagi 25 orang murid prasekolah yang berumur 5+ adalah bersesuaian. Walau bagaimanapun, KEMAS berpendapat nisbah seorang guru bagi 15 murid prasekolah yang berumur 5+ pada masa akan datang lebih sesuai supaya guru boleh memberikan perhatian yang lebih terhadap keberhasilan setiap murid. Dapatan daripada pihak BPKhas menunjukkan nisbah seorang guru prasekolah bagi tujuh orang MBK adalah sesuai bergantung kepada kategori ketidakupaayan murid dan murid tidak mempunyai isu dari segi tingkah laku. Walau bagaimanapun, nisbah maksimum yang dirasakan wajar bagi guru dan MBK ialah seorang guru bagi 10 orang MBK jika MBK tidak mempunyai isu tingkah laku.

Dari segi kelayakan guru yang mengajar MBK pula, guru perlu mempunyai kelayakan dalam bidang Pendidikan Khas untuk mengajar di peringkat prasekolah. Bekalan guru Pendidikan Khas pada masa ini adalah mencukupi dan sekiranya pendidikan prasekolah diwajibkan, dikhuatiri bekalan guru tidak dapat menampung kerana permintaan oleh ibu bapa untuk menghantar anak yang berstatus OKU mengikuti pendidikan prasekolah pada masa ini juga adalah tinggi.

Dapatan kualitatif daripada pihak BPSH menunjukkan KPM perlu bersedia dari segi peruntukan kewangan bagi murid prasekolah yang meliputi Bantuan Makanan Prasekolah, Bantuan Geran Perkapita Prasekolah, Bantuan Kokurikulum Prasekolah dan Insurans Takaful. Kadar Bantuan Makanan Prasekolah (BMP) perlu dinaikkan daripada RM2.00 (Semenanjung Malaysia) dan RM2.25 (Sabah, Sarawak dan Labuan) kepada kadar yang bersesuaian dengan kadar pasaran semasa memandangkan harga pasaran bahan mentah telah meningkat. Kadar sedia ada adalah berdasarkan kajian pasaran yang dibuat pada tahun 2012 semasa penyediaan menu prasekolah yang mula digunakan pada tahun 2014.

Dapatan daripada pihak KEMAS menunjukkan geran per kapita (PCG) sedia ada berkemungkinan akan memberi impak kepada keperluan persekolahan yang berkualiti. Oleh itu, PCG dicadang

untuk dinaikkan daripada RM100 kepada RM150. Program Bantuan Makanan Tambahan juga dicadang untuk dinaikkan daripada RM3 sehari kepada RM5 sehari bagi menjamin mutu penyediaan makanan. Bantuan untuk kanak-kanak miskin untuk pakaian seragam / pakaian sukan / beg sekolah juga dicadang untuk dinaikkan daripada RM50 kepada RM150. Selain itu, masalah pengangkutan hanya berlaku di bandar atau pinggir bandar kerana ibu bapa/ penjaga bekerja dan tiada kemudahan transit disediakan oleh pihak KEMAS.

Dari segi kewangan, memandangkan kos dan harga barangan yang telah meningkat ketika ini, pihak JPNIN mencadangkan agar Bantuan Makanan Tambahan perlu dinaikkan kepada RM3.00 sehari bagi Semenanjung dan RM 3.50 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berbanding RM2.00 sehari bagi Semenanjung dan RM2.25 sehari bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada masa ini. Selain itu, PCG juga dicadangkan untuk dinaikkan kepada RM200 berbanding RM100 pada masa ini bagi tujuan menampung perbelanjaan pengurusan prasekolah dan juga pembelian Alat Bantu Mengajar (ABM) serta lain-lain keperluan prasekolah.

BPKhas berpandangan kesediaan kewangan adalah penting misalnya bayaran elaun kepada guru pendidikan khas dan MBK. Tambahan lagi, PCG dan bantuan makanan tambahan juga perlu ditambah kerana sekiranya kadar pada masa ini masih dikekalkan, perkara ini menimbulkan sedikit kesulitan kerana sekiranya bilangan maksimum murid dalam sebuah kelas ialah 10 orang, perbelanjaan yang diterima masih belum mencukupi untuk pengoperasian sebuah kelas prasekolah pendidikan khas.

PCG yang diterima bagi MBK adalah sama dengan murid di kelas aliran perdana berjumlah RM100 seorang. Namun, jumlah ini dirasakan kurang sesuai memandangkan sebuah kelas prasekolah pendidikan khas hanya memuatkan tujuh orang murid dan jumlah PCG yang diterima ialah RM700 bagi sebuah kelas. Oleh itu, PCG berjumlah RM700 yang diterima oleh sebuah kelas prasekolah pendidikan khas didapati kurang mencukupi bagi pengoperasian berjalan dengan lancar dan aktiviti atau program yang dirancang adalah terhad. Selain itu, keperluan pembelajaran bagi kelas prasekolah pendidikan khas adalah seperti kelas aliran perdana tetapi memerlukan peralatan sokongan seperti Slate and Stylus bagi murid bermasalah penglihatan dan bateri untuk alat bantu pendengaran bagi murid bermasalah pendengaran.

5. CADANGAN KAJIAN

Terdapat tiga cadangan yang dikemukakan ke arah pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah iaitu prasarana yang mencukupi, bantuan kewangan dan peningkatan kemahiran guru prasekolah.

5.1 Prasarana yang Mencukupi

Secara keseluruhannya, min konstruk prasarana berada pada tahap sederhana. Oleh itu, sekiranya pendidikan wajib di peringkat prasekolah dilaksanakan, bilangan kelas prasekolah perlu mencukupi untuk memastikan setiap murid mendapat peluang yang sama untuk mengikuti pembelajaran.

Sekiranya KPM tidak mampu menyediakan kelas prasekolah yang mencukupi, pelaksanaan perkongsian pintar dicadangkan bersama dengan penyedia perkhidmatan pendidikan prasekolah seperti KEMAS, JPNIN dan swasta. Menerusi perkongsian pintar, sekiranya terdapat keperluan menambah bilangan kelas prasekolah di sesuatu lokasi, pemberian subsidi kepada prasekolah selain KPM boleh dipertimbangkan untuk memastikan bilangan kelas prasekolah mencukupi dan bersesuaian dengan enrolmen murid.

Data sehingga 30 April 2021 menunjukkan terdapat 9,677 buah kelas prasekolah termasuk 116 buah kelas prsekolah integrasi. Oleh itu, sekiranya pendidikan prasekolah diwajibkan dengan mengambil kira enrolmen sejagat ialah 100 peratus dan unjuran kelahiran kanak-kanak sehingga 2030 seramai 543, 970 setahun, maka KPM perlu menyediakan kelas prasekolah dalam anggaran 21,759 buah kelas dengan mengambil kira 25 orang murid dalam sebuah kelas. Pada masa ini, bilangan kelas prasekolah sedia ada ialah 9,677 buah kelas dan pertambahan sebanyak 12,082 buah kelas perlu dilakukan.

5.2 Bantuan Kewangan

Data menunjukkan 67.70 peratus ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini berada dalam kategori miskin tegar, miskin dan B40. Dapatan juga menunjukkan seramai 15.35 peratus ibu bapa kurang berkemampuan dari segi kewangan dan temu bual bersama dengan ibu bapa mendapati masalah kewangan merupakan salah satu faktor anak tidak mengikuti pendidikan prasekolah.

Oleh itu, bantuan kewangan yang diberi kepada murid prasekolah ketika ini iaitu PCG berjumlah RM100, Bantuan Makanan Prasekolah berjumlah RM2.00 sehari bagi Semenanjung dan RM2.25 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan, Bantuan Kokurikulum Prasekolah berjumlah RM25 dan Insurans Takaful berjumlah RM1.50 perlu diteruskan. Pihak penyedia pendidikan prasekolah juga boleh mengelakkan peraturan pemakaian uniform bagi mengurangkan beban ibu bapa atau penjaga murid. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk mewajibkan uniform dalam kalangan murid prasekolah, bantuan persekolahan dalam bentuk tunai boleh diberikan kepada ibu bapa untuk membeli uniform sekolah bagi pendapatan isi rumah dari kumpulan miskin tegar, miskin dan B40. Hal ini diharap dapat menggalakkan kanak-kanak daripada golongan berkenaan mengikuti pendidikan prasekolah.

BPSH mencadangkan kadar kenaikan mengikut menu yang disediakan oleh KEMAS bersama Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengambil kira harga pasaran semasa iaitu RM2.85 bagi Semenanjung dan RM3.10 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan disebabkan kenaikan kos dan harga barang pada masa ini. Antara justifikasi perubahan menu adalah kerana menu lama memerlukan tempoh masa penyediaan makanan yang lebih panjang.

5.3 Peningkatan Kemahiran Guru Prasekolah

Latihan pendidikan awal kanak-kanak dicadangkan untuk guru prasekolah yang belum memiliki diploma seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

Universiti awam seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris juga menawarkan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Perkara ini dapat membantu guru dengan memberikan pilihan tempat kepada mereka bagi menyambung pengajian pada peringkat Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Selain itu, pemilihan guru dari peringkat awal perlu diberi perhatian misalnya, pemilihan calon guru prasekolah dari kalangan Orang Asli perlu ditekankan untuk memastikan hasrat meningkatkan enrolmen murid prasekolah dalam kalangan Orang Asli tercapai. Hal ini kerana pemilihan guru Orang Asli bagi mengajar murid Orang Asli akan memudahkan komunikasi antara kedua-dua pihak seperti yang berlaku di SJKC dan SJKT iaitu guru yang mengajar Bahasa Melayu darjah 1 dan darjah 2 merupakan penutur jati bagi sekolah jenis kebangsaan berkenaan.

Di samping itu, bekalan guru bagi mengajar MBK perlu mencukupi agar tidak berlaku keciciran dalam kalangan MBK pada peringkat prasekolah. Oleh itu, adalah dicadangkan untuk menambah ambilan guru opsyen pendidikan khas berdasarkan maklumat unjuran keperluan guru pendidikan khas semasa.

6. IMPLIKASI DASAR

Pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat sekolah mempunyai implikasi kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Hal ini demikian kerana pada masa ini, pendidikan wajib dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] merujuk kepada pendidikan rendah. Oleh itu, jika pendidikan prasekolah ingin dijadikan pendidikan wajib, maka akta perlu dipinda.

7. IMPLIKASI PERUNDANGAN

Selain itu, pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat prasekolah juga akan mempunyai implikasi perundangan. Ini bermakna pendidikan prasekolah akan menjadi satu kemestian

oleh ibu bapa untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah. Sekiranya, ibu bapa tidak menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah, tindakan perundangan boleh diambil terhadap ibu bapa berdasarkan peruntukan kepada akta.

8. IMPLIKASI KEWANGAN

Sekiranya ibu bapa tidak berkemampuan untuk menghantar anak mengikuti pendidikan prasekolah, adalah menjadi tanggungjawab KPM untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak secara percuma dan ini akan memberi implikasi kewangan kepada kerajaan.

Perbelanjaan selain emolumen termasuk bantuan umum yang diterima oleh seorang murid prasekolah iaitu PCG berjumlah RM100, kokurikulum berjumlah RM25, bantuan makanan prasekolah berjumlah RM2.00 bagi Semenanjung dan RM2.25 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan untuk 200 hari persekolahan dan insurans takaful berjumlah RM1.50. Ini bermakna sejumlah RM526.50 diperuntukkan bagi seorang murid prasekolah di Semenanjung dan RM576.50 bagi seorang murid prasekolah di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Berdasarkan enrolmen murid prasekolah yang berumur 5+ tahun bagi tahun 2020, 31.3 peratus murid (149,859 orang) mengikuti prasekolah KPM, 16.9 peratus (81,038 orang) di KEMAS, 3.5 peratus (16,537 orang) di JPNIN, dan 48.3 peratus (231,042 orang) di swasta. Dapatan daripada Bahagian Kewangan menunjukkan KPM telah membelanjakan RM 815,300,276.65 bagi tahun 2020 untuk prasekolah KPM.

Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan purata unjuran kelahiran kanak-kanak bagi tahun 2021 hingga 2030 setahun ialah seramai 543,970 orang kanak-kanak akan mengikuti pendidikan prasekolah dengan mengambil kira enrolmen sejagat ialah 100 peratus. Sekiranya pendidikan wajib pada peringkat prasekolah dilaksanakan, pihak KPM perlu mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi iaitu sebanyak RM3,101,406,877.10 setahun.

Namun, sekiranya ibu bapa atau penjaga berhasrat agar anak / anak jagaan mengikuti pendidikan prasekolah di prasekolah swasta, maka jumlah perbelanjaan yang perlu ditampung oleh KPM akan berkurangan. Pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat sekolah mempunyai implikasi kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Hal ini demikian kerana pada masa ini, pendidikan wajib dalam Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] merujuk kepada pendidikan rendah. Oleh itu, jika pendidikan prasekolah ingin dijadikan pendidikan wajib, maka akta perlu dipinda.

9. PENUTUP

Pendidikan wajib di peringkat prasekolah boleh dilaksanakan setelah mengambil kira kesediaan prasarana, kewangan dan kemahiran guru.

KAJIAN PENILAIAN PELAKSANAAN AMALAN HARIAN KE ARAH PERPADUAN DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Sebelum mencapai kemerdekaan negara, British telah melantik jawatankuasa yang diketuai oleh L.J. Barnes untuk menyelidik dan mengkaji jenis sistem pendidikan yang sesuai diaplikasikan di Tanah Melayu. Jawatankuasa ini lebih dikenali sebagai Penyata Barnes (1951). Fokus utama Penyata Barnes ialah penubuhan pendidikan rendah yang tidak berbentuk perkauman yang menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Penyata Barnes ditentang oleh masyarakat Cina sehingga menghasilkan Penyata Fenn Wu 1951. Penyata ini mencadangkan kewujudan sekolah Cina, mempelajari tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan bahasa ibunda mereka, matlamat pendidikan beridentiti kebangsaan, membina maktab perguruan cina, menambah bantuan kewangan. Namun begitu Penyata Fenn-Wu ini pula telah menimbulkan pertentangan dengan konsep Malayanisasi.

Sistem pendidikan menjadi satu alat perpaduan utama untuk memperkasa masyarakat pelbagai kaum. Pelbagai program pendidikan dilaksanakan bagi melahirkan murid yang bersatu padu, bertolak ansur, penyayang, mempunyai nilai-nilai positif, patriotik, dan berasa bangga terhadap negara. Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) melalui Laporan Razak (1956). Sistem pendidikan kebangsaan telah memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, kurikulum kebangsaan untuk semua sekolah dan peperiksaan yang sama bagi semua murid melaui Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996.

KPM juga mewujudkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mana salah satu keberhasilan bagi sistem Pendidikan Malaysia ialah perpaduan. KPM berhasrat mewujudkan satu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi dalam membentuk dan memperkukuhkan asas perpaduan di Malaysia.

Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2018 kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

seluruh negara bertujuan memaklumkan pengetua dan guru besar tentang penguatkuasaan Garis Panduan Amalan Harian Bagi Perpaduan di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Amalan/aktiviti yang dilakukan adalah dengan mematuhi semua 13 SPI dan surat siaran berkaitan pengukuhan perpaduan di sekolah yang telah dikeluarkan mulai daripada tahun 1975.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan di sekolah KPM. dan memberi input kepada KPM berkaitan perkara tersebut.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

i. Mengenal pasti status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan di sekolah.
ii. Mengenal pasti sejauh mana amalan harian ke arah perpaduan di sekolah dapat menyatupadukan warga sekolah
iii. Mengenal pasti pandangan warga sekolah terhadap kepentingan perpaduan..
iv. Mengenal pasti peranan pentadbir sekolah dalam memastikan amalan ke arah perpaduan dilaksanakan di sekolah.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan untuk meninjau pandangan guru dan pentadbir sekolah tentang status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan di sekolah. Instrumen soal selidik dan temu bual digunakan bagi mengumpul data berkaitan perkara ini.

5. SAMPEL KAJIAN

Sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 126 buah sekolah terdiri daripada 23 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK), 39 buah sekolah kebangsaan (SK), 22 buah sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC), 14 buah sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT), lapan buah sekolah agama bantuan kerajaan menengah (SABK M), sembilan buah sekolah agama bantuan kerajaan rendah (SABK R), enam buah kolej vokasional/sekolah sukan/ sekolah seni dan lima buah sekolah berasrama penuh (SBP). Sekolah yang terlibat terletak di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Selangor, Perak, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Responden kajian terdiri daripada 421 orang guru sekolah menengah, 808 orang guru sekolah rendah, 412 pentadbir sekolah menengah dan 766 pentadbir sekolah rendah. Jumlah responden bagi setiap sekolah ialah 10 orang pentadbir sekolah dan 10 orang guru.

6. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian terdiri daripada dua set soal selidik iaitu soal selidik pentadbir sekolah dan soal selidik guru serta dua protokol temu bual untuk pentadbir sekolah dan guru. Data yang dikumpul melalui soal selidik direkod dan dianalisis menggunakan perisian S*tatistical Package for Sosial Sciences (SPSS)* versi 18.0. Data Kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Persoalan dalam kajian ini melibatkan maklumat dan data yang bersifat nominal, ordinal dan interval. Oleh itu data dalam bentuk taburan iaitu kekerapan, peratusan, nilai min dan beza min bagi pernyataan-pernyataan yang disenaraikan memadai untuk menganalisis dan menghuraikan hasil-hasil penemuan bagi menjawab persoalan kajian. Data daripada temu bual dan soalan terbuka dianalisis dengan menggunakan tema/ pola yang berulang. Kekerapan respons digunakan untuk menentukan tahap kepentingan sesuatu tema. Petikan sebenar daripada maklumat temu bual dilaporkan bagi meningkatkan kesahan maklumat.

7. ANALISIS DATA

Data dikumpul melalui pentadbiran borang soal selidik dan temu bual oleh penyelidik yang datang ke sekolah. Seramai 10 orang pentadbir dan 10 orang guru menjawab soal selidik bagi setiap sekolah. Temu bual dijalankan kepada 20 orang guru dan 20 orang pentadbir. Sebanyak 1260 soal selidik guru dan pentadbir sekolah telah diedarkan, namun hanya 1229 soal selidik guru dan 1178 soal selidik pentadbir sekolah yang berjaya dikutip semula.

8. DAPATAN KAJIAN

8.1 Status Pelaksanaan Amalan Harian Ke Arah Perpaduan di Sekolah Berdasarkan Persepsi Guru dan Pentadbir Sekolah

Secara keseluruhannya status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan berada pada tahap yang tinggi. Guru dan pentadbir sekolah sentiasa melaksanakan enam amalan berikut iaitu menyanyikan Lagu Kebangsaan (Lagu Negaraku) dan Lagu Negeri ketika perhimpunan, mengadakan perhimpunan sekolah, aktiviti sempena sambutan hari kemerdekaan peringkat sekolah, membaca ikrar rukun negara ketika perhimpunan dan memberi penghargaan kepada murid dalam setiap program di sekolah. Walau bagaimanapun terdapat lima amalan yang kurang dilaksanakan oleh guru dan pentadbir sekolah. Amalan itu ialah mengadakan aktiviti Kelab Rukun Negara, aktiviti untuk Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP), aktiviti Hari Kantin (Keusahawanan) Sekolah, sketsa/ lakonan berunsur semangat cintakan

negara dan pertunjukan tarian tradisional pelbagai kaum. Selain itu terdapat dua amalan yang paling rendah tahap pelaksanaannya di sekolah iaitu mengadakan pertandingan debat berunsur perpaduan dan pertunjukan adat istiadat perkahwinan berbilang kaum.

Dapatan juga menunjukkan pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi guru di bandar adalah lebih tinggi berbanding guru di luar bandar. Walau bagaimanapun pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi pentadbir sekolah di bandar dan di luar bandar adalah sama iaitu pada tahap yang tinggi

Tahap pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan di sekolah bagi guru dan pentadbir di SMK dan SK adalah lebih baik berbanding dengan guru dan pentadbir di SMKA/SABK (M), KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan, SJKC dan SABK (R). Guru dan pentadbir SJKT juga adalah lebih baik berbanding dengan SMK, SMKA/SABK (M), KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan, SK, SJKC dan SABK (R). Guru SBP adalah lebih baik berbanding dengan guru di KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan dan guru di SABK (R).

Berdasarkan komposisi kaum murid, pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi pentadbir yang mempunyai murid Melayu 80-99%, 60-79% dan 0% lebih tinggi berbanding dengan pentadbir yang mempunyai 100% murid Melayu. Begitu juga pentadbir yang mempunyai murid Melayu 60-79% lebih tinggi berbanding pentadbir 20-39%, pentadbir mempunyai murid Melayu 0% lebih tinggi berbanding dengan pentadbir yang mempunyai murid Melayu 80-99%, 40-59%, 20-39% dan 1-19%.

Pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi pentadbir yang mempunyai komposisi murid Cina 20-39%,1-19% dan 0% adalah lebih tinggi berbanding dengan pentadbir yang mempunyai murid Cina 80-99%, 60-79% dan 40-59%. Selain itu pelaksanaan pentadbir yang mempunyai murid Cina 1-19% juga adalah lebih tinggi berbanding pentadbir yang mempunyai murid Cina 20-39% dan pentadbir 0%.

Bagi pentadbir yang mempunyai komposisi murid kaum India pula, dapatan menunjukkan pentadbir yang mempunyai 100% murid India dan mempunyai murid 80-99% adalah lebih tinggi pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan berbanding dengan pentadbir yang mempunyai murid India 60-79%, 20-39%,1-19% dan 0%.. Selain itu skor min pentadbir yang mempunyai murid India 80-99% lebih tinggi berbanding dengan pentadbir yang mempunyai 100% murid India dan pentadbir yang mempunyai murid India 1-19% lebih tinggi berbanding pentadbir yang mempunyai murid India 0%.

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi pentadbir yang mempunyai komposisi murid Bumiputera Sabah 40-59%, 1-19% dan 0% adalah lebih tinggi berbanding dengan pentadbir yang mempunyai komposisi murid kaum bumiputera Sabah 80-99% di sekolahnya.

Dapatan juga menunjukkan persepsi pentadbir terhadap tahap pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan di sekolah bagi pentadbir yang mengikuti kursus Penerapan Nilai Perpaduan IAB adalah lebih baik berbanding pentadbir yang tidak mengikuti kursus ini.

8.2 Kesan Amalan Harian Ke Arah Perpaduan dalam Menyatupadukan Warga Sekolah Berdasarkan Persepsi Guru dan Pentadbir Sekolah.

Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya amalan harian ke arah perpaduan berada pada tahap yang tinggi dalam menyatupadukan warga sekolah.

Guru dan pentadbir sekolah berpandangan sambutan hari kemerdekaan peringkat sekolah, memberi salam apabila berjumpa di kawasan sekolah, memberi bantuan jika warga sekolah terlibat dalam bencana, pelaksanaan amalan guru penyayang, menanam semangat patriotisme dalam program yang diadakan di sekolah, membaca ikrar rukun negara ketika perhimpunan sekolah dan menyanyikan Lagu Kebangsaan sangat berkesan dalam menyatupadukan warga sekolah. Walau bagaimanapun terdapat satu amalan yang berada pada tahap sederhana iaitu mengadakan pertunjukan adat istiadat perkahwinan berbilang kaum.

Dapatan kajian turut menunjukkan amalan harian ke arah perpaduan guru di bandar lebih berkesan dalam menyatupadukan warga sekolah berbanding guru di luar bandar. Hal ini berbeza dengan pentadbir sekolah di mana amalan harian pentadbir di bandar dan di luar bandar adalah sama berkesan dalam menyatupadukan warga sekolah.

Dapatan juga menunjukkan amalan harian ke arah perpaduan guru dan pentadbir di SJKT lebih berkesan dalam menyatupadukan warga sekolah berbanding amalan harian guru dan pentadbir di SMK, SMKA/SABK (M), KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan, SJKC dan SABK (R). Amalan harian guru SK juga lebih berkesan dalam menyatupadukan warga sekolah berbanding amalan harian guru di KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan, SJKC dan SABK (R).

8.3 Pandangan Warga Sekolah Terhadap Kepentingan Perpaduan

Secara keseluruhannya tahap persetujuan guru dan pentadbir terhadap kepentingan perpaduan berada pada tahap yang tinggi. Guru dan pentadbir sangat bersetuju bahawa perpaduan adalah penting di negara berbilang bangsa, rakyat berbilang bangsa, agama, budaya dan bahasa perlu bersatu padu untuk mencapai kemajuan negara, rakyat yang bersatu padu akan hidup aman damai, masa depan negara bergantung kepada perpaduan antara kaum, semangat patriotisme merupakan intipati keutuhan negara, perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum merupakan asas kepada kestabilan negara, sistem pendidikan harus berupaya menjadi alat perpaduan utama yang memperkasakan masyarakat pelbagai kaum dan bahasa kebangsaan merupakan alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang bangsa.

Tahap persetujuan guru sekolah di luar bandar tentang kepentingan perpaduan adalah lebih tinggi berbanding guru di bandar. Walau bagaimanapun tahap persetujuan pentadbir sekolah di bandar dan luar bandar terhadap kepentingan perpaduan adalah sama.

Tahap persetujuan guru SBP, guru SK dan guru SJKT tentang kepentingan perpaduan adalah lebih tinggi berbanding dengan guru di KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/Sekolah Sukan, SJKC dan SABK (R). Tahap persetujuan pentadbir di SMK dan pentadbir SK tentang kepentingan perpaduan adalah lebih tinggi berbanding dengan pentadbir di KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/ Sekolah Sukan.

Selain itu, tahap persetujuan pentadbir SMKA/SABK (M) tentang kepentingan perpaduan adalah lebih tinggi berbanding dengan pentadbir di SBP, KV/SMTeknik/ Sekolah Seni/ Sekolah Sukan, SJKC dan SABK (R). Tahap persetujuan pentadbir SJKT tentang kepentingan perpaduan juga adalah lebih tinggi berbanding dengan pentadbir di SBP dan guru di KV/S MTeknik/Sekolah Seni/Sekolah Sukan.

8.4 Peranan Pentadbir Sekolah dalam Memastikan Amalan Harian ke Arah Perpaduan Dilaksanakan di Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima amalan yang paling banyak dilaksanakan oleh pentadbir iaitu membudayakan warga sekolah agar memberi salam dan memberi senyuman apabila berjumpa di dalam kawasan sekolah, memaklumkan kepada guru untuk menegaskan penghayatan elemen perpaduan semasa PdP, menegaskan mengenai perpaduan dalam semua program yang dijalankan di sekolah dan menerapkan tema perpaduan dalam setiap ucapan di perhimpunan mingguan.

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan terdapat lima perkara yang separuh pentadbir tidak melaksanakannya iaitu menyediakan dokumen pemantauan dan penilaian keberkesanan aktiviti perpaduan, melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan program perpaduan secara terancang, mendokumenkan hasil pemantauan sebagai rujukan dan mengetahui objektif penubuhan Jawatankuasa Perpaduan Sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat dua perkara yang paling kurang pentadbir sekolah melaksanakannya iaitu menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Sekolah dan melibatkan PIBG dalam Jawatankuasa Perpaduan Sekolah.

9. CADANGAN KAJIAN

9.1 Murid Di Sekolah Kebangsaan Digalakkan Agar Mengambil Bahasa Tambahan Seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dan Pembelajaran Bahasa Ini Dimasukkan dalam Jadual Waktu.

Sekolah yang mempunyai komposisi 100% satu kaum guru dan murid menunjukkan status pelaksanaan amalan harian yang agak rendah berbanding sekolah yang mempunyai komposisi murid dan guru berbilang kaum. Sehubungan itu dicadangkan murid di SK digalakkan agar mengambil bahasa tambahan seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dan pembelajaran bahasa ini dimasukkan dalam jadual waktu. Walau bagaimanapun hal ini perlu melihat kepada bilangan guru yang mencukupi untuk mengajar bahasa tersebut. Jika penawaran bahasa tidak dapat dilaksanakan, penubuhan kelab bahasa tersebut juga boleh dilaksanakan untuk menarik minat murid mempelajari bahasa tersebut.

9.2 Pelbagaikan Aktiviti Perpaduan di Sekolah Agar Lebih Menarik dan Murid Berbilang Kaum Perlu Dilibatkan dalam Aktiviti Itu.

Secara keseluruhannya guru dan pentadbir sekolah menyatakan status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun amalan yang sentiasa dilaksanakan merupakan amalan rutin seperti menyanyikan Lagu Kebangsaan (Lagu Negaraku) dan Lagu Negeri ketika perhimpunan, mengadakan perhimpunan sekolah, mengadakan aktiviti sempena sambutan hari kemerdekaan, membaca ikrar rukun negara dan memberi penghargaan kepada murid dalam setiap program di sekolah. Oleh itu dicadangkan supaya aktiviti atau program perpaduan dipelbagaikan untuk menarik minat murid menyertainya dan murid berbilang kaum perlu dilibatkan dalam aktiviti atau program tersebut. Contoh aktviti yang boleh dilaksanakan ialah Hari Perpaduan Sekolah, Konsert Hujung Tahun, Pesta Budaya dan lain-lain lagi. Aktiviti atau program perpaduan ini boleh dilaksanakan oleh kelab atau persatuan sedia ada di sekolah.

9.3 Ahli Jawatan Kuasa Program RIMUP Perlu Diwujudkan Semula di Setiap Sekolah dan Pihak Sekolah Perlu Kreatif dalam Menjalankan Aktiviti RIMUP

Dapatan kajian menunjukkan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) kurang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Banyak sekolah juga tidak mempunyai ahli jawatan kuasa RIMUP terutama sekolah yang mempunyai majoriti satu kaum. Oleh itu dicadangkan setiap sekolah perlu menubuhkan kembali ahli jawatankuasa RIMUP dan pihak sekolah perlu kreatif dalam menjalankan aktiviti RIMUP dengan bantuan daripada Sarana ibu bapa. Aktiviti RIMUP adalah penting untuk menggalakkan integrasi kaum dalam kalangan murid dan guru.

9.4 SPI Berkaitan Amalan Perpaduan (13 SPI) Perlu Dilihat Semula Kerana SPI Sedia Ada Tidak Menyebut Secara Jelas Tentang Perpaduan

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat guru dan pentadbir yang tidak mengetahui tentang kewujudan 13 SPI yang telah dikeluarkan mulai tahun 1975 adalah berkaitan amalan harian ke arah perpaduan yang perlu dilaksanakan di sekolah . SPI ini hanya menunjukkan perpaduan sebagai hasil sampingan dan tidak menegaskan fokus utamanya adalah untuk perpaduan. Sehubungan dengan itu dicadangkan agar KPM melihat kembali semua SPI berkaitan amalan perpaduan dan dibuat penambahbaikan agar penekanan kepada perpaduan lebih jelas dan dapat difahami oleh semua pihak.

9.5 Pemantauan dan Penataran Tentang Aktiviti Perpaduan di sekolah perlu dilaksanakan oleh PPD dan JPN.

Dapatan kajian menunjukkan hampir separuh daripada pentadbir yang menjadi responden kajian ini tidak menyediakan dokumen pemantauan aktiviti, dan penilaian keberkesanan aktiviti dan tidak melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan program perpaduan secara terancang. Selain itu pentadbir juga tidak mendokumenkan hasil pemantauan sebagai rujukan. Dapatan juga menunjukkan guru dan pentadbir tidak mengetahui tentang kewujudan SPI Bil. 9 Tahun 2019 yang menguatkuasakan pelaksanaan amalan harian di sekolah. Oleh itu dicadangkan agar pegawai di PPD dan JPN yang bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan perpaduan dan membuat penataran tentang SPI atau aktiviti perpaduan di sekolah.

9.6 Kursus Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pentadbir Sekolah Anjuran IAB diperluaskan.

Dapatan menunjukkan status pelaksanaan amalan harian ke arah perpaduan bagi pentadbir yang mengikuti Kursus Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pentadbir Sekolah Anjuran IAB adalah lebih baik berbanding pentadbir yang tidak mengikuti kursus ini. Sehubungan itu dicadangkan kursus ini diperluaskan kepada lebih ramai pentadbir kerana setakat ini hanya 500 orang pentadbir daripada seluruh negara yang mengikuti kursus ini.

10. PENUTUP

Amalan harian ke arah perpaduan di sekolah secara keseluruhannya dilaksanakan pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun masih terdapat amalan perpaduan yang perlu dipergiatkan lagi. Oleh itu, program/amalan dan aktiviti untuk memupuk perpaduan di sekolah perlu dilaksanakan secara terancang, teratur dan berstuktur. Untuk tujuan itu, peruntukan khusus untuk menjayakan aspirasi sistem ini perlu diberi keutamaan. Melalui pelbagai usaha yang dilakukan, diharapkan semangat perpaduan akan terus subur dalam kalangan warga sekolah seterusnya melahirkan generasi yang bersatu padu demi keamanan dan kesejahteraan negara.

KAJIAN PENILAIAN KELAS PERALIHAN

1. PENGENALAN

Akta Pelajaran 1961 mewajibkan murid dari sekolah jenis kebangsaan yang bahasa pengantarnya bukan Bahasa Melayu mengikuti kelas Peralihan sebelum meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan Satu. Kelas Peralihan mula diperkenalkan sejak tahun 1960 sebagai satu program transisi selama satu tahun di sekolah menengah untuk semua murid lepasan sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina (C) dan SJK Tamil (T). Matlamat kelas peralihan ialah supaya murid lepasan SJK(C) dan SJK(T) menguasai proses peralihan bahasa pengantar daripada bahasa ibunda di sekolah rendah kepada Bahasa Melayu (BM) di sekolah menengah.

Data Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) menunjukkan 12,586 orang murid kelas Peralihan telah mengambil Peperiksaan Akhir Tahun 2019. Walau bagaimanapun bagi mata pelajaran BM, 46.4 peratus (5,837 orang) mendapat gred F atau tidak hadir manakala 56.1 peratus (7,056 orang) mendapat gred F atau tidak hadir dalam mata pelajaran berkenaan.

Murid banyak menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian menyebabkan minat mereka terhadap BM rendah kerana penggunaanya yang kurang. Walau bagaimanapun, terdapat juga guru yang telah mengambil pelbagai langkah dalam meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan murid kelas Peralihan, Murid kelas Peralihan memerlukan kaedah pengajaran yang baik dan sokongan dari pelbagai pihak untuk memperbaiki tahap penguasaan BM mereka. Sungguhpun begitu, masih terdapat ibu bapa/penjaga yang mahu anak mereka terus ke Tingkatan Satu tanpa mengikuti kelas Peralihan. Ibu bapa/penjaga masih membuat rayuan untuk anak mereka walaupun keputusan mata pelajaran BM dalam UPSR yang anak mereka peroleh adalah gred E.

Sehubungan dengan itu, cabutan minit Mesyuarat Profesional KPM Bilangan 03/2020 Perkara 3.8.5 telah memutuskan agar satu kajian yang komprehensif tentang penilaian pelaksanaan kelas Peralihan dilaksanakan oleh BPPDP.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kelas Peralihan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Meninjau pelaksanaan kelas Peralihan.
ii. Mengenal pasti keberkesanan kelas Peralihan.
iii. Mengenal pasti cabaran pelaksanaan kelas Peralihan.

4. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan reka bentuk gabungan (kuantitatif dan kualitatif). Populasi kajian terdiri daripada 13,182 orang murid kelas Peralihan daripada 635 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia yang mempunyai kelas Peralihan. Pemilihan sampel adalah secara rawak berstrata. Pendekatan kuantitatif melibatkan 1090 responden murid kelas Peralihan (375 murid Peralihan 2020, 363 murid Peralihan 2019, 352 murid Peralihan 2018), 51 guru BM dan 51 guru Amalan Bahasa Melayu (ABM). Tiga set soal selidik bagi guru BM, guru ABM dan murid Peralihan telah ditadbir di sekolah. Selain daripada itu, protokol temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada pentadbir, guru BM, guru ABM, murid Peralihan, ibu bapa/penjaga dan pegawai yang menguruskan kelas Peralihan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Analisis dokumen untuk mendapatkan trend keputusan peperiksaan akhir tahun kelas peralihan berdasarkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) telah juga dianalisis.

Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23 digunakan untuk menganalisis data kuantitatif berbentuk deskriptif yang melibatkan huraian mengenai demografi responden. Analisis deskriptif yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian adalah berbentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

4. DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian merangkumi soalan kajian bagi menilai pelaksanaan kelas Peralihan seperti berikut:

4.1 Status Pengurusan Kelas Peralihan

Proses kemasukan murid ke kelas Peralihan

PPD telah menguruskan proses kemasukan ke kelas Peralihan mengikut surat siaran yang berkuat kuasa. Terdapat juga murid yang ingin terus ke Tingkatan Satu tanpa kelas Peralihan membuat rayuan dan dibincangkan menerusi pembentukan jawatankuasa pemilihan.

Namun masih ada juga yang tidak selaras. Terdapat juga pembabitan pihak sekolah dalam membantu murid serta ibu bapa mengemukakan rayuan terus ke Tingkatan Satu tanpa kelas Peralihan kepada pihak PPD.

Penetapan guru yang mengajar kelas Peralihan

Guru yang mengajar kelas Peralihan dipilih mengikut opsyen, kebolehan guru untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda murid, dan pengalaman guru mengajar. Guru yang berpengalaman dilihat berupaya mengendalikan murid kelas Peralihan.

Perbekalan bahan/sumber PdP

Guru menggunakan bahan/sumber tambahan seperti buku rujukan, bahan bacaan tambahan dan BBM (komputer dan LCD) mengikut ketersediaan bahan/sumber ini di sekolah. Namun, guru juga memerlukan bahan sumber pengajaran seperti modul untuk membantu mereka mengajar.

Pemahaman ibu bapa/penjaga mengenai kelas Peralihan

Ibu bapa murid kelas Peralihan mempunyai kefahaman yang berbeza-beza antara satu sama lain tentang kelas ini. Ada dalam kalangan ibu bapa yang faham fungsi, syarat dan prosedur kemasukan ke kelas Peralihan. Namun begitu terdapat juga ibu bapa yang kurang cakna tentang fungsi, syarat dan prosedur kemasukan anak mereka ke kelas Peralihan.

Pemantauan pengurusan kelas Peralihan

Pentadbir sekolah telah menjalankan pemantauan terhadap pengurusan kelas Peralihan dari segi pelaksanaan PdP, hasil kerja murid dan disiplin. Pemantauan oleh pihak KPM/JPN dan PPD lebih tertumpu kepada pencerapan PdPc di bilik darjah.

Pelaksanaan PdP Guru

Berdasarkan analisis secara keseluruhan didapati tahap pengajaran guru BM di kelas Peralihan adalah tinggi. Tahap penilaian konstruk dalam pengajaran guru iaitu komponen perancangan pengajaran, insentif pengajaran, dan peruntukan masa untuk pengajaran berada pada tahap tinggi manakala komponen aras pengajaran berada pada tahap tinggi. Pengajaran guru ABM pula berada pada tahap tinggi. Komponen perancangan pengajaran, insentif pengajaran dan peruntukan masa untuk pengajaran berada pada tahap tinggi manakala komponen aras pengajaran berada pada tahap sederhana.

Pendekatan pengajaran

Berdasarkan temu bual dengan murid, guru melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran BM dan ABM seperti kuiz, *project-based learning,* penyelesaian masalah secara kolaboratif dan *fun learning* secara kerja berkumpulan. Walau bagaimanapun, guru perlu menguasai teknik pedagogi yang berkaitan dengan PdP kolaboratif agar wujud interaksi aktif antara guru dengan murid atau antara murid dengan murid kerana terdapat juga murid kelas Peralihan ini yang agak pasif akibat halangan bahasa (*language barrier)*.

Sikap murid terhadap pembelajaran

Sikap murid kelas Peralihan tahun 2020 terhadap pembelajaran secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Murid kurang berminat dengan latihan tambahan bagi meningkatkan lagi penguasaan BM dan mencari maklumat dalam bahasa Melayu.

4.2 Kurikulum Kelas Peralihan

Kurikulum BM

Tahap persepsi guru tentang keberkesanan kurikulum BM kelas Peralihan adalah sederhana (min=3.48; s.p.=0.46). Murid kelas Peralihan berupaya mendengar dan menyebut perkataan serta istilah BM yang merupakan kemahiran paling asas dalam pemerolehan ilmu BM kelas Peralihan. Mereka juga dapat menghayati nilai murni, sikap positif dan semangat patriotik. Namun, terdapat juga murid kelas Peralihan yang masih tidak berupaya menyampaikan maklumat, mengimlak (*dictate*) dan menyampaikan idea mereka dalam pelbagai bentuk penulisan.

Keberkesanan kurikulum BM kelas Peralihan mengikut persepsi murid kelas Peralihan tahun 2020 adalah sederhana (min=2.96, s.p.=0.72). Murid berupaya mendengar dan menyebut perkataan dan ayat BM yang merupakan kemahiran paling asas dalam PdP BM dan sering diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Murid kurang mahir menulis semula ayat secara teratur, menulis semula perkataan dan ayat yang dibacakan dan mencatat maklumat daripada bahan yang dibaca untuk menghasilkan pelbagai jenis penulisan.

Namun begitu, guru BM juga menyatakan bahawa aras Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) agak tinggi jika dibandingkan dengan keupayaan murid khususnya bagi kemahiran membaca yang merangkumi pelbagai jenis bahan bacaan dan aspek seni bahasa yang tertentu kurang sesuai dengan kemampuan murid.

Kurikulum ABM

Tahap persepsi guru tentang keberkesanan kurikulum ABM kelas Peralihan adalah tinggi (min=3.58, s.p.=0.48) manakala keberkesanan bidang dalam mata pelajaran ABM seperti Matematik (min=3.64, s.p.=0.55), Sains (min=3.62, s.p.=0.45), Reka Bentuk dan Teknologi (min=3.55, s.p.=0.54) dan Sejarah (min=3.50, s.p.=0.55) berada pada tahap tinggi. Guru berpendapat bahawa mereka berupaya melaksanakan PdP ABM yang membolehkan murid menghayati nilai murni masyarakat Malaysia serta menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Persepsi murid tahun 2020 tentang keberkesanan kurikulum ABM kelas Peralihan adalah pada tahap sederhana (m=2.85; s.p.=0.83). Persepsi murid terhadap empat bidang mata pelajaran seperti Sains, Matematik, Sejarah dan Reka Bentuk dan Teknologi adalah pada tahap sederhana. Bidang yang diminati oleh murid adalah Matematik (min=3.01), RBT(min=2.78), Sains (min=2.75) dan Sejarah (3.50). Murid lebih mudah mempelajari bidang Matematik kerana murid membentuk dan meneroka idea matematik melalui pengalaman dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan kehidupan seharian. Tahap persepsi murid terendah ialah pembelajaran bidang Sejarah yang memerlukan murid menyampaikan maklumat secara lisan dalam bahasa Melayu mengenai bidang Sejarah. Murid terhad untuk berkomunikasi menggunakan kosa kata umum dan istilah sejarah yang dianggap sukar untuk memerihalkan dan menyatakan kronologi sesuatu peristiwa.

4.3 Keperluan Latihan Guru

Majoriti guru BM menghadiri kurus berkaitan dengan kurikulum baharu kelas Peralihan dan kursus lain yang berkaitan kurikulum. Manakala majoriti guru ABM tidak pernah menghadiri kursus KSKP dan mereka memerlukan kursus lain yang boleh membantu PdP mereka seperti kursus pemulihan khas kerana terdapat murid yang mengalami masalah pembelajaran.

4.4 Perbekalan Bahan Sumber

Pihak sekolah menyediakan bahan sumber pengajaran khusus untuk pengajaran BM dan ABM di kelas Peralihan. Walau bagaimanapun, guru memerlukan bahan sumber pengajaran yang lebih khusus mengikut kemampuan pembelajaran murid seperti bahan bacaan mudah/ tahap rendah, modul pengajaran dan bahan pembelajaran multimedia.

4.5 Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kelas Peralihan

Ibu bapa memberi sokongan kepada anak mereka di kelas Peralihan dengan turut bersama-sama menyertai aktiviti/program anjuran pihak sekolah, menyediakan tuisyen, memantau dan membantu anak mereka menyiapkan kerja rumah. Pihak sekolah sentiasa bersedia

untuk berbincang tentang pembelajaran murid kelas Peralihan namun terdapat juga ibu bapa yang kurang memberi sokongan terhadap usaha berkenaan.

4.6 Pencapaian Murid Kelas Peralihan

Pencapaian murid kelas Peralihan dalam Peperiksaan Akhir Tahun menunjukkan bilangan murid kelas Peralihan lulus (gred A hingga E) meningkat dari tahun 2017 hingga tahun 2019. Soalan Peperiksaan Akhir Tahun ini digubal oleh guru yang mengajar kelas Peralihan. Penguasaan BM murid kelas Peralihan dari aspek pembacaan, penulisan dan komunikasi juga meningkat. Ibu bapa juga mengatakan anak mereka menunjukkan pandangan perubahan peribadi, kematangan dan pencapaian. Perubahan sikap yang bergantung pada murid itu sendiri membawa kepada peningkatan pencapaian ini. Tidak dinafikan juga, peranan guru, persekitaran sekolah dan kurikulum kelas Peralihan dapat memperkukuh penguasaan BM di samping pemupukan semangat perpaduan, patriotisme dan nilai-nilai murni dalam diri murid. Di samping itu, terdapat juga Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang mengalami masalah pembelajaran di kelas Peralihan.

4.7 Cabaran Pelaksanaan Kelas Peralihan

i. Masalah komunikasi murid

Murid kelas Peralihan didapati mempunyai masalah komunikasi dalam berbahasa Melayu. Majoriti peserta temu bual menyatakan bahawa murid kelas Peralihan mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah dan lebih cenderung bertutur dalam bahasa ibunda sendiri.

ii. Masalah sikap dan disiplin murid

Masalah sikap dan disiplin murid meliputi mudah hilang fokus, suka bising, dan tidak menghormati guru. Apabila murid tidak faham mesej atau perkara yang disampaikan, mereka hilang minat dan seterusnya menimbulkan masalah disiplin yang boleh menyebabkan PdP terganggu.

iii. Pengetahuan kandungan mata pelajaran ABM

Guru yang mengajar mata pelajaran ABM kurang jelas dengan skop dan kandungan ABM. Guru tiada opsyen khas untuk mata pelajaran ABM, maka mereka tiada kepakaran untuk mengajar mata pelajaran ini.

iv. Keberadaan murid berkeperluan khas (MBK) dalam kelas Peralihan

MBK dan murid bermasalah pembelajaran yang ditempatkan dalam kelas Peralihan memerlukan guru menggunakan pendekatan yang berbeza dan bersesuaian dalam memastikan pebelajaran mereka.

v. Tekanan daripada ibu bapa

Pihak sekolah dan PPD perlu berhadapan dengan ibu bapa yang memohon supaya anak mereka tidak ditempatkan di kelas Peralihan dan terus ke Tingkatan Satu walaupun tidak memenuhi syarat yang ditetapkan atau ingin anak mereka ditempatkan di sekolah pilihan.

5. CADANGAN KAJIAN

Dapatan kajian mencadangkan kelas Peralihan ditambah baik dengan:

i. Guru yang mengajar mata pelajaran ABM

Sekolah diberi pilihan untuk menetapkan beberapa orang guru untuk melaksanakan PdP ABM yang melibatkan empat bidang yang berlainan. Berdasarkan keperluan ini, SPI berkaitan perkara ini perlu dikemas kini.

ii. Kawalan bilangan kelas dan enrolmen murid kelas Peralihan

Agihan murid ke kelas Peralihan perlu dilaksanakan secara seimbang oleh PPD supaya terdapat kawalan terhadap bilangan kelas dan juga enrolmen murid kelas Peralihan di sesebuah sekolah. Hal ini dapat mengurangkan isu dalam pengurusan murid kelas Peralihan di sekolah.

iii. Penghasilan modul mata pelajaran ABM

Modul pengajaran yang mencakupi empat bidang bagi pengajaran ABM dihasilkan bagi mempermudahkan guru membantu murid mencapai tahap penguasaan cemerlang berdasarkan Standard Prestasi dalam DSKP.

iv. Program pemulihan khas MBK di kelas Peralihan

MBK perlu diberi bimbingan sewajarnya supaya supaya dapat mengikuti pembelajaran di kelas Peralihan dengan baik. Laluan pendidikan bagi MBK seharusnya dikenal pasti lebih awal di sekolah rendah.

vi. Peningkatan penguasaan BM pada peringkat sekolah rendah

Tumpuan untuk meningkatkan penguasaan BM murid yang berada di SJK perlu dititikberatkan. Pemantauan oleh pihak yang bertanggungjawab adalah perlu bagi memastikan lebih ramai murid daripada SJK dapat menguasai dan lulus BM, seterusnya mengurangkan enrolmen murid ke kelas Peralihan.

6. PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan masih terdapat keperluan untuk meneruskan kelas Peralihan bagi memastikan murid lepasan SJK dapat menguasai proses peralihan daripada bahasa ibunda di sekolah rendah kepada bahasa Melayu (BM) di sekolah menengah. Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan pelaksanaan kelas Peralihan bagi meningkatkan keberkesanan kelas yang yang dijalankan. Adalah diharapkan melalui penambahbaikan ini, lebih ramai murid kelas Peralihan menguasai bahasa Melayu dan menunjukkan pencapaian yang baik sepanjang tempoh persekolahan mereka sehingga akhirnya bilangan murid kelas Peralihan dapat dikurangkan dan menghapuskan kelas Peralihan pada masa akan datang.

KAJIAN PENILAIAN PROGRAM SEKOLAH ANGKAT DALAM MENYOKONG PENDIDIKAN KEWANGAN

1. PENGENALAN

Sektor swasta memainkan peranan penting dalam menyokong sistem pendidikan negara. Atas kesedaran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan inisiatif Kerjasama Awam-Swasta (PPP) dalam pendidikan sebagai satu usaha untuk mengiktiraf dan menggalakkan sektor swasta terlibat bersama sebagai rakan dalam pendidikan di Malaysia. Pelaksanaan program sekolah angkat merupakan salah satu kategori PPP. Antara program sekolah angkat yang dilaksanakan ialah program sekolah angkat PINTAR yang dilaksanakan oleh PINTAR Foundation dan program sekolah angkat di bawah kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), KPM, dan penyedia perkhidmatan kewangan.

Program Sekolah Angkat (PSA) di bawah usaha sama antara BNM, KPM, dan penyedia perkhidmatan kewangan diperkenalkan pada tahun 1997 sebagai inisiatif untuk menyokong Kempen Galakan Menabung di peringkat kebangsaan. Program ini bertujuan memupuk tabiat menabung dalam kalangan murid, mendedahkan murid kepada pengurusan wang saku dan konsep asas kewangan, serta pengetahuan tentang peranan dan operasi institusi kewangan. Di bawah program ini, setiap sekolah dijadikan sekolah angkat kepada sebuah penyedia perkhidmatan kewangan yang terdiri daripada institusi perbankan konvensional dan perbankan Islam, institusi kewangan pembangunan dan syarikat insurans hayat.

Bermula tahun 2011, peranan PSA telah diperkasa selaras dengan hala tuju Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 bagi mempertingkat pendidikan kewangan. Dalam hal ini, bank angkat berperanan menyokong guru-guru di sekolah angkat masing-masing semasa pelaksanaan integrasi pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah. Peranan yang dimainkan oleh bank angkat termasuklah bertindak sebagai pakar bidang untuk memberikan maklumat, panduan, dan nasihat tentang aspek teknikal pengurusan kewangan, produk dan perkhidmatan serta elemen celik kewangan.

Bagi terus memperkukuh pembelajaran elemen pendidikan kewangan yang disampaikan dalam bilik darjah, pelbagai program celik kewangan eksklusif (*signature programme*) yang kreatif dan inovatif telah dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Pelaksanaan PSA ini dilihat sebagai satu platform kokurikulum untuk memperkukuh pendidikan kewangan yang telah diterapkan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Penerapan pendidikan kewangan baik dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum ini adalah selaras dengan Strategi Keutamaan 1 (SK 1) iaitu "Memupuk nilai murni sejak usia muda" yang telah dipertanggungjawabkan pelaksanaannya kepada KPM oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Peringkat Tertinggi (JPPT) bagi Pendidikan Kewangan yang bermesyuarat pada 16 Februari dan 12 September 2017. SK1 merupakan salah satu Strategi Keutamaan untuk Literasi Kewangan yang digariskan oleh Jawatankuasa Pelaksana Jaringan Pendidikan Kewangan Kebangsaan (JPKK) pada tahun 2017.

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil 7/2019 bertarikh 8 Mei 2019 telah mengambil maklum tentang cadangan daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum berkaitan aktiviti dalam Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2019-2023 Mengikut Bahagian KPM. Salah satu aktiviti yang dicadangkan ialah pelaksanaan Kajian Penilaian Program Sekolah Angkat dalam Menyokong Pendidikan Kewangan pada tahun 2020.

2. TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan dan keberkesanan Program Sekolah Angkat dalam menyokong pendidikan kewangan.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk gabungan *(mixed method)* yang mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina. Data dalam kajian ini diperolehi menerusi soal selidik dan protokol temu bual. Pemilihan sampel kajian adalah secara rawak berstrata. Kajian ini melibatkan 729 orang responden guru dan 832 orang responden murid.

Kajian ini melibatkan analisis data kuantitatif dan kualitatif. Perisian *IBM Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0 telah digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Analisis deskriptif yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini ialah frekuensi, peratus, min, dan sisihan piawai. Selain itu, analisis inferensi *ChiSquare* dan ujian-t sampel tidak bersandar juga digunakan untuk melihat perbezaan tabiat menabung, pengurusan wang saku, dan pengetahuan asas kewangan antara kumpulan dari sekolah yang melaksanakan PSA dengan sekolah yang tidak melaksanakan PSA.

Analisis data kualitatif melibatkan analisis temu bual. Data temu bual melalui transkrip telah dianalisis secara manual. Data-data telah dikodkan melalui pembentukan tema berulang. Perkaitan antara tema dan subtema juga dibuat bagi menggambarkan wujudnya interaksi antara maklumat yang diperoleh.

4. DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 729 orang responden guru dan 832 orang responden murid. Bagi responden murid, 412 orang adalah peserta PSA manakala 420 orang bukan peserta PSA. Bagi responden guru, 320 orang adalah dari sekolah yang melaksanakan PSA manakala 359 orang adalah dari sekolah yang tidak melaksanakan PSA. Kajian ini juga melibatkan temu bual dengan pentadbir sekolah, guru penyelaras PSA, peserta PSA, pegawai Bahagian KPM, pegawai BNM, dan pegawai penyedia perkhidmatan kewangan.

4.1 Status pelaksanaan Program Sekolah Angkat

Kajian ini menunjukkan bahawa bagi sekolah yang melaksanakan PSA, aktiviti yang paling banyak dilaksanakan adalah kempen menabung, diikuti dengan ceramah berkaitan pendidikan kewangan, aktiviti celik kewangan eksklusif (*signature programme*) anjuran bank angkat, dan pengedaran BWS. Aktiviti yang kurang dilaksanakan ialah lawatan ke premis bank angkat/BNM, membantu pelaksanaan aktiviti Kelab Kewangan Pelajar Sekolah atau kelab lain yang berkaitan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil penyedia perkhidmatan kewangan yang menyediakan aktiviti pendidikan kewangan untuk guru. Pelaksanaan PSA untuk kebanyakan sekolah adalah terhad pada aktiviti tertentu dan tidak konsisten.

4.2 Tabiat menabung murid

Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti murid, baik peserta PSA mahupun bukan peserta PSA mempunyai tabiat menabung.

4.3 Perbandingan tabiat menabung antara peserta PSA dengan bukan peserta PSA

Peratusan peserta PSA yang mengamalkan tabiat menabung lebih tinggi berbanding dengan bukan peserta PSA. Namun, analisis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam tabiat menabung antara peserta PSA dengan bukan peserta PSA.

4.4 Tahap pengurusan wang saku murid

Kajian ini menunjukkan murid, baik peserta PSA mahupun bukan peserta PSA mempunyai tahap pengurusan wang saku yang tinggi.

4.5 Perbandingan tahap pengurusan wang saku antara peserta PSA dengan bukan peserta PSA

Murid yang bukan peserta PSA mempunyai tahap pengurusan wang saku yang lebih tinggi berbanding dengan peserta PSA. Namun, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pengurusan wang saku antara peserta PSA dengan bukan peserta PSA.

4.6 Tahap pengetahuan asas kewangan murid

Kajian ini menunjukkan murid, baik peserta PSA mahupun bukan peserta PSA mempunyai tahap pengetahuan asas kewangan yang tinggi.

4.7 Perbandingan tahap pengetahuan asas kewangan antara peserta PSA dengan bukan peserta PSA

Peserta PSA mempunyai tahap pengetahuan asas kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan bukan peserta PSA. Namun, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan asas kewangan antara kedua-dua kumpulan murid tersebut.

4.8 Tahap pengetahuan asas kewangan guru

Kajian ini menunjukkan guru, baik dari sekolah yang melaksanakan PSA mahupun dari sekolah yang tidak melaksanakan PSA mempunyai tahap pengetahuan asas kewangan yang tinggi.

4.9 Perbandingan tahap pengetahuan asas kewangan antara guru dari sekolah yang melaksanakan PSA dengan guru dari sekolah yang tidak melaksanakan PSA

Guru dari sekolah yang melaksanakan PSA mempunyai tahap pengetahuan asas kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan guru dari sekolah yang tidak melaksanakan PSA. Analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan asas kewangan antara kedua-dua kumpulan guru tersebut.

4.10 Cabaran pelaksanaan Program Sekolah Angkat

Cabaran yang dikenal pasti untuk PSA adalah ketidaksampaian maklumat PSA, ketiadaan pemantauan yang berterusan, pelaksanaan aktiviti yang tidak konsisten, pelibatan sekolah yang tidak menyeluruh, ketidaksesuaian pendekatan pelaksanaan aktiviti, sokongan pihak sekolah, dan ketiadaan keselarasan pelaksanaan program.

5. CADANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program ini boleh diteruskan dengan melakukan penambahbaikan. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dihuraikan, beberapa cadangan kajian telah dikenal pasti bagi membolehkan penambahbaikan dilaksanakan ke atas program ini sekiranya program ini diteruskan. Cadangan kajian adalah seperti berikut:

i. Penetapan surat pekeliling dan garis panduan pelaksanaan Program Sekolah Angkat;
ii. Penjenamaan semula Program Sekolah Angkat;
iii. Penyebaran maklumat berkaitan program;
iv. Bimbingan kepada guru;
v. Agihan semula sekolah angkat;
vi. Pemantauan yang berterusan oleh KPM dan BNM; dan
vii. Pengiktirafan ke atas aktiviti PSA.

6. PENUTUP

Kajian ini mendapati tidak banyak sekolah yang melaksanakan program ini. Bagi sekolah yang melaksanakan PSA, pelaksanaan PSA untuk kebanyakan sekolah adalah terhad pada aktiviti tertentu dan tidak konsisten. Pelaksanaan PSA yang sedia ada juga didapati tidak mendatangkan impak yang signifikan ke atas literasi kewangan murid dan guru. Cabaran untuk program ini ialah ketidaksampaian maklumat PSA, ketiadaan pemantauan yang berterusan, pelaksanaan aktiviti yang tidak konsisten, pelibatan sekolah yang tidak menyeluruh, ketidaksesuaian pendekatan pelaksanaan aktiviti, sokongan pihak sekolah, dan ketiadaan keselarasan pelaksanaan program. Walau bagaimanapun, program ini berpotensi meningkatkan literasi kewangan murid sekiranya penambahbaikan dilakukan.

KAJIAN FAKTOR YANG MEMBERI IMPLIKASI KEWANGAN TERHADAP PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH

1. PENGENALAN

Setiap tahun, sektor pendidikan adalah antara sektor yang menerima peruntukan yang tinggi daripada jumlah bajet negara. Tidak dinafikan perbelanjaan kerajaan merupakan faktor penting untuk mencapai keberhasilan dalam pendidikan. Hal ini merupakan salah satu daripada matlamat dalam Anjakan ke-10: Memaksimumkan Keberhasilan Murid bagi Setiap Ringgit di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Dalam usaha mencapai aspirasi peningkatan ekuiti dalam pendidikan, salah satu perkara yang perlu diberi penekanan ialah perbelanjaan peruntukan bantuan persekolahan yang diagihkan kepada sekolah dan murid. Penyaluran peruntukan bantuan persekolahan kepada murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM adalah berdasarkan kadar dan syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 8 Tahun 2012. Bantuan persekolahan umum diberikan kepada semua murid pada kadar yang sama berdasarkan enrolmen untuk membantu sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta membantu meningkatkan pencapaian murid di sekolah rendah.

Namun begitu, masih terdapat kepelbagaian dalam keberhasilan pencapaian murid di Malaysia merentas negeri, sekolah dan sosioekonomi. Memandangkan jurang pencapaian akademik murid masih berterusan disebabkan oleh perbezaan pendapatan ibu bapa, lokasi sekolah dan jumlah peruntukan yang disalurkan, faktor-faktor yang mempengaruhinya harus dikaji dengan teliti untuk mengurangkan pelebaran jurang tersebut. Dalam hal ini, kajian perlu dilakukan untuk melihat faktor-faktor kewangan dan juga faktor-faktor lain yang memberi implikasi kewangan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam mempengaruhi pencapaian sekolah rendah. Hal ini selaras dengan hasrat KPM untuk menyediakan peluang pendidikan yang saksama kepada setiap murid.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor kewangan dan faktor lain yang memberi implikasi kewangan secara langsung dan tidak langsung dalam mempengaruhi pencapaian sekolah rendah.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

i. mengenal pasti perbezaan dalam pencapaian sekolah rendah berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima, pendapatan ibu bapa/penjaga, lokasi sekolah dan enrolmen murid; dan
ii. mengenal pasti hubungan di antara jumlah peruntukan yang diterima, pendapatan ibu bapa/penjaga, lokasi sekolah dan enrolmen murid dengan pencapaian sekolah rendah.

4. SOALAN KAJIAN

Bagi memenuhi objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan iaitu:

i. Apakah perbezaan berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima dengan pencapaian sekolah rendah?
ii. Apakah perbezaan berdasarkan pendapatan ibu bapa/penjaga dengan pencapaian sekolah rendah?
iii. Apakah perbezaan berdasarkan peruntukan yang diterima oleh sekolah di bandar dan luar bandar dengan pencapaian sekolah rendah?
iv. Apakah perbezaan berdasarkan peruntukan yang diterima oleh sekolah yang berbeza enrolmen dengan pencapaian sekolah rendah?
v. Adakah terdapat hubungan di antara jumlah peruntukan yang diterima, jumlah pendapatan ibu bapa/penjaga, lokasi sekolah dan enrolmen murid dengan pencapaian sekolah rendah?

5. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang disokong oleh dapatan data temu bual bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina. Reka bentuk ini dipilih bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan komprehensif tentang peruntukan bantuan persekolahan umum yang diterima oleh sekolah, lokasi sekolah, enrolmen murid dan latar belakang (SES) murid. Data dalam kajian ini diperolehi menerusi pengumpulan data sekunder dan disokong oleh data yang diperoleh daripada temu bual bersama-sama guru besar sekolah.

6. SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini terdiri daripada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan peringkat rendah, serta melibatkan semua murid dan ibu bapa/penjaga sekolah rendah. Pemilihan sampel untuk kajian ini adalah sebanyak 400 buah sekolah yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) mengikut jenis dan lokasi sekolah. Sebanyak 12 orang guru besar dari 12 buah sekolah telah dipilih untuk tujuan temu bual.

7. PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data bagi kajian ini melibatkan data sekunder dan temu bual. Data sekunder diperoleh daripada pelbagai bahagian di peringkat KPM.

8. DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis telah dijalankan ke atas data yang digunakan untuk menjawab semua persoalan kajian.

Soalan Kajian Satu: Apakah perbezaan berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima dengan pencapaian sekolah rendah?

Analisis telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan dalam pencapaian sekolah rendah berdasarkan jumlah peruntukan bantuan umum yang diterima. Hasil analisis ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa sekolah yang mendapat peruntukan di antara RM10,000 - RM80,000 (min=65.49; s.p.=19.26) mempunyai pencapaian sekolah yang lebih tinggi berbanding dengan sekolah yang menerima jumlah peruntukan yang lain. Namun, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jumlah peruntukan bantuan umum yang diterima dengan pencapaian sekolah rendah (F=0.654, p>0.05).

Secara keseluruhan, berdasarkan dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa jumlah peruntukan yang disalurkan oleh KPM kepada sekolah tidak memberi perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian sekolah.

Soalan Kajian Dua: Apakah perbezaan berdasarkan pendapatan ibu bapa/penjaga dengan pencapaian sekolah rendah?

Analisis telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan dalam pencapaian sekolah rendah berdasarkan pendapatan ibu bapa/penjaga. Analisis ujian ANOVA Dua Hala menunjukkan sekolah yang mempunyai paling sedikit bilangan murid dari kumpulan B40 (kurang dari 20 orang) mempunyai tahap pencapaian yang paling tinggi (min=81.548). Manakala, sekolah

yang mempunyai paling ramai bilangan murid dari kumpulan B40 (lebih dari 1,000 orang) mempunyai tahap pencapaian yang paling rendah (min=55.198). Pencapaian murid dari kumpulan M40 (min=73.902) adalah paling tinggi di sekolah yang mempunyai jumlah murid M40 dalam lingkungan 151 hingga 500 orang. Dapatan juga menunjukkan pencapaian sekolah meningkat apabila murid dari kumpulan T20 bertambah.

Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (F=4.842, p<0.05) di antara kumpulan berpendapatan rendah (B40) dengan pencapaian sekolah rendah. Hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan berpendapatan pertengahan (M40) (F=0.259, p>0.05) dan tinggi (T20) (F=1.267, p>0.05) dengan pencapaian sekolah rendah.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa bilangan murid dari kumpulan berpendapatan rendah (B40) di sekolah memberi perbezaan yang signifikan kepada pencapaian sekolah dalam peperiksaan UPSR. Hal ini menunjukkan sekolah yang mempunyai enrolmen murid B40 yang rendah mempunyai pencapaian yang lebih baik daripada sekolah yang mempunyai enrolmen murid B40 yang tinggi.

Soalan Kajian Tiga: Apakah perbezaan berdasarkan peruntukan yang diterima oleh sekolah di bandar dan luar bandar dengan pencapaian sekolah rendah?

Analisis ANOVA Dua Hala telah dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam peruntukan yang diterima oleh sekolah di bandar dan luar bandar dengan pencapaian sekolah rendah. Dapatan menunjukkan secara purata pencapaian sekolah rendah di bandar (min = 62.904) lebih tinggi daripada sekolah di luar bandar (min=57.583) tetapi tidak signifikan. Analisis juga menunjukkan min pencapaian yang berbeza mengikut jumlah peruntukan yang sekolah terima walaupun tidak signifikan. Sekolah yang menerima peruntukan sebanyak RM10,000 – RM80,000 mencatat pencapaian paling tinggi (min=65.720).

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa peruntukan yang diterima oleh sekolah di bandar dan luar bandar tidak menyebabkan perbezaan yang signifikan kepada pencapaian sekolah dalam UPSR.

Soalan Kajian Empat: Apakah perbezaan berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima oleh sekolah yang berbeza enrolmen dengan pencapaian sekolah rendah?

Analisis ANOVA Dua Hala telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan jumlah peruntukan bantuan umum yang diterima oleh sekolah yang berbeza enrolmen dengan pencapaian sekolah rendah. Hasil analisis mendapati terdapat perbezaan yang signifikan (F=5.657, p<0.05) dalam pencapaian sekolah yang berbeza enrolmen. Sekolah berenrolmen rendah iaitu kurang daripada 20 orang murid (min=85.000) dan 21 hingga 50 orang murid (min=79.840)

mempunyai min pencapaian yang tinggi berbanding sekolah yang berenrolmen 51 orang dan ke atas.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian sekolah yang berbeza enrolmen. Namun, hasil analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian sekolah berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima oleh sekolah yang berbeza enrolmen. Hal ini juga menunjukkan sekolah yang berenrolmen rendah mempunyai pencapaian yang lebih baik daripada sekolah yang berenrolmen tinggi.

Soalan Kajian Lima: Adakah terdapat hubungan di antara jumlah peruntukan yang diterima, jumlah pendapatan ibu bapa/penjaga, lokasi sekolah dan enrolmen murid dengan pencapaian sekolah rendah?

Analisis regresi berganda (*Stepwise*) telah dilakukan untuk melihat sekiranya terdapat hubungan di antara faktor-faktor yang berkaitan dengan kewangan dan pencapaian sekolah rendah. Terdapat korelasi yang signifikan di antara pencapaian sekolah dengan kumpulan SES B40, M40 dan T20. Enrolmen sekolah, peruntukan dan lokasi sekolah tidak mempunyai korelasi yang siginifikan dengan pencapaian sekolah. Murid dari kumpulan B40 mempunyai korelasi negatif yang siginifikan dengan pencapaian sekolah manakala, kumpulan M40 dan T20 mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan pencapaian sekolah.

Berdasarkan dapatan tersebut, dapat dirumuskan bahawa murid dari kumpulan berpendapatan B40 dan M40 mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian sekolah dalam peperiksaan UPSR. Ini memberi indikasi bahawa lebih ramai murid dari kumpulan M40 di sekolah, semakin baik pencapaian sekolah tersebut. Sebaliknya, semakin tinggi murid dari kumpulan berpendapatan rendah (B40), semakin menurun pencapaian sekolah tersebut.

Temu bual

Dapatan kuantitatif ini juga disokong oleh data temubual yang diperoleh hasil daripada temu bual bersama-sama GB di 6 buah sekolah rendah di luar bandar dan 6 buah sekolah rendah di bandar. Perbincangan seterusnya dibahagikan kepada masalah ketidakcukupan peruntukan, penyelesaian yang diambil oleh sekolah untuk mengatasinya dan kesan ke atas pencapaian murid berdasarkan pengelompokan tema berulang seperti yang berikut:

i. Ketidakcukupan peruntukan

Secara keseluruhan, hampir semua GB menyatakan sekolah menghadapi masalah kewangan dan peruntukan yang diterima tidak mencukupi. Faktor-faktor yang menyebabkan ketidakcukupan ini ialah kos yang tinggi. Kekurangan peruntukan kewangan turut memberi

kesan kepada PdP iaitu sekolah perlu membuat perancangan yang teliti untuk membeli peralatan mengikut keutamaan terlebih dahulu dengan peruntukan yang diterima. Masalah kewangan juga merupakan cabaran yang agak besar kepada sekolah dan guru. Dengan sumber kewangan yang terhad, GB perlu memastikan murid-murid mendapat pendidikan yang sewajarnya dan guru-guru juga dapat mengajar dengan konsisten.

ii. Penyelesaian yang diambil oleh sekolah

Walaupun terdapat pelbagai masalah kewangan yang dihadapi oleh sekolah, kebanyakan pentadbir terpaksa akur bahawa peruntukan yang diterima tidak berubah. Oleh itu, mereka sentiasa mencari jalan penyelesaian supaya masalah ini tidak mengganggu proses PdP. Ketidakcukupan peruntukan kewangan menyebabkan GB mengambil inisiatif untuk memohon dana daripada pihak luar atau NGO. Selain bantuan daripada pihak luar, inisiatif dari pihak sekolah juga penting dalam menjayakan aktiviti dan program di sekolah. Hasil temu bual juga mendapati GB mengagihkan bantuan kewangan mengikut keutamaan. GB turut menekankan perancangan tahunan amat penting bagi memastikan aktiviti berjalan lancar dengan menggunakan sumber kewangan yang terhad.

iii. Kesan ke atas pencapaian murid

Bantuan kewangan daripada KPM walaupun terhad namun perkara ini masih memberi kesan positif ke atas pencapaian murid di bandar dan juga luar bandar. Namun kenaikan peruntukan bantuan persekolahan umum dapat membantu sekolah yang majoriti murid dari golongan B40 dan M40. Lokasi sekolah juga berkait rapat dengan SES murid iaitu kebanyakan murid di luar bandar datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana.

9. CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, beberapa cadangan telah dikenal pasti untuk penambahbaikan dalam penyaluran peruntukan bantuan persekolahan umum KPM seperti yang berikut:

i. Peruntukan berdasarkan pendapatan

Secara amnya, penyaluran bantuan umum persekolahan tidak mengambil kira status SES murid di sekolah. Jika dilihat dari aspek kelayakan untuk menerima bantuan yang diberikan, setiap murid dan sekolah layak menerima bantuan tanpa mengira status pendapatan ibu bapa/penjaga.

Dapatan kajian menunjukkan murid dari keluarga yang berpendapatan rendah (B40) memberi kesan kepada pencapaian sekolah. Semakin ramai murid yang berpendapatan rendah,

semakin menurun pencapaian sekolah tersebut. Oleh itu, dicadangkan agar kadar bantuan persekolahan umum ini disemak semula dengan penambahan kadar per kapita murid B40 dan sekolah yang mempunyai enrolmen murid B40 yang tinggi diberi kadar yang lebih tinggi. Walaupun KPM telah mengeluarkan SPK Bil. 8 Tahun 2012 sebagai garis panduan dalam menentukan peruntukan dan perbelanjaan sekolah, ini tidak bermakna tiada lagi ruang untuk penambahbaikan demi manfaat bersama.

ii. Peruntukan berdasarkan jenis bantuan umum

Jumlah peruntukan sedia ada pada keseluruhannya adalah tidak mencukupi dan memerlukan penambahan. Kebanyakan sekolah luar bandar yang mempunyai enrolmen murid yang kurang, menyatakan bantuan yang diberikan sangat sedikit dan menjadi kekangan untuk sekolah menyediakan alat bantu mengajar dan membuat program/lawatan berunsurkan pendidikan yang boleh mengukuhkan proses PdP. Kadar PCG masih menggunakan kadar tahun 2007 kecuali bagi PCG yang telah dimohon penambahan kadar mata pelajaran.

Semakan semula kadar peruntukan baharu perlu dibuat supaya PdP, program/lawatan dan aktiviti sukan dapat dijalankan secara berkesan. Semakan kadar ini akan memberi impak kepada kadar peruntukan kewangan. Sehubungan dengan itu, KPM perlu menyelaraskan semula semua peruntukan kewangan yang diberikan kepada sekolah mengikut keperluan dan kemampuan kerajaan.

iii. Peruntukan Berdasarkan Harga Semasa

Kadar bantuan persekolahan umum ini perlu dinilai semula dengan mengambil kira kadar baharu yang sejajar dengan keadaan ekonomi semasa seperti kenaikan kos sara hidup dan peningkatan harga barangan dengan mempertimbangkan Indeks Harga Pengguna (IHP) terkini.

Kenaikan kos sara hidup ini memberi impak yang ketara kepada kumpulan berpendapatan rendah (B40). Peningkatan perbelanjaan yang tidak selari dengan peningkatan pendapatan ini mengambarkan faktor sosioekonomi mampu memberi kesan kepada pencapaian murid khususnya murid dari kumpulan B40 agar mencapai potensi yang baik dalam pendidikan. Ibu bapa/ penjaga dari kumpulan ini tidak mampu untuk menampung kos pendidikan yang semakin meningkat walaupun pelbagai bantuan masih diberikan oleh kerajaan.

Walaupun berlaku kenaikan indeks harga pengguna dan kos sara hidup, namun kadar bantuan umum yang disalurkan masih berada pada yang ditetapkan pada tahap yang lama tanpa mengambil kira perubahan harga semasa. Kadar bantuan yang diberi perlu dinilai dari semasa ke semasa untuk memastikan jumlah bantuan yang diterima adalah signifikan dari segi nilai sebenar dan kuasa beli barangan.

10. PENUTUP

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi input kepada KPM berkaitan peruntukan bantuan persekolahan umum yang disalurkan kepada sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan yang mampu memberi kesan terhadap pencapaian murid di sekolah rendah serta memberi penjelasan terhadap masalah yang telah dibincangkan. Cadangan yang dikemukakan diharap dapat membantu KPM dalam usaha meningkatkan keberhasilan murid serta memaksimumkan ringgit yang dibelanjakan.

KAJIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN *HOME-BASED LEARNING* SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. PENGENALAN

Penularan pandemik COVID-19 telah membuka lembaran dan cabaran baharu kepada dunia pendidikan. Namun, penutupan sekolah dan pusat pengajian bukannya alasan yang menghalang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bagi memastikan murid tidak keciciran dalam pembelajaran semasa negara berhadapan dengan penularan wabak penyakit tersebut, warga pendidik perlu mengharungi "*the new normal*" dalam proses PdP.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah dalam menyahut usaha Kerajaan untuk memutuskan rantaian penularan jangkitan wabak COVID-19 ini dengan melaksanakan penutupan semua sekolah termasuk Kolej Vokasional (KV) di bawah KPM bermula 18 Mac 2020.

Sepanjang tempoh penutupan sekolah, PdP tetap diteruskan secara *home-based learning* (HBL) mengikut kesesuaian guru dan murid. Pentadbir sekolah perlu memastikan guru serta murid melaksanakan PdP di rumah (PdPR). PdPR ialah PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) Bil. 25/2020 pada 4 Ogos 2020 telah memutuskan KPM (BPPDP, BSTP, BPSH) menjalankan kajian berhubung keberkesanan pelaksanaan *home-based learning* semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

2. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan *home-based learning* oleh sekolah KPM sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Objektif kajian ini ialah:

(i) mengenal pasti pelaksanaan PdPR sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan;
(ii) mengenal pasti keterlibatan ibu bapa dalam menyokong pelaksanaan PdPR sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan;
(iii) mengenal pasti keberkesanan PdPR sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan; dan
(iv) mengenal pasti cabaran PdPR sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3. REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk gabungan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data kuantitatif. Sampel dipilih secara rawak mudah ke atas semua sekolah KPM di seluruh Malaysia. Responden kajian terdiri daripada empat kumpulan iaitu pentadbir sekolah, guru, murid, dan ibu bapa/penjaga. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS *Statisticsal Package for Social Science* (SPSS) versi 23.

Manakala pendekatan kualitatif pula menggunakan kaedah temu bual bagi menyokong dapatan kuantitatif. Pemilihan peserta temu bual dilakukan secara bertujuan untuk mendapatkan maklumat sokongan bagi data kuantitatif. Analisis kualitatif dikod dan dikategorikan mengikut tema. Seterusnya, data tersebut dianalisis menggunakan pengelompokan tema berulang.

4. DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, empat kumpulan responden yang melibatkan 13,156 orang pentadbir, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga telah menjawab soal selidik bagi kajian ini. Manakala protokol temu bual pula melibatkan 31 orang peserta dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah dari setiap negeri.

4.1 Pelaksanaan PdPR Sepanjang Tempoh PKP

4.1.1 Pendekatan PdPR yang digunakan

Semua pentadbir, guru dan ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam kajian ini menyatakan PdPR dilaksanakan secara dalam talian, luar talian, gabungan dalam dan luar talian, serta *off-site*. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pentadbir (55.43%) menyatakan bahawa guru melaksanakan kedua-dua PdPR secara dalam talian dan luar talian. Manakala majoriti guru (54.45%) dan ibu bapa/penjaga (70.96%) menyatakan pendekatan yang banyak digunakan adalah PdPR secara dalam talian.

4.1.2 Kaedah PdPR yang digunakan

Bagi responden guru, lima kaedah PdPR yang paling banyak digunakan ialah memberi latihan melalui aplikasi *WhatsApp/Telegram*, diikuti dengan muat turun nota dan berikan kepada murid melalui *WhatsApp/Telegram*, memberi arahan berpandukan bahan bercetak/buku aktiviti/modul, dan memberi arahan berpandukan buku teks. Kaedah lain yang digunakan ialah memuat turun video dan berkongsi dengan murid melalui *WhatsApp/Telegram*.

Murid pula menyatakan bahawa PdPR lebih banyak dilaksanakan melalui latihan dalam aplikasi *WhatsApp/Telegram*. Kaedah pengajaran lain yang turut digunakan oleh guru termasuklah memberi latihan berpandukan buku teks, pengajaran bersemuka menggunakan aplikasi, memberi latihan bercetak/ lembaran kerja/buku aktiviti/buku kerja, dan pengajaran menggunakan pelantar pembelajaran.

Bagi responden ibu bapa/penjaga pula, lima kaedah pembelajaran yang paling banyak digunakan oleh anak mereka sepanjang PKP ialah membuat tugasan dalam talian, diikuti dengan buku teks, modul/buku rujukan/bahan bercetak/ buku aktiviti/lembaran kerja, pembelajaran menggunakan pelantar pembelajaran, dan pembelajaran bersemuka menggunakan aplikasi.

4.1.3 Aplikasi dalam talian (*online*) yang digunakan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa *WhatsApp* merupakan aplikasi dalam talian yang paling banyak digunakan oleh sebahagian besar guru (96.88%) dan murid (79.02%) dalam PdPR sepanjang tempoh PKP. Selain itu, guru turut menyatakan bahawa empat aplikasi lain yang digunakan ialah *Google Classroom, Quizizz, YouTube,* dan *Google Form.* Manakala aplikasi lain yang digunakan oleh murid ialah *Quizizz*, *Google Form*, *YouTube* dan *Telegram*.

4.1.4 Peralatan pembelajaran yang digunakan oleh murid

Ibu bapa/penjaga menyatakan bahawa buku teks paling banyak digunakan oleh murid semasa PdPR. Selain itu, mereka juga menyatakan peralatan yang banyak digunakan bagi PdPR oleh anak mereka termasuklah telefon pintar anak sendiri, telefon pintar berkongsi dengan ahli keluarga, buku rujukan, lembaran kerja (*handouts*, buku aktiviti dan buku kerja), dan komputer/*laptop* yang dikongsi dengan ahli keluarga.

Bagi murid, peralatan yang digunakan semasa PdPR termasuklah telefon pintar milik sendiri, buku rujukan, lembaran kerja, telefon pintar berkongsi dengan ahli keluarga, komputer/*laptop* yang dikongsi dengan ahli keluarga, televisyen, komputer/*laptop* milik sendiri, tablet yang dikongsi dengan ahli keluarga, dan tablet milik sendiri.

4.1.5 Strategi PdPR yang digunakan

Strategi PdPR yang paling banyak digunakan oleh guru semasa PdPR ialah strategi pembelajaran penyelesaian masalah. Strategi lain yang juga banyak digunakan ialah pengajaran berpusatkan guru, pembelajaran terarah kendiri, pembelajaran berasaskan inkuiri, dan pembelajaran berasaskan projek.

Bagi perbandingan mengikut peringkat persekolahan, peratus guru sekolah menengah yang menggunakan strategi pembelajaran penyelesaian masalah, pengajaran berpusatkan guru, pembelajaran terarah kendiri, pembelajaran kawalan jauh, pembelajaran flip, dan pembelajaran teradun adalah lebih tinggi berbanding dengan guru sekolah rendah. Bagi strategi pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran masteri, pembelajaran kontekstual, pembelajaran diperibadikan dan pembelajaran dibezakan, didapati peratus guru sekolah rendah yang menggunakannya adalah lebih tinggi berbanding guru sekolah menengah.

4.1.6 Penyediaan jadual untuk PdPR

Majoriti pentadbir (90.70%) menyatakan bahawa pihak sekolah menyediakan jadual khusus untuk guru melaksanakan PdPR manakala hanya segelintir kecil pentadbir (9.30%) menyatakan tidak. Majoriti responden murid (86.46%) turut bersetuju bahawa pihak sekolah menyediakan jadual PdPR.

4.1.7 Penyusunan semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)

Bagi menyesuaikan RPT yang telah dirancang sebelum PKP dengan pelaksanaan PdPR, majoriti guru (81.50%) menyatakan bahawa mereka menyusun semula RPT berkenaan, manakala hanya sebilangan kecil guru (18.50%) menyatakan sebaliknya.

4.1.8 Tempoh masa pelaksanaan PdPR dalam sehari

Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan guru (42.27%) melaksanakan PdPR antara satu hingga dua jam dalam sehari sepanjang tempoh PKP. Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil guru yang melaksanakan PdPR antara tiga hingga empat jam (6.87%) dan melebihi empat jam (6.43%) dalam sehari. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil guru (0.74%) yang tidak melaksanakan PdPR. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan temu bual guru. Kebanyakan responden ibu bapa/penjaga menyatakan tempoh PdPR yang dilaksanakan dalam sehari adalah selama satu jam (30.44%), diikuti oleh satu hingga dua jam (19.78%), dan dua hingga tiga jam sehari (16.77%). Hanya sebilangan ibu bapa/penjaga (12.01%) yang menyatakan guru mengajar melebihi tiga jam sehari. Namun demikian, terdapat juga

sebilangan kecil ibu bapa/penjaga (6.94%) yang menyatakan guru tidak melaksanakan PdPR langsung.

4.1.9 Bentuk tugasan yang diberikan kepada murid

Berdasarkan responden guru, antara bentuk tugasan yang diberikan oleh majoriti guru (76.01%) kepada murid semasa PdPR ialah latihan dalam buku aktiviti/buku kerja/buku tulis. Tugasan lain yang diberikan merangkumi kuiz, latihan dalam buku teks, lembaran kerja, persembahan video/audio/ animasi/grafik/model, tugasan menggunakan *MS Office*, pembentangan/ persembahan secara bersemuka dan tugasan berkumpulan. Namun begitu, terdapat juga peratusan kecil guru (0.70%) yang tidak memberi sebarang tugasan semasa PKP.

4.1.10 Pelaksanaan pentaksiran/ujian untuk murid

Kebanyakan pentadbir (48.25%) menyatakan bahawa kebanyakan guru iaitu 81% hingga 100% orang guru melaksanakan pentaksiran semasa PdPR. Majoriti guru (77.25%) dan murid (66.77%) turut menyatakan pentaksiran dilaksanakan semasa PdPR. Dapatan temu bual turut menyokong bahawa guru melaksanakan pentaksiran semasa PKP.

4.2 Keterlibatan Ibu Bapa Dalam Menyokong Pelaksanaan PdPR

4.2.1 Bentuk keterlibatan ibu bapa/penjaga

Majoriti ibu bapa/penjaga membantu anak dalam melaksanakan tugasan yang diberikan oleh guru (84.06%) dan membantu anak mengakses aplikasi dalam talian (75.92%).

Dapatan menunjukkan peratus ibu bapa/penjaga di luar bandar yang membantu dalam tugasan anak adalah lebih tinggi (88.23%) berbanding ibu bapa/penjaga di bandar (81.73%). Terdapat perbezaan yang signifikan antara ibu bapa/penjaga di bandar dan luar bandar dalam aspek membantu anak melaksanakan tugasan. Namun, sebaliknya bagi mengakses aplikasi dalam talian di mana peratus ibu bapa/penjaga di bandar adalah lebih tinggi (76.77%) berbanding ibu bapa/penjaga di luar bandar (74.40%). Terdapat perbezaan yang signifikan antara ibu bapa/penjaga di bandar dan luar bandar bagi aspek ini.

Bagi perbandingan keterlibatan ibu bapa/penjaga yang dilaksanakan mengikut peringkat persekolah, didapati ibu bapa/penjaga murid sekolah rendah lebih banyak membantu dalam tugasan murid (88.26%) dan membantu anak mengakses aplikasi (80.57%) berbanding ibu bapa/penjaga murid sekolah menengah. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi keterlibatan antara ibu bapa/penjaga sekolah rendah dan sekolah menengah dalam aspek membantu anak melaksanakan tugasan dan mengakses aplikasi dalam talian.

Dapatan temu bual pula menyokong bahawa ibu bapa ternyata memainkan peranan dalam PdPR seperti memastikan anak menyiapkan tugasan, memastikan anak mengikuti PdPR dengan menghadiri kelas dalam talian, menyediakan peralatan dan capaian internet, memberi motivasi, dan memberi sokongan kepada guru dan sekolah dalam pelaksanaan PdPR.

4.3 Keberkesanan PdPR

4.3.1 Pelibatan murid dalam PdPR

i) **PdPR secara dalam talian**

Kebanyakan guru menyatakan pelibatan murid dalam PdPR secara dalam talian adalah dalam lingkungan 21% hingga 60%. Dapatan ini selari bagi PdPR secara luar talian yang berada dalam julat peratusan pelibatan murid yang sama.

Peratus pelibatan murid di bandar dalam lingkungan pelibatan 41% hingga 100% adalah lebih tinggi berbanding murid di luar bandar bagi PdPR secara dalam talian. Manakala, peratus pelibatan murid sekolah rendah dalam lingkungan pelibatan antara 41% hingga 100% didapati lebih tinggi berbanding murid sekolah menengah.

ii) PdPR secara luar talian

Peratus pelibatan murid di bandar dalam lingkungan pelibatan antara 41% hingga 100% adalah lebih tinggi berbanding murid di luar bandar bagi PdPR secara luar talian. Manakala, peratus pelibatan murid sekolah rendah dalam lingkungan pelibatan antara 41% hingga 100% didapati lebih tinggi berbanding murid sekolah menengah.

Dapatan temu bual pula menjelaskan faktor yang mempengaruhi pelibatan murid yang kurang menyeluruh dalam PdPR seperti masalah internet yang terhad, ketiadaan kemudahan peranti, dan sikap murid.

4.3.2 Peratusan topik yang dapat dihabiskan mengikut Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT)

Majoriti guru menyatakan mereka dapat menghabiskan antara 21% hingga 60% topik mata pelajaran yang telah dirancang mengikut RPT. Hanya sebilangan kecil guru yang menghabiskan topik antara 81% hingga 100% mengikut RPT.

Peratusan guru di bandar yang dapat menghabiskan antara 41% hingga 100% topik adalah lebih tinggi berbanding guru di luar bandar. Manakala guru dari sekolah rendah didapati

lebih ramai dapat menghabiskan antara 41% hingga 80% topik berbanding dengan guru sekolah menengah.

4.3.3 Keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi guru

Keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi guru yang diukur melalui 12 item berskala likert lama, adalah pada tahap sederhana (min=3.03; s.p.=.61). Tahap keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi guru di bandar adalah lebih tinggi (min=3.07; s.p.=.60) berbanding guru di luar bandar (min=2.99; s.p.=.60). Terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru sekolah bandar dengan guru sekolah luar bandar terhadap keberkesanan PdPR.

Tahap keberkesanan PdPR bagi guru sekolah rendah adalah lebih tinggi (min=3.06; s.p.=.60) berbanding guru sekolah menengah (min=2.97; s.p.=.61). Terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi keberkesanan PdPR guru sekolah rendah dengan guru sekolah menengah. Guru yang berumur kurang daripada 30 tahun pula mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap keberkesanan PdPR berbanding dengan guru daripada kumpulan umur yang lain. Sementara guru yang berpengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap keberkesanan PdPR berbanding guru berpengalaman 6 tahun dan ke atas.

Dapatan temu bual pula mendapati guru berpendapat bahawa PdPR adalah berkesan dalam aspek seperti peningkatan dalam penggunaan ICT guru, memberi guru pengalaman baharu, menggalakkan perkongsian bahan pengajaran, pelaksanaan PdP yang lebih fleksibel, dan penilaian murid yang lebih mudah.

4.3.4 Keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi murid

Keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi murid yang diukur menggunakan lapan item berskala likert tiga, adalah pada tahap sederhana (min=2.22; s.p.=.47). Murid dari sekolah di bandar mempunyai persepsi terhadap keberkesanan PdPR yang lebih tinggi (min=2.23; s.p.=.47) berbanding murid dari sekolah di luar bandar (min=2.20; s.p.=.68). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap keberkesanan PdPR antara murid di bandar dengan murid di luar bandar.

Murid sekolah rendah pula mempunyai persepsi terhadap keberkesanan PdPR yang lebih tinggi (min=2.27; s.p.=.47) berbanding dengan murid sekolah menengah (min=2.16; s.p.=.47). Terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi terhadap keberkesanan PdPR antara murid sekolah rendah dengan murid sekolah menengah.

4.3.5 Keberkesanan PdPR berdasarkan persepsi ibu bapa/penjaga

Majoriti ibu bapa/penjaga (65.98%) menyatakan bahawa PdPR sepanjang tempoh PKP adalah berkesan. 66.39% ibu bapa/penjaga dari luar bandar berpendapat bahawa PdPR adalah berkesan berbanding 65.75% ibu bapa/penjaga dari bandar. Manakala peratus ibu bapa/penjaga yang tidak bekerja yang menyatakan PdPR berkesan adalah lebih tinggi (68.96%) berbanding ibu bapa/penjaga yang bekerja sendiri (67.98%), bekerja sebagai penjawat awam (64.63%) dan bekerja dengan pihak swasta (62.45%). Selain itu, peratus ibu bapa/penjaga daripada golongan B40 yang menyatakan PdPR berkesan adalah lebih tinggi (67.84%) berbanding ibu bapa/penjaga daripada golongan M40 (62.30%) dan T20 (61.90%).

4.4. Cabaran PdPR

Dalam kalangan pentadbir, majoriti (88.26%) pentadbir menyatakan bahawa akses internet yang terhad merupakan cabaran PdPR, diikuti dengan pelibatan murid yang rendah dalam PdPR, kurang pemantauan daripada ibu bapa, kekurangan sumber PdP, arahan pelaksanaan yang kurang jelas, pelibatan guru yang rendah, murid tiada peranti/peralatan untuk PdPR dan guru kurang mahir mengendalikan PdPR.

Berdasarkan responden guru, kebanyakan mereka berpandangan bahawa interaksi dengan murid yang terhad merupakan cabaran PdPR, diikuti dengan akses internet yang terhad, pelibatan murid yang rendah, sukar mendapat perhatian murid semasa PdPR, suasana pengajaran di rumah yang kurang kondusif, terganggu dengan tugasan di rumah, bahan bantu mengajar yang terhad dan gangguan daripada ahli keluarga.

Murid pula menyatakan cabaran yang dihadapi oleh mereka ialah kemudahan mencetak yang terhad atau tiada, diikuti dengan akses internet yang terhad, kurang bimbingan daripada guru, kemudahan peranti yang terhad/tiada, ruang pembelajaran yang kurang selesa, sumber rujukan yang terhad, dan kurang bimbingan daripada ahli keluarga.

Semasa pelaksanaan PdPR, murid menyatakan bahawa mereka berasa tertekan atau agak tertekan. Murid berasa tertekan kerana interaksi dengan rakan dan guru yang terhad, kurang bimbingan dalam pembelajaran, pembelajaran di rumah yang membosankan, terganggu dengan ahli keluarga dan tugasan di rumah, banyak latihan/tugasan yang diberi oleh guru, tiada peralatan ICT dan masa menunggu yang lama untuk PdPR. Murid di luar bandar lebih berasa tertekan (20.04%) semasa pelaksanaan PdPR berbanding dengan murid di bandar (18.39%). Selain itu, murid sekolah menengah berasa lebih tertekan (20.42%) berbanding dengan murid sekolah rendah (17.89%).

Kebanyakan ibu bapa/penjaga menyatakan kurang bimbingan daripada guru sebagai cabaran tertinggi dalam pelaksanaan PdPR, diikuti dengan akses internet yang terhad,

kurang kemudahan mencetak, kemudahan ICT yang terhad atau tiada, sumber rujukan yang terhad, ruang pembelajaran yang kurang selesa, kurang bimbingan daripada ahli keluarga, dan tiada wang untuk membeli data internet tambahan.

Dapatan temu bual guru turut menyokong dapatan berkaitan cabaran ibu bapa/penjaga yang tidak berkemampuan untuk menyediakan peralatan pembelajaran seperti peranti atau pembelian data untuk PdPR.

5. CADANGAN KAJIAN

Beberapa cadangan kajian telah dikenal pasti berdasarkan dapatan kajian, iaitu:

i. Pihak pentadbir sekolah perlu menjalankan pemantauan PdPR yang lebih teratur;
ii. Menyediakan panduan dan modul untuk pelaksanaan PdPR secara *online/ offline/ off-site* bagi guru dan ibu bapa;
iii. Guru perlu merancang kaedah PdPR yang bersesuaian dengan lokaliti dan latar belakang murid;
iv. Pemberian bantuan khas kepada murid daripada SES yang rendah untuk membeli pelan data/internet/*wifi*;
v. Sumbangan/dana khas disalurkan oleh pelbagai agensi untuk membantu murid yang tidak mempunyai peranti digital atau pelan data/internet/*wifi*;
vi. Keperluan terhadap latihan/kursus yang berkaitan PdP secara *online/offline/off-site* kepada guru pelatih atau guru dalam perkhidmatan; dan
vii. Peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani masalah tekanan/emosi murid.

6. PENUTUP

Kajian ini merangkumi pelaksanaan PdPR daripada aspek pendekatan, kaedah strategi, aplikasi dan peralatan, penjadualan, penyusunan semula RPT, tempoh masa, bentuk tugasan, dan pentaksiran; keterlibatan ibu bapa/penjaga seperti memberi bantuan kepada anak dalam menyiapkan tugasan dan mengakses aplikasi *online*; keberkesanan PdPR daripada aspek pelibatan murid, peratusan topik yang dapat dihabiskan, serta persepsi guru, murid dan ibu bapa/penjaga terhadap keberkesanan PdPR; dan cabaran dalam pelaksanaan PdPR.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana menurut guru dan murid. Di samping itu, lebih separuh ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam kajian ini menyatakan bahawa PdPR adalah berkesan. Antara cabaran pelaksanaan PdPR yang diutarakan oleh pentadbir, guru, murid, dan ibu bapa/penjaga ialah akses internet yang terhad, keterlibatan murid yang rendah, kekurangan interaksi dalam PdPR, kekurangan peranti, peralatan dan sumber PdPR, dan kurang bimbingan untuk murid.

Cadangan kajian merangkumi pelaksanaan pemantauan PdPR, panduan dan latihan untuk pelaksanaan PdPR kepada warga sekolah, guru pelatih dan ibu bapa, merancang kaedah PdPR yang bersesuaian, bantuan khas untuk pembelian data dan peranti dan peranan guru bimbingan dan kaunseling dalam menangani tekanan/emosi murid semasa PdPR.

ISBN 978-983-9522-41-9

9 789839 522419

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras SB-4, Blok E8, Presint 1
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia